

Oleh

Abdul Latiff Abu Bakar

Pengalaman Penyelidikan

Dalam tahun-tahun 1930-an, bidang kewartawanan Melayu telah berkembang dengan pesatnya. Lapangan ini telah melahirkan wartawan-wartawan yang melibatkan diri secara langsung dalam lapangan kewartawanan. Di samping itu terdapat juga penulis-penulis sambilan yang menulis laporan-laporan dan rencana-rencana di dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah Melayu. Di antara wartawan yang giat pada awal tahun 1930-an ialah Syed Syekh Ahmad al-Hadi, Mohd. Yunus Abdul Hamid, Abdul Rahim Kajai, Syed Alwi al-Hadi dan Osman Kalam.

Kajai adalah di antara wartawan yang dikenali oleh pembaca-pembaca dalam tahun-tahun 1930-an. Kajai mula menceburkan diri dalam dunia kewartawanan Melayu pada 15 Mac 1930 sebagai penolong pengarang *Saudara*, kemudian berkhidmat dengan beberapa akhbar lain seperti *Majlis*, *Warta Malaya* dan cabangnya *Warta Abad* dan *Warta Jenaka*, serta *Utusan Melayu* dan cabangnya *Utusan Zaman* dan *Mastika*.

Banyak sumber yang diperolehi untuk mengenali Kajai. Di antara bahan-bahan yang berguna ialah sumber lisan, iaitu berdasarkan wawancara dengan shabat-sahabat Kajai yang masih hidup, sumber-sumber bertulis semasa dan rencana-rencana yang ditulis oleh sahabat-sahabat Kajai setelah Kajai meninggal dunia, dan kajian-kajian mengenai kegiatan Kajai sebagai seorang wartawan dan sasterawan.

Semasa saya menjalankan penyelidikan di antara 1977-1981 secara wawancara, saya sempat bertemu dengan sahabat-sahabat Kajai dalam tahun-tahun 1930-an iaitu Ishak Haji Muhammad, Haji Mohammad Salleh Haji Awang, Haji Mohd. Yusof Ahmad, Haji Abdul Samad Ahmad, Ramle Tahir, Mohammad Haji Zain, Ahmad Nur Abd. Shukor dan Arifin Ishak. Mereka berpendapat bahawa Kajai adalah seorang wartawan yang masyhur dan mendapat tempat serta digelar sebagai "Bapa Wartawan Melayu" di kalangan wartawan-wartawan Melayu dalam tahun-tahun 1930-an. Di antara ruangan yang ditulis oleh Kajai yang diminati mereka ialah ruangan rencana pengarang. Ruangan ini banyak mengandungi pengajaran dan kata-kata yang bersemangat untuk memajukan bangsa Melayu. Mengikut pendapat Haji Mohd. Yusof Ahmad, sekiranya beliau menjadi pengurus surat khabar dalam tahun-tahun 1930-an, Kajailah yang dipilih untuk menjadi pengarangnya kerana beliau mempunyai kebolehan menggunakan bahasa Melayu yang baik dan pandai memikat hati pembaca ketika itu.

Ishak Haji Muhammad dalam rencananya yang berjudul "Tiga Tahun di Singapura" yang disiarkan di dalam *Utuwan Zaman* (5, 12, 19 dan 26 Oktober 1940), telah meletakkan Kajai sebagai seorang wartawan Melayu yang sejati serta yang kanan sekali di Tanah Melayu. Keperibadian Kajai yang dapat dilihat sendiri oleh Ishak ialah "... sentiasa sedia menunjuk ajar, menegur dan memberi berbagai-bagai petua berkenaan dengan pekerjaan wartawan. Ia telah melatih saya bagaimana hendak mengarang rencana pengarang, membuat kepala-kepala perkhabaran, mengambil berat Majlis Kerajaan, permainan, syarahan, pertunjukan dan sebagainya. Dalam ilmu terjemah menterjemahan juga saya mendapat banyak bantuan daripadanya kerana ia sungguhpun tidak bersekolah Inggeris tetapi fahamannya dalam bahasa itu adalah lebih daripada saya."

Penglibatan Kajai dalam usaha menggerakkan orang Melayu dapat dilihat di dalam tulisannya dari tahun 1930 hingga 1943. Ini diakui oleh Kajai sendiri semasa memberi laporan tentang dirinya kepada pemerintah Jepun yang bertajuk, "Summary of Life History of Abdul Rahim Kajai, Chief Editor, Malai Sinbin Sha", pada tahun 1943. Di antaranya beliau berkata: "... With regards to public service for the Malai Community, I have none worthy of a mention except the column of the newspaper I edit. But it can be claimed that my pen through-out was for the Malai people in the light of Condition prevalent."

Ahmad Boestamam merupakan seorang anak muda yang meminati karya-karya yang ditulis oleh Kajai di tahun-tahun 1930-an dan pernah bekerja sebagai wartawan di bawah asuhan Kajai di *Utuwan Melayu* pada tahun 1940. Beliau meletakkan Kajai sebagai Bapa Wartawan Melayu, dan berhubung dengan karya-karya Kajai, beliau menegaskan bahawa,¹ "Saya meminatinya kerana rencana-rencana pengarangnya yang bernas, bersemangat dan tajam, kerana cerita-cerita pendeknya menarik, kerana syair-syairnya yang sedap dibaca dan berisi dan kerana ruangan luluconnya (pojok), "Wak Ketok" yang tajam menusuk. Pendeknya, kemahirannya menulis segala bidang penulisan, termasuk pemberitaan, sama kuat."

Syed Husain Ali al-Sagof yang berusaha menyusun cerpen-cerpen Kajai dalam *Puwaka Kajai*² meletakkan Kajai sebagai seorang wartawan yang telah berjasa memberi kesedaran kepada pembaca-pembaca pada tahun-tahun 1930-an dan karya-karya Kajai disifatkan oleh beliau sebagai "... karangan Allahyarham Tuan Haji Abdul Rahim Kajai itu pada suatu masa boleh

dibilang, telah membuka dengan luas erti kebiasaan akhbar bagi orang-orang Melayu yang pada zamannya, yakni pada masa peringkat tahun 1930 dahulu sedikit sahaja seseorang itu membuka fikiran seseorang"

W.R. Roff, seorang sarjana Barat yang pernah mengkaji tentang surat khabar dan majalah Melayu dari tahun 1886 hingga 1941, telah meletakkan Kajai sebagai seorang wartawan Melayu yang dikenali oleh pembaca-pembaca dalam tahun-tahun 1930-an. Di dalam bukunya,³ W.R. Roff menyifatkan Kajai sebagai "... of the most brilliant of all Malay journalists. Abdul Rahim Kajai, profited from its position in the capital of the Federated Malay States to win wide readership among Malays throughout the Peninsula and in the Settlement."

Kebolehan Kajai dalam lapangan kewartawanan Melayu telah mendapat perhatian daripada pembaca-pembaca dan sahabat-sahabat sekerja dengannya pada tahun-tahun Kajai dan pernah bekerja di bawah Kajai telah memikirkan (sejak tahun 1940) supaya biografi Kajai dibukukan. Di dalam rencananya yang bertajuk, "Tiga Tahun di Singapura", *Utusan Zaman*, di antaranya Ishak mencadangkan: "Tidak syak lagi pada suatu masa kelak ada orang yang akan menyusun riwayat hidupnya (Kajai) untuk dijadikan buku bacaan am dan kenang-kenangan atas seorang yang begitu termasyhur dalam masa yang akan datang."

Terdapat beberapa kajian yang berbentuk rencana tentang Kajai telah diusahakan oleh pengkaji-pengkaji sastera. Di antaranya ialah Ismail Hussein⁴ dan Ramli Leman Soemowidagdo⁵ yang mengkaji tentang kebolehan Kajai sebagai seorang sasterawan dan wartawan. Selain daripada itu ada juga kajian-kajian yang bersifat ilmiah tentang Kajai. Dua buah kajian ilmiah (belum diterbitkan) yang berhubung dengan Abdul Rahim Kajai telah diusahakan oleh Ali Haji Ahmad dan Muhammad Kamsah. Ali Haji Ahmad telah membuat kajian tentang "Cerita-cerita Pendek Haji Abdul Rahim Kajai"⁶ dan Muhammad Kamsah pula telah membuat kajian tentang "Abdul Rahim Kajai, Satu Kajian Biografi".⁷ Walaupun sudah ada berbagai bentuk kajian tentang Kajai, sesungguhnya suatu pengkajian yang lebih lengkap mengenai riwayat hidupnya masih belum diusahakan. Oleh yang demikian, buku ini merupakan suatu percubaan untuk menunjukkan kebolehan Kajai sebagai wartawan dan sasterawan serta meneliti pemikiran Kajai terhadap beberapa masalah orang Melayu seperti yang terdapat dalam tulisan-tulisannya.

Abdul Rahim Kajai dapat dianggap sebagai seorang wartawan yang mempunyai pemikiran yang bernas sejak beliau menceburkan ciri dalam dunia kewartawanan pada tahun 1930. Kebolehan Kajai ini dapat dilihat di dalam satu rencana yang bertajuk "Warta Malaya Press Limited Singapore",⁸ iaitu ketika mengumumkan pelantikan Kajai sebagai Pengarang *Warta Malaya* di Singapura pada tahun 1936. Rencana tersebut turut menceritakan serba sedikit tentang pengalaman dan kebolehan Kajai sebagai seorang wartawan sebelum itu. Di antaranya, rencana itu meletakkan Kajai sebagai "... seorang wartawan yang terkenal baik dan masyhur di seluruh Malaya, berpelajaran di dalam bahasa Arab, Melayu dan Inggeris dengan sangat-sangat setia di dalam memelihara dan menjaga kehormatan dan maruah akhbar yang di dalam jagaannya dan pekerjaannya dalam mana-mana surat khabar dihargakan oleh am dan khas dengan memberi puas hati ialah boleh benar dikatakan hahaha ia seorang wartawan yang cukup layak dalam jawatan pengarang yang tidak canggung atau singkat atau terpicik di dalam sebarang sesuatu bahagian mauduk atau bab atau fasal-fasal bagi akhbar harian dan majalah mingguan dan lain-lainnya."

Ketika berkhidmat sebagai penolong pengarang *Saudara*, Kajai giat menulis rencana di akhbar *Saudara* dan *Al-Ikwan*. Apabila Kajai dilantik menjadi Pengarang *Saudara*, beliau kurang menulis rencana tetapi sibuk menjalankan tugas sebagai seorang Pengarang (Ketua Hal-Ehwal Mengarang). Mengikut keterangan yang diberi oleh Ishak Haji Muhammad, A. Samad Ahmad, Mohd. Yusof Ahmad, Ramle Tahir, Mohammad Zain, Ahmad Nur Abdul Shukur, dan Haji Mohammad Salleh Awang, di antara tugas penting Pengarang sesuatu akhbar ketika itu ialah menulis di dalam ruangan rencana pengarang. Sebagai seorang Pengarang yang bertanggungjawab, Kajai memainkan peranan penting menulis di ruangan rencana pengarang bagi mewakili pandangan dan pendapat akhirnya itu. Ini lebih jelas apabila perutusan yang dikemukakan oleh Kajai lebih mementingkan kemajuan orang Melayu dan dikaitkan dengan sistem pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu ketika itu.

Biografi Abdul Rahim Kajai (1894-1943)

Bapa Abdul Rahim Salim Kajai berasal dari Kampung Kajai di Minangkabau, Sumatera. Sempena dengan nama kampung tersebut ayah

beliau yang bernama Salim dipanggil Salim Kajai. Walau bagaimanapun, Kajai terkenal di kalangan orang banyak atau melalui karya-karya penulisannya dengan nama Abdul Rahim Kajai dan yang ringkas sekali dipanggil Kajai. Beliau dilahirkan di Setapak, Kuala Lumpur pada tahun 1894.

Ayah Kajai, iaitu Salim Kajai, datang dari keluarga yang agak mewah dan mempunyai pegangan agama Islam yang kuat. Beliau telah bekerja sebagai seorang Syekh di Makkah. Pada tahun 1893, beliau bertemu jodoh dengan Hajah Safiah di Makkah setelah suami Hajah Safiah meninggal dunia ketika menunaikan fardu haji. Pada tahun 1894, Salim Kajai menghantar isterinya pulang bersama rombongan haji dari Setapak kerana isterinya telah mengandung. Salim Kajai kembali semula ke Makkah meneruskan pekerjaannya sebagai Syekh. Pada tahun itu juga Hajah Safiah melahirkan seorang anak lelaki yang diberi nama Abdul Rahim, yang dipelihara oleh Hajah Safiah sendiri bersama-sama ibunya, Wan Sri Dayang.

Kajai dipelihara dengan baik oleh ibu dan neneknya hingga mendapat pendidikan yang sempurna. Kajai dihantar belajar ke Sekolah Melayu Setapak, pada tahun 1900. Semasa di Sekolah Melayu Setapak, beliau bolehlah dianggap sebagai seorang murid yang cergas. Ini terbukti apabila beliau telah dipilih untuk melanjutkan pelajaran dengan percuma di Sekolah Inggeris, tetapi ibu bapanya menolak tawaran itu kerana mereka tidak mahu sama sekali Kajai berpelajaran Inggeris. Sebaliknya mereka menghantar Kajai belajar agama di Makkah selama tiga tahun setelah tamat darjah lima Sekolah Melayu Setapak pada tahun 1906.

Oleh kerana keluarga Kajai sangat taat kepada ajaran agama, Kajai telah diberi asuhan dan didikan agama Islam. Di samping pergi ke Sekolah Melayu, pada waktu petang beliau belajar hal-hal agama seperti membaca muqaddam daripada keluarganya. Tetapi walaupun beliau belajar agama Islam dan dihantar ke Sekolah Melayu, hatinya sangat berhajat pula untuk meluaskan pelajarannya ke Sekolah Inggeris. Mungkin Kajai memikirkan bahawa pengetahuan dari Sekolah Inggeris sangat penting pada masa-masa akan datang. Ini jelas apabila beliau sanggup belajar sendiri bahasa Inggeris setelah gagal melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Inggeris.

Ketika di Makkah pada tahun 1960, Kajai tinggal bersama-sama dengan bapa dan ibu tirinya. Beliau sangat disayangi oleh bapanya dan diberi kesempatan mempelajari bahasa Arab serta membaca Kitab dan al-Quran

dengan baik. Di samping itu, beliau mempelajari mata pelajaran seperti Usuluddin iaitu berhubung dengan kepercayaan dan sifat-sifat Tuhan dan Fikah yang berhubungan dengan perundangan Islam. Walaupun Kajai telah mempelajari hal agama Islam di Makkah selama tiga tahun, tetapi beliau belum lagi menerima pengetahuan Islam yang mendalam memandangkan umurnya baru 13 hingga 16 tahun dan hanya tiga tahun sahaja berada di Makkah.

Setelah kembali dari Makkah pada tahun 1909, Kajai bekerja sebagai penjilid kemudiannya menjadi pengatur huruf Melayu di Pejabat Cap Kerajaan di Kuala Lumpur selama tiga setengah tahun. Di samping itu, beliau telah mempelajari bahasa Inggeris, dan pada tahun 1912-1913, beliau pergi ke Singapura buat pertama kalinya untuk bekerja sebagai pengatur huruf Inggeris (*english compositor*) di Syarikat Malaya Publishing House.

Kajai berasa tidak puas dengan pekerjaannya itu dan beliau bercita-cita untuk mencari kedudukan yang lebih baik. Beliau mengambil keputusan berhenti dari Syarikat Malaya Publishing House setelah bekerja beberapa bulan di syarikat tersebut pada tahun 1912/1913. Pada penghujung tahun 1912 dan awal tahun 1913, Kajai kembali ke Kuala Lumpur dan menjadi pelukis pelatih (*apprentice draughtsman*) di sebuah pejabat Jurutera Bangunan (Architect's Office). Kemudian beliau bekerja dengan kerajaan sebagai pelukis sementara (*probationary draughtsman*) di Jabatan Ukur (Survey Department) Kuala Lumpur untuk beberapa bulan sahaja.

Apabila bapanya meninggal dunia pada tahun 1913, Kajai terpaksa berhenti kerja. Kajai pergi ke Makkah untuk menjaga adik perempuannya, Maryam, iaitu adiknya yang berlainan ibu yang masih kecil lagi. Di antara tugas penting Kajai ialah meneruskan pekerjaan ayahnya sebagai Syekh Haji di Makkah dan menyelesaikan harta pusaka ayahnya.

Memandangkan masalah pendapatan dan pekerjaannya sebagai Syekh Haji merosot akibat peristiwa Perang Dunia Pertama, Kajai terpaksa mengambil keputusan meninggalkan Makkah dan kembali ke Tanah Melayu pada tahun 1917. Urusan Syekh Haji beliau serahkan kepada ibu tirinya, Arfa.

Sekembalinya Kajai dari Makkah pada tahun 1917, ketika 23 tahun, beliau tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Di antara pekerjaannya ialah menolong menguruskan perniagaan di salah sebuah kedai menjual getah yang besar di Setapak. Kajai pernah menyatakan bahawa ketika usianya

26 tahun, iaitu pada tahun 1919/1920, beliau mula meminati bidang kewartawanan. Beliau pernah menyumbangkan rencana-rencana berkenaan sosial dan agama dan kadang-kadang berita, di dalam *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu*. Beliau berasa gembira apabila rencana-rencananya tersiar dalam akhbar walaupun tidak mendapat bayaran.

Pada tahun 1920, Kajai berkahwin dengan Khalijah Haji Salam setelah isteri pertamanya meninggal dunia. Hasil perkahwinan beliau yang kedua itu lahir enam orang anak iaitu seorang perempuan dan lima orang lelaki. Pada tahun itu juga Kajai pergi ke Makkah bersama-sama isterinya dan sepupunya, Haji Idris Haji Awang. Pemergian beliau itu adalah untuk menguruskan hal-hal perniagaan dan pekerjaan Syekh Haji serta hal-hal persendirianya. Di Makkah mereka telah menetap di Bukit Syamiyah.

Di samping menjadi Syekh di Makkah, Kajai juga menjadi wakil wartawan bagi surat khabar mingguan *Idaran Zaman* yang mula diterbitkan di Pulau Pinang pada bulan Januari 1925. Akhbar ini diterbitkan pada tiap-tiap hari Khamis dan pengarangnya ialah Mohd. Yunus Abdul Hamid. Kajai telah menyumbangkan berita-berita yang menarik dari Makkah dan juga makalah-makalah selama lebih kurang tiga tahun sehingga 1927. Tulisan Kajai di dalam akhbar *Idaran Zaman* di bawah ruangan "wakil khas kita di Makkah" ialah berupa berita dan rencana mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku di Makkah yang disiarkan pada tiap-tiap keluaran akhbar tersebut. Pada tahun 1928, Kajai dan keluarganya terpaksa kembali ke Tanah Melayu kerana kematian ibunya di Setapak. Beliau telah mengambil keputusan menetap di Tanah Melayu dan menjalankan penghidupan baru dari hasil pengalamannya sebagai seorang penulis.

Akhbar *Saudara* (mulai terbit pada 29 September 1928, Pulau Pinang) yang dipimpin oleh Mohd. Yunus Abdul Hamid inginkan seorang penolong pengarang untuk membantunya. Keluaran *Saudara* pada 8 Februari, 1930 (hlm. 2) telah mengiklankan kekosongan tersebut. Kajai yang sedang berada di Kuala Lumpur telah memohon jawatan tersebut. Permohonan Kajai diterima dan beliau mula bertugas sebagai penolong pengarang *Saudara* pada 15 Mac 1930.

Berita tentang Mohd. Yunus ingin menyerahkan jawatan Pengarang kepada Kajai telah disarkan di dalam keluaran *Saudara*, 2 Ogos 1930. Tetapi tugas Pengarang *Saudara* telah diserahkan sepenuhnya kepada Kajai pada 30 Ogos 1930 apabila Mohd. Yunus mendapat pekerjaan yang lain. Mulai

pada 19 September 1931, Kajai tidak bekerja lagi dengan *Saudara* dan tempatnya telah diambil oleh Syed Alwi Syed Syekh. Di samping itu Syed Alwi juga menjadi penerbit *Saudara*.

Setelah Kajai berhenti berkhidmat dengan *Saudara*, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengarang di akhbar *Majlis* yang mulai terbit pada 17 Disember 1931 di Kuala Lumpur. Mulai keluaran 21 Disember 1933, Kajai telah menulis suatu ruangan pojok di tiap-tiap keluaran *Majlis* di bawah tajuk "Macam-macam" dengan menggunakan nama samaran Si Luncai. Di samping menjadi pengarang, Kajai juga bertugas sebagai pemberita dan *proof-reader*. Kajai berhenti daripada *Majlis* pada 31 Januari 1935.

Semasa Kajai bekerja dengan *Majlis* (1931-1935), beliau dan keluarganya menetap di rumah isterinya di Setapak. Tiap-tiap hari Kajai pergi ke pejabat *Majlis* pada pukul sepuluh pagi dengan menaiki basikal. Ibu pejabat *Majlis* ketika itu terletak di bangunan Selangor Press di nombor 157, Batu Road (sekarang Jalan Tuanku Abdul Rahman). Bangunan tersebut merupakan sebuah rumah kedai, terletak di hujung sederet rumah kedai batu dua tingkat. Manakala di sebelah hadapannya (di seberangnya), merupakan kawasan tanah lapang yang dipenuhi lalang dan semak (Hotel Rex, Hotel Tivoli yang ada sekarang, masih belum terdiri ketika itu).

Pejabat Pengarang *Majlis* pula terletak di tingkat atas bangunan itu. Di ruang hadapannya ialah tempat pengatur huruf, penuh dengan rak petak taip. Manakala bilik pengarang *Majlis* terletak di ruang belakangnya. Kajai mempunyai sebuah meja yang agak besar juga (kira-kira 183 cm lebarnya), yang boleh ditutup dan dikunci. Dan kerusinya dari jenis kerusi pusing. Di sebelah belakang meja Kajai itu ada sebuah meja kecil yang digunakan oleh pembantu pengarang.

Pada 1 Februari 1935, Kajai telah berhenti dari akhbar *Majlis* dan memegang jawatan sebagai wakil akhbar *Warta Malaya* di Kuala Lumpur. Sementara mendapatkan sebuah bilik, beliau terpaksa menggunakan rumahnya sebagai pejabat sementara. Di antara tugas Kajai ialah menulis dan mendapatkan berita dan rencana di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Dan mulai bulan Ogos 1935, pihak *Warta Malaya* berjaya mendapat sebuah bilik untuk dijadikan pejabatnya di Jawa Street, Kuala Lumpur iaitu bersebelahan dengan cawangan akhbar *Straits Times*. Di samping menjadi wakil dan wartawan di Kuala Lumpur, Kajai juga bertaraf sebagai salah

seorang pengarang yang bekerja di *Warta Malaya* dan *Warta Abad* ketika itu. Tetapi pejabat tersebut tidak dilengkапkan dengan kakitangan lain seperti kerani dan budak pejabat. Ini menyebabkan Kajai terpaksa bekerja keras dan membuat serba-serbi, baik dari segi pentadbiran maupun kerja-kerja kewartawanan.

Namun begitu, Kajai mendapat bantuan dari Haji Dahlan Mas'ud (Hamdam) secara sukarela bagi mengendalikan hal-ehwal kewartawanan. Haji Dahlan telah membantu Kajai tanpa menerima apa-apa bayaran. Pada ketika itu Haji Dahlan berkesempatan mempelajari ilmu kewartawanan dan menulis cerpen dari Kajai. Mereka selalu berbincang dan berbahas tentang perkara-perkara semasa ketika itu seperti takrif Melayu, persatuan-persatuan Melayu, buruh-buruh asing, masalah perselisihan takhta kerajaan Selangor dan sebagainya.

Walaupun Kajai tidak mempunyai pembantu khas, tetapi beliau dapat menjalankan tugas kewartawanannya dengan penuh dedikasi. Segala berita yang diperolehnya dihantar ke Singapura dengan segera. Pihak *Warta Malaya* telah memberikan kemudahan *collect press telegram* kepada Kajai. Pendek kata, perkhidmatan Kajai yang cemerlang itu turut membantu menaikkan imej dan memajukan akhbar *Warta Malaya*. Ini jelas, apabila seorang pembaca *Warta Malaya*, yang menggelarkan dirinya sebagai 'guru tua' telah memuji peranan yang dimainkan oleh Kajai kerana menyiaran berita dengan cepat di akhbar tersebut. Di antaranya beliau berkata, "Perkhabaran-perkhabaran Kuala Lumpur antara Negeri-Negeri Melayu Bersekutu lebih banyak dan lebih lekas dapat dibaca di dalam *Warta Malaya* daripada dapat dibaca di dalam surat khabar-surat khabar Kuala Lumpur sendiri (surat khabar Melayu). Istimewa semenjak Tuan Kajai menjadi penulis khasnya di Kuala Lumpur."

Semasa menjadi wakil akhbar *Warta Malaya* di Kuala Lumpur, Kajai banyak menumpukan perhatian membuat liputan dan laporan berita mengenai pentadbiran kerajaan, perkara-perkara yang dibahaskan dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Negeri Selangor, hal-ehwal mahkamah dan sebagainya. Laporan dan berita itu disiarkan di akhbar *Warta Malaya* di ruangan khas bertajuk "Berita-berita Negeri Persekutuan FMS" dengan membuat catatan "dari wakil kita di Kuala Lumpur".

Di samping bekerja sebagai wartawan, Kajai giat juga melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan sukarela. Semasa menjadi wakil khas *Warta Ma-*

Laya, Kajai telah dilantik menjadi Ahli Kehormat "Persidangan Melayu Setapak" yang diketuai oleh Muhamad Zakariah. Kajai tidak ketinggalan melibatkan diri dalam kegiatan keagamaan dan pernah dilantik menjadi ahli jawatankuasa Masjid Setapak dan menjadi penasihat "Persekutuan Teruna Melayu Kuala Lumpur". Di samping itu Kajai selalu berdamping rapat dengan pegawai-pegawai Melayu untuk berbincang dan mendapat maklumat berhubung dengan pentadbiran Inggeris, pergerakan-pergerakan di kalangan orang Melayu dan wartawan. Di antara pegawai-pegawai Melayu yang selalu didampingi oleh Kajai ialah Mohd. Yusof Ahmad (Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu), Datuk Abdullah Haji Dahan (Undang Rembau) dan sebagainya.

Pada 7 Disember 1936, Kajai telah dilantik menjadi Pengarang *Warta Malaya* di Singapura, menggantikan Muhammad Ismail Abdul Kadir yang uzur. Di antara kakitangan di Jabatan Pengarang ketika itu ialah Ustaz Hashim Yunus dan Datuk Muhammad Ghazali Ariffin. Pelantikan Kajai sebagai pengarang dan wartawan *Warta Malaya* adalah didasarkan kepada pengalaman dan rekod baiknya dalam lapangan kewartawanan Melayu. Melalui rencana yang bertajuk "Warta Malaya Press Limited Singapore", *Warta Malaya* keluaran 7 Disember 1936, pihak Pengelola *Warta Malaya Press Limited* telah menyifatkan kebolehan Kajai dalam lapangan kewartawanan seperti berikut:

... Kajai seorang wartawan yang terkenal baik dan masyhur di seluruh Malaya berpelajaran di dalam bahasa Arab, Melayu dan Inggeris dengan sangat-sangat setia di dalam memelihara dan menjaga kehormatan dan maruah akhbar-akhbar yang di dalam jagaannya dalam mana-mana surat khabar dihargakan oleh am dan khas dengan memberi puas hati ialah boleh benar dikatakan bahawa ia seorang wartawan yang cukup layak dalam jawatan pengarang yang tidak canggung atau singkat atau terpicik di dalam sebarang suatu bahagian mauduk atau bab atau fasal-fasal bagi akhbar harian dan majalah mingguan dan lain-lainnya.

... maka didapati semua perusahaan khidmat dan tadbirnya sangat memberi puas hati menepati betul bagaimana keadaan dan kelayakkannya yang tersebut tadi dan ia dari Pejabat Cawangan Warta Malaya di Kuala Lumpur itu sentiasa memberi bantuan khidmat dan jasa yang besar kepada Pejabat Besar Warta Malaya Press Limited di Singapura dengan sedikit pun tidak didapati hal yang

tiada memberi puas hati dan juga sangat disyukurkan khidmatnya dan ikhsan-ikhsannya

Kajai sebagai seorang wartawan yang serba boleh dan mempunyai pengalaman yang luas itu, sememangnya mendapat perhatian yang istimewa dari pihak berkuasa *Warta Malaya*, Syed Hussain al-Sagof. Pada mulanya, Syed Hussain sendiri datang ke Kuala Lumpur untuk menawarkan jawatan sebagai wakil khas *Warta Malaya* di Kuala Lumpur. Kemudiannya, apabila Kajai dilantik menjadi Pengarang *Warta Malaya*, Kajai telah diamanahkan dan diberikan tanggungjawab yang berat bagi mengendalikan *Warta Malaya*, *Warta Abad* dan *Warta Jenaka*.

Kajai merupakan seorang wartawan Melayu yang mendapat gaji yang paling tinggi ketika berkhidmat dengan *Warta Malaya*. Kajai diberikan kemudahan rumah percuma oleh pihak berkuasa *Warta Malaya* di Geyland Road, Singapura. Di samping itu, Syed Hussain kerap membawa Kajai bersiar-siar dan makan di restoran-restoran untuk membincangkan masalah yang mungkin dihadapi oleh pihak sidang pengarang *Warta Malaya*.

Tahun-tahun 1936 hingga 1938 dapatlah dianggap sebagai zaman kegemilangan syarikat *Warta Malaya*. Ini memandangkan akhbar tersebut telah meningkat maju dan kakitangannya sentiasa bekerjasama dengan erat dan berkhidmat dengan tulus ikhlas untuk memajukan *Warta Malaya*. Ini diakui sendiri oleh Kajai bahawa keadaan seperti itu belum pernah dirasainya di Jabatan Pengarang di akhbar-akhbar lain. Sewaktu di saat-saat akhir hayatnya, ketika terlantar di hospital, Kajai sempat mencerahkan perasaan hatinya kepada Syed Hussain, bekas tuan punya *Warta Malaya*, bahawa:

... tidak boleh saya melupakan bagaimana sukacita kita dalam kerjasama yang rapat di antara satu dengan lain dalam masa bersama-sama bekerja *Warta Malaya* itu dan saya fikir riwayat yang demikian itu harus tidak akan diperulangi lagi.

Apabila akhbar *Utuwan Melayu* berjaya ditubuhkan pada bulan Mei 1939, pihak akhbar tersebut ingin mencari seorang pengarang yang handal dan terkenal untuk berkhidmat dengannya. Pada ketika itu, pengarang yang terkenal sekali ialah Abdul Rahim Kajai dan beliau sedang berkhidmat dengan *Warta Malaya*. Yusof Ishak (orang yang telah memainkan peranan

penting melahirkan *Utusan Melayu*) telah ditugaskan untuk bertemu dan memujuk Kajai supaya berkhidmat dengan akhbar *Utusan Melayu*, iaitu akhbar yang dimodali dan dipunyai oleh "Orang Melayu Jati". Memandangkan semangat Kajai sudah tersemat di jiwanya untuk menyokong dan memajukan orang-orang Melayu, maka permintaan Yusof Ishak tidak dihamparkan, walaupun beliau terpaksa menghadapi risiko yang mungkin 'merugikan', terutama dari segi pendapatannya.

Namun begitu, Kajai berhenti secara rasmi dari menjadi Pengarang *Warta Malaya* dan terus berkhidmat dengan *Utusan Melayu* sebagai Pengarang pada bulan Ogos 1939. Sejak *Utusan Melayu* ditubuhkan pada 29 Mei 1939, Kajai hanya menjalankan tugas pengarang *Utusan Melayu* secara senyap-senyap iaitu selepas kerjanya selesai di *Warta Malaya*. Sebagai seorang manusia yang tidak 'lupa daratan', Kajai tidak mahu bertindak berhenti dari *Warta Malaya* secara mendadak. Ini memandangkan beliau masih ingat dan mengenangkan jasa pihak berkuasa *Warta Malaya*, yang telah memberi layanan yang baik kepadanya semasa bekerja di akhbar tersebut.

Sebelum Kajai berhenti dari *Warta Malaya*, beliau telah memohon cuti dari pihak berkuasa *Warta Malaya* selama seminggu untuk ke Kuala Lumpur. Tujuan beliau ke Kuala Lumpur ialah untuk mencari seorang pengarang yang boleh menggantikan tempat beliau di *Warta Malaya*. Secara diam-diam, Kajai telah menemui Osman Kalam, pengarang *Majlis*, untuk menawarkan jawatan Pengarang kepada beliau. Setelah Osman Kalam menyatakan kesanggupannya berkhidmat dengan *Warta Malaya*, barulah Kajai secara rasmi menulis surat berhenti kepada pihak berkuasa *Warta Malaya*.

Utusan Melayu yang melihat dan memerhatikan peristiwa pemberhentian Kajai dari menjadi Pengarang *Warta Malaya* untuk berkhidmat dengan *Utusan Melayu*, dibayangkan seperti berikut:

... wah, heboh sungguh cakapan orang pada masa itu. Akan halnya wartawan Kajai telah diruntun oleh atma (semangat) kebangsaan daripada jawatan yang tegap lagi besar gajinya kepada kedudukan yang belum tetap lagi kurang pendapatannya. Tetapi hatinya ria bekerja kerana perindahan kaum dan tanahairnya.

Semasa bekerja dengan *Utusan Melayu*, Kajai terpaksa menyewa sendiri sebuah rumah di Sian Lin Park, Singapura. Kajai tidak mendapat kemudahan dan keistimewaan seperti yang didapatinya ketika bekerja dengan *Warta Melayu*. Pengorbanan Kajai itu adalah semata-mata untuk kepentingan bangsa Melayu daripada kepentingan diri sendiri. Sokongan dan galakan yang diberikan oleh Kajai itu turut mendorongkan lagi semangat bekerja keras bagi memajukan *Utusan Melayu*. Walaupun *Utusan Melayu* pada mulanya menghadapi masalah dan mendapat tandingan dan kecaman dari akhbar-akhbar yang sudah maju seperti *Warta Melayu*, *Lembaga*, *Majlis* dan *Saudara*. *Utusan Melayu* tetap bergerak dan membaiki kedudukannya dari semasa ke semasa.

Walaupun Kajai dan kakitangan *Utusan Melayu* menerima gaji yang rendah, mereka tetap berusaha memajukan akhbar yang dipunyai oleh orang Melayu. Walau bagaimanapun, *Utusan Melayu* telah beransur-ansur menjadi popular dan mendapat kepercayaan dan sokongan dari pihak Kerajaan British dan syarikat-syarikat perniagaan (memberikan iklan) dan sokongan dari orang banyak bagi membeli dan menyumbangkan karya mereka dengan percuma di akhbar *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman* dan *Mastika*.

Syarikat Utusan Melayu menjadi semakin maju dan masyhur apabila *Utusan Zaman* (akhbar mingguan) mula diterbitkan pada 5 November 1939. Akhbar ini banyak memuatkan rencana-rencana, cerpen dan puisi dalam setiap keluarannya. Memandangkan *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* mendapat sokongan dari orang ramai, pihak berkuasa telah mengambil keputusan menerbitkan majalah *Mastika* pada awal tahun 1941. Kajai telah diberi tanggungjawab menjaga dan mengetuai sidang pengarang syarikat Utusan Melayu itu. Untuk memajukan lagi perusahaan percetakan itu, syarikat Utusan Melayu telah membeli sebuah jentera membuat huruf dari Shanghai pada penghujung tahun 1941. Dengan adanya jentera tersebut, syarikat itu berjaya membuat huruf-huruf sendiri.

Setelah peperangan antara British dan Amerika diisytiharkan dengan Jepun pada 8 Disember 1941, Kajai telah mengambil keputusan menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke Kuala Lumpur. Memandangkan keadaan peperangan bertambah hebat, Kajai telah mengambil cuti selama sepuluh hari untuk pulang ke Kuala Lumpur pada 20 Disember 1941. Untuk menjamin keselamatan keluarganya, Kajai telah memindahkan keluarganya

dari Setapak ke rumah kakaknya, Sitiawan, di Gombak. Apabila tentera Jepun berjaya menduduki Kuala Lumpur pada 11 Januari 1941, Kajai telah mengambil keputusan tidak kembali ke Singapura. Setelah Jepun berjaya menakluki Tanah Melayu dan keadaan menjadi aman, Kajai telah berpindah semula ke rumah asalnya di Setapak.

Apabila Haji Othman Abdullah bercadang menerbitkan sebuah akhbar di Kuala Lumpur, Kajai turut dipanggil berbincang tentang penerbitan akhbar tersebut. Pada bulan Mac 1941, Haji Othman, Kajai dan Haji Dahlan Mas'ud telah bersetuju menerbitkan akhbar di pejabat Selangor Press. Bagi menguruskan penerbitan akhbar tersebut, Kajai dan Haji Dahlan terpaksa pergi ke pejabat pemerintahan Jepun yang terletak di bangunan Pejabat Kerajaan Selangor untuk mendapatkan kebenaran. Atas nasihat pihak Jepun, Kajai dan Haji Dahlan telah menamakan akhbar tersebut sebagai *Perubahan Babaru* iaitu sesuai dengan slogan perjuangan Jepun yang ingin membawa perubahan kepada negara-negara di Asia dan menjadi alat propaganda Jepun.

Apabila akhbar *Perubahan Babaru* berjaya diterbitkan, Kajai telah dilantik menjadi Pengarang *Perubahan Babaru*. Atas arahan pihak polis tentera Jepun, Kajai dikehendaki menghantar segala berita dan rencana yang hendak disiarkan itu kepada pihak polis tentera Jepun untuk ditapis. Di samping menjalankan tugas sebagai pengarang dan pemberita, Kajai terpaksa menterjemahkan berita dan rencana tersebut ke dalam bahasa Inggeris untuk dihantar kepada pihak polis tentera Jepun oleh seorang budak pejabat. Semua kakitangannya akhbar *Perubahan Babaru* mendapat gaji harian dan gajinya tidak ditetapkan. Pemberian gaji itu bergantung kepada pendapatan jualan harian. Manakala pendapatan seseorang kakitangan itu bergantung kepada bilangan tanggungjawabnya. Secara tidak langsung, Kajai mendapat gaji yang lebih sedikit memandangkan tanggungannya ramai.

Sebagai penghormatan dan penghargaan daripada pemerintahan Jepun, Kajai telah dipilih untuk menghadiri satu perjumpaan dan mesyuarat di kalangan wartawan Sumatera dan Malaya di Singapura. Memandangkan Kajai merupakan seorang wartawan yang berpengalaman dan terkenal, beliau telah dilantik menjadi jurucakap bagi pihak wartawan-wartawan yang hadir dengan pihak pemerintahan Jepun. Setelah selesai pertemuan tersebut, Kajai telah diminta oleh pihak Jepun untuk bertugas sebagai Pengarang akhbar *Berita Malai*. Pada 1 Januari 1943, Kajai dengan rasminya menjadi

Pengarang *Berita Malai*. Ini menyebabkan Kajai dan keluarganya terpaksa berpindah kembali ke Singapura.

Pada bulan Julai 1943, Kajai mulai diserang penyakit iaitu sejenis penyakit yang ada kaitan dengan jantungnya. Ini menyebabkan Kajai terpaksa berhenti bekerja dengan *Berita Malai* dan berubat di rumahnya di Sian Lin Park, Singapura. Apabila penyakitnya menjadi serius, Kajai telah dihantar ke rumah sakit untuk rawatan selanjutnya. Kajai telah menghembuskan nafasnya yang terakhir di rumah sakit pada 5 Disember 1943, iaitu setelah lima bulan menderita dalam kesakitan.

Namun begitu, Kajai telah berjaya mencipta dan mengukir nama dalam sejarah kewartawanan dan persuratan Melayu sebagai seorang wartawan dan sasterawan yang masyhur di zamannya. Di samping itu, beliau banyak meninggalkan wartawan-wartawan di bawah bimbingannya untuk meneruskan cita-cita dan memajukan dunia kewartawanan Melayu.

Nota

1. Ahmad Boestamam, "Kegiatan Sastera dan Kegiatan Politik - Satu Pengalaman Peribadi, Imej dan Cita-cita", Kertas Kerja Hari Sastera 1980, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981), 148.
2. Syed Husain Ali al-Sagof, *Pusaka Kajai*, (Singapura: Penerbitan Qalam, 1949).
3. W. R. Roff, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals, Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay State 1876-1941*, (London: Oxford University Press, 1972), 9.
4. Ismail Hussein, "Abdul Rahim Kaji", *Dewan Babasa*, Jil. 3 Disember 1959.
5. Ramli Leman Soenowidagdo, "Haji Abdul Rahim Kajai", *Dewan Sastera*, Jil. 2, April 1972.
6. Bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura, 1958.
7. Bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda dari Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
8. *Warta Malaya*, 7 Disember, 1936.

and a single transversal deccurrent, which occurs in most land plants. It is also the case in many other groups, such as mosses, ferns, and the higher seed plants. In the latter group, however, the tracheal system is usually suspended in a network of interwoven protoplasmic threads (ground tissue), and the vessels are surrounded by a thin wall of living cells. This arrangement is called a "vessel bundle." The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells." The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

The vessels are usually large, thick-walled, and have thickened ends, so that they do not easily burst. The vessels are surrounded by a thin wall of living cells, which are called "bundle sheath cells."

Penerjemah:

Dr. Burhanuddin Al Helmi (1911-1969) adalah seorang ahli bahasa dan sastra yang berpengaruh besar di kalangan para ahli bahasa Inggris di Indonesia. Ia lahir pada 25 Oktober 1911 di Batavia, kini Jakarta, dan meninggal pada 28 Desember 1969 di Bandung. Dr. Helmi dikenal sebagai ahli bahasa Inggris yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang struktur dan penggunaan bahasa Inggris. Ia juga dikenal sebagai seorang penulis yang produktif, dengan banyak tulisan dan buku yang diterbitkan. Beberapa karya terkenalnya antara lain "Prinsip-prinsip Dasar Pengetahuan Bahasa Inggris" (1948), "Pengantar ke Sastra Inggris" (1952), dan "Prinsip-prinsip Dasar Pengetahuan Bahasa Inggris" (1960). Selain itu, ia juga dikenal sebagai seorang pengajar yang berpengaruh di lingkungan akademik di Indonesia.

DR. BURHANUDDIN AL HELMI

1911-1969

Oleh

Saliha Hj. Hassan

Dr. Burhanuddin Al Helmi (1911-1969) adalah seorang ahli bahasa dan sastra yang berpengaruh besar di kalangan para ahli bahasa Inggris di Indonesia. Ia lahir pada 25 Oktober 1911 di Batavia, kini Jakarta, dan meninggal pada 28 Desember 1969 di Bandung. Dr. Helmi dikenal sebagai ahli bahasa Inggris yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang struktur dan penggunaan bahasa Inggris. Ia juga dikenal sebagai seorang penulis yang produktif, dengan banyak tulisan dan buku yang diterbitkan. Beberapa karya terkenalnya antara lain "Prinsip-prinsip Dasar Pengetahuan Bahasa Inggris" (1948), "Pengantar ke Sastra Inggris" (1952), dan "Prinsip-prinsip Dasar Pengetahuan Bahasa Inggris" (1960). Selain itu, ia juga dikenal sebagai seorang pengajar yang berpengaruh di lingkungan akademik di Indonesia.

Pengenalan

Dr. Burhanuddin Al Helmi telah dilahirkan di Cangkat Tualang, Perak pada 29 Ogos 1911¹ dan meninggal dunia di Taiping, Perak pada 25 Oktober 1969 (Saliha, 1972:10). Panggilan mesranya ialah "Pak Doktor".

Beliau dilahirkan dalam sebuah keluarga yang sederhana menurut ukuran kehidupan kampung semasa sebelum Perang Dunia Pertama dahulu. Ibunya Sharifah Zaharah Bt. Habib Othman adalah dari golongan atasan masyarakat Melayu pada waktu itu. Bapanya, Haji Muhammad Nor pula dikatakan seorang bangsawan "Melayu Jati"² dan pernah menjadi murid kepada beberapa orang guru kenamaan di Makkah pada zamannya. Salah seorang daripada guru tersebut ialah Sheikh Mohammad Khatib Minangkabau. Bapa Pak Doktor ini dikenang sebagai seorang yang tidak mementingkan kebendaan, tidak mementingkan kesenangan dunia, seorang yang sentiasa senyum dan tidak mudah marah sehingga beliau digelar "Abi Halim" oleh setengah-setengah rakannya. Mengambil sempena gelaran ini jugalah Pak Doktor menggunakan "Al Hulaimi" yang kemudiannya dipopularkan umum menjadi "Al Helmi", yang bermakna "orang yang tidak pemarah".³

Pilihan kata asal "Al Hulaimi" itu benar-benar melambangkan keperibadian Pak Doktor yang lemah lembut, santun, tenang, sabar dan pendiam. Istilah "Al Hulaimi" menurut hukum tatabahasa Arab mempunyai makna yang sama dengan "Al Helmi" tetapi dalam bentuk yang merendah atau lebih kecil.⁴

Pak Doktor juga amat dikenang oleh orang-orang yang biasa atau pernah bergaul dengan beliau sebagai seorang yang jujur dan tidak suka menganggap jahat terhadap orang lain apatah lagi kalau seseorang itu telah diperkenalkan sebagai orang yang seperjuangan dengan matlamat-matlamat dan pendirian politik beliau, atau istilah umumnya pada waktu itu, "orang kita". Beliau diistilahkan di kalangan sahabat-sahabat beliau sebagai seorang "raju'l khair" atau manusia baik. Pak Doktor amat melambangkan apa yang beliau sendiri anggap sebagai "keperibadian Melayu" sehingga lah kepada sikapnya terhadap orang-orang asing;⁵

Dasar kejujuran, kebangsaan Melayu dari dahulu kala lagi terhadap orang-orang dagang, walau dari apa bangsa sekalipun adalah baik, ramah tamah, hormat, peramah, suka menolong dan tidak menyangka jahat ... Kebaikan dan

kejujuran bangsa Melayu itu berdasarkan perikemanusiaan dan tabiat semula jadinya, walaupun bangsa-bangsa dagang itu ada yang didapati berlaku serong atau menggunting dalam lipatan terhadap masyarakat bangsa Melayu, begitupun mereka terus berpegang kepada adat istiadat resam dan budi pekerti Melayu yang berlemah lembut itu, seperti dengan menyatakan: "Tiada mengapa" "tak tahu adat" atau jika orang berkasar lagi: dengan menarik diri dan merajuk. Dan jika ia hendak berputus sekalipun sedapat-dapatnya dengan cara berlemah lembut juga seperti pepatahnya 'menarik rambut di dalam tepung, rambut panjang jangan putus tepung jangan berserak' (Burhanuddin, 1953c: 85).

Bagaimanapun sikap ini jugalah yang menyebabkan Pak Doktor terjebak dalam beberapa kesulitan dan kegagalan dalam sejarah hidupnya sema ada di bidang politik mahupun dalam hal-hal peribadi.⁶ Sebagaimana pendapat Hussein Onn dan bapanya, Dato' Onn, iaitu pejuang-pejuang kebangsaan yang sezaman dengan beliau, "kita bangsa Melayu selalu ada perasaan gentlemen terhadap rakan-rakan. Tetapi gentleman kita itu ada juga ditikamkan oleh kawan-kawan kita" (*Majlis*, 22 April, 1949: 6, dlm. Shaharom, 1985: 36).

Sifat-sifat ini terbayang juga dalam cara-cara beliau berpidato yang walaupun tidak berapi-api namun dikatakan sebagai tetap membelenggu pendengar-pendengar beliau untuk berjam-jam dan juga dalam cara perjuangan politik beliau yang antikekerasan dan antiperumpahan darah.⁷ Beliau sentiasa memilih jalan perundingan, tolak-ansur dan berperlembagaan. Walaupun, misalnya, beliau mengakui kemungkinan dan kemampuan orang-orang Melayu menggunakan kekerasan juga apabila terlalu tertekan dan terhimpit seperti mana konsep amok dalam keperibadian dan kebudayaan Melayu itu, namun dalam saat-saat perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu ini, Pak Doktor sentiasa mengingatkan pengikut-pengikut beliau bahawa asas perjuangan bangsa Melayu itu ialah "berlemah lembut menurut tabiatnya yang dapat dipersesuaikan dengan muslihat yang akan datang, dalam dasarnya bersesuaian dengan dasar hak perikemanusiaan..." (Burhanuddin, 1953c: 86 & 87).

Selain daripada menumpukan seluruh tenaga dan pergerakannya kepada perjuangan politik beliau, Pak Doktor dikenang juga oleh orang-orang yang biasa dan pernah bergaul dengan beliau sebagai seorang yang sentiasa mengisi masa lapangnya dengan membaca, menulis, mendengar

radio hingga jauh-jauh malam atau dengan beribadat. Beliau sentiasa menganalisa tentang kehidupan manusia secara umum dan kedudukan serta nasib bangsa Melayu di Tanah Melayu khasnya dan dalam dunia antarabangsa umumnya. Dari segi amalan peribadinya beliau ialah seorang yang bersungguh-sungguh mengerjakan kewajipan-kewajipan beliau sebagai seorang Islam, banyak berzikir dan kerap mengalirkan air mata apabila beliau menginsafi kekerdilan manusia dalam hubungannya dengan Penciptanya. Beliau gemar mengamalkan sembahyang tahajud di waktu dinihari dan beliau juga adalah penganut Tariqat Na' Syabandiah.⁸ Sifat-sifat keperibadiannya ini jugalah yang menonjolkan Pak Doktor sebagai seorang yang istimewa kesabaran dan ketekunannya dalam memperjuangkan cita-cita politik beliau.⁹

Pemikiran dan cita-cita politik Pak Doktor itu pula adalah berlandaskan dua asas utama iaitu "Kebangsaan Melayu" dan "cita-cita politik Islam". Dengan itu juga cita-cita politik yang diperjuangkan oleh Pak Doktor, dan ketokohan beliau dalam sejarah tanah air ini, ialah dalam konteks pergerakan ke arah perpaduan kebangsaan di kalangan rakyat negara ini; dalam konteks perjuangan mencorak identiti kebangsaan serta sistem politik negara ini; dan dalam konteks perjuangan menuntut kemerdekaan dan kedaulatan negara. Sumbangan-sumbangan dan ketokohan beliau dalam ketiga-tiga bidang ini telah disemai dan dipupuk melalui sosialisasi dan pendidikan awal yang beliau telah terima.

Pada masa kecilnya, selain daripada mengikuti kelas al-Quran dan Agama yang teradat di kalangan anak-anak Melayu pada ketika itu, beliau juga bersekolah Melayu. Di sebelah petang pula, bila-bila beliau berkelapangan, beliau telah mula menunjukkan minat di bidang perubatan dengan mempelajari ilmu perubatan Melayu, jampi-jampi dan mantera daripada salah seorang datuk saudaranya. Pak Doktor juga dikatakan telah menyalin bahan-bahan ramuan untuk ubat-ubatan Melayu ini.¹⁰ Atas sebab-sebab keluarga dan kemudahan persekolahan, beliau telah bersekolah Melayu di beberapa tempat, iaitu di Behrang Ulu, di Bakap dan di Kota Bharu, kesemuanya di Perak (Saliha, 1972: 7-8).

Pengaruh yang bermakna ke arah pembentukan pemikiran dan sikap politik Pak Doktor bermula selepas beliau menamatkan pendidikan awal ini. Dengan berlatarbelakangkan keadaan keluarganya yang memang memberatkan ilmu dan prinsip-prinsip keagamaan Islam, Pak Doktor dan

adiknya, Abd. Halim, telah dihantar oleh bapa mereka pada tahun 1924 ke Sekolah Agama Sungai Jambu, di Sumatera Barat untuk menjurus dalam pendidikan Islam. Sekolah tersebut sedang dipimpin oleh Hj. Nuruddin, seorang anggota aktif Partai Syarikat Islam Indonesia.¹¹ Bagaimanapun, keadaan politik di Indonesia, dan di Sumatera Barat juga, adalah tidak aman - dan sedang bergolak dengan perjuangan-perjuangan reformis Islam, tuntutan-tuntutan kebangsaan, aktiviti-aktiviti golongan komunis dan pergerakan antipenjajah secara umum.¹² Keadaan ini telah memaksa Pak Doktor dan adiknya pulang ke tanah air.¹³ Namun begitu, Pak Doktor telah diperkenalkan, sekurang-kurangnya secara kasar, kepada semangat kebangsaan dan cita-cita politik Islam yang kemudiannya menjadi darah daging beliau.

Sekembalinya dari Sumatera Barat pada 1926, Pak Doktor dihantar lagi oleh bapanya untuk meneruskan pendidikannya di Pondok Pulau Pinang, Jitra, Kedah. Tuan guru pondok itu ialah Tuan Guru Haji Salleh b. Sh. Ismail yang juga seorang sahabat bapa Pak Doktor. Oleh kerana Pak Doktor merasakan cara pengajian dan sukanan pelajaran di Pondok itu tidak memadai baginya, beliau telah pindah ke Madrasah Al-Masyhur Al-Islamiyyah di Pulau Pinang pada tahun yang sama. Pak Doktor telah belajar di madrasah ini sehingga tamat tingkat menengah atas (Thanawi) pada tahun 1934. Sepanjang beliau berada di Madrasah ini, terdapat tiga tokoh yang semainkan peranan dalam mempengaruhi pembentukan pemikiran dan keperibadian politik beliau. Mereka ini ialah Sh. Abu Bakar Al-Rafie iaitu Mudir Madrasah Al-Masyhur Al-Islamiyyah yang terbilang "ulama progresif" pada waktu itu; Hj. Arshad Al Bawayih, seorang ahli tatabahasa (nahu) bahasa Arab yang juga dari golongan "kaum muda"; dan 'Ashiran Ya'akob iaitu seorang penulis yang juga ikut memperjuangkan nasib politik, ekonomi dan sosial orang-orang Melayu.¹⁴

Di akhir pengajiannya di Madrasah Al-Masyhur ini, Pak Doktor, atas pilihan Mudir Sh. Ab. Bakar Al-Rafie, telah dianugerahkan biasiswa oleh hartawan-hartawan India Islam di Pulau Pinang untuk melawat dan meneruskan pelajaran di India.¹⁵ Dengan itu, (mungkin pada tahun 1935), Pak Doktor telah berpeluang pergi ke India. Di sana beliau telah memilih bidang homeopati sehingga berhasil mendapat gelaran Doktor lalu menjadi anak Melayu yang pertama berijazah homeopati.¹⁶ Latihan Pak Doktor di bidang homeopati ini dapat sekurang-kurangnya daripada dua tempat¹⁷

iaitu di Ismailia Medical College, New Delhi dan di Secundrabad yang merupakan bandar satelit kepada sebuah pusat kerajaan India yang terpenting dalam masa pemerintahan British di India, iaitu Hyderabad. Selain daripada merupakan sebuah pusat pengajian yang ulung di India, Hyderabad juga adalah pusat kerajaan Islam Nizam Hyderabad. Ketika itu bahasa pengantarnya ialah Urdu.

Selama di India, semangat kebangsaan yang telah tersemai dalam diri beliau itu semakin terpupuk oleh pergolakan semangat kebangsaan anti-penjajahan British yang sedang berlaku di sana. Beliau juga sempat mengenali pejuang-pejuang kebangsaan India seperti Gandhi, Nehru dan Mohd. Ali Jinnah. Beliau mengagumi perjuangan Gandhi untuk mengembalikan keperibadian India. Katanya:

gerakan politiknya tegas sekali antipenjajahan dan antitamadun saham barat hingga ia mengatakan bahaya memasukkan alat-alat jentera baru ke India itu adalah akan merobahkan kelak peribadi (Burhanuddin, 1954a: 36).

Di samping itu Pak Doktor juga telah mengambil kesempatan daripada sistem pengangkutan kereta api India yang murah dan mudah itu untuk melawat beberapa tempat tertentu. Misalnya beliau telah pergi ke bandar Ajmir di Rajputana di mana terdapat makam seorang ahli Tariqat Cistiah yang penting iaitu Khwaja Mo'inuddin Cisti. (Kemungkinan besar yang lawatan ke Ajmir ini telah dicadangkan oleh golongan hartawan India Islam yang telah menganjurkan pemergian Pak Doktor ke India kerana bagi mereka Ajmir memang merupakan sebuah tempat ibadat yang penting). Sebuah lagi tempat yang telah beliau lawati dan kerap disebut-sebutnya dalam perbualan politik beliau ialah Santinikatan. Di sana terdapat sebuah universiti yang diasaskan oleh pemuisi agung India, Tagore. Universiti tersebut menumpukan pembelajaran terhadap pengajian falsafah, kebudayaan dan kesenian India, atau ringkasnya aspek-aspek keperibadian bangsa dan peribumi India.¹⁸

Dalam perjalannya pulang dari India pada 1936, Pak Doktor telah mengambil masa untuk melawat ke kawasan Asia Barat. Di sana beliau sempat mengikuti perjuangan rakyat Palestin menentang Deklarasi Belfour yang dirancangkan oleh British bagi menuuhkan negara Israel dan juga

mendapat pendedahan kepada idea-idea reformis Islam Syeikh Jamaludin Al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh.

Pengalaman-pengalaman persekolahan dan pengembalaannya dalam jangka masa 1924-1936 ini telah membolehkan beliau fasih dalam bahasa-bahasa Arab, Inggeris, Belanda dan Urdu (Saliha, 1972: 7-10). Lebih penting lagi, jelas bahawa dalam jangka masa ini juga jiwa dan pemikiran Pak Doktor telah terus menerus dipupuk dengan semangat antipenjajahan, khususnya antipenjajahan British dan diperkuuhkan pula dengan idea-idea reformis-progresif Islam.

Dengan demikian tidak hairanlah apabila Pak Doktor mula bertugas sebagai guru bahasa Arab di Sekolah Arab Al-Juned, di Singapura sekembalinya dari luar negeri ini, iaitu sekitar 1936-37, beliau telah cuba menerbitkan sebuah akhbar anti-British dan antipenjajahan bernama *Taman Babagia*. Pemerintah British telah mengambil tindakan serta-merta dengan menahan Pak Doktor sebaik-baik sahaja isu pertama akhbar itu diedarkan dan kemudiannya mengenakan penjara selama enam bulan ke atas beliau. Selepas pengalaman langsung yang pertama dengan pihak penjajah ini, Pak Doktor telah mengalihkan perhatiannya kepada tugas-tugasnya di Sekolah Arab Al-Juned dan memulakan klinik homeopati di Singapura dan di Johor Bahru dengan bantuan seorang doktor homeopati di Singapura, iaitu Doktor Rajah (Saliha, 1972: 9; Funston, 1980: 119).

Pada masa yang sama Pak Doktor telah juga melibatkan diri dalam sebuah Persatuan Islam di Singapura iaitu Jama'atul Islamiah. Dengan adanya keistimewaan dan kemampuan yang beliau tunjukkan di segi pengetahuan Islam, kepimpinan dan daya fikir serta daya penganalisaan beliau, beliau telah dilantik sebagai setiausaha persatuan tersebut. Beliau juga telah dijemput untuk membantu menyunting sebuah jurnal agama, "Kehidupan Dunia Akhirat." Jurnal ini memuatkan persoalan-persoalan dan falsafah-falsafah yang bercorak progresif ke arah memajukan aspek-aspek kehidupan umat Islam. Penglibatan-penglibatan Pak Doktor ini telah menonjolkan beliau sebagai seorang daripada golongan Kaum Muda dan anggapan umum terhadap beliau ini telah diperkuuh lagi dengan penyertaan beliau di pihak Kaum Muda dalam satu perdebatan agama yang dianjurkan oleh Sultan Kelantan pada 1937 (Mohd. Sarim, 1978: 18-23). Kegiatan Pak Doktor ini telah menarik perhatian golongan politik Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan pada 1939 beliau telah dibawa oleh Mustapha

Hussain, salah seorang penggerak KMM dan juga Naib Presiden KMM, balik ke Perak untuk menyertai perjuangan politik KMM.¹⁹ Ini menandakan permulaan kehadiran Pak Doktor dalam arena politik Tanah Melayu.²⁰

Kegiatan Politiknya

Kegiatan-kegiatan politik Pak Doktor dapat dibahagikan kepada dua tahap perkembangan berdasarkan intipati perjuangan yang beliau pelopori. Tahap pertama ialah dari 1939 hingga 1950 dan tahap kedua ialah dari 1955 hingga 1969.

Kegiatan-kegiatan Politik 1939-1950

Penyertaan Pak Doktor dalam KMM tidak sempat mendalam disebabkan oleh tercetusnya Perang Dunia Kedua dan Pemerintah British di Tanah Melayu telah mengharamkan KMM. Bagaimanapun di sepanjang pendudukan Jepun di Tanah Melayu yang bermula pada Februari, 1942, iaitu selepas pengunduran British hingga Ogos 1945, pemerintah Jepun, selaras dengan dasar mereka untuk bekerjasama dengan golongan penduduk tempatan yang anti British telah melantik Pak Doktor ke salah satu jawatan tertinggi bagi anak tempatan dalam pentadbiran mereka, iaitu jawatan Penasihat Adat Istiadat dan Kebudayaan Melayu, berpejabat di Markas Pentadbiran Tentera Jepun, Taiping. Pak Doktor telah menerima pelantikan tersebut dan menggunakan kedudukannya dalam pentadbiran Jepun itu untuk melindungi dan membantu gerakan-gerakan antipenjajahan serta memajukan semangat perpaduan dan kebangsaan Melayu. Dengan sokongan pihak pemerintah Jepun, Pak Doktor telah dapat menganjurkan dua kongres pemimpin-pemimpin Islam serantau, khususnya Tanah Melayu dan Sumatera.²¹ Kongres-kongres ini telah merangsangkan pembentukan pergerakan-pergerakan Islam di peringkat kebangsaan yang berkembang selepas perang.

Menjelang akhir pendudukan Jepun, iaitu pada Julai 1945, pihak pemerintah Jepun menggalakkan pembentukan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KERIS),²² di bawah pimpinan Pak Doktor dan Ibrahim Yaakob. KERIS dirancangkan untuk mengambil alih pemerintahan Tanah

Melayu dengan pengunduran pihak Jepun dan dengan itu mengisyiharkan Tanah Melayu Merdeka bersama Indonesia dan menjadi sebahagian daripada negara Indonesia Raya. Persetujuan ke arah ini telah dibuat dalam pertemuan ringkas antara Pak Doktor - Ibrahim Yaakob dan Sukarno - Hatta di Taiping pada 12 Ogos 1945. Rancangan ini gagal apabila Jepun tiba-tiba menyerah kalah kepada pihak Berikat pada 14 Ogos, berikutan pengeboman Hiroshima dan Nagasaki pada 6 dan 9 Ogos dan Sukarno pula terus mengisyiharkan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945. KERIS pun terbubar begitu saja.

Dalam bulan September 1945 pihak British kembali ke Tanah Melayu dan melaksanakan pentadbiran tentera, iaitu British Military Administration (BMA). Berikutnya, pada 17 Oktober 1945, parti politik Melayu yang pertama selepas Perang Dunia Kedua telah diasaskan di peringkat kebangsaan, iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Pengasasannya dibantu oleh Mukhtaruddin Lasso dan Pak Doktor mengambil alih pucuk pimpinan PKMM beberapa bulan kemudian apabila Mukhtaruddin Lasso menghilangkan diri. Di bawah pimpinan Pak Doktor sebagai Yang Di Pertua Parti, menegaskan identiti PKMM sebagai parti yang perjuangannya bertapakkan bumi Semenanjung Tanah Melayu dan untuk penduduk-penduduk Semenanjung Tanah Melayu. Semboyan dan seruan-seruan parti telah tidak lagi "kesatuan" dengan Indonesia, tetapi telah menjadi "contohilah semangat Indonesia berjuang untuk kemerdekaan" demi "membela hak keadilan putera Melayu" serta "kemerdekaan bangsa dan tanah air" (Saliha, 1972: 19-21).

Pada 10 Oktober 1945 pihak British telah mengisyiharkan gagasan Malayan Union. Kertas Putihnya telah diedarkan pada 22 Januari 1946. Di dalamnya terdapat dua cadangan yang telah mencetuskan pergolakan politik Melayu Semenanjung dan menyatupadukan pergerakan-pergerakan Melayu Semenanjung. Pertama, sultan-sultan dan raja-raja Melayu kehilangan kuasa politik, dan kedua penduduk bukan Melayu diberi peluang yang seluas-luasnya untuk mendapatkan kerakyatan negara ini. Ekoran daripada bantahan yang meluas di kalangan orang-orang Melayu, dengan daya pimpinan Dato' Onn b. Jaafar dan sokongan raja-raja Melayu, Kongres Parti-parti Politik Melayu yang pertama telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 4 Mac 1946. Matlamat Kongres ini ialah untuk menyatupadukan rakyat dan raja-raja Melayu dan menuntut

penghapusan Malayan Union. PKMM yang dipimpin oleh Pak Doktor, sebagai Penasihat Agungnya dan Ishak Hj. Muhammad sebagai Yang Di Pertuaanya, merupakan pergerakan politik Melayu yang terbesar hadir (Shaharom, 1985: 151-160).

Kongres telah bersetuju untuk bersatu dalam satu pertubuhan dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau United Malays National Organisation (UMNO) ditubuhkan pada 11 Mei 1946. Dato' Onn telah dipilih sebagai Presidennya yang pertama (Shaharom, 1985: 158-159). Bagaimanapun, PKMM dengan semboyannya "Merdeka" telah mengambil keputusan untuk keluar dari PEKEMBAR pada Julai, 1946. PKMM menganggap PEKEMBAR dengan semboyannya "Hidup Melayu" dipimpin oleh orang-orang Melayu yang pro-British dan profeudal adalah terlalu mengalah dan bertolak-ansur dengan pihak British sehingga sanggup pula melambatkan kemerdekaan. Ekorannya, pada 22 Februari 1947, PKMM di bawah pimpinan Pak Doktor telah membentuk Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) yang menyatukan pergerakan-pergerakan Melayu yang menentang pendirian PEKEMBAR dan sehaluan dengan PKMM dalam menuntut kemerdekaan penuh dan serta-merta dari British. Mereka ini popular sebagai "pejuang-pejuang nasionalis berhaluan kiri". Pada 2 Disember 1947 PUTERA juga telah bergabung dengan All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA) iaitu satu gabungan pergerakan-pergerakan politik bukan Melayu yang telah dibentuk setahun sebelumnya, iaitu Disember 1946. Gabungan PUTERA-AMCJA ini bukan sahaja merupakan gabungan pergerakan politik Melayu dan bukan Melayu yang pertama di tanah air ini, tetapi gabungan ini juga bersatu di bawah pimpinan Pak Doktor dan menerima konsep dan idea "Kebangsaan Melayu" dan "Hak Ketuanan Melayu" Pak Doktor yang menjadi dasar-dasar asas perjuangan PUTERA. Pak Doktor juga telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis Bergerak Serentak PUTERA-AMCJA.²² Sebagai pemimpin gabungan PUTERA-AMCJA ini beliau telah mengetuai perwakilan Tanah Melayu ke Persidangan Bangsa-bangsa Asia di New Delhi dalam bulan Mac-April 1947.²³ Persidangan ini mendukung aspirasi bangsa-bangsa Asia yang sedang menuntut kemerdekaan pada waktu itu dan bertujuan mengeratkan perhubungan antarabangsa di kalangan mereka. Dalam persidangan ini juga Pak Doktor telah dilantik menjadi seorang anggota Jawatankuasa Perhubungan Bangsa-bangsa Asia mewakili rantau ini (Burhanuddin, 1954a: 7).

Satu persidangan gabungan PUTERA-AMCJA telah diadakan pada 4-7 Julai 1947 bagi menggubal sebuah perlembagaan untuk menggantikan cadangan Malayan Union oleh British. Perlembagaan ini dikenali sebagai Perlembagaan Rakyat atau *The Peoples' Constitution of Malaya*. Unsur-unsur utama perlembagaan ini merangkumi hak-hak demokrasi rakyat, pemerintahan beraja yang berperlembagaan dan konsep "Hak Ketuanan Melayu" serta konsep "Kebangsaan Melayu" yang diperjuangkan oleh Pak Doktor (Saliha, 1972:32; Firdaus, 1985: 95-6). Bagaimanapun pihak British terus menolak cadangan perlembagaan oleh PUTERA-AMCJA ini dan menampakkan sikap mereka yang lebih menggalakkan PEKEMBAR. Sebagai satu tindak balas, Jawatankuasa Kempen Perlembagaan PUTERA-AMCJA telah menganjurkan rapat-rapat umum dan hortal di seluruh negara. Hartal-hortal itu dilangsungkan pada 19 Oktober 1947, tetapi gagal mendapat sokongan menyeluruh dari rakyat dan gagal mengubah pendirian British. Kegagalan ini banyak disebabkan oleh anggapan umum bahawa pergerakan kiri ini dipengaruhi oleh golongan komunis dan terlalu pro-Indonesia (Saliha, 1972: 25-29).

Serentak dengan kegiatan Pak Doktor dalam konteks gabungan PUTERA-AMCJA, di peringkat PKMM-PUTERA pula, Pak Doktor bersama dengan Mudir Ma'ahad Al-Ihya Assyarif di Gunung Semanggul, Ustaz Abu Bakar Al-Bakir, telah berjaya menganjurkan Persidangan Ekonomi-Agama SeMalaya di Ma'ahad tersebut pada 22-24 Mac 1947. Persidangan ini telah menuahkan Pusat Perekonomian Melayu Se Malaya (PEPERMAS) dan Majlis Islam Tertinggi Se Malaya (MATA). PEPERMAS bertujuan untuk membantu serta memajukan perekonomian orang-orang Melayu, tetapi tidak berjaya mengatasi masalah-masalah kekurangan modal dan kelemahan kemahiran orang-orang Melayu ketika itu. Sebaliknya MATA lebih berjaya dari segi matlamatnya yang pertama, iaitu untuk merealisasikan cita-cita aliran pergerakan reformis Islam di Tanah Melayu. Kegiatan-kegiatan MATA meliputi bidang-bidang pendidikan, penyebaran ajaran Islam, penterjemahan dan penerbitan bahan-bahan rujukan Islam, kebajikan bagi golongan wanita, muda-mudi dan orang-orang asli, kewangan dan perundangan Islam. Mungkin yang terpenting dalam usaha-usaha MATA ini ialah penuhan Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR) yang menumpu kepada usaha-usaha memaju serta menjamin mutu pengajaran, khususnya pengajaran agama Islam di sekolah. Bagaimanapun

tuntutan MATA supaya sultan dan raja-raja Melayu menyerahkan semua kuasa mereka di bidang keagamaan kepada satu badan ulama pusat dan supaya wakil-wakil ulama Islam dilantik ke badan-badan eksekutif dan badan-badan penggubal dasar kerajaan telah tidak mendapat perhatian pihak pemerintah.²⁴

Penglibatan Pak Doktor dalam MATA ini juga telah mendorong kegiatan MATA ke arah yang lebih politik dengan pembentukan Hizbul Muslimin pada 14 Mac 1948 di bawah naungan MATA. Dalam inisiatif ini Pak Doktor telah diberikan sokongan bulat oleh Ustaz Abu Bakar Al-Bakir dan Ustaz Abrab Tamimi.²⁵ Dasar perjuangan Hizbul Muslimin ini ialah atas "Islam semata-mata bagi mencapai kemerdekaan bangsa Melayu yang berdaulat, menciptakan masyarakat berdasarkan Islam dan mencapai Tanah Melayu Darul Islam" (Nabir, 1976: 170). Sokongan terhadap Hizbul Muslim di kalangan umat Melayu-Islam menggemparkan politik kebangsaan tanah air dan bertepatanlah dengan perhatian Dato' Onn tentang turunnya 'bahaya dari Gunung [Semanggul]' (Shahrom, 1985: 216).

Kegiatan-kegiatan politik Pak Doktor ini bagaimanapun telah terbukti lagi sekali. Kalau dulunya terbukti disebabkan oleh Perang Dunia Kedua, sekarang terbukti pula oleh perlaksanaan Undang-undang Darurat yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan pada 5 Julai 1948 dan dikuatkuasakan pada 23 Julai 1948. Alasan utama perlaksanaan ini ialah kerana huru-hara yang dicetuskan oleh tindakan Parti Komunis Melaya menentang secara kekerasan penguatkuasaan Perlembagaan Persekutuan pada Februari 1948. Parti-parti politik yang dicap komunis atau kiri telah diharamkan dan pemimpin-pemimpin mereka ditangkap. Ini termasuklah juga para pemimpin PKMM dan Hizbul Muslimin. Pak Doktor bagaimanapun terlepas dari penangkapan awal ini dan beliau telah kembali menetap di Singapura (Saliha, 1972: 31).

Di Singapura Pak Doktor telah ditangkap dan dipenjarakan oleh pemerintah British kerana penyertaan beliau dalam perarakan membantah pemerintahan kolonial pada Disember 1950. Perarakan ini telah dicetuskan oleh peristiwa Nadhra atau Maria Hertogh yang mana Pak Doktor juga adalah seorang Ahli Jawatankuasa Bertindak Nadhra yang telah ditubuhkan oleh masyarakat Melayu Singapura untuk tujuan mempertahankan kedudukan Nadhra dalam masyarakat Islam. Pak Doktor telah dipenjarakan di Pulau Sekijang berhampiran dengan Singapura dan

dibebaskan di awal tahun 1952, tetapi dengan syarat beliau tidak melibatkan diri dalam sebarang kegiatan politik. Dengan sekatan ini dan perlaksanaan Undang-undang Darurat di Tanah Melayu, Pak Doktor telah menumpukan perhatian beliau kepada kedoktoran homeopati.²⁶

Kegiatan-kegiatan Politik 1955-1969

Jika ditinjau kembali ke tahap pertama dalam perjuangan politik Pak Doktor itu, hanya didapati bahawa intipati matlamat-matlamat prinsip perjuangannya yang utama ialah menyatupadukan penduduk Tanah Melayu dengan konsep "Kebangsaan Melayu" dan prinsip "Hak Ketuanan Melayu" atas dasar "keadilan sejarah" dan kedua, menuntut kemerdekaan daripada penjajah British serta mengasaskan pemerintahan sendiri berlandaskan ciri-ciri keperibadian Melayu yang berteraskan kepada Islam. Bagaimanapun, dengan perlaksanaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948, Pak Doktor menerima sebagai *sait accompli* dan meneruskan perjuangan politiknya dalam konteks baru yang berdasarkan kepada lunas-lunas yang telah ditentukan oleh Perlembagaan tersebut. Pada tahap kedua dalam kegiatan-kegiatan politik Pak Doktor ini pula, beliau menumpukan kepada perjuangan mengekalkan dan mendaulatkan prinsip "Hak Ketuanan Melayu" yang melibatkan asas keislaman negara, bahasa dan teras identiti negara, serta konsep "Kebangsaan Melayu" yang beliau yakini sebagai intipati kemerdekaan yang sewajarnya bagi negara ini.

Kehadiran kembali beliau dalam arena politik tanah air, bermula dengan penyertaan beliau sebagai penceramah utama dalam kursus politik anjuran pemuda UMNO Pontian pada 6 Ogos 1954. Bagaimanapun, pada tahun berikutnya, iaitu pada 8 April 1955 Pak Doktor telah turut menganjur dan hadir dalam Kongres Pemuda Melayu Se Malaya yang merupakan sebuah persidangan antiUMNO. Pak Doktor juga telah mempengaruhi isi kandungan "Sumpah Pemuda" dan resolusi-resolusi Kongres yang kemudiannya dihasilkan. "Sumpah Pemuda" dan resolusi-resolusi ini selaras dengan dasar-dasar serta matlamat-matlamat perjuangan politik Pak Doktor. Kongres ini juga telah melantik Pak Doktor sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Kongres Pemuda dan sebagai wakil mereka ke Persidangan Afro-Asia di Bandung, Indonesia dalam bulan yang sama (Saliha, 1972: 33-34).

Semasa di Bandung, Pak Doktor berpeluang memperbaharui hubungannya dengan beberapa pemimpin Asia yang pernah ditemuinya di Persidangan Bangsa-bangsa Asia, New Delhi pada Disember 1947 dahulu. Sekembalinya dari Bandung, tanpa menganggotai sebarang parti politik, beliau mengambil bahagian aktif dalam kempen pilihan raya kebangsaan yang pertama yang berlangsung pada bulan Julai 1955 atas nama Barisan Kebangsaan Melayu yang telah dibentuk oleh Kongres Pemuda Melayu Se Malaya. Pendirian beliau pada waktu itu ialah mengkritik apa yang beliau anggap sebagai kelemahan-kelemahan perjuangan UMNO dan Parti Negara, dan membantah beberapa peraturan pilihan raya yang beliau anggap sebagai tidak memenuhi cita-cita rakyat menurut lunas-lunas demokrasi. Berikutnya, beliau turut terlibat dalam pelancaran penubuhan Parti Rakyat Malaya (PRM). Beliau telah memberikan pidato pada 24 Disember 1955 semasa parti itu melangsungkan kongres pertamanya.²⁷

Jelasnya, semenjak Pak Doktor keluar dari tahanan kerana penyertaan beliau dalam peristiwa rusuhan hadhrah di Singapura itu, beliau tidak menganggotai atau memimpin mana-mana satu parti politik yang ada pada waktu itu. Beliau bagaimanapun, telah turut-serta dalam pembentukan PRM dan menerima pelantikan PRM sebagai Penasihat Parti, tetapi tidak pula menjadi anggota parti. Walaupun begitu, pengaruh beliau di kalangan anggota-anggota PRM adalah besar sehingga kebanyakan isu dan keputusan parti dirujuk dulu kepada beliau sebelum dirumus dan dilaksanakan.²⁸

Meneliti kembali kenapa beliau tidak menyertai mana-mana parti pada jangka masa ini, mungkin satu daripada sebabnya ialah tiadanya parti yang sesuai dengan jiwa beliau yang menuntut perjuangan mendaulatkan keperibadian Melayu yang berteraskan kepada Islam. Parti Islam Se Tanah Melayu (PAS) pada waktu itu mempunyai imej sebagai sebuah pergerakan agama yang konservatif sedangkan Pak Doktor masih kekal dalam anggapan umum sebagai seorang nasionalis kiri. Atau, mungkin juga keadaan tiada berparti beliau itu merupakan strategi penerusan perjuangan politik beliau seperti yang dikatakan pernah beliau ucapkan kepada Boestamam ketika menolak menjadi ahli Parti Rakyat, iaitu supaya,

Saya boleh memainkan peranan yang penting untuk menggembangkan golongan agama dari kalangan kawan-kawan lama kita yang sudah ada

badannya dengan golongan nasionalis, juga dari kawan-kawan lama kita, yang nanti diharapkan mendukung partai baru itu [Parti Rakyat Malaya] (Ahmad Boestamam, 1972: 47-48).

PAS yang pada waktu ini merupakan parti politik Melayu yang terbesar selepas UMNO telah mengalami kekalahan teruk dalam pilihan raya pertama 1955 dengan hanya memenangi satu kerusi. Kelemahan-kelemahan utama PAS pada waktu ini ialah tiadanya kepimpinan yang berwibawa dan tiada kemantapan jentera parti. Dalam anggota-anggota parti menganalisa kekalahan ini, Ahmad Azam Hanafiah (ketika itu Pesuruhjaya PAS Terengganu), Abd. Wahab Noor dari Bagan Serai dan Haji Ahmad Khayyat Setiawan, iaitu bekas anggota PKMM dari golongan agama, telah mengusulkan kepada parti supaya PAS menjemput kepimpinan Pak Doktor. Usul ini telah diterima setelah dibahas dan diperhalusi. Ketika ini Pak Doktor masih menetap di Singapura, di kawasan yang bernama Kampung Pacitan. Dengan itu delegasi PAS yang dianggotai oleh ketiga-tiga anggota tersebut telah ke Singapura menemui Pak Doktor. Hasilnya, Pak Doktor telah bersetuju menjadi anggota PAS pada 14 Disember 1956 dan dilantik menjadi Yang Di Pertua Agung PAS dalam Mesyuarat Agung Tahunannya yang kelima, pada 25 Disember 1956.²⁹

Penceburan Pak Doktor ke dalam PAS pada tahap ini telah menimbulkan berbagai-bagai reaksi di kalangan pemerhati dan ahli politik tanah air, terutamanya mengenai arah, motif dan tujuan politik beliau. Reaksi-reaksi ini setengah-setengahnya memandang baik terhadap langkah Pak Doktor ini, manakala yang lain pula memandang serong dengan menganggap beliau sebagai oportunist politik yang mengambil kesempatan dari kelurusuan ulama-ulama dan lebai-lebai yang ramai menganggotai PAS, dan ada juga golongan yang menyesali langkah Pak Doktor ini sebagai membazir daya kepimpinan beliau di kalangan satu gerakan politik yang mereka anggap tidak berpotensi (Saliha, 1972: 37-38). Bagaimanapun perkembangan berikutnya membuktikan penyertaan Pak Doktor ini ternyata telah memberi nafas baru kepada PAS. PAS seperti telah mendapat dahan tempat bergantung kerana Pak Doktor bukan sahaja tokoh kebangsaan, tetapi juga seorang tokoh antarabangsa yang dikenali, khususnya di kalangan pemimpin-pemimpin negara-negara Afro-Asia. Bagi

Pak Doktor pula, PAS adalah pergerakan Melayu yang mempunyai kemampuan politik yang besar di tanah air ini. Antara lain beliau berkata:

... orang lupa bahawa Pak-pak Lebai itu ialah rakyat juga, rakyat dalam masyarakat kolonia. Ia merupakan satu *force*, satu tenaga, di dalam menentang penjajahan dalam perjuangan kemerdekaan (*Suara Islam*, 16 Januari 1957: 16).

Bagaimanapun keraguan pandangan umum mengenai Pak Doktor sebagai seorang nasionalis kiri, sebagai seorang sosialis, malah komunis, dan sebagai seorang pejuang Kesatuan Tanah Melayu dengan Indonesia amat mendalam di kalangan golongan-golongan tertentu dalam PAS. Maka dalam acara pelantikan rasmi Pak Doktor sebagai Yang Di Pertua PAS itu, pihak Pemuda PAS telah menyampaikan hadiah yang simbolik kepada Pak Doktor, iaitu sebuah al-Quran dan undang-undang tubuh PAS yang dibalut dengan bendera PAS yang ketika itu tertulis Allah dan Muhammad di atasnya.³⁰ Kepercayaan anggota umum PAS terhadap kepimpinan Pak Doktor kemudiannya terbukti dengan kekalnya beliau sebagai Yang Di Pertua parti sehingga akhir hayatnya.³¹

Tugas pertama beliau selepas pelantikan itu ialah memperkemas jentera parti dan menganjurkan Kongres Melayu Yang Kedua pada Mac 1957.³² Matlamat Kongres ini ialah membahas dan menolak dasar kerakyatan *jus soli*, menuntut supaya Bahasa Melayu didaulatkan sebagai bahasa rasmi negara dan menegaskan dasar persamaan hak politik bagi semua warganegara. Dalam perkembangan seterusnya PAS juga telah menegaskan prinsip "Cintakan cita-cita Islam berdiri di atas bumi pesaka kita ini dengan rupa bangsa dan kebangsaan Melayu," iaitu tiang seri perjuangan Pak Doktor yang tidak berubah-ubah. PAS juga telah menerima dasar-dasar serta matlamat perjuangan politik Pak Doktor berdasarkan penghujahan beliau yang mampat tentang hubungan konsep "Kebangsaan Melayu" dengan perjuangan menegakkan prinsip-prinsip politik Islam, iaitu satu persoalan yang sensitif dalam perjuangan politik PAS.³³

Kewibawaan kepimpinan beliau adalah satu faktor utama dalam kemenangan PAS yang cemerlang, terutama di negeri-negeri Kelantan dan Terengganu dalam pilihan raya umum 1959. Seruan yang dilaungkan oleh PAS dalam pilihan raya tersebut ialah bahawa kemerdekaan yang dicapai pada 1957 itu adalah satu kemerdekaan yang tiada bermakna, kosong! Dan,

"perjuangan kita sekarang ialah mengisi kemerdekaan ini" dengan corak dan kandungan yang dikehendaki oleh rakyat, khususnya rakyat Melayu, iaitu prinsip-prinsip "Kebangsaan Melayu" dan "Hak Ketuanan Melayu" itu.³⁴ Pak Doktor sendiri telah menenangi kawasan parlimen Besut, Terengganu.

Di sepanjang penyertaannya di Dewan Rakyat (1959-1964), sebagai wakil PAS, prioriti Pak Doktor kekal dengan "tugas kebangsaan lebih dari tugas kepartian". Beliau biasanya paling aktif dan berucap dengan panjang lebar mengenai persoalan yang berkait dengan idealisme-idealisme politik beliau. Bagaimanapun usul-usul Parlimen yang diilhamkan oleh beliau seperti usul "supaya rupa bangsa atau kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu ini dikenali sebagai 'Melayu',"³⁵ dan usul "supaya Persekutuan Tanah Melayu dipunyai oleh bangsa Melayu dirakamkan dalam Perlembagaan Persekutuan,"³⁶ tidak pernah mendapat sokongan luar dari wakil-wakil PAS dan Parti Negara. Ada sebilangan wakil lain menganggapnya perkauman. Pak Doktor sebaliknya mempertahankan usul-usul tersebut sebagai teras yang akan menjamin kestabilan dan kedamaian politik negara ini. Keyakinan beliau juga ialah "sama ada diterima atau tidak itu adalah menjadi sejarah apa yang saya perjuangkan dalam Parlimen ini" dan "kerana kita memperjuangkan di zaman penjajahan dengan susah dan payah maka dalam masa kita seperti ini [merdeka, berdemokrasi dan berpemerintahan sendiri] kita hendak ia sahaja maksud kita yang asal itu, saya berasa tidak menunaikan kewajipan saya ..."³⁷

Dalam persidangan Dewan Rakyat pada 18 Oktober 1961 pihak kerajaan telah mencadangkan secara rasmi tentang pembentukan Malaysia yang mengandungi semua negeri Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Brunei dan Wilayah-wilayah Borneo Utara dan Sarawak. Pak Doktor menyokong cadangan tersebut atas dasar semangat konsep "Melayu Raya" dan dengan syarat dipersetujui oleh negeri-negeri dan wilayah-wilayah berkenaan serta diperkenan oleh Persidangan Raja-raja Melayu. Pak Doktor juga cuba mengusulkan supaya gagasan Malaysia itu diperluaskan untuk merangkumi keseluruhan Dunia Melayu dengan menjemput sama penyertaan Indonesia dan Filipina.³⁸ Usul ini ditolak oleh Dewan, dan ditolak lagi kali yang kedua apabila Pak Doktor mengusulkannya semula pada 1 Mei 1962. Pak Doktor membantah pandangan kerajaan bahawa usul seperti itu akan menyebabkan hubungan tegang dengan negara-negara berkenaan.

Sebaliknya Pak Doktor berpandangan bahawa ia akan membawa kepada persahabatan yang lebih erat berdasarkan persahabatan yang sudah ada. Ia akan mencapai salah satu lagi idealisme politik Pak Doktor, iaitu konsep "perahu lalu kiambang bertaut".³⁹

Apabila Brunei tidak mahu menyertai Malaysia, Filipina membantah kemasukan wilayah Sabah, Indonesia melancarkan "Ganyang Malaysia" (dan kemudian pemisahan Singapura dari Malaysia pada 1965) Pak Doktor meletakkan beban tanggungjawab memecahbelahkan Dunia Melayu ke atas bahu pemerintah Perikatan yang tidak memahami konsep dan semangat Melayu Raya (Saliha, 1972: 47). Pak Doktor mengistilahkan kesilapan ini sebagai,

Kokok kata ayam
Kicau kata murai
Sudah bongkok dek menganyam
Salah dari mula

Di akhir penggal beliau sebagai Ahli Dewan Rakyat, beliau telah terbabit pula dalam satu kes pecah amanah yang menyebabkan beliau tidak layak menjadi calon dalam pilihan raya 1964. Kes ini melibatkan tujuh orang pengarah Malayan-German Shipping Company yang mana beliau adalah salah seorang daripadanya. Dalam satu surat peribadi beliau bertarikh 19 November 1963, Pak Doktor ada menyatakan kemungkinan kes ini sengaja dipergunakan oleh "golongan tertentu" untuk menghalang beliau daripada menyertai pilihan raya umum 1964 dan meneruskan perjuangan ke arah idealisme politik beliau.⁴⁰ Dengan itu, berakhirlah penglibatan politik beliau di Dewan Rakyat negara ini.

Kehampaan beliau terhadap dasar dan tindak-tanduk pemerintah Perikatan ini adalah faktor utama yang menyeret beliau kepada menyertai gagasan menuuhukan kerajaan buangan bersama-sama Ishak Hj. Mohammad, Dato' Raja Abu Hanifah dan Aziz Ishak pada 1965. Dalam gagasan ini juga Pak Doktor dianggap sebagai mewakili golongan politik Melayu aliran Islam. Rancangan ini telah terbongkar sebelum sempat Pak Doktor serta rakan-rakannya berlepas ke tempat tujuan mereka, iaitu Karachi, ibu Pakistan yang ketika itu kerajaannya dipimpin oleh Parti Rakyat Pakistan atau Pakistan People's Party (PPP) yang mereka anggap

sebagai mempunyai dasar perjuangan yang sama. Pak Doktor⁴¹ telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 18 Januari 1965 dan telah dibebaskan pula kira-kira setahun kemudian iaitu pada 14 Mac 1966. Bagaimanapun beliau telah dikenakan syarat-syarat yang melarang beliau terlibat dalam sebarang kegiatan politik (Saliha, 1972: 42).

Selepas peristiwa tahanan ini, kesihatan beliau bertambah buruk. Dalam tahun 1968 kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman telah memberikan jasa baiknya untuk mendapatkan rawatan perubatan bagi Pak Doktor di Australia. Berikutnya pada 22 September 1969 pihak Kerajaan telah menarik balik syarat-syarat yang dikenakan ke atas Pak Doktor dan membenarkannya mengambil bahagian semula dalam politik tanah air. Pada 10 Oktober 1969 Pak Doktor meninggal dunia di rumah isterinya yang akhir, Puan Cik Suri Bt. Yahaya di Taiping, Perak (Saliha, 1972: 42).

Pak Doktor telah kekal sebagai Yang Di Pertua PAS semenjak dilantik pada tahun 1956 sungguhpun beliau tidak merupakan pemimpin *de facto* parti itu semasa beliau ditahan. Dari segi dasar dan matlamat perjuangan politiknya, Pak Doktor tetap setia sepanjang hayatnya kepada idealisme-idealisme politik beliau. Perjuangan politik beliau di tahap 1955-1968 ini juga adalah perjuangan tahap akhir dalam merealisasikan idealisme politik beliau itu, iaitu tahap perjuangan mengisi kemerdekaan dengan cita-cita Islam yang tegak di atas rupa bangsa Melayu. Bagi Pak Doktor, semenjak kejatuhan Melaka, pembelaan ke atas nasib bangsa Melayu di tanah air ini haruslah melalui tiga tahap, iaitu seperti pantunnya di Kongres Melayu Melaka, 1946:

Di atas robohan Kota Melaka
Kita bangunkan jiwa merdeka
Bersatu padulah segenap baka
Membela hak keadilan pesaka

Tahap pertama ialah membangunkan kesedaran politik bangsa ke arah mengembalikan kedaulatan dan kemerdekaan bangsa dan tanah air. Tahap kedua ialah menyatupadukan keseluruhan rakyat ini dalam satu semangat kebangsaan, iaitu "Kebangsaan Melayu" dan seterusnya tahap ketiga, ialah

mendaulatkan "Hak Ketuanan Melayu" berdasarkan keadilan sejarah dan keadilan politik negara ini (Saliha, 1972: 31).

Idealisme-idealisme Politik⁴²

Daripada pengenalan latar belakang keluarga, pengalaman pendidikan dan sosialisasi awal beliau, seterusnya membawa kepada dasar, matlamat dan corak kegiatan politik beliau, jelaslah bahawa Pak Doktor sebagai mana yang beliau sendiri tegaskan, ialah "saya tetap seorang nasionalis dan putera Islam".⁴³ Pak Doktor bukanlah seorang sosialis atau penyokong ideologi komunis, apatah lagi seorang penganut ideologi itu seperti yang pernah diperkatakan oleh setengah-setengah anggapan umum terhadap beliau. Pak Doktor adalah seorang penganut Islam yang jelas tentang kewajipan politik dan sosialnya terhadap masyarakat Islam. Beliau juga adalah dari golongan penganut Islam yang gigih dan tekun menuaikan kewajipan politik dan sosialnya.

Perkaitan dan keselarasan dalam fahaman Pak Doktor mengenai hubungan perjuangan kebangsaannya dan kehendak Islam sentiasa diulang-ulang oleh beliau dalam penjelasannya sama ada dalam ucapan-ucapan dan ceramah-ceramah atau dalam penulisan-penulisan beliau. Antaranya dapat dilihat dalam koleksi yang telah diusahakan oleh Kamarudin Jaafar, *Dr. Burhanuddin Al Helmy: Politik Melayu dan Islam* (1980). Yang paling berkenaan dari segi aspek perjuangan Pak Doktor menegakkan "cita-cita Islam berdiri di atas bumi pesaka kita ini" ialah *Perjuangan Kita* (1946), *Falsafah Kebangsaan Melayu* (1954), *Ideologi Politik Islam* (1957) dan ucapan akhir beliau di Mesyuarat Agung PAS Ke-12, 1964. Tidak termuat di dalam koleksi ini, tetapi juga berkaitan dengan soal hubungan antara perjuangan kebangsaan dan kehendak Islam, ialah ucapan Pak Doktor genap setahun sebagai Yang Di Pertua PAS, dalam mesyuarat Agung PAS Yang Ke-6, 1957. Secara keseluruhannya, jelas bahawa idealisme-idealisme politik Pak Doktor, dan perjuangan serta kegiatan politik beliau ke arah merealisasikan idealisme-idealisme ini sentiasa terasas dan berpandu kepada keredaan agama.

Idealisme-idealisme politiknya ini pula diperjuangkan menurut kesesuaian dengan perkembangan politik dalam masyarakat tanah air. Tahap-tahap yang dilalui ini bermula dengan keperluan asas untuk

membangunkan jiwa ingin merdeka dan memerintah sendiri di kalangan umat Melayu. Ini diikuti dengan usaha menyatupadukan jiwa-jiwa yang telah disedarkan dan telah tahu harga diri itu dalam satu pergerakan yang berkesan dan mampu untuk menentukan rupa bangsa dan asas-asas pemerintahannya sendiri. Ini adalah ciri-ciri kegiatan-kegiatan politik Pak Doktor sebelum terlaksananya Perlumbagaan Persekutuan 1948. Pemusatan kegiatan-kegiatan ini ialah antipenjajahan dan khususnya antipenjajah British. Bagi Pak Doktor sebarang kesan penjajahan di dalam orientasi intelek, pandangan falsafah, dan perlakuan etika sesuatu kumpulan manusia dianggapnya jijik atau dianggap sebagai "penjajahan halus." Dengan itu, beliau memperjuangkan konsep nasionalis tulen yang bermakna kemerdekaan dan kedaulatan yang tulen baik dari segi zahir maupun batinnya, di mana kebudayaan dan orientasi intelek sekumpulan manusia itu hanya mencerminkan identiti nasionalnya yang tersendiri. Tema beliau yang utama ialah Kebangsaan Melayu, Hak Ketuanan Melayu, dan Melayu Raya. Konsep Kebangsaan Melayu beliau tidaklah berdasarkan kepada bangsa keturunan, tetapi,

Tiap-tiap seorang daripada apa puak atau bangsa pun yang telah putus atau memutuskan perhubungan dan pertaliannya dengan kebangsaan asalnya lalu menumpukan taat setianya serta memenuhi syarat dan kehendak kebangsaan Melayu maka jadilah ia berkebangsaan Melayu menurut istilah politik. (Burhanuddin. 1954c: 79).

Dengan perkataan lain barang siapa yang memilih untuk taat setia kepada Tanah Melayu dan berusaha ke arah mencapai serta merealisasikan aspirasi nasionalnya, dianggap sebagai menghayati konsep Kebangsaan Melayu dalam erti kata politiknya. Oleh itu Melayu hanyalah suatu istilah politik yang memberikan identiti kebangsaan kepada warganegara Tanah Melayu sebagai menghormati bumiputeranya yang asal, iaitu Melayu. Sebaliknya,

Tidak dapat dimasukkan seorang baka Melayu kepada Kebangsaan Melayu jika seseorang itu telah memutuskan daripada Kebangsaan Melayu dengan pilihannya sendiri dengan cukup keterangannya pula (Burhanuddin. 1954c: 79).

adalah patriotisme yang unggul terhadap Tanah Melayu tanpa menghiraukan perbezaan keturunan dan bangsa. Ia merupakan asimilasi politik terhadap kaum pendatang supaya negara ini mempunyai identiti dan keperibadian yang jelas dan tersendiri di dunia antarabangsa. Seterusnya, Pak Doktor memperjuangkan supaya kewarganegaraan negara ini dinamakan Melayu. Nama ini tidak seharusnya mempunyai sebarang implikasi keturunan tetapi hanya nama rasmi kewarganegaraan Tanah Melayu.

Bagi Pak Doktor, konsep kewarganegaraan Melayu dan idealnya mengenai Kebangsaan Melayu adalah jauh sama sekali dari tujuan mencetuskan permusuhan dan sengketa antara kaum. Sebaliknya ia bertujuan untuk menjadi asas kepada satu perpaduan nasional yang unggul. Beliau tidak memperjuangkan dengan niat buruk terhadap cara hidup dan sifat-sifat peribadi bukan bumiputera. Malah beliau menegaskan bahawa:

...penukarannya kebangsaan itu tidaklah turut bertukar darah baka dan bangsa keturunan sesuatu kaum kerana perkara ini termasuk di dalam kuasa perasaan dan tabii seseorang, tetapi kebangsaan itu termasuk di dalam kuasa undang-undang dan politik. (Burhanuddin, 1954c: 79).

Jelasnya sekalian sifat peribadi yang diwarisi turun-temurun itu tidak akan berubah oleh suatu perlakuan politik seperti memilih kewarganegaraan. Dengan itu Melayu adalah nama warganegara Persekutuan Tanah Melayu dengan tidak membezakan keturunan bangsa masing-masing. Malah setiap warganegara adalah setia dan kukuh kepada Kebangsaan Melayu.

Selaras dengan kehendak-kehendak ini, Pak Doktor seterusnya memperjuangkan supaya bahasa dan agama negara ini ialah bahasa dan agama bumiputeranya, iaitu Bahasa Melayu dan agama Islam. Pak Doktor sebagai sifatnya seorang Muslim merasakan bahawa adalah saksama jika Islam menjadi agama negara kerana bukan sahaja ia merupakan agama bumiputeranya tetapi juga merupakan satu agama yang toleran terhadap agama-agama lain, serta menjamin keadilan dan kebebasan bagi warganegara bukan Muslim di bidang politik, sosial dan ekonomi. Dengan itu, setiap warganegara adalah terjamin keselamatan dan hak asasi masing-masing.

Pak Doktor menginginkan supaya Persekutuan Tanah Melayu mencerminkan keperibadian dan nilai-nilai bumiputeranya dalam

keperibadian atau identiti kebangsaannya. Beliau juga menginginkan supaya ditegaskan di dalam perlembagaan negara bahawa Persekutuan Tanah Melayu ini adalah hak Melayu. Kedaulatan ciri-ciri agama dan kebudayaan bumiputera ini mestilah diakui oleh lain-lain warganegara. Inilah yang dikatakan oleh Pak Doktor sebagai **Hak Ketuanan Melayu**. Pak Doktor menegaskan ini adalah isu nasional dan bukan isu ras. Ianya diketengahkan dengan tujuan mengelakkan sebarang perselisihan faham di masa-masa akan datang di antara keturunan bumiputera dan keturunan pendatang asing yang telah berkebangsaan Melayu. Sehubungan dengan prinsip ini Pak Doktor menganggap ini adalah satu keadilan politik jika pihak British memulangkan negara ini ke tangan bumiputeranya. "Manakala balik penjajah ke negerinya bahawa negeri ini dibalikkan kepada tuannya".⁴⁴ Sejarah dengan konsep Hak Ketuanan Melayu ini Pak Doktor berpendirian bahawa raja-raja Melayu juga harus dikekalkan kedaulatannya, tetapi menerima nasihat daripada Parlimen atau majlis mesyuaratnya "Menurut perjuangan kita pada tingkatan sekarang ini ... kedudukan raja-raja Melayu janganlah disentuh".

Puncak kepada cita-cita politik Pak Doktor ialah pembentukan Melayu Raya, iaitu sebuah kesatuan politik yang menyatukan kesemua keturunan Melayu di rantau ini. Sesungguhnya beliau sentiasa menganggap Tanah Melayu, Singapura, Indonesia dan Filipina sebagai satu kesatuan entiti politik dalam masyarakat antarabangsa, Dunia Melayu. Dunia Melayu yang telah dipecah-belahkan dan dibahagi-bahagikan oleh penjajah-penjajah tetapi pada suatu masa harus kembali kepada perpaduan yang semula jadi seperti mana "perahu lalu kiambang bertaut".⁴⁵

Selepas terlaksananya Perlembagaan Persekutuan 1948 dan tercapainya kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, usaha-usaha politik Pak Doktor ialah ke arah mengisi kemerdekaan ini dengan idealisme-idealisme di atas. Usaha-usaha ini pula, sekurang-kurangnya sehingga 1965, sentiasa beliau lakukan sejajar dengan keyakinan beliau kepada cara-cara perundingan dan berperlembagaan. Perjuangan untuk mengisi kemerdekaan dengan idealisme-idealisme politik beliau tersebut merupakan ciri-ciri utama kegiatan politik Pak Doktor di tahap kedua khususnya antara 1955 dan 1965. Ternyata matlamat dan dasar politik beliau ini walaupun mendapat sokongan yang luas seperti dapat dilihat dari sokongan-sokongan terhadap PKMM,⁴⁶ PUTERA-AMCJA, MATA dan Hizbul Muzlimin sebelum 1948,

dan sokongan rakyat Melayu terhadap PAS semasa pimpinan beliau, namun matlamat-matlamat dan dasar politik Pak Doktor ini telah tidak diterima secara terbuka dan bulat oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan. Hanya sebahagian daripada unsur-unsur tertentu dari konsep-konsep Kebangsaan Melayu dan Hak Ketuanan Melayu yang dipertahankan dalam perlumbagaan negara. Yang lain tinggal kekal buat masa ini sebagai "idealisme-idealisme" politik Pak Doktor.

Kegiatan Penulisannya

Kegiatan penulisan Pak Doktor (Saliha, 1972:50-52) bermula dengan percubaan beliau mengarang, menulis dan mengedarkan akhbar *Berita Minggu* semasa beliau masih belajar di sekolah rendah di kampung. *Berita Minggu* dikatakan memuatkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekitar kehidupan kampung waktu itu. Kemudian semasa belajar di Al Masyhur di Pulau Pinang, dengan galakan Asbiran Yaakob, beliau dikatakan banyak menulis rencana untuk akhbar-akhbar dan majalah-majalah di Tanah Melayu dan di Indonesia dengan menggunakan berbagai-bagai nama seperti kebiasaan penulis-penulis Melayu pada zaman itu.⁴⁷ Sekembalinya dari India beliau telah turut menjadi penyunting bagi majalah *Kehidupan Dunia Akhirat* dan berjaya mengarang dan menerbitkan satu isu *Taman Babagia* yang antipenjajah British. Dalam tahun-tahun 1930-an beberapa buah buku beliau dikatakan telah diterbitkan di Singapura; dua daripadanya berbentuk mengajar aspek-aspek kerajinan dan kesihatan iaitu *Mutu Kerajinan* dan *Asuhan Kesibatan* dan satu lagi bercorak agama dan falsafah, *Mencari Allah* (Burhanuddin, 1954c: 7).

Pada masa pergelangan politik 1940-an dan 1950-an pula beliau telah menghasilkan *Perjuangan Kita* (1946), *Falsafah Kebangsaan Melayu* (cetakan pertama Ogos, 1954; cetakan kedua Disember, 1954), *Agama dan Politik* (1954), dan *Ideologi Politik Islam* (1957). Buku *Falsafah Kebangsaan Melayu* ialah bahan-bahan ucapan beliau yang tersiar di dalam *Mingguan Melayu* antara Oktober 1953 hingga Februari 1954 yang telah dikutip, disusun dan disiarkan kembali oleh Ustaz Ahmad Azam b. Hanafiah dengan kebenaran Pak Doktor. Bahan-bahan ini disempurnakan oleh Ustaz Ahmad Azam dengan menggunakan catatan-catatan ringkas Pak Doktor, syarah-

syarahan dan kursus-kursus yang beliau berikan pada waktu itu di merata-rata pelosok tanah air.⁴⁸ Buku ini juga pernah dipamerkan di Kongres Bahasa Indonesia di Medan, pada 28 Oktober-2 November 1954 dan (telah diterbitkan semula di Indonesia oleh TEKAD, Jakarta, 1963). Buku *Agama dan Politik* adalah ucapan dalam ceramah beliau di kursus politik yang telah dianjurkan oleh Pemuda UMNO Pontian pada 6 Ogos 1954. Sedangkan buku *Ideologi Politik Islam* pula telah disusun oleh ustaz Ibrahim Hassan berdasarkan ceramah Pak Doktor anjuran Persatuan Mahasiswa Islam, Universiti Malaya, Singapura pada 15 April 1957 (Kamarudin, 1980: 146-147).

Pada 1950 Pak Doktor telah juga berperanan menubuhkan Lembaga Bahasa Melayu di Singapura dan beliau dilantik sebagai Yang Di Pertuanya yang pertama (Burhanuddin, 1954c:7). Dalam tahun 1960-an pula Pak Doktor telah menghasilkan buku *Arab Perjalanan Politik Tanah Melayu Sekarang* (1963) dan buku *Simposium Tawauf dan Tariqat*. Buku *Simposium Tawauf dan Tariqat* ini berasal dari dua ucapan beliau, iaitu pertama dalam persidangan pembukaan Kongres Ahli-ahli Tariqat Saudiah seluruh Tanah Melayu di Dewan Bandaran Kuala Lumpur pada 2 Oktober 1960 dan kedua, ucapan pembukaan sidang mesyuarat agung Persatuan Tariqat Saufiah yang pertama pada 3 Jun 1962. Isinya menghuraikan 26 tajuk yang berhubungan dengan amalan tasawuf dan tariqat.⁴⁹

Pak Doktor juga, menurut catatan buku hariannya pada 1947 telah memulakan projek menterjemah al-Quran ke bahasa Melayu pada hari jadinya yang ke-36. Terjemahan ini beliau cadangkan sebagai penghargaan kepada ayah-bonda beliau. Projek ini terbengkalai dengan pendudukan Jepun dan hanya dapat beliau teruskan semula semasa beliau dalam tahanan, 1965-1966 dan seterusnya sehingga kematian beliau pada 1969. Ia merupakan satu lagi projek Pak Doktor yang bagaikan niat di hati nak peluk gunung apakan daya tangan tak sampai, kerana di samping projek terjemahan ini beliau juga mengusahakan sebuah kamus Jawi Melayu-Inggeris-Arab. Di saat kematiannya, beliau baru mencapai huruf jim (ݢ), iaitu huruf Jawi yang kelima.⁵⁰

Penilaian Umum

Walaupun pada keseluruhannya, umum di negara ini mengakui perpentingnya peranan dan ketokohan Pak Doktor dalam sejarah tanah air, namun terdapat perbezaan dari segi aspek kepentingan dan ketokohan Pak Doktor ini mengikut penilaian lain-lain golongan. Misalnya, sebagai ukuran penghargaan pihak negara yang dipimpin oleh kerajaan Perikatan terhadap sumbangannya dan ketokohan Pak Doktor dalam perjuangan memerdekaan tanah air, mendaulatkan bangsa dan mencorak keperibadian politik negara, Kementerian Pelajaran di bawah Menteri Pelajaran Datuk Abdul Rahman Yaakob, telah bersetuju untuk menamakan sebuah sekolah menengah rendah di Taiping, Sekolah Menengah Rendah Dr. Burhanuddin Al Helmi. Sedangkan di kalangan orang-orang yang pernah kenal dan bergaul dengan Pak Doktor, beliau dianggap manusia istimewa yang berkeperibadian Islam yang tinggi dan gigih memperjuangkan keyakinan-keyakinan beliau. Kewibawaan dan pengaruh beliau ini turut diakui oleh penentang-penentang politik beliau (Saliha, 1972: 53).

Banyak juga orang menganggap Pak Doktor sebagai seorang nasionalis Melayu yang tulen. Ada pula yang menganggapnya sebagai seorang ulama Islam progresif. Tidak kurang juga yang menganggapnya sebagai ahli tasawuf Islam. Ada juga yang menganggapnya seorang penulis atau wartawan.⁵¹ Ada lagi yang menganggapnya sebagai seorang guru dan ahli pendidikan. Terdapat juga yang mensifatkan beliau sebagai seorang pemimpin Islam yang tulen. Malah ramai pula pengikut-pengikut Pak Doktor di kalangan ini yang kurang senang jika Pak Doktor disifatkan sebagai seorang nasionalis kerana pada fahaman golongan ini, seorang Muslim - dari aspek akidah dan syariah - tidak mungkin menjadi seorang nasionalis. Seorang "nasionalis tulen" dengan itu tidak mungkin merupakan seorang "Muslim sejati".⁵²

Setengah-setengah pihak di luar negeri, seperti pemimpin-pemimpin kebangsaan Asia dan Afro-Asia yang beliau temui di Persidangan Perhubungan Bangsa-bangsa Asia, New Delhi (1947) dan di Persidangan Afro-Asia, Bandung (1955), mengenalinya sebagai seorang yang gigih dalam perjuangan menentang penjajahan dan feudalisme. Mereka mengetahui hanya mengenai kepimpinannya kepada gerakan-gerakan nasionalis semata-mata dan tidak kepada gerakan-gerakan Islam. Misalnya, sebuah Kamus

Biografi Antarabangsa yang penaungnya ialah Maharaja Haile Selassie I, Ethiopia, telah menamakan Pak Doktor sebagai nasionalis ulung dari Malaia dalam keluaran 1969/70. Penjajah British sendiri menganggap Pak Doktor sebagai pemimpin gerakan-gerakan prokomunis atau badan-badan barisan hadapan komunis.⁵³ Bagaimanapun golongan ramai dalam negeri banyak memandang Pak Doktor sebagai seorang nasionalis "Pembawa Obor Cita-cita Kemerdekaan", seperti seni kata sebuah lagu *Selamat Datang* yang ditulis oleh Pemuda Proliter (Hassan Agus) dan disalinkan dalam Buku Harian 1947 Pak Doktor pada tarikh 19 Julai;

Selamat tiba Bapa Malaya
Pemimpin rakyat jelata
Sungguh gembira kami semua
Menyambut penganjur bangsa

Terima salam merdeka
Salama kebangsaan raya
Sebagai sambutan bersama
Pencipta Malaya Merdeka

Dengan semangat tegoh berwaja
Maju mara bersama
Berjuang terus hingga merdeka
Negara bangsa dan agama

Nota

1. Dr. Burhanuddin Al Helmi, *Falsafah Kebangsaan Melayu*, (Bukit Mertajam: Pustaka "Semenanjung", Disember 1954, 6. Bagaimanapun, berdasarkan temubual yang diadakan dengan Ustaz Abd. Halim b. Hj. Mohd. Nor, adik kepada Pak Doktor, pada Mac 1972, tarikh yang diberikan ialah November, 1911. Lihat Saliha Hj. Hassan, "Dr. Burhanuddin al Helmi: A Political Biography", Graduation Exercise, History Department, University of Malaya, 1972, 7.
2. Istilah "Melayu Jati" ini popular di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua untuk membezakan keturunan Melyu tulen dengan keturunan Melayu yang berdarah kacukan Arab, India atau lain-lain.
3. Surat peribadi daripada En. Hawari bin Che' Teh kepada penulis, bertarikh 7 Jun 1972. En Hawari ialah salah seorang yang mengenali Pak Doktor dengan rapat dan pada masa penulisan makalah ini beliau ialah Setiausaha Pesuruhjaya PAS, Perak.
4. Temu bual dengan Datuk Hj. Hassan Adli b. Hj. Mohamad Arshad pada 20-25 April 1986. Pengumpulan maklumat mengenai Pak Doktor merupakan salah satu projek peribadi Datuk Hj. Hassan Adli.
5. Ibid.
6. Beliau selalu berpegang kepada sikap "tak baik menghampaskan harapan orang" dan sentiasa mempercayai keikhlasan orang lain. Pandangan ini diberikan oleh semua responden yang dapat ditemu bual. Pandangan yang sama juga diberikan oleh Ahmad Boestamam dalam *Dr. Burhanuddin: Putera Setia Melayu Raya* (Kuala Lumpur: Pustaka Kejora, 1972), 31-32 dan N. J. Funston dalam *Malay Politics in Malaysia: A Study of the United Malaya National Organisation and Party Islam* (Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1980), 132.
7. Pada 1947 Pak Doktor telah digantikan oleh Ishak Hj. Muhammad sebagai Yang Di Pertua PKMM dan dilantik pula menjadi Penasihat Agung PKMM, iaitu satu jawatan yang diadakan untuk tujuan menyingkirkan Pak Doktor dari pucuk pimpinan PKMM kerana terdapat tentangan dari golongan sosialis dan radikal dalam PKMM, khususnya anggota-anggota API, terhadap cara perjuangan Pak Doktor ini. Lihat Ahmad Boestamam, *Dr. Burhanuddin*, 32-33.
8. Didapati dari surat peribadi En. Hawari, 7 Jun 1972 dan temu bual dengan Datuk Hj. Hassan Adli, 10-25 April 1986.
9. Transkripsi dokumentasi lisan Hj. Hassan Adli b. Hj. Mohamad Arshad. (Malaysia: Arkib Negara Malaysia, 1979), 39.

10. Lihat Saliha, *op. cit.*, 8, nota kaki 2: "In subsequent lectures to the members of the Malaysian Homeopathic Association, he consistently urged them to make academic researches into the native Malay medicines and purge it of its "tahyul" and "kekarutan" for he believed it contained much that could be used to complement and supplement the modern medication." Temu bual dengan Dr. Dali b. Muin, Februari 1972.
11. Temu bual dengan Datuk Hj. Hassan Adli, 20-25 April 1986.
12. Lihat misalnya G. M. Kahin, *Nationalism and Revolution in Indonesia* (Ithaca, N. Y.: Cornell University Press, 1955), dan B. Dahm, *Sukarno and the Struggle for Indonesian Independence*, (Cornell University Press, 1969).
13. Temu bual dengan Ustaz Abdul Halim, Mac 1972 dalam Saliha, *op. cit.*
8. Maklumat-maklumat peribadi yang digunakan dalam latihan ilmiah ini, pada keseluruhannya didapati dari temu bual dengan Ustaz Hj. Abdul Halim, adik Pak Doktor yang tinggal di Slim River, Perak; Puan Cik Suri bt. Hj. Yahaya, balu Pak Doktor yang menetap di Taiping, Perak dan Dr. Dali Muin, adik ipar Pak Doktor yang juga pada waktu itu tinggal di Taiping, Perak.
14. Temu bual dengan Datuk Hj. Hassan Adli, 10-25 April 1986.
15. Ibid.
16. Dalam bahagian "Pengenalan", *Falsafah Kebangsaan*, 6, Pak Doktor dikatakan telah "tamat sekolah Melayu tahun 1924, bersekolah agama dan Belanda di Indonesia sehingga tahun 1926. Pada 1927 memasuki sekolah Arab dan Inggeris di Pulau Pinang. Pada 1928 berangkat ke India kerana memasuki sekolah menengah dan sekolah perguruan tinggi. Mendapat kelulusan (Degree) dalam "Kedoktoran" di Universiti India". Funston pula mengatakan bahawa "In 1927 he (Pak Doktor) attended the noted Madrasah al Manshor Aslamiyah (sic) in Penang, then in 1928 proceeded to Aligarh University in India where he studied first homeopathy then philosophy." Lihat Funston, *Malay Politics in Malaysia*, 118.
17. Homeopati ialah suatu cabang perubatan, yang berasal dari Jerman dan popular di India, boleh dipelajari secara informal sama ada dari seorang doktor homeopathi yang telah bertauliah atau dari beberapa banyak organisasi dan "Institusi" perubatan ini.
18. Temu bual dengan Datuk Hj. Hassan Adli, 20-25 April 1986. Lihat juga Saliha, *op.cit.*, 8.
19. Temu bual dengan Datuk Hj. Hassan Adli, 20-25 April 1986. Funston juga ada mengatakan bahawa "From there [India] he moved to Palestine where he was drawn into the Arabic nationalist crusade against the British effort to set aside a homeland for Jews (the Belfour Declaration). For this he was arrested by the

British and spent a number of months in jail before going to Singapore", Funston, *Malay Politics in Malaysia*, 118 dan lihat juga Saliha, op.cit., 9.

20. Saliha, op. cit., 16. Pentadbiran Tentera Jepun telah merangkumkan Sumatera dan Tanah Melayu di bawah satu pentadbiran.

21. Menurut Andaya, KERIS kemudiannya ditukar nama daripada Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung kepada Kekuatan Rakyat Indonesia Istimewa. Lihat Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia* (Macmillan Publishers (M) Sdn. Bhd., 1983) 291.

22. Saliha, op. cit., 1925. Tan Cheng Lock yang menjadi Pengurus AMCJA juga telah mengulas bahawa "The PUTERA-AMCJA Datuk Haji Hassan Adli ialah Ketua Dewan Pemuda PAS pada ketika itu. Beliau menyandang jawatan tersebut selama lima tahun, 1953-1958.

31. "His active leadership of PAS was mainly between 1956 to 1963 although he remained its Presiden until his death in 1969. ...The decision of PAS National Executive to retain Burhanuddin as such was [because of] the charismatic influence that he held over PAS's rank and file. Due to this, the Executive was forced to withdraw plans to replace him as the party President at its 1969 General Assembly in Perlis despite the fact that Burhanuddin was ill and there was complete prohibition in political activities [after his involvement in the abortive 1965 Anti-Malaysia scheme]", Saliha, op. cit., 39.

32. "It was reminiscent of the first Kongres Melayu Malaya [which later gave birth to Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) or the United Malays National Organisation (UMNO)] held in March, 1946 and attended by all existing Malay movements including PKMM. [It] was convened in protest against the British's scheme of Malayan Union ... under the leadership of the celebrated Malay nationalist, the late Dato' Onn bin Jaafar", Saliha, op. cit., 39.

33. Ibid., 40. Perbincangan yang lebih terperinci mengenai ideologi parti PAS semasa kepimpinan aktif oleh Pak Doktor juga terdapat dalam Funston, *Malay Politics in Malaysia*, 140-145.

34. *Manifesto Pilihanraya PAS*, 1959.

35. *Dewan Rakyat (Parliamentary Debates)*, Official Report, Vol. II, No. 50. Col. 5300.

36. Ibid., Vol. IV, No. 14, Col. 1515.

37. Ibid., Vol. III, No. 18, Col. 1638.

38. Ibid., Vol. III, No. 18, Col. 1638.

39. Ibid., Vol. IV, No. 5, Col. 632.

40. Surat peribadi Pak Doktor kepada Hassan Adli, bertarikh 29 November 1963.
41. "The PPP remains today Pakistan's only populist party. Its policies are four pronged: "Islam is our religion; socialism is our economy; democracy is our politics; the people are our source of power":, *Asiaweek*, April 27 1986, 27.
42. Lihat juga Saliha, "Dr. Burhanuddin al-Hulaimi: The Ideals of A Malay Nationalist" dan "Dr. Burhanuddin Al-Hulaimi: Cita-cita seorang Naisonalis Melayu", *Nadi Insan*, Oktober 1979, 8-11.
43. *Dewan Rakyat (Parliamentary Debates)*, Official Report, Vol. II, No. 50, Col. 5483.
44. *Dewan Rakyat (Parliamentary Debates)*, Official Report, Vol. IV, No. 14, Col. 1528.
45. Lihat Dr. Buhanuddin Al-Helmi, "Pidato di Kongres Partai Rakyat, 1955", dalam Kamarudin (ed.), *Dr. Burhanuddin Al-Helmy*, 141.
46. "It has been widely accepted that MNP [PKMM] adn its off-shoots did not gain a popular following, but the available evidence suggest a different conclusion. Membership, variously estimated at between 60,000 and 100,000 may well have been similar to that of UMNO; ...", Funston, *Malay Politics in Malaysia*, 40.
47. Temu bual dengan Datuk Haji Hassan Adli, 20-25 April 1986, tidak pula dapat dipastikan nama-nama samaran yang telah digunakan oleh Pak Doktor.
48. Ahmad Azam, kata-kata aluan dari penerbit, *Ibid.*, 5.
49. Surat peribadi dari En. Hawari bin Che' Teh kepada penulis bertarikh 7 Jun 1972, 3.
50. Dr. Burhanuddin Al-Helmi, Diari 1947 dan lihat Saliha, op. cit., 50 dan 52.
51. Menurut Datuk Haji Hassan Adli, Pak Doktor sendiri menggunakan pekerjaan dalam pasport antarabangsa sebagai "wartawan bebas". Temu bual dengan Datuk Haji Hassan Adli, 20-25 April 1986. Lihat juga salinan borang permohonan Pak Doktor untuk menjadi anggota PAS dalam Saliha, "Dr. Burhanuddin Al-Helmi: The Ideals of a Malay Nationalist", 1-7.
52. Nota dari Haji Hassan Adli kepada penulis, September 1973.
53. File No. CO 537/4742, Public Record Office, Kew, England.

and (2) the degree of their mutual compatibility and desirability. The second criterion is particularly important if one is to have confidence in the results of a study, since it is often the case that a particular method or technique is not the best approach to a particular problem. In this connection, it is important to note that the methods used in this study were chosen because they were considered to be the best available for the particular purposes for which they were used. It is also important to note that the methods used in this study were chosen because they were considered to be the best available for the particular purposes for which they were used. The methods used in this study were chosen because they were considered to be the best available for the particular purposes for which they were used.

In addition to the two methods used in this study, there were other methods that were considered to be the best available for the particular purposes for which they were used. These methods were not used in this study because they were considered to be the best available for the particular purposes for which they were used. The methods used in this study were chosen because they were considered to be the best available for the particular purposes for which they were used. The methods used in this study were chosen because they were considered to be the best available for the particular purposes for which they were used.

The methods used in this study were chosen because they were considered to be the best available for the particular purposes for which they were used. The methods used in this study were chosen because they were considered to be the best available for the particular purposes for which they were used. The methods used in this study were chosen because they were considered to be the best available for the particular purposes for which they were used.

The methods used in this study were chosen because they were considered to be the best available for the particular purposes for which they were used.

KHADIJAH SIDEK

Oleh

Firdaus Haji Abdullah

Sepanjang hayatnya selama 64 tahun (1913-1932) tokoh nasionalis wanita Melayu keturunan Minangkabau yang bernama Khadijah Sidek itu telah melalui rentetan pengalaman yang penuh ironis, dan kadang-kadang agak tragik.¹ Dia adalah anak yang keempat dan wanita tertua dalam keluarga sembilan orang adik-beradik di tengah-tengah satu masyarakat *matrilineal*. Sebelum dia lahir, ibu bapa dan mamak-mamaknya (bapa-bapa saudara sebelah ibu) sangat risau kerana semua anak yang telah dilahirkan ibunya adalah lelaki belaka. Ertinya, setelah tiga orang lahir tidak seorang pun anak perempuan yang akan menjadi pewaris pusaka dan pelanjut keluarga mengikut kebiasaan masyarakat Minangkabau yang *matrilineal* itu. Oleh kerana itu, ibu bapa dan mamak-mamak Khadijah telah memasang berbagai-bagi niat dan nazar, serta hajat dan kaul, memohon kelahiran seorang anak perempuan. Dengan demikian, bila dia lahir dan meningkat dewasa sepatutnya Khadijah dipingit di "rumah gadang", diajar mengaji Quran dan sulam-menylam dan kemudian dijodohkan dengan seorang lelaki yang terpandang dalam masyarakat adatnya. Tetapi bukan demikian yang berlaku. Khadijah diajar mengaji dan menyulam tetapi tidak dipingit di rumah gadang dan juga tidak dijodohkan mengikut adat. Peranan tradisisnya untuk pewaris pusaka dan pelanjut keluarga *matrilineal* juga tidak terpenuhi, kerana dalam usia yang relatif muda dan sebelum bersuami dia telah meninggalkan Minangkabau dan akhirnya meninggal di "perantauan" dalam keadaan yang agak tragik.

Sebelum 'merantau' ke Tanah Melayu, sebagai seorang kanak-kanak sekolah dan kemudian sebagai seorang wanita muda di Tanah Minang, dan di Sumatera Utara, Khadijah turut meronta-ronta berjuang menentang penjajahan Belanda di Indonesia. Tetapi bila Indonesia merdeka, Khadijah tidak menerima sebarang ganjaran secara langsung daripada kemerdekaan yang turut diperjuangkannya itu. Kemudian bila berada di Tanah Melayu dan Singapura yang masih dijajah British itu dia terlibat dengan sangat aktif mengobarkan semangat menuntut kemerdekaan terutama di kalangan wanita-wanita Melayu melalui Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Maka dalam masa tidak sampai lima tahun dia telah berjaya menjadikan wanita Melayu sebagai satu tenaga sosial dan politik yang berkesan dalam UMNO. Tetapi di puncak kejayaannya mengobarkan semangat dan membangkitkan kesedaran serta mengorganisir wanita Melayu dalam UMNO itu, dia disingkirkan dari parti tersebut.

Satu lagi keadaan ironis (dan kemudian juga ternyata tragik) dalam kehidupan Khadijah ialah pertemuan jodohnya sebagai seorang *isteri kedua* seorang doktor di Johor Bahru. Dia mengaku sebagai seorang pejuang anti-poligami! Jodohnya dengan doktor tersebut berakhir dengan tragik dalam erti bahawa suaminya itu meninggal dunia setelah lapan tahun mereka berkahwin, ertinya semasa anak-anaknya masih kecil. Dan penyingkirannya dari UMNO berlaku lebih kurang tiga bulan setelah suaminya itu meninggal dunia. Untuk menyara hidup, klinik perubatan peninggalan suaminya itu terpaksa ditukar menjadi kedai tukang jahit.

Keadaan ironis dan tragik (yang barangkali 'dihiasi' atau diberi 'penawar' oleh romantisme perjuangan yang sentiasa mengalami keadaan turun naik atau pasang surut) dalam kehidupan Khadijah Sidek itu berterusan sampai ke akhir hayatnya. Selepas tersingkir dari UMNO dia menyertai Parti Islam Se Tanah Melayu (PAS) hingga mendapat ganjaran menjadi Ahli Parlimen Persekutuan Tanah Melayu (1959-64). Tetapi kemudian ternyata bahawa dalam PAS pun dia menghadapi sengketa. Keanggotaannya dalam PAS berakhir sebagai calon bebas menentang presiden parti itu dalam pilihan raya Parlimen 1969 di kawasan Pasir Puteh, Kelantan. Khadijah kalah dengan kehilangan wang pertaruhan. Akhirnya, sewaktu sebahagian besar bekas rakan-rakan seperjuangannya dan juga bekas para penyokongnya, menikmati berbagai-bagi kemudahan sosial dan ekonomi serta mendapat sanjungan dan penghormatan dalam satu suasana politik yang baru; Khadijah Sidek meninggal dunia di bilik kecil di sebuah rumah teres satu tingkat di pinggir bandar raya Kuala Lumpur, setelah berbulan-bulan menderita penyakit lumpuh.

Kehadiran Khadijah Sidek dalam gelanggang politik Malaysia, khususnya politik Melayu, selepas Perang Dunia Kedua memang wajar dianggap penting. Dan penelitian yang menyeluruh terhadap "kehadiran"nya (termasuk latar belakang sejarah asal usulnya) itu akan memperlihatkan sekurang-kurangnya tiga hamparan (*landscape*) dinamika sosiopolitik alam Melayu semenjak tiga perempat abad yang lalu.

Khadijah Sidek dilahirkan pada 15 Disember 1918 di sebuah bandar kecil bernama Pariaman, Sumatera Barat. Pariaman juga terkenal sebagai salah satu pintu awal kemasukan Islam ke Minangkabau. Dan kedudukannya sebagai sebuah bandar yang "terbuka" di tepi pantai itu barangkali juga telah memperkuat tradisi merantau penduduknya yang

memang telah sedia wujud di kalangan masyarakat *matrilineal* itu. Dan tradisi merantau pernah disebut-sebut sebagai 'gambaran' dan sekaligus 'penyebab' dan juga 'akibat' daripada konflik yang berbagai-bagai dimensi yang wujud dalam masyarakat Minangkabau. Selanjutnya juga pernah disebut bahawa keterpaksaan menghadapi konflik yang pelbagai dimensi itu telah menjadikan individu dan masyarakat Minangkabau sentiasa resah mencari penyelesaian demi penyelesaian terhadap konflik yang sambung-menyinggung itu. Dengan demikian, konflik dianggap sebagai satu punca kedinamisan individu dan masyarakat. Tetapi juga disedari bahawa kedinamisan itu tidak semestinya sentiasa membawa kebahagiaan atau ganjaran, malah juga mungkin mengakibatkan kesengsaraan. Sama ada Khadijah Sidek mendapat kebahagiaan atau kesengsaraan akibat kegiatan-kegiatan sosial dan politiknya, yang penting diambil kira dalam usaha kita meneliti tokoh ini ialah bahawa dia lahir dan dibesarkan di tengah-tengah masyarakat yang mempunyai jalur-jalur konflik yang amat banyak dan pelbagai ragam. Demikian juga didapati bahawa kehidupan Khadijah tidak pernah sunyi daripada pelbagai konflik baik semasa remaja di Tanah Minang mahupun sebagai seorang dewasa dan aktivis politik di Tanah Melayu. Walaupun disedari bahawa sifat-sifat semula jadi peribadi atau "dalaman" amat menentukan pembentukan ketokohan seseorang, namun unsur-unsur luaran atau persekitaran juga mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya. Oleh kerana itu, satu soalan yang tidak akan dijawab secara langsung dalam artikel ini tetapi masih perlu ditanyakan ialah: Mungkinkah akan wujud seorang "Khadijah Sidek" seperti yang kita kenal tanpa "dicanai" oleh pelbagai konflik (baik pada peringkat peribadi mahupun pada peringkat masyarakat) yang telah dialaminya? Jawapan langsung dan terperinci terhadap soalan seumpama itu sudah tentu memerlukan kepakaran yang lebih terlatih dan sumber penelitian yang lebih sempurna.

Sewaktu Khadijah dilahirkan, Perang Dunia Pertama baru saja berakhir lebih kurang setahun, dan kebangkitan nasionalisme di gugusan pulau-pulau Melayu yang sekarang bernama Indonesia itu sedang meningkat dengan pesat. Bila Khadijah meningkat dewasa, tindak balas kuasa kolonial Belanda terhadap kebangkitan nasionalisme tersebut telah semakin menindas dan "punitive" sifatnya. Dia turut menjadi mangsa daripada penindasan dan tindakan-tindakan punitif itu. Ertinya, semenjak awal lagi konflik antara nasionalisme Indonesia dan kolonialisme Belanda telah memberi kesan (yang

negatif?) terhadap diri Khadijah. Selain itu konflik yang wujud di Minangkabau semasa Khadijah meningkat dewasa itu juga berlaku dalam hal-ehwal adat dan agama, tradisi dan modenisasi, serta tayahul dan tauhid.

Walaupun Minangkabau terkenal sebagai salah satu kubu atau pangkalan gerakan pembaharuan pemikiran Islam di alam Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dahulu, namun kelahiran Khadijah telah didahului dengan amalan-amalan ibu bapanya yang hampir bersifat tayahul dan barangkali bercanggah dengan tauhid Islamiah. Menurut keterangan Khadijah kepada seorang penyelidik, Sri Susayati Ramlan, kerana terlalu berhajat untuk mendapat seorang anak perempuan, kedua orang ibu bapanya itu telah berdoa dan memasang niat di makam seorang pengembang agama Islam di Minangkabau, iaitu makam seorang ulama terkenal yang bernama Tuan Sheikh Burhanuddin.

Entah memang kerana berkat "keramat" kuburan Tuan Sheikh tersebut, tetapi memang telah ditakdirkan Tuhan, doa dan harapan kedua ibu bapa Khadijah untuk mendapat seorang anak perempuan, akhirnya termakbul juga. Satu perkara yang patut mendapat perhatian tentang kelahiran Khadijah ini ialah bahawa kelahiran itu telah didahului oleh amalan-amalan yang mempunyai unsur-unsur konflik atau *contradicting*. Dan bila dia hendak disekolahkan satu "konflik keinginan" telah berlaku pula antara kedua orang ibu bapanya. Ayahnya ingin dia menjadi seorang doktor, manakala ibunya pula mahu dia menjadi seorang pemimpin Islam. (Mungkin yang dimaksudkan pemimpin Islam itu ialah seorang guru agama yang mahir dan petah berpidato).

Barangkali kerana kesedaran ayahnya tentang peri mustahaknya ilmu pengetahuan, Khadijah telah dilatih membaca dan menulis sebelum memasuki sekolah secara formal. Dan bila tiba masa bersekolah dia telah dimasukkan ke sekolah rendah berbahasa pengantar Belanda yang di zaman itu terkenal dengan panggilan H.I.S. (*Holland Inlandsche School*). Peluangnya memasuki HIS dan kemudian belajar hingga tamat di zaman penjajahan Belanda itu sekurang-kurangnya membuktikan dua perkara: (1) dia berasal dari satu keluarga yang berada dan terpandang; dan (2) dia mempunyai dua pembelajaran yang tinggi. Setelah belajar di HIS di Padang (bandar yang terbesar di Minangkabau) selama tujuh tahun, dia berjaya melanjutkan pelajarannya ke sekolah menengah berbahasa Belanda yang pada masa itu terkenal dengan panggilan MULO (*Meer Uitgebreid Lager Onderwijs*). Dalam

konteks zamannya pencapaian Khadijah itu adalah satu keistimewaan. Di sekolah menengah yang dipanggil MULO ini sepatutnya Khadijah belajar selama tiga tahun untuk mendapatkan ijazah sama ada untuk bekerja atau melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Tetapi di tahun kedua, bersama-sama 30 orang pelajar yang lain Khadijah telah diberhentikan kerana dituduh terlalu aktif dalam kegiatan-kegiatan politik yang tidak disukai oleh pihak berkuasa Belanda pada waktu itu. Antara kegiatan tersebut termasuklah penglibatannya dalam organisasi Indonesia Muda yang terkenal amat nasionalistik dan antipenjajahan itu. Pemberhentian ini bermakna tumpasnya harapan ayah Khadijah untuk melihat anaknya menjadi seorang doktor. Tetapi pemberhentian itu juga menyebabkan semakin mendalamnya kebencian Khadijah terhadap kuasa penjajah. Dan ini dipercayai telah membawa kesan yang mendalam terhadap sikap dan kegiatan-kegiatan politiknya kemudian hari. Bila terbuang dari MULO di Padang itu, Khadijah ingin meneruskan pelajaran ke Batavia (Jakarta). Tetapi keinginan itu tidak mendapat restu daripada kedua ibu bapanya. Namun cita-citanya untuk terus belajar tetap berkobar. Tetapi berbagai-bagi bentuk perbezaan pendapat atau konflik masih terus menjadi perintang yang mestilah diatasi dalam usahanya meneruskan pelajaran itu. Akhirnya dia diterima belajar di Sekolah Normal (satu sekolah pendidikan guru yang berorientasi keagamaan) di Padang Panjang. Di sekolah yang baru ini pun kehidupannya tidak sunyi daripada berbagai-bagi bentuk sengketa - yang ada di antaranya berpunca daripada fitnah bersabit dengan sikap dan kegiatan politiknya, dan ada juga yang berpunca daripada rasa iri hati kerana kelebihan pencapaiannya di bidang pelajaran. Namun begitu akhirnya dia berjaya menamatkan pelajarannya di Sekolah Normal tersebut pada tahun 1936, sewaktu berumur 18 tahun.

Dalam dekad 1930-an itu semangat perjuangan menentang penjajahan Belanda semakin meningkat dan merebak di Jawa dan Sumatera. Perjuangan tersebut berlaku dalam berbagai-bagi bentuk termasuk dalam usaha meningkatkan dan meluaskan pendidikan rakyat peribumi melalui sekolah-sekolah swasta terutama yang berorientasikan faham pembaharuan Islam atau Kaum Muda. Dalam hubungan ini, Minangkabau dianggap sebagai mempunyai peranan yang lebih tertonjol daripada daerah-daerah lain di nusantara. Beberapa institusi Kaum Muda yang terkenal di Minangkabau didatangi oleh pelajar-pelajar dari daerah lain. Mereka yang

tamat pengajian dari institusi-institusi tersebut sama ada yang berasal dari Minangkabau atau daerah lain mengembangkan ilmu dan ideologi mereka sebagai guru atau sebagai mubaligh di serata nusantara termasuk di Semenanjung Tanah Melayu, di Tanah Aceh dan Kesultanan Deli (Sumatera Timur).

Khadijah Sidek telah memilih untuk merantau ke Aceh dan Sumatera Timur. Di perantauan ini, antara tahun 1936 hingga tahun 1940 Khadijah telah bertugas paling kurang di lima buah bandar kecil (Pangkalan Susu, 1936-37, Kota Raja 1937-38; Binjai 1938-39; Matang Glumpang dan Biron, 1940). Tidak diketahui dengan pasti kenapa terlalu banyak tempat dia mengajar dalam jangka masa yang begitu singkat. Namun dapat diduga bahawa ini berpunca daripada konflik-konflik atau sengketa yang berpunca dari luaran dirinya, atau barangkali juga kerana pembawaan semula jadinya yang sentiasa resah selalu mencari pembaharuan. Semasa menjadi guru di Binjai, dia telah menubuhkan satu pertubuhan yang bernama Semangat Bunda yang pada lahirnya bertujuan melatih ahli-ahlinya kemahiran jahit-menjahit dan masak-memasak, tetapi dalam setiap kegiatan dan interaksi ahli-ahli persatuan tersebut, kesedaran politik dan semangat antipenjajahan disebar dan diresapkan secara teratur dan intensif secara langsung atau secara tidak langsung.

Bila Perang Dua Kedua meletus dan Jepun menakluki dan menduduki nusantara, Khadijah Sidek pulang dari perantauan dan kembali ke kampung halamannya di Pariaman dan terus bergiat sebagai guru. Dalam zaman pemerintahan Jepun itu, di bawah peraturan dan pengawasan yang lebih ketat, kegiatan-kegiatan politik Khadijah telah disalurkan dengan cara yang lebih berselindung melalui kerja-kerja kebajikan.

Bila Jepun menyerah kalah, dan kemerdekaan Indonesia diisytiharkan pada 17 Ogos 1945, perjuangan mendapat pengakuan dan mempertahankan kemerdekaan itu telah melibatkan bilangan rakyat yang lebih banyak jumlahnya dan juga kegiatan-kegiatan yang lebih pelbagai bidangnya. Berbagai-bagai pertubuhan telah didirikan, termasuk yang bersifat kebajikan dan sosial, semiketenteraan di samping yang terang-terang berasaskan politik. Pertubuhan itu dianggotai oleh berbagai-bagai peringkat umur dan berbagai-bagai latar belakang sosial. Tetapi boleh dikatakan semuanya mempunyai satu tujuan utama, iaitu membantu dan menjayakan perjuangan mempertahankan dan mendapat pengakuan kemerdekaan Indonesia. Salah

satu daripada pertubuhan tersebut bernama Puteri Kesatria berpusat di Bukit Tinggi. Dalam pertubuhan inilah Khadijah Sidek memainkan peranan yang sangat penting sambil memperlihatkan kaliber kepimpinan yang istimewa. Dalam pertubuhan ini jugalah dia telah menangkap perhatian beberapa orang pemuda Melayu yang turut membantu perjuangan kemerdekaan Indonesia di Minangkabau pada pertengahan tahun 1940-an itu.

Puteri Kesatria juga dikenal sebagai Badan Sukarela Tentera Wanita dan terlibat dalam kegiatan-kegiatan mengobarkan semangat perjuangan, memberi latihan atas ketenteraan, dan rawatan perubatan, mempersiapkan wanita-wanita muda untuk menjadi isteri atau ibu yang dapat memberikan sumbangan moral dan jerih payah terhadap kaum lelaki di medan pertempuran. Wanita-wanita yang tamat latihan di markas Puteri Kesatria di Bukit Tinggi itu akan kembali ke kampung masing-masing untuk seterusnya menyebarkan pula pengetahuan dan semangat yang mereka peroleh di institusi pimpinan Ibu Khadijah Sidek itu. Dengan demikian semangat perjuangan tersebar luas ke kampung-kampung hingga penentangan terhadap kuasa kolonial Belanda itu telah merupakan satu penglibatan *total* seluruh masyarakat.

Beberapa orang pemuda dari Semenanjung Tanah Melayu yang terlibat dalam perjuangan kemerdekaan Indonesia pada masa itu amat tertarik dengan kegiatan-kegiatan Puteri Kesatria dan kepimpinan Khadijah. Di antaranya termasuklah Dahari Ali yang pernah menjadi Setiausaha Agung Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang kemudian memasuki UMNO dan pernah pula menjadi Ahli Dewan Rakyat Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Seorang lagi ialah Abdullah Sanggora yang kemudian pernah menjadi wartawan akhbar *Melayu Raya* dan terlibat dalam peristiwa rusuhan Nadrah di Singapura di awal tahun 1950-an. Dahari dan Abdullah serta beberapa orang rakan mereka yang lain merasa bahawa pengalaman berorganisasi dan kemahiran Khadijah Sidek menggembung semangat, amat berguna untuk membangkit dan mengobarkan semangat wanita-wanita Melayu melawan penjajahan British. Oleh kerana itu mereka mencadangkan supaya Khadijah datang ke Malaya (Tanah Melayu dan Singapura) untuk tujuan tersebut. Cadangan itu diterima Khadijah pada prinsipnya, tetapi kesempatan untuk datang ke Malaya itu baru terbuka dalam tahun 1946 sewaktu beliau berkunjung ke daerah Riau (termasuk Selat Panjang, Pekan

Baru dan Bengkalis). Setelah urusannya (iaitu urusan Puteri Kesatria) selesai di daerah-daerah tersebut, dengan bantuan Ketua Polis daerah Riau itu, Khadijah dan adiknya yang sama-sama memimpin Puteri Kesatria telah menaiki sebuah motorbot ke Singapura. Di Singapura mereka diperkenalkan kepada pimpinan dan ahli-ahli Persatuan Kaum Buruh Indonesia-Malaya (PERKABIM).

Kemudian mereka meneruskan perjalanan ke Tanah Melayu dan berkenalan dengan pemimpin-pemimpin Persatuan Indonesia Merdeka (PIM) yang berpusat di Kuala Lumpur. Selain itu, mereka juga menemui pemimpin-pemimpin dan sebahagian anggota Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang terkenal radikal itu. Setelah dua minggu berkunjung ke Singapura dan Tanah Melayu, Khadijah dan adiknya kembali ke Minangkabau. Kesan utama yang didapatinya daripada kunjungan itu ialah bahawa perjuangannya di Aceh, di Sumatera Timur dan di Minangkabau selama ini wajar (malah wajib) juga diluaskan untuk meliputi Malaya (Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura). Oleh kerana itu dirancangkanlah untuk menubuhkan sebuah cawangan Puteri Kesatria di Singapura.

Maka dalam bulan Julai 1947 Khadijah Sidek pun datang sekali lagi ke Singapura dengan maksud untuk mendirikan cawangan Puteri Kesatria. Dan ini mendapat restu daripada pemimpin-pemimpin utama Indonesia seperti Dr. Utoyo dan Haji Agus Salim yang pada masa itu kebetulan berada di Singapura. Tetapi maksud tersebut tergendala kerana Belanda telah memperhebat tindakan militernya dalam usaha menumpaskan perjuangan kemerdekaan rakyat Indonesia. Dalam hubungan ini Belanda mendapat kerjasama yang erat dari pihak berkuasa British. Oleh kerana itu, bukan sahaja maksud penubuhan cawangan Puteri Kesatria di Singapura tidak terlaksana, malah keinginan Khadijah untuk kembali ke Minangkabau pun telah tergendala akibat tindakan-tindakan ketenteraan kolonial Belanda itu. Kejadian ini telah menyebabkan berlakunya satu perubahan besar dalam kegiatan politik Khadijah Sidek. Malah lebih daripada itu, peristiwa tersebut juga merupakan satu persimpangan penting yang mengakibatkan satu perubahan besar terhadap seluruh aspek kehidupannya, termasuk jodoh dan ajal. Di samping itu, gelanggang politik Malaya (terutama di Semenanjung Tanah Melayu) telah menyaksikan kehadiran seorang ahli politik wanita yang mempunyai kemahiran berpidato yang istimewa.

Suaranya lantang, bernada tinggi. Syarahaninya sentiasa bersemangat dan penuh emosi, baik dalam Parlimen dan lebih-lebih lagi di rapat-rapat umum. Peranan sebagai agitator dan penggembeleng semangat memang amat sesuai untuknya.

Dengan pengalamannya sebagai pendidik dan pejuang di Sumatera semenjak akhir tahun 1930-an itulah Khadijah Sidek memasuki arena politik Malaya. Kegiatan politik di Malaya dimulakannya dengan penubuhan Himpunan Wanita Malaya-Indonesia (HIMWIM) di Singapura dalam bulan Disember 1947. Kegiatan-kegiatan HIMWIM ini hampir menyerupai kegiatan Puteri Kesatria. Peranan utama Khadijah ialah sebagai agitator atau penggembeleng semangat. Ekoran daripada kegiatan-kegiatan itu, dalam bulan Oktober 1948 dia ditangkap oleh penguasa British. Dia dituduh sebagai komunis dan dikatakan terlibat dalam penyeludupan senjata dari Singapura untuk pejuang-pejuang kemerdekaan Indonesia di Sumatera. Dia ditahan di Penjara Outram Road, Singapura selama hampir dua tahun. Dalam penjara itulah dia melahirkan anak sulung, hasil daripada perkahwinannya dengan seorang nasionalis Melayu di Johor Bahru bernama Dr. Hamzah bin Haji Taib. Dalam penjara itu pun kegiatannya sebagai penggembeleng semangat diteruskannya antara lain dengan mengajar tahanan-tahanan wanita yang lain menyanyikan lagu-lagu perjuangan yang penuh semangat.

Dalam bulan Januari 1950 penguasa kolonial British di Singapura memutuskan untuk mengenakan hukum buang negeri kepada Khadijah Sidek. Dia hendak dibuang negeri ke Indonesia. Tetapi hasil usaha suaminya, pembuangan negeri ke Indonesia telah dibatalkan. Sebaliknya dia dibuang negeri ke Johor dan mulai Januari 1950 itu untuk selama 10 tahun tidak dibenarkan masuk ke Singapura.

Setelah dibebaskan dari Penjara Outram Road dan memulakan "pembuangannya" di Johor itu, Khadijah mula gelisah kembali kerana tidak mencampuri sebarang organisasi. Dia dipelawa oleh beberapa orang pemimpin kaum ibu UMNO untuk menyertai parti itu. Pelawaan itu diterimanya tetapi bila dia memohon untuk menjadi ahli secara rasmi, permohonannya ditolak oleh Dato' Onn (Presiden UMNO pada masa itu) atas alasan dia baru keluar dari penjara dan keanggotaannya dalam UMNO dibimbangkan akan menimbulkan kecurigaan di pihak penguasa kolonial British. Oleh sebab itu dia telah memasuki sebuah parti lain, iaitu Persatuan

Melayu Semenanjung (PMS). Tetapi dalam PMS ini pun dia tidak kekal kerana menghadapi konflik pula dengan beberapa tokoh parti itu.

Bila pimpinan UMNO beralih tangan daripada Dato' Onn kepada Tunku Abdul Rahman, Khadijah sekali lagi memohon memasuki UMNO. Kali ini permohonannya diterima. Mulai awal tahun 1953 dia pun menceburkan diri dalam pergerakan Kaum Ibu UMNO. Dalam satu jangka yang pendek, kedudukan dan peranannya dalam UMNO meningkat dengan cepat walaupun tetap digugat dan dicabar oleh golongan tertentu dalam parti itu. Tidak sampai setahun setelah memasuki UMNO secara rasmi, Khadijah telah dipilih menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja Agung UMNO untuk tahun 1953/54 dan serentak dengan itu dilantik pula menjadi Setiausaha Hal-Ehwal Kaum Ibu UMNO Malaya. Dengan pemilihan dan pelantikan tersebut, dia pun bergiatlah menggembeleng semangat wanita-wanita Melayu untuk menyertai UMNO. Dia mengembara dan bersyarah di serata pelosok Semenanjung Tanah Melayu. Dengan demikian memberi sumbangan yang bukan sedikit untuk menjadikan kaum wanita Melayu satu tenaga yang berkesan dalam pertubuhan dan perjuangan UMNO.

Dalam keadaan dia bekerja-kejaran dengan waktu menggembeleng semangat kaum ibu Melayu itu, Khadijah pun nampaknya tetap dikehjahan oleh "sengketa" atau "konflik" dan oleh "fitnah" dan "iri hati" yang sering dihadapinya dalam berbagai-bagai ragam dan bentuk semenjak dia di bangku sekolah lagi. Demikianlah, semasa ketokohnanya dalam UMNO semakin menonjol dan sewaktu pergerakan Kaum Ibu UMNO telah semakin tersusun dan bertenaga berkat jerih payah dan kemahirannya berpidato dan memimpin, Khadijah Sidek dipecat daripada menjadi anggota UMNO. Lebih malang lagi bila difikirkan bahawa penyingkirannya dari UMNO berlaku lebih kurang tiga bulan setelah suaminya meninggal dunia. Seperti peristiwa-peristiwa yang lain seumpamanya, penyingkiran Khadijah dari UMNO itu telah menimbulkan rentetan kontroversi dan perbuatan saling tuduh-menuduh. Memang agak sulit untuk memastikan sama ada pemecatan itu berpunca daripada tindak-tanduknya yang diperkirakan merugikan parti ataupun hanya disebabkan oleh rasa iri hati orang-orang atau golongan yang tidak menyukainya. Yang jelas ialah bahawa pemecatan itu telah menambah satu lagi peristiwa ironik (dan tragik!!!) dalam kehidupan Khadijah. Jika tidak berlaku pemecatan tersebut besar kemungkinan bahawa namanya akan

tercatat sebagai wanita pertama menjadi Menteri dalam sejarah politik Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia.

Usaha menyingsirkan Khadijah itu telah dimulakan dalam tahun 1954 oleh segelintir golongan tertentu di kalangan UMNO Johor Bahru. Ini telah mencetuskan rentetan bantahan oleh cawangan-cawangan UMNO serata Semenanjung. Yang Dipertua parti, Tunku Abdul Rahman sendiri telah memihak kepada Khadijah. Oleh kerana itu Khadijah kekal menjadi ahli UMNO. Tetapi dalam tahun 1956 usaha menyingsirkannya itu diulang kembali, hingga dia dipecat dan ternyata tidak berupaya (tidak diberi kesempatan yang wajar) untuk mempertahankan diri daripada tuduhan-tuduhan yang mengakibatkan pemecatannya itu. Dengan demikian mulai 11 November 1956, Khadijah Sidek pun gugur daripada menjadi ahli UMNO. Berikutan dengan itu untuk selama lebih kurang dua tahun, masa dan tenaganya lebih banyak tertumpu kepada usaha-usaha mencari nafkah diri dan anak-anaknya kerana sebagai dinyatakan sebelum ini, suaminya telah meninggal dunia beberapa bulan sebelum pemecatan tersebut.

Dalam tahun 1958, atas anjuran Dr. Burhanuddin Al Helmi, Presiden Parti Islam Se Tanah Melayu (PAS) pada masa itu, Khadijah kembali berkecimpung aktif dalam politik sebagai seorang pemimpin Dewan Muslimat PAS hingga berjaya terpilih menjadi Ahli Dewan Rakyat untuk kawasan Parlimen Dungun. Seperti semasa memimpin Puteri Kesatria dan Kaum Ibu UMNO, peranan Khadijah yang utama dalam PAS ialah mengobarkan semangat, terutama di kalangan ahli-ahli wanita (Dewan Muslimat). Semasa menjadi Ahli Dewan Rakyat (1959-64) kepetahan Khadijah berpidato telah menjadikan dia lebih terpandang daripada ramai ahli Parlimen yang lain. Tetapi di samping menimbulkan perkara-perkara penting, kadang-kadang dia terbawa-bawa pula menimbulkan perkara-perkara yang remeh-temeh. Dan ada kalanya pula ucapannya di Parlimen telah menjadi bahan ketawa dan ejekan bila sekali sekala dia menimbulkan perkara yang remeh-temeh itu dengan ucapan atau pidato yang berapi-api. Dan akhirnya, bila tamat masanya menjadi Ahli Dewan Rakyat dalam 1964 (iaitu bila pilihan raya baru hendak diadakan setelah Parlimen dibubarkan), bintang Khadijah sebagai ahli politik mulai beransur pudar dan kesihatannya makin sering terganggu hingga beliau menghidap penyakit lumpuh dalam tahun 1977. Penyakit lumpuh itu dideritainya terus hingga dia meninggal dunia dalam tahun 1982. Kehidupan lincah sebagai penggembang semangat

serta agitator di zaman penjajahan, dari mikrofon ke mikrofon, dari ceramah-ceramah kecil ke rapat-rapat umum, dari daerah pedalaman ke kota-kota kosmopolitan, dari penjara ke parliment berakhir dalam keadaan sepi dan terpencil. Hidupnya penuh dinamis, ironis dan tragik.

Nota

Perkara yang hendak dipaparkan dalam karangan ini hanyalah satu catatan ringkas tentang kehidupan politik Khadijah Sidek. Ada empat sumber yang dirujuk untuk menyediakan catatan ini:

1. Sri Susayati bte Ramlan, *Khadijah bte Mohd. Sidek: Aktiviti-aktiviti Politiknya di Indonesia, Singapore dan Tanah Melayu (1930-an-1960-an)*, Latihan Ilmiah Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978.
2. Rohani Pa' Wan Chik, "Perjuangan Gigih Ibu Khadijah Sidek," *Berita Harian*, 20 Julai 1978, "Ibu Khadijah Sidek Penggembelng Semangat Yang Gagah", *Berita Harian*, 27 Julai 1978: "Saya Tetap Semangat Yang Gagah", *Berita Harian*, 3 Ogos 1978.
3. "Ibu Khadijah Sidek: Pejuang Nasionalis Wanita," *Nadi Inwan*, Mac 1980, 5-11.
4. Ardjasni, "Riwayat Hidup Saya: The Story of My Life", *Eastern Horizon*, (Karangan ini tersiar secara bersiri dalam jurnal tersebut, dalam Jilid II, No. 1 - 8, dan Jilid III, no. 1-5. Tetapi yang dapat saya lihat hanyalah yang terkandung dalam Jilid III itu sahaja).

Sumber rujukan tentang latar belakang masyarakat Minangkabau yang dikatakan mempunyai konflik pelbagai dimensi itu ialah dua karya Taufik Abdullah: *Schools and Politics: The Kaum Muda Movement in West Sumatra (1927-1933)*, Cornell Modern Indonesia Project, (Ithaca, New York: 1971) dan "Adat and Islam: An Examination of Conflict in Minangkabau" *INDONESIA II*, October 1966, Cornell Modern Indonesia Project.

Secara peribadi saya juga pernah menginterbiu Khadijah Sidek semasa dia terlantar mengidap penyakit lumpuh di Selayang Baru dalam tahun 1980. Dan sebagai wartawan *Berita Harian* (1963-66) saya berkesempatan beberapa kali mendengar Khadijah berucap di Dewan Rakyat.

berjaya dengan kerjasama yang baik antara ahli politik dan ahli teknologi. Dengan kerjasama yang baik, kita boleh mencapai hasil yang baik. Jadi, teknologi bukanlah sesuatu yang berasingan. Ia adalah sebahagian daripada kerajaan yang baik.

Menurutnya, teknologi bukan sahaja untuk memudahkan kerja kerajaan, tetapi juga untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Ia boleh membantu dalam pelaksanaan program pembangunan dan memberi manfaat kepada rakyat. Teknologi juga boleh membantu dalam mengurangkan kesan negatif pada alam sekitar. Selain itu, teknologi juga boleh membantu dalam menyelesaikan masalah sosial dan ekonomi.

LOKE YEW

oleh

Chin Yoon Fong

... that name will never fade from our annals, because it was written with the pen of universal charity and the ink of universal philanthropy He had a faith in the future of Malaya which was entirely justified and public charity and philanthropy to make a gamble which paid off.¹

Kata-kata pujian terhadap seorang imigran yang secara legenda dari keadaan miskin bangkit menjadi kaya, telah menjadikan nama beliau termasyhur bukan hanya pada zamannya, tetapi juga pada zaman sekarang - beliau ialah Loke Yew.

Loke Yew atau Luk Yau, yang juga dikenali Luk Pat Shan sebagai nama timangan, dilahirkan di daerah San Wui, Provinsi Kwangtung pada 1845. Sebagai anak tunggal, sejak kecil lagi beliau terpaksa menolong mengerjakan tanaman padi keluarga di Kampung Thong Cheung. Pada umur tiga belas tahun, beliau bercadang meninggalkan kampung halaman di China. Dalam masa yang singkat selepas ketibaan beliau di Singapura, beliau bekerja sebagai perantis di kedai runcit *Kwong Man* yang beralamat di Jalan Pasar. Dengan wang sejumlah \$99 yang dikumpul oleh Loke Yew dari bahagian upah yang dapat dijematkan olehnya, membolehkan beliau mendirikan kedai sendiri yang bernama *Tong Heng Loong* di Jalan Pasar Baru. Setelah lima hingga enam tahun menguruskan kedai ini, timbul keinginan Loke Yew untuk mencuba nasib di tempat lain. Dengan meninggalkan kedainya untuk dikendalikan oleh seorang pengurus, beliau telah meneruskan perjalanan menuju ke arah utara dan tiba di Matang, bahagian utara Perak, pada 1860-an.²

Dalam kehidupan seorang manusia, jarang sekali ia perlu menghadapi begitu banyak cabaran hidup, yang semuanya terjadi dalam satu episod, seperti zaman ketika Loke Yew bermastautin di Perak untuk selama lima belas tahun. Seperti pelopor-pelopor lain yang ingin mencuba nasib dalam perdagangan bijih timah yang boleh mendatangkan keuntungan lumayan, Loke Yew menceburkan diri untuk mengadu nasib dalam lapangan perlombongan. Pada mulanya, beliau bekerja untuk tauke Chan Kam Chong dan Ng Sow Swee. Setelah berjaya mengumpulkan modal yang memadai, beliau telah membuka lombong sendiri di Kamunting. Malang sekali, Perang Larut menghancurkan pelaburan Loke Yew. Buruh-buruh beliau diusir dan lombong beliau dibinasakan oleh kongsi Hai San yang bertindak sebagai kuasa penentang.³

Kontrak membekalkan bekalan kepada pasukan British yang mengelilingi bandar dengan angkatan bersenjata selepas peristiwa pembunuhan Birch, Residen pertama Perak pada 1874, membolehkan Loke Yew bangkit semula. Cerita pengalaman penuh merbahaya dalam perjalanan ke hulu sungai dan kekerapan beliau melarikan diri dari puak penentang British yang merampas bekalan dengan bantuan orang asli telah banyak kali diceritakan. Pengalaman-pengalaman ini mempengaruhi sikap beliau dalam melaksanakan tugas dan menunjukkan bahawa Loke Yew sanggup menghadapi berbagai risiko untuk membekalkan bekalan kepada kerajaan British. Ketekunan dan komitmen beliau kemudiannya mendapat balasan dari British.

Dari wang yang diperolehi sebagai kontraktor askar, Loke Yew berpaktat dengan Koh Tien Tek mengadu nasib di kawasan perlombongan baru di Kamunting pada 1876. Walaupun pada peringkat permulaan syarikat beliau memperolehi keuntungan, namun kemelesetan ekonomi yang berlaku dengan tiba-tiba pada akhir 1870-an yang mengakibatkan kejatuhan harga timah dari \$24.00 ke \$17.00 sepikul, menyebabkan Loke Yew bankrap apabila beliau mengalami kerugian sebanyak \$140,000.⁴

Mujurlah, pulangan dari *General Farm* di Kamunting yang diperolehi oleh Loke Yew sebelum ini dari Hugh Low, Residen Perak, yang barangkali diberi sebagai satu pembalasan atas khidmat ikhlas beliau kepada pasukan askar British, menyelamatkan beliau daripada masalah kewangan. Pembangunan Kampung Kinta sebagai kawasan perlombongan baru di Perak, mewujudkan peluang-peluang baru kepada para spekulasi dan pelombong-pelombong. Dari peluang ini, pelaburan Loke Yew di lombong Kinta mendatangkan dividen yang lumayan, dan dilaporkan bahawa pada 1881, beliau memperolehi dividen sebanyak \$50,000. Setahun kemudian, beliau pulang ke China.⁵ Kemunculan beliau di Tanah Melayu kemudiannya adalah di Kuala Lumpur.

Adalah sukar untuk menentukan bila Loke Yew tiba di Kuala Lumpur. Tetapi, besar kemungkinan pada pertengahan 1880-an. Bandar Kuala Lumpur yang telah diselamatkan dari suatu kebakaran serius yang berlaku pada tahun 1885, dan dibina serta diperbaiki semula keadaannya setahun kemudian dengan membina "jalan-jalan yang lebar, landasan kereta api dan parit, deretan rumah dan kedai yang teratur ..." membangkitkan minat Loke Yew untuk terus menetap di kawasan ini. Perkembangan dan pembangunan

pesat ibu negeri Selangor ini di bawah pemerintahan Residennya F.A. Swettenham, dan timbalannya J. Rodger,⁷ telah menawarkan peluang mencabar kepada Loke Yew yang resah dan sentiasa mencari bidang baru untuk diceburi.

Pada peringkat permulaan, Loke Yew menumpukan perhatian mengendalikan pejabat *Tong Heng Loong* di Kuala Lumpur. Ini dibeli oleh beliau hampir lapan belas tahun yang lepas. Tidak lama kemudian, Loke Yew berkongsi dengan Cheow Ah Yeok dan Yap Ah Shak, dua orang tauke terkemuka di situ dalam mengendalikan landasan kereta api yang baru dibuka untuk menghubungi Kuala Lumpur dengan Klang yang telah ditender kepada mereka oleh kerajaan negeri Selangor pada 1887.⁸ Namun kos operasi yang berlebihan, ditambah dengan jumlah penumpang yang tidak memuaskan, serta adanya persaingan hebat dari kenderaan kereta lembu yang secara perbandingan harganya lebih murah, memaksa ketigatiga orang peniaga ini menyerah balik hak penyewaan kepada kerajaan tiga tahun kemudian.⁹

Sekutu Loke Yew adalah Ah Yeok. Beliau berpengaruh besar ke atas pegawai-pegawai Eropah kerana kekayaan dan kedudukannya di kalangan komuniti Kantonis di Kuala Lumpur. Perhubungan Loke Yew dengan Ah Yeok membolehkan beliau memiliki bahagian saham yang lebih besar bagi General Farm di Sungai Ujong. Setelah beliau melabur \$3,841 dalam Klang Spirit and Gaming Farm pada 1890,¹⁰ Loke Yew tetap meneruskan operasi "farm" ini. Dari pengalaman yang beliau perolehi dalam menguruskan Kamunting Farm, beliau sedar bahawa jika hendak menyelaraskan kemahuhan sendiri, jauh lebih baik mengamalkan dasar monopolii dalam mengenakan cukai pada candu, minuman keras, perjudian dan kedai menggadai - punca banyak menghabiskan wang atau kemudahan yang terusmenerus disediakan kepada penduduk Cina, khasnya buruh-buruh di lombong. Dalam jangka masa panjang, "farm" seperti ini mendatangkan keuntungan yang lumayan dan Loke Yew tidak berhenti-henti menguruskan "farm" ini. Usaha beliau ini mendapat keuntungan besar pada akhir kurun ke-19. Di samping mendapat hasil pulangan yang menguntungkan, beliau juga berjaya memperolehi kontrak mengelolakan Pahang General Farm.¹¹

"Traditional farm" sahaja tidak dapat memuaskan hati Loke Yew yang ingin memperluaskan perniagaan penanaman beliau kepada pembalakan. Meskipun Kerajaan Selangor menghapuskan "timber farming" pada 1890

dengan kembali mengenakan semua bayaran cukai dan hak royalti kepada pembalak persendirian, namun Loke Yew telah dapat mengubah amalan rasmi ini pada 1897. Beliau menyatakan rasa tidak puas hati terhadap sikap kerajaan yang tidak mempedulikan aduan pemilik lombong terhadap tanggungan berat kerana bayaran kos yang terus meningkat yang disebabkan oleh kekerapan buruh menghilangkan diri secara diam-diam setelah melakukan kesalahan, dan kos yang tinggi dalam sistem pembalakan lama yang dikenakan oleh kerajaan.¹² Ini jelas menunjukkan sikap pihak berkuasa British yang tidak mahu memulihkan amalan menyewa "farm" balak kepada pembalak persendirian.

Di samping memainkan peranan utama dalam "general farming", Loke Yew menunjukkan minat yang lebih dalam perlombongan bijih timah di Selangor. Sama ada kerana hubungan beliau dengan peniaga berpengaruh seperti Ah Yeok dan perniagaan beliau dalam "general farm", atau reputasi baik beliau sebagai seorang pelombong berkedudukan kukuh yang membolehkan beliau mendapat konsesi perlombongan yang besar di Selangor, sukar untuk ditentukan. Namun begitu, boleh diperhatikan bahawa Loke Yew berjaya menyelenggarakan perusahaan perlombongan dengan skala yang besar di dalam beberapa tahun sahaja. Permohonan beliau untuk mendapatkan kawasan perlombongan telah dibuat tepat pada waktu di mana kerajaan negeri sedang menyusun rancangan untuk membangunkan pinggir bandar Kuala Lumpur. Dengan itu Loke Yew berjaya memperolehi sejumlah besar kawasan perlombongan di Ampang, Sungai Besi, Rasa, Rawang dan Serendah pada tahun-tahun 1890-an dan pada dekad berikutnya.¹³

Pada masa kemuncak pengurusan syarikat beliau sebelum kurun ke-20, Loke Yew, umpamanya telah mengupah seramai 12,000 orang buruh kasar untuk bekerja di lombong beliau di Serendah.¹⁴ Akan tetapi, kaedah perlombongan "opencast" yang sungguh membazirkan dan menghabiskan longgokan bijih dengan cepat menyebabkan ramai pekerja terpaksa dipecat untuk mengurangkan kos; contohnya, pada 1902, hanya 2,000 orang buruh sahaja yang masih diupah untuk bekerja di lombong Serendah.¹⁵ Loke Yew berusaha mengelakkan penutupan lombong beliau yang jika ditutup akan menyebabkan "pekan Serendah yang dahulu pernah makmur menjadi punah."¹⁶ Beliau membuat permohonan untuk mendapatkan kawasan perlombongan yang lebih luas di daerah Serendah supaya pengurusan

perlombongan boleh diteruskan dengan kaedah hidraulik yang baru, yang menggunakan pam jentera dalam mengeluarkan longgokan bijih yang tersimpan di bahagian longgokan dalam.¹⁷

Pengenalan teknik dan peralatan Barat dalam industri perlombongan berikutan pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, merangsang Loke Yew dan pelombong-pelombong lain untuk keluar dari keadaan ekonomi yang rendah. Dengan menggunakan teknologi moden dan tidak mengupah ramai buruh, Loke Yew, melalui syarikat barunya yang ditubuhkan bersama dengan sekutunya tauke Loke Chow Thye, iaitu Syarikat Hidraulik Serendah (Serendah Hydraulic Company), dapat memperkuuhkan kedudukan kewangannya dan berjaya meneruskan perlombongan atas dasar yang diperluaskan. Usaha ini dilakukan di sekeping tanah baru di Serendah yang beliau sewa dari kerajaan negeri.¹⁸

Walaupun pelaburan intensif Loke Yew dalam bidang perlombongan tertumpu di Selangor, namun Loke Yew juga membuka kawasan perlombongan baru atau melabur dalam bentuk saham dalam syarikat-syarikat yang telah pun ditubuhkan di negeri-negeri Melayu lain. Antaranya syarikat perlombongan Chop On Woh di Kuala Pilah yang memiliki kawasan lombong di daerah Beting, Parit Tinggi dan Jemapoh. Syarikat ini diperluaskan ke Muar, Johor pada awal abad ke-20 dengan memiliki sebuah lombong kira-kira $5\frac{1}{2}$ batu di luar pekan Muar.¹⁹ Loke Yew juga mahir dalam mengendalikan kewangan beliau di Perak apabila beliau membeli separuh daripada saham Syarikat Lee Hing di Sungai Siput.²⁰ Di samping bijih dari lombong sendiri, Lee Hing juga bertindak sebagai broker untuk syarikat-syarikat perlombongan lain dengan membeli simpanan bijih timah mereka untuk dieksport.²¹

Dalam proses berkejar untuk menjadi pelombong yang paling berjaya, dan barangkali paling kaya dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Loke Yew sedia membuat apa saja untuk mencapai matlamatnya. Dalam usaha untuk memulakan perusahaan perlombongan di Sungai Besi, beliau sedia membina jalan kereta lembu (*cart road*) menghubungkan Kuala Lumpur dengan Sungai Besi. Jalan ini pada masa sekarang dipenuhi air.²² Dalam contoh yang lebih istimewa umpamanya, Loke Yew bersusah-payah menghantar buruh untuk membuka kawasan lombong di banjaran utama negeri Pahang. Dirangsang oleh janji British melanjutkan konsesi tanah bukan hanya di Selangor tetapi juga di Pahang, Loke Yew setuju memikul

tanggungjawab membina jalan pertama yang menghubungkan Kuala Kubu dengan Kuala Lipis melalui Genting - jaraknya sepanjang 21 batu.²³

Penyempurnaan jalan ini yang paling panjang pernah dibina oleh seorang peneroka persendirian sebelum kurun ke-20, melicinkan pembangunan Pahang dan membantu secara tidak langsung pertumbuhan sebuah pekan baru, Bentong. Dengan pembukaan kawasan-kawasan lombong beliau, sejumlah sebelas buah pada 1898, dan pembinaan lebuh raya, projek Loke Yew di Pahang berjaya menarik penghijrah-penghijrah lain ke kawasan baru ini Sesuai dengan peredaran masa, sebuah kota kecil serta daerah di sekitarnya yang digelar Bentong berkembang menjadi makmur di sekeliling lingkungan kawasan perlombongan.²⁴ Untuk mendirikan bangsal sebagai tempat penginapan buruh kasar Cina, tanah yang belum diterokai ini cepat dibersihkan supaya rumah kedai boleh dibina untuk memberi perkhidmatan kepada pekerja lombong. Bandar Bentong mempunyai kedai runcit dan kedai bekalan barang-barang makanan. Ia mempunyai seorang tukang emas, sebuah kedai ubat, seorang yang menguruskan hal pengebumian mayat dan sudah pasti, "farm" berjudi yang dibina di tengah-tengah kota.²⁵ Di bawah pengendalian Loke Yew, perkembangan dan kemajuan Bentong bukanlah hanya digerakkan oleh pekerja dan penghijrah Cina, tetapi juga penduduk bumiputera, iaitu orang Melayu yang "berwaspada terhadap pengaliran masuk modal yang banyak dan intensif gemar pada wang dolar."²⁶

Pada 1894, Loke Yew juga mempelopori kerja pemasangan kuasa elektrik di kawasan perlombongan beliau di Rawang ketika beliau berkongsi dengan Thamboosamy Pillay, seorang pemimpin yang terkenal, yang merupakan seorang peniaga yang amat kaya dan berpengaruh di kalangan komuniti orang India di Kuala Lumpur. Mereka menuhuhan Syarikat Elektrik Rawang (Rawang Electric Company). Sebagai contoh ideal seorang tauke yang berorientasikan keuntungan, beliau juga memastikan bekalan elektrik disalurkan ke "farm" berjudi beliau di Rawang.²⁷

Walaupunkekayaan Loke Yew mula-mulanya dikumpul dari perdagangan bijih timah, akan tetapi sebahagian besar kekayaan Loke Yew kemudiannya datang dari harta tidak bergerak beliau. Sebagai seorang yang membekalkan barang kepada petani-petani, beliau sedar bahawa tanah mempunyai potensi ekonomi yang lebih tinggi berbanding perdagangan bijih timah yang tidak menentu disebabkan bahaya kehabisan

bijih dan ketidakstabilan harganya. Beliau memperolehi tanah di negeri-negeri Melayu pada masa yang tepat sekali, iaitu ketika kerajaan British ingin menyerahkan hak tanah kepada usahawan-usahawan yang sanggup membantu dalam kerja pembinaan infrastruktur dalam negeri. Loke Yew memberi bantuan dalam membekalkan kemudahan asas, seperti membekalkan bekalan kuasa elektrik, pembinaan jalan raya, pembinaan hospital-hospital²⁸ serta penglibatan beliau dalam pembangunan pertanian. Ini menjadikan beliau pemilik harta tidak bergerak yang utama pada masa itu.

Dalam permohonan untuk mendapatkan 20,000 ekar tanah untuk tujuan penanaman padi di Hulu Selangor, Loke Yew yang berjanji "untuk mengimport penanam orang Cina dari negeri China, untuk menebang sebahagian kawasan daerah yang luas untuk membina ampang-ampang, membekalkan bekalan barang-barang makanan dan menyediakan jalan kepada buruh-buruh,"²⁹ dapat menarik perhatian kerajaan Selangor. Di samping mengecualikan Loke Yew dari pembayaran cukai premium dan sewa tanah dari tanah yang disewa, Rodger, Residen Selangor, menyediakan sejumlah pinjaman yang besar, hingga \$100,000 kepada pemegang konsesi untuk memastikan projek ini mencapai kejayaan. Menurut Pegawai Daerah Hulu Selangor, "the occasion is a very special one and deserves I submit, every consideration because of the great benefit to the State in the case of its success."³⁰

Walaupun Loke Yew tidak berdaya melaksanakan rancangan asal untuk menanam padi disebabkan tanah yang beliau sewa di Hulu Selangor merupakan kawasan tanah berbukit, Loke Yew dengan cekap beralih untuk menanam lada dan gambir ketika permintaan terhadap tanaman ini meningkat.³¹ Pada 1906, Changkat Asa Estate beliau, sebahagian daripada tanah pegangan asal, dijangka menghasilkan lada bernilai tinggi dari 15,450 tanaman pokok, di samping penanaman gambir dan getah (*para rubber*).³² Jenis tanaman yang sama dan kelapa, antara lain ditanam di Kalumpang Estate yang merupakan sebahagian tanah daripada konsesi Hulu Selangor.³³

Dalam bidang pertanian, Loke Yew menunjukkan kecekapannya dalam menerima tanaman-tanaman yang baru diperkenalkan supaya pelaburan beliau dapat dimaksimumkan.

Loke Yew juga melabur dalam projek kopi pada 1880-an dan 1890-an. Penanaman kopi, terutamanya kualiti Liberia, merupakan kualiti

yang paling gemar ditanam oleh penanam-penanam Barat di timur laut Kuala Lumpur. Hawthonden Estate, salah sebuah daripada tiga estet yang terletak di Lembah Setapak yang mula-mula diberikan oleh kerajaan Selangor kepada pelabur-pelabur orang Eropah untuk menanam kopi,³⁴ menjadi milik Loke Yew pada permulaan abad ini. Meskipun tidak ada bukti menentukan tarikh yang tepat penglibatan Loke Yew dalam bidang penanaman kopi, namun, dipercayai bahawa beliau merupakan sekutu tunggal orang Eropah dalam estet, iaitu Hawthonden ketika penanaman kopi sedang dimajukan. Loke Yew berjaya membeli seluruh perusahaan ini selepas penanaman kopi terbantut pada akhir tahun 1890-an.³⁵

Ketika harga kopi dalam pasaran kopi antarabangsa melambung kepada \$40 sepikul pada 1894 dan 1895,³⁶ Loke Yew dengan bijak menanam kopi dengan skala penuh di tanah milik beliau di Serendah dan Kamunting Estate.³⁷ Walau bagaimanapun, apabila harga kopi meleset sehingga separuh nilai pada 1900,³⁸ beliau cuba mencari alternatif untuk mengimbangkan kerugian dalam industri kopi.

Mujurlah pengenalan getah dalam senario kegiatan ekonomi pada awal abad ke-20 dapat mengalihkan kecondongan sokongan Loke Yew. Minat beliau dalam penanaman getah sebenarnya sedikit sebanyak dibangkitkan oleh tempoh menarik yang ditawarkan oleh kerajaan kepada usahawan persendirian untuk meningkatkan industri getah. Antara dorongan yang diberi termasuk sewa yang murah. Tanah kerajaan yang ditanam dengan getah dan luas tanah tidak melebihi 1000 ekar, hanya dikenakan sewa tanah dengan kadar 10 sen seekar untuk 10 tahun yang pertama.³⁹ Untuk konsesi yang luasnya melebihi 1000 ekar, syarat yang dinyatakan sebagai syarat perlu adalah satu persepuhlus (1/10) daripada jumlah kawasan tanah yang diukur mengikut ekar perlu ditanam dengan "sebarang jenis 'gutta' setiap tahun; tidak ada jenis tanaman lain dibenarkan sekiranya tanah tersebut membayar sewa tanah 10 sen seekar sahaja."⁴⁰

Seperti yang dijangka, Loke Yew merupakan salah seorang pemilik tanah yang memperolehi faedah dari peluang yang disediakan oleh kerajaan apabila beliau menanam getah (*para rubber*) di estet beliau di Serendah yang luasnya 500 ekar pada 1897.⁴¹ Tiga tahun kemudian, apabila kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu mengambil langkah lanjut mengumumkan semua penyewa tanah baru mesti menanam getah sebagai tanaman wajib di atas tanah yang disewa, Loke Yew menukarkan hampir kesemua kawasan

penanaman beliau untuk menanam getah. Tetapi lada, gambir atau kelapa tetap ditanam sebagai tanaman sekunder atau tumbuhan yang ditanam di antara tanaman lain.⁴²

Pada awal 1900-an, iaitu masa harga getah melambung, Loke Yew membuat langkah arif dengan menukar sebahagian konsesi perlombongan beliau di Serendah dan Setapak menjadi kawasan ladang getah.⁴³ Dengan bergantung kepada getah apabila setiap kali peluang disediakan, Loke Yew berjaya membentuk satu deretan estet getah yang tumbuh di sepanjang sempadan negeri-negeri Melayu pantai barat pada 1910-an.

Untuk memastikan empayar perdagangan dalam keadaan kawalan yang baik, Loke Yew perlu menyusun cara dan kaedah untuk menyelenggarakannya. Satu cara bijak yang beliau gunakan untuk cuba memudahkan urus niaga kewangan antara syarikat induknya, Tong Heng Loong dengan syarikat-syarikat subsidiarinya, atau pekerja-pekerja dan para pelanggannya adalah dengan mengeluarkan surat perjanjian hutang (*promissory notes*) pada 1890-an.⁴⁴ Berbeza dengan ukuran duit biasa dalam dolar dan sen, surat perjanjian hutang ini diperlakukan sebagai alat pembayar yang sah oleh kedua-dua pihak pekerja dan pelanggan Loke Yew. Pada ketika kedua-dua kerajaan kolonial Negeri-negeri Selat atau Negeri-negeri Melayu Bersekutu belum mula mencetak mata wang tempatan, peredaran surat perjanjian hutang Loke Yew menjadi punca kegemparan luas di kalangan pegawai-pegawai British.⁴⁵ Atas sebab beliau telah melanggar peraturan negeri kerana "kerajaan sendiri pun tidak mengeluarkan mata wang tempatan atau membenarkan sebarang bank untuk mengalirkan wang"⁴⁶ Loke Yew dipujuk supaya menyerahkan semua surat perjanjian hutang beliau kepada pihak berkuasa dan dilarang daripada terus menggunakan mata wang sendiri dalam urusan perniagaan.

Telah dinyatakan oleh penulis-penulis seperti Gullick bahawa Loke Yew bijak dalam memilih orang yang berkebolehan membantu beliau dalam menguruskan perniagaannya yang luas untuk menyumbang sebahagian kejayaan kewangan beliau.⁴⁷ Selagi kenyataan ini dipertimbangkan sebagai suatu yang tepat, ia mesti ditambah dengan keadaan keperluan masa tersebut, lebih dari kebijaksanaan yang mendorong Loke Yew memulakan usaha mencari eksekutif untuk menolong menguruskan syarikat-syarikat perniagaan beliau. Ketidakberpelajaran dan kejahilan beliau dalam bahasa Inggeris (yang dianggap sebagai syarat mutlak dalam semua surat-menyerat

rasmi dengan kerajaan kolonial) memaksa Loke Yew berusaha untuk mendapatkan pengurus yang cekap dan/atau yang berpelajaran menolong mengawal dan mengendalikan perniagaan beliau yang terlalu luas. Atas hakikat ini, mereka boleh dikelaskan kepada dua golongan: pengurus-pengurus lombong atau estet, dan kakitangan pengendalian dalam syarikat beliau.

Dalam kategori pertama, orang yang tabah serta mempunyai pengalaman dalam bidang yang berkait atau mempunyai pergabungan perniagaan akan dilantik sebagai pengurus untuk memandu perusahaan Loke Yew yang berbagai. Chan Sow Lin,⁴⁸ yang juga seorang penghijrah dan rakan bernes Loke Yew, adalah di kalangan pengurus kumpulan pertama yang mengendalikan "General Farm". Turut di belakang beliau adalah Loke Chow Kit,⁴⁹ yang mengendalikan "farm" di Pahang dan Negeri Sembilan. Peniaga terkemuka lain, San Ah Peng,⁵⁰ memulakan langkah sebagai seorang kontraktor pembinaan kerajaan, menguruskan lombong-lombong di Bentong sementara Choo Kia Peng,⁵¹ salah seorang dari sebilangan kecil orang Teochew dalam Organisasi Loke Yew yang meningkat dari taraf kerani, menyandang tanggungjawab mengawal perusahaan di Hulu Selangor. Pengurus lain termasuk Loo Hoi Choon, Tung Yen, Ho Siew Chee dan A.G. Crane yang masing-masing menguruskan Lee Hing, Chop On Woh, Changkat Asas Estate dan Hawthonden Estate.⁵²

Kumpulan kedua, yang terdiri daripada kakitangan pengendalian dan sekretariat (pejabat setiausaha) Loke Yew, pada umumnya orang berlatar belakang pendidikan yang tinggi. Mereka ini bertanggungjawab mendorangkan surat-surat beliau, memberi perhatian kepada hal undang-undang, menaksirkan pendapatan beliau dan mengendalikan urusan sekretariat yang umum.

Semasa Loke Yew berpindah ke Kuala Lumpur pada kali pertama, Lee Kong Lam,⁵³ seorang tokoh yang kaya dan cekap menerajui banyak perbadanan awam termasuk Lembaga Kesihatan (Sanitary Board) Kuala Lumpur, bertugas sebagai Setiausaha dan *executor* estet Loke Yew. Menjelang akhir abad ke-19, ketika pengusahaan Loke Yew menjadi terlalu luas dan sukar untuk dikendalikan olehnya seorang, Kong Lam akhirnya dibantu oleh Chew Kam Chuan dan Cheong Yoke Choy.⁵⁴ Pada 1904, J.H.M. Robson,⁵⁵ pengasas dan penyunting *Malay Mail*, memasukkan

namanya ke dalam senarai gaji Loke Yew apabila beliau dilantik menjadi wakil harta tidak bergerak (*real estate*) Loke Yew.⁵⁶

Sebagai seorang tauke yang tertonton dan pemimpin termasyhur namanya dalam komuniti orang Cina, sudah pasti Loke Yew akan diundang oleh kerajaan Selangor untuk memberi khidmat dalam perkhidmatan awam negeri. Selepas Cheow Ah Yeok meninggal dunia pada 1892, Loke Yew dilantik menggantikan beliau dalam Majlis Negeri Selangor.⁵⁷ Selain daripada Kapitan Cina, Yap Kwan Seng,⁵⁸ yang menduduki Majlis ini kerana kedudukan beliau sebagai pemimpin kaum, Loke Yew menjadi wakil tidak rasmi orang Cina yang lain, yang barangkali dilantik untuk mewakili kepentingan perniagaan komuniti beliau.

Biarpun kedudukan sebagai anggota Majlis Negeri bermartabat dan diberi penghormatan tinggi, namun, dapat dipercayai bahawa Loke Yew lebih selesa sebagai wakil Lembaga Kesihatan (Sanitary Board) Kuala Lumpur yang ditubuhkan pada 1890. Lembaga ini lebih menumpukan perbincangan terhadap perkara-perkara dunia iwi termasuk "the laying out of the town, the regulation of buildings and building operations, the reservation of open spaces, the provision of public water supply, the cleansing, watering, repairing and lighting of the streets, the supervision of sanitation, the inspection of foodstuffs, the establishment and regulation of markets and slaughter houses"⁵⁹ semestinya dapat menarik perhatian Loke Yew yang lebih daripada soal bersangkut paut dengan pembentukan undang-undang negeri yang berhubung dengan gaji Kadi, atau taksiran hasil pendapatan dan perbelanjaan tahunan negeri Selangor.⁶⁰ Beliau dapat memainkan peranan penting sebagai anggota Lembaga dalam usaha menjamin bandar Kuala Lumpur ditabdir dan dijaga dengan baik. Bertugas sebagai pemangku dalam Lembaga Pengarah Lembaga Kesihatan (Sanitary Board) pada 1897 umpamanya, Loke Yew dan Kapitan Cina berjaya memujuk orang Cina yang menyembelih binatang serta menjual dagingnya di Kuala Lumpur untuk menempatkan semula rumah penyembelihan mereka dan mengubah masa kerja mereka menyembelih binatang-binatang.⁶¹

Loke Yew juga berkhidmat dalam badan-badan awam lain, termasuk Jawatankuasa Taman-taman Bunga Awam (Public Gardens Committee), sebuah organisasi yang ditubuhkan untuk merancang, membangun dan memelihara Taman Tasik Perdana sebagai pusat lipur diri awam.⁶² Beliau juga menjadi ahli kepada persatuan-persatuan yang ditubuhkan khas untuk

lipur diri dan pertubuhan-pertubuhan golongan elit, umpamanya Oriental Stand dari Turf Club⁶⁴ dan Rifle Club.⁶⁵

Kedudukan kepemimpinan beliau dalam komuniti peniaga menyebabkan beliau terpaksa kerap mengadakan perbincangan dengan teman sekerjanya. Dalam tahun-tahun awal, mesyuarat seperti ini dijalankan di pejabat Tong Heng Loong dan dikhususkan kepada kumpulan-kumpulan yang kecil.⁶⁶ Berikutan perluasan perusahaan ekonomi dan penambahan komuniti perniagaan pada abad ke-20, rancangan disusun untuk menubuhkan sebuah Dewan Perniagaan.⁶⁷ Orang yang menganjurkan cadangan dan penuh keinginan pada projek ini adalah San Ah Wing,⁶⁸ anak San Ah Peng yang masyhur, yang akhirnya menjadi wakil Majlis Negeri Selangor. Semasa Dewan Perniagaan berjaya ditubuhkan dan dibuka secara rasmi di perkarian bangunan Persatuan Pelombong-pelombong Selangor (Selangor Miners Association) pada Mac 1904,⁶⁹ Loke Yew walaupun tidak hadir pada mesyuarat ini, dengan sebulat suara dipilih oleh jawatankuasa yang terdiri daripada 22 anggota sebagai Pengerusi, sementara Ah Wing pula dipilih menjadi Setiausaha Kehormat.⁷⁰

Di samping memainkan peranan dalam bidang ekonomi, Loke Yew juga mewakili komuniti orang Cina melaksanakan tugas-tugas sosial. Dalam satu majlis pada 1901, beliau mewakili pihak tuan punya kedai orang Cina mendermakan dua puluh buah basikal kepada Jabatan Polis Selangor.⁷¹ Dalam contoh lain, Loke Yew dan Chow Kit mewakili komuniti orang Cina menghadiri upacara pengebumian seorang peguam Armenian yang termasyhur namanya dan berasal dari Kuala Lumpur, J.P. Joaquim.⁷²

Salah satu sifat utama Loke Yew yang menonjolkan beliau dari pemimpin-pemimpin lain adalah sifat beliau sebagai seorang dermawan. Biarpun beliau terkenal berdikit dalam hal-hal perseorangan, beliau menjadi seorang dermawan yang terkenal bermurah hati menyumbang kepada tujuan-tujuan pendermaan yang patut diberi sokongan. Sumbangan derma beliau kepada rumah-rumah kebajikan dan hospital-hospital adalah dalam jumlah yang besar dan tidak hanya terbatas di Tanah Melayu sahaja, tetapi juga dipanjangkan ke Singapura, umpamanya, dalam kes Hospital Tan Tock Seng.⁷³ Namun demikian, sumbangan derma Loke Yew paling diingati dalam institusi-institusi pendidikan, terutamanya institusi pengajaran tinggi. Barangkali, mungkin ini disebabkan oleh kekesalan beliau kerana tidak menerima pendidikan pada masa kecil. Loke Yew berazam membantu or-

ang lain, khasnya pelajar-pelajar yang miskin untuk mencapai cita-cita pendidikan mereka.

Di awal tahun 1887 lagi, Loke Yew telah menjadi salah seorang pengasas Victoria Institution ketika beliau menyediakan subsidi kepada kerajaan Selangor untuk membolehkan kerajaan Selangor menubuhkan sebuah sekolah lelaki di Kuala Lumpur sempena merayakan ulang tahun Jubli pemerintahan Ratu Victoria.⁷⁴ Dalam usaha membantu kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu menubuhkan sebuah institusi teknikal yang bertujuan memberi latihan kepada pekerja Kerja-kerja Am dan Jabatan Kereta api (Public Works and Railways Departments), Loke Yew menyumbang derma sejumlah \$30,000 kepada kerajaan pada 1904.⁷⁵ Sifat bermurah hati beliau dalam menyumbangkan derma dengan jumlah yang besar disambut oleh pihak berkuasa British yang berikrar untuk menderma satu ringgit untuk setiap ringgit yang didermakan oleh orang awam. Ikrar ini dengan cepat disambut oleh tauke-tauke Cina yang terus menderma sejumlah \$5,000 kepada Tabung Kolej Teknikal (Technical College Fund).⁷⁶ Malangnya, rancangan penubuhan kolej tidak pernah tercapai dalam masa riwayat Loke Yew, tetapi hanya dapat ditubuhkan setengah abad kemudiannya.⁷⁷

Sifat dermawan Loke Yew yang paling menonjol adalah sumbangan derma beliau kepada Universiti Hong Kong pada 1916. Di samping pemberian pinjaman sebanyak setengah juta dolar tanpa faedah kepada universiti ini, Loke Yew juga menderma sejumlah \$50,000 kepada tabung biasiswa universiti.⁷⁸ Atas sifat murah hati beliau, Loke Yew diberi penghormatan dan dianugerahkan Ijazah Kedoktoran Undang-undang oleh akademia yang rasa bersyukur kepada jasa beliau. Naib Canselor Universiti Hong Kong, Sir C. Eliot, datang sendiri ke Kuala Lumpur pada Januari 1917 untuk memberi penghormatan dan menyampaikan penganugerahan kepada beliau, menyambut Loke Yew sebagai seorang yang telah "... abundantly demonstrated your intellectual capacity, and the wealth you have acquired you have largely devoted to educational and philanthropic objects."⁷⁹

Ketika kerajaan kolonial dalam keadaan terdesak mendapatkan bantuan kewangan untuk usaha perang, Loke Yew dengan rela mendermakan \$1.5 juta kepada "Pinjaman Perang Negeri-negeri Melayu Bersekutu" (FMS War Loan) dan kepada "Bon Perang British" (British War Bonds)

kemudiannya.⁸⁰ Dari pelbagai sokongan beliau terhadap kerajaan British, dapat dibayangkan bahawa Loke Yew kuat dipengaruhi oleh nilai-nilai Barat dan mempunyai kecenderungan mencintai England atau barang-barang buatan Inggeris (*Anglophilic*).

Pada 1898, beliau menulis kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, Sir C. Mitchell untuk memohon supaya diterima menjadi warganegara British. Malangnya permohonan beliau ditolak atas sebab beliau bukan penduduk tetap "Crown Colony" dan dengan demikian beliau tidak berkelayakan.⁸¹ Hal yang memikat hati beliau dengan Eropah dan "layanan baik kolonial terhadap tetamu rakan-rakan orang Eropah" selepas lawatan kali pertama beliau ke London dan Paris pada 1900 memberi rangsangan kepada beliau untuk melawat negara-negara itu semula dalam dua peluang yang datang kemudian. Pada 1902 "... in recognition of the protection and assistance, I, as well as my fellow countrymen have received for so many years from the governments of Perak and Selangor," Loke Yew berucap dalam majlis menyampaikan cendera mata senapang kepada pasukan sukarela (Volunteer Forces) kedua-dua negeri ini untuk memperkuatkan unit bersenjata mereka.⁸² Beliau memberi sumbangan hadiah lain empat tahun kemudian, iaitu ketika Gabenor Kolonial, Anderson, membuat satu lawatan rasmi ke Kuala Lumpur. Dalam upacara ini, Loke Yew menghadiahkan beliau gading gajah yang mempunyai pahatan timbul, yang sarungnya dibuat daripada emas sebagai balasan kepada ucapan rasmi Gabenor kepada penduduk di Kuala Lumpur.⁸³

Hubungan yang rapat dengan pegawai-pegawai dan saudagar-saudagar British memandu Loke Yew masuk ke lingkaran sosial mereka. Ini bermakna pada kesedaran darjah orang Asia di bandar Kuala Lumpur, terutama pada masa pemerintahan kolonial yang "menyesakkan" (*stuffy*), di mana hanya sebilangan kecil orang Asia yang bertaraf tinggi dipertimbangkan mempunyai taraf sosial yang sama dengan orang Eropah. Pada zaman Loke Yew, golongan ini termasuk kapitan China, Loke Yew, Loke Chow Kit dan beberapa tauke Cina yang sama taraf; Thamboosamy Pillay dari komuniti India dan Raja Bot dan Raja Jumaat dari golongan elit Melayu.⁸⁴

Kerapkali, orang Asia yang dijemput oleh orang Eropah ke Majlis, khasnya jika jemputan itu dikeluarkan dari pejabat Residen, ke majlis *cocktail* dan majlis makan malam, akan dapat membayangkan darjah tinggi tetamu

Timur. Himpunan sosial begini, yang Loke Yew selalu kunjungi sebagai tetamu atau sebagai tuan rumah merupakan suatu majlis yang sangat mewah - dipenuhi dengan wain dan menu makanan berbagai pilihan secara besar-besaran. Himpunan seperti ini biasanya diadakan di kawasan halaman kediaman Residen atau rumah mewah tauke yang dihiasi dengan penuh berseri.⁸⁵

Sementara orang Cina lain ketagih kepada perjudian seperti *Fan Tan* atau *Tai Sai* dalam "gambling farm", Loke Yew pula selalu sibuk di tempat perlumbaan. Minat beliau dalam perlumbaan kuda mendorong beliau melabur dalam bidang ini. Alagappa, nama seekor kuda yang berlumba dalam Piala Kapitan Ah Kwi pada 1894 adalah milik pelaburan Loke Yew bersama dengan dua orang Eropah, Dunman dan Cumming.⁸⁶ Menembak (*rifle-shooting*), sejenis sukan yang khasnya dinikmati oleh orang-orang Eropah, merupakan kegemaran Loke Yew yang lain. Sama ada Loke Yew terlibat dalam sukan ini secara langsung tidak dapat dipastikan. Namun demikian, beliau telah menderma sebuah piala untuk pertandingan menembak yang berlangsung secara bergilir-gilir di beberapa bandar seperti Singapura, Pulau Pinang, Taiping dan Kuala Lumpur.⁸⁷

Dengan terbentuknya kumpulan sosial di kalangan golongan kelas atasan masyarakat Kuala Lumpur maka ia hanya menunggu masa sahaja sebelum diskriminasi sosial dan perkauman mengambil tempat. Isu kereta api tahun 1904 menonjolkan lagi masalah pengasingan, walaupun pada masa ini diakui kewujudannya, dapat dibenarkan oleh pihak berkuasa kolonial untuk satu jangka masa yang lama. Ketika pemisahan "kelas pertama" kereta api khas kepada orang Eropah dan bahagian gerabak kereta api kepada orang bukan Eropah dilancarkan dengan rasmi,⁸⁸ ini mengecewakan golongan orang Asia kaya yang bangga dan bermaruah, yang lazim bersama dengan orang Eropah dalam perjalanan mereka. Loke Yew sendiri enggan masuk ke gerabak kereta api Kelas B seperti yang dimaksudkan oleh orang Eropah.⁸⁹ Beliau menentang sekeras-kerasnya diskriminasi ini bagi pihak anak negeri berikutan persengketaan sengit antara Dewan Perniagaan Selangor yang dipengerusi oleh beliau, dengan pihak berkuasa kereta api. Walau bagaimanapun, beliau sedar akan terdapat beberapa kebenaran pada dasar pemisahan ini apabila golongan wanita Eropah mengadu tentang kesesakan dan kelakuan kasar segolongan kecil penumpang Cina dalam kereta api.⁹⁰ Dalam usaha untuk meredakan kedua-

dua belah pihak, Loke Yew mengeluarkan 1,000 salinan surat peredaran bertajuk "The Rules of Etiquette" kepada rakan senasib (*fellowman*) beliau. Beliau menasihatkan orang Cina yang berniat menggunakan kemudahan kereta api untuk perjalanan supaya "... not to take off their shoes and squat on their seats, not to smoke or chew betelnut when ladies were near, and not to expose parts of one's naked body."⁹¹

Walaupun Loke Yew secara *natural* merupakan seorang yang bersikap sabar dan bersopan-santun, beliau boleh jadi kasar dan gagah pada satu-satu masa. Beliau menyokong tindakan membela-bela buruh kasar yang menghilangkan diri secara diam-diam setelah melakukan kesalahan sebagai "a far more effective remedy than a few weeks rigorous punishment."⁹² Pada 1904, beliau sedia membenarkan Pengawal Negeri-negeri Melayu (Malay States Guides) yang bersifat adil untuk menindas pemogokan yang dibangkitkan oleh buruh beliau sendiri di lombong Rawang jika keadaan tuntutan "overwage" tidak dapat diselesaikan.⁹³ Ketika Sun Yat Sen memujuk beliau menyumbangkan derma kepada tabung menggulingkan kerajaan Manchu di China, Loke Yew enggan membantu dan tidak menderma satu sen pun.⁹⁴ Ini adalah kerana beliau benci kepada kekerasan dan kepada Loke Yew, Revolusi China bermaksud kekerasan.

Sesuai dengan sifat ramai jutawan yang mencapai kejayaan atas usaha sendiri, Loke Yew khasnya berdikit pada perbelanjaan yang kecil tetapi bermurah hati pada butiran utama. Menurut Robson, Pengurus beliau, Loke Yew sanggup membazirkan masa tawar-menawar ke atas beberapa ratus ringgit untuk kerja pembaharuan rumah, tetapi boleh memutuskan satu *mortage* sebanyak 80,000 paun dalam tiga minit.⁹⁵ Dengan pengenalan industri motor pada awal abad ke-20, Loke Yew nyata tidak takut ketika melabur dan mengalami kerugian dua juta ringgit dalam perkhidmatan bas (*motorised*) pertama yang menyusuri jalan utama.⁹⁶ Jika sesuatu menangkap apa yang dibayangkan oleh beliau, beliau sanggup memperolehinya tanpa memikirkan perbelanjaan dan membantunya mengikut selera sendiri - seperti kes "Loke Mansion" rumah besar Loke Yew yang bertempat sepanjang Batu Road.⁹⁷ Loke Yew mengambil masa selama sebelas tahun untuk berpindah ke rumah yang beliau beli dari Cheow Ah Yeok ini. Beliau telah mereka bentuk dan membina semula rumah ini pada 1892.⁹⁸

Seorang manusia yang jujur, Loke Yew tidak bersifat angkuh atau bersikap suka menunjuk-nunjuk. Beliau dianggap sebagai "seorang manusia

yang memakai pakaian yang murah dalam pejabatnya sendiri.⁹⁹ Biarpun sebuah kereta *plus/b* dan *cabfieur* yang diimpor menanti di luar ambang pintu beliau, pada lazimnya beliau lebih suka menggunakan beca (*rickshaw*). Meskipun beliau cuba mempengaruhi mutu berdikit dan kesederhanaan dalam rumah tangga, beliau keseluruhannya tidak pernah insaf akan "that the joy of life to a woman is bound up to some extent in the paraphernalia of the home, pretty things [and] the luxuries of modern life and musement."¹⁰⁰

Walaupun sebagai anak tunggal, Loke Yew suka mempunyai sebuah keluarga yang besar. Sebagai contoh teladan orang Cina tradisional, beliau lebih mementingkan waris lelaki untuk melanjutkan zuriat keluarga. Ketika dua orang anak lelaki beliau yang dilahirkan hasil daripada perkahwinan kedua meninggal dunia, beliau merasa khuatir dan hendak kahwin lagi. Beliau berkahwin sebanyak empat kali dan mempunyai sembilan anak. Tetapi, hanya dua isteri dan lima orang anak ditinggalkan ketika beliau meninggal dunia pada umur 72 tahun. Isteri keempat beliau masih "a young girl bride [for] a year or two ago."¹⁰¹

Dipandang sebagai seorang *workaholic*, Loke Yew tidak tahu makna hebat. Apabila ditanya mengapa beliau masih terus bekerja pada usia tua sedangkan beliau telah menghimpunkankekayaan berjuta-juta ringgit, Loke Yew menjawab "Yes, I know, but I can't let go and went through a pantomime display of holding on to a big rope".¹⁰² Pada hakikatnya, kerja itulah yang akhirnya membunuh beliau. Beliau diserang penyakit malaria ketika bergerak di sekitar Hawthornden Estate untuk membayar gaji pekerja-pekerjanya. Apabila beliau meninggal dunia, keluarganya mengebumikan beliau dalam tapak tanah perkuburan keluarga di Hawthornden Estate.¹⁰³

Seorang yang sangat dihormati dan diberi penghargaan, Loke Yew bukan hanya meninggalkan ijazah kedoktoran dan CMG, tetapi "a number of mines, three rubber estates, two coconut estates, oil mills and a cement works, and had large holdings in Malayan Collieries, the Straits Steamship Company, the Straits Trading Company and other leading Malayan enterprises."¹⁰⁴ Waris tunggal beliau, hanyalah anak lelaki bongsu beliau, Loke Wan Tho, yang dapat bertanding dengan orang tua itu walaupun dia "analogises his efforts in life to a young plant trying to grow out of the heavy shadows of his father's tree of fortune."¹⁰⁵

Nota

1. Petikan ucap selamat A. Caldecott, Pemangku Ketua Setiausaha Kerajaan Selangor, di majlis perkahwinan anak lelaki Loke Yew, Loke Wan Yat, *Straits Times*, 21 November 1931.
2. Setiausaha Protektorat Orang Cina (Chinese Protectorate) kepada Residen Selangor, 29 November 1892, *SSF 8030/1892*.
3. Ibid., A. Wright and H. A. Cartwright, *Twentieth Century Impressions of British Malaya - Its History, People, Commerce, Industries and Resources* (Britain: Lloyds Greater Publishing Company Ltd., 1908), 893-95.
4. Ibid.
5. Ibid.
6. J. M. Gullick, *The Story of Kuala Lumpur (1857-1939)*, (Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd., 1983), 43.
7. Walaupun secara rasmi Swettenham merupakan Residen Negeri Selangor antara 1882 dan 1889, namun demikian, Rodger, ialah *de facto* Residen untuk beberapa tahun.
8. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 160.
9. Loke Yew kepada Maxwell (Residen Negeri Selangor), 11 Mac 1891, *SSF 1781/1891* dan *SSF 8030/1892*.
10. *SSF 8030/1892*.
11. Loke Yew kepada Setiausaha Kerajaan Selangor, 29 Januari 1900, *SSF 999/1900*.
12. Pegawai Daerah Klang kepada Setiausaha Kerajaan Selangor.
13. Pengumpulan dan penyusunan dari berbagai fail Sekretariat (Pejabat Setiausaha) - *SSF 1195/1896, 1612/1901, 6932/1901, 942/1902, 2263/1905 dan 3277/1908*.
14. Loke Yew, G. Cumming and Thamboosamy Pillai kepada penjaga lombong-lombong, Selangor, 8 Januari 1902, *SSF 942/1902*.
15. Ibid.
16. Ibid.
17. Ibid.
18. Ibid.
19. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 553.
20. Ibid., 522.
21. Ibid.

22. G.L. Peet, *A Journal in the Federal Capital* (Singapore: Times Book International, 1983), 50.
23. Ibid.
24. *Malay Mail*, 21 Mac 1898.
25. Ibid.
26. Ibid.
27. *Perak Pioneer*, 24 Disember 1894.
28. Pada tahun 1893, Loke Yew telah membuat permohonan untuk membina sebuah hospital kepada buruh-buruh yang bekerja di lombongnya di Rawang. *SSF 4872/1893*, 31 Julai 1893.
29. Loke Yew kepada Residen Negeri Selangor. *SSF 4266/1897*. 3 Disember 1897.
30. Pegawai Daerah Ulu Selangor kepada Kerajaan Selangor. *SSF 4266/1876*. 3 Disember 1897.
31. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 438.
32. Ibid.
33. Ibid., 435.
34. Di negeri Selangor, tanaman kopi telah diperkenalkan pada akhir tahun 1870-an oleh beberapa orang peladang Eropah dari Ceylon, iaitu setalah hasil tanaman kopi mereka di Ceylon dimusnahkan oleh penyakit. J.C. Jackson, *Planters and Speculators - Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, 1786-1921* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968), 177.
35. Ibid., 199.
36. Ibid., 198.
37. Ibid., 183.
38. Harga kopi telah jatuh dengan tiba-tiba ke \$15.50 sepikul pada 1899. Jackson, *Planters and Speculators*, 199.
39. Ibid., 219.
40. Ibid., 220.
41. *Annual Report*, Ulu Selangor, 1897.
42. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 438.
43. *SSF 3334/1910* dan *SSF 2509/1912*.
44. Bendahari kepada Kerajaan Selangor, 9 Ogos 1898. *SSF 3501/1898*.

45. Penasihat undang-undang kepada Kerajaan Selangor, *SSF 3501/1898*, 18 Ogos 1898.
46. Ibid.
47. Gullick, *The Story of Kuala Lumpur*, 98.
48. Pada 1960-an, Chan Sow Lin bekerja sebagai mandur pekerja-pekerja di lombong-lombong bijih timah di Perak. Setelah tamat Perang Larut, yang mana beliau terlibat dengan aktif, Sow Lin bersekutu dengan Loke Yew di "General Farm" Loke Yew, mula-mula di Perak dan kemudian di Kuala Lumpur. Pada 1893, Chan Sow Lin mendirikan perniagaan sendiri di bawah chop, Tan Kee. Beliau menyewa kawasan perlombongan Serdang dan Sungai Besi dari Loke Yew. Pada 1902, Sow Lin dilantik ke Majlis Negeri Selangor (Selangor State Council) sebagai seorang wakil. Beliau juga berkhidmat dalam badan-badan awam lain seperti pertubuhan Anti-Candu Selangor (Selangor Anti-Opium Society) dan Dewan Perniagaan orang Cina. Beliau merupakan wakil dan "Visiting Committee" bagi "Selangor Goal", Hospital Sakit Jiwa (Lunatic Asylum) dan Hospital Besar. Wright, op. cit., 132.
49. Loke Chow Kit berasal dari Pulau Pinang dan menerima pendidikan di Penang Free School. Mula-mula beliau bekerja sebagai Timbalan Pengurus Syarikat Huttenbach & Co. Setelah berpindah ke Kuala Lumpur, Chow Kit bersekutu dengan Loke Yew menjadi pengurus perniagaan beliau dalam konsesi lintasan kereta api Selangor. Apabila tempoh sewaan lintasan kereta api tamat, beliau memegang jawatan sebagai pengurus am "General Farm" Pahang dan Negeri Sembilan. Kejayaan beliau bergantung kepada usaha kuat beliau sendiri dan penubuhan syarikat yang bernama Chow Kit and Co. Di samping menjadi seorang ahli kepada banyak kelab bereputasi tinggi, Chow Kit, antara lain, juga seorang pengarah kepada banyak syarikat, termasuk Serendah and Jeher Hydraulic Mining Company and Malay Cement Co. Ltd. Beliau merupakan abang kepada Loke Chow Thye, seorang lagi pelombong dan dermawan yang termasyhur namanya. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 160.
50. San Ah Peng berasal dari Provinsi Kwantung negeri China dan datang ke Tanah Melayu pada 1870-an. Sebagai kontraktor Kerajaan, beliau bertanggunjawab dalam kerja pembinaan rumah penginapan Residen dan bangunan-bangunan awam lain yang penting. Beliau menaruh minat yang lebih dalam perlombongan di daerah Ulu Selangor, dan ketika beliau bersara pada 1890-an, beliau merupakan pengurus lombong Loke Yew di Bentong. San Ah Peng pernah berkhidmat dalam Lembaga Kesihatan (Sanitary Board) Kuala Lumpur dan merupakan Timbalan Penggerusi Dewan Perniagaan Orang Cina Selangor. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 897.

51. Choo Kia Peng dilahirkan di Perak pada 1881. Selepas tamat persekolahan menengah di Pulau Pinang, beliau bertolak ke Larut dan bekerja untuk Loke Yew di lombong beliau. Dari kedudukan taraf rendah pada mulanya, Kia Peng berjaya menaikkan taraf menjadi pelombong berpengaruh di negeri-negeri Melayu. Selain berkhidmat dalam Majlis Persekutuan (Federal Council) pada 1921, beliau juga secara aktif terlibat dalam Dewan Perniagaan Orang Cina Selangor dan pertubuhan-pertubuhan awam lain. Gullick, *The Story of Kuala Lumpur*, 101-105.

52. Wright, 438, 553, 893.

53. Lee Kong Lam telah bertugas sebagai Setiausaha dan Executor organisasi Loke Yew untuk beberapa tahun. Beliau merupakan ahli dalam Lembaga Kesihatan (Sanitary Board) Kuala Lumpur, "Board of Visiting Justices" dan Hospital Sakit Jiwa (Lunatic Asylum). Beliau juga dilantik menjadi pemegang amanat Institusi Victoria dan berkhidmat dalam Jawatankuasa Taman-taman Bunga Awam (Public Gardens Committee). Wright, *Twentieth Century Impressions*, 854.

54. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 895.

55. Robson, selain bertugas sebagai pengurus harta tidak bergerak Loke Yew, tetap menjadi kawan rapat tauke sehingga taukenya meninggal dunia. Suatu keterangan mendalam tentang keperibadian Loke Yew telah diberikan oleh Robson, yang juga menulis berita takziahnya (*obituary*).

56. Gullick, *The Story of Kuala Lumpur*, 99.

57. Loke Yew berada dalam Majlis Negeri sehingga tahun 1900. *SSF 57/1900*.

58. Yap Kwan Seng dilahirkan di Provinsi Kwangtung negeri China pada 1846. Sesudah membantu Kapitan Yap Ah Shak mengadu nasib dalam bidang perlombongan, beliau bercadang melibatkan diri dalam lapangan ini. Kwan Seng, yang juga merupakan seorang "General Farmer", telah dilantik menjadi Kapitan Cina Selangor setelah Ah Shak meninggal dunia pada 1888. Sebagai seorang awam yang aktif, beliau telah menubuhkan Hospital Tung Shih di Kuala Lumpur, bertindak sebagai pemegang amanat Institusi Victoria dan memulakan tabung bantuan yang bertujuan membantu kerajaan British dalam Perang Boer. Beliau meninggal dunia pada tahun 1901, meninggalkan harta berjuta, 15 orang anak lelaki dan 10 orang anak perempuan. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 897-98.

59. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 852. Loke Yew meletak jawatan dari Lembaga Kesihatan (Sanitary Board) pada tahun 1899. *SSF 5490/1899*.

60. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 852.

61. Majlis Negeri, yang diperkenalkan pada 1877 sebagai badan undangan dan badan eksekutif, hanya mempunyai kuasa untuk memberi nasihat walaupun ia diketuai oleh Sultan. *De Facto*, kuasa untuk memberi perintah adalah pada tangan Residen dan selepas tahun 1896, semasa Negeri-negeri Melayu Bersekutu dibentuk, berada pada tangan Residen-General. Sila rujuk Goh Yoon Fong, "British Administration in Selangor, 1896-1906" (M.A. Academic Exercise, 1966), 44-49.
62. *The Malay Mail*, 8 Jun 1897.
63. Rancangan pembentukan Tasik Perdana sebenarnya adalah keluar dari buah fikiran A. Venning yang bertanggungjawab mengemukakan rancangan ini kepada Swettenham pada 1888. Katanya bahawa kawasan pinggir bandar Kuala Lumpur harus mengandungi "beberapa ekar paya di mana kayu pohon mawar hutan dan lalang, tumbuhan hutan, mengkuang dan pokok paku yang besar [boleh] ditempatkan di sana sini dengan tidak teratur supaya membentuk suatu pemandangan yang permai." Gullick, op. cit., 7.
64. *Malay Mail Weekly*, 5 Februari 1904.
65. *Malay Mail Weekly*, 1 September 1904.
66. Gulick, *The Story of Kuala Lumpur*, 103.
67. *Malay Mail Weekly*, 22 Februari 1904.
68. San Ah Wing mempusakai lombong-lombong dan estet-estet daripada bapanya. Seorang yang lantang bercakap, beliau merupakan ahli dalam Lembaga Kesihatan (Sanitary Board), Setiausaha dan kemudian Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan Orang Cina Selangor, ahli Pertubuhan Anti-Candu dan "Weld Hill Club". Beliau juga terkenal sebagai seorang dermawan, terutama dalam menyumbangkan derma kepada Sekolah Lelaki Methodist Kuala Lumpur. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 897.
69. *Malay Mail Weekly*, 22 Februari 1904.
70. *Malay Mail Weekly*, 29 Mac 1904.
71. *SSF 1342/1901*, 26 Februari 1901.
72. *Malay Mail Weekly*, 17 Februari 1904.
73. Artikel tentang Loke Yew oleh Frank Sullivan di *Straits Times*, 6 April 1971.
74. Wright, *Twentieth Century Impressions*, 278.
75. *Malay Mail Weekly*, 3 September 1904.
76. *Malay Mail Weekly*, 14 Oktober 1904.
77. Pada 1955, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mendapat bahawa tabung yang ditubuhkan oleh Loke Yew untuk menubuhkan kolej teknikal telah

bertambah nilai kepada \$137,000 selepas perhimpunan faedah dalam bank selama 51 tahun. *Straits Times*, 23 September 1955.

78. *Malay Mail Weekly*, 11 Januari 1917.
79. Ibid.
80. *Malay Mail Weekly*, 1 Mac 1917.
81. Loke Yew kepada Sir C.B.H. Mitchell, Gabenor Negeri-negeri Selat. *SSF 1421/1898*, 21 Mac 1898, dan 18 April 1898.
82. *Malay Mail Weekly*, 9 September 1902.
83. *Malay Mail Weekly*, 14 Julai 1904.
84. J.G. Butcher, *The British in Malaya 1880-1941 - The Social History of A European Community in Colonial South-East Asia* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979), 67-68.
85. Dalam jamuan makan malam perpisahan Residen Selangor, W.H. Treacher, jemputan telah dikeluarkan atas nama Loke Yew, Yap Kwan Seng dan Thamboosamy Pillay. *Perak Pioneer*, 6 Oktober 1894. Dalam majlis lain, ketika Loke Yew menjadi tuan rumah kepada satu majlis perpisahan untuk E.M. Alexander, Pengurus *Straits Trading Company* hidangan makanan yang paling enak telah disediakan di rumah Loke Yew". *Malay Mail*, 2 April 1897.
86. *Perak Pioneer*, 18 Ogos 1894.
87. *Malay Mail Weekly*, 1 September 1904.
88. Sila rujuk Gullick, *The Story of Kuala Lumpur*, 127-128 dan Butcher, *The British in Malaya*, 97-105 untuk penjelasan ringkas tentang perdebatan kereta api tahun 1904.
89. Butcher, *The British in Malaya*, 100.
90. Ibid.
91. *Malay Mail Weekly*, 22 Ogos 1904.
92. J.H.M. Robson, "Towkay Loke Yew, CMG: Some Personal Recollections", *Malay Mail Weekly*, 1 Mac 1917.
93. *Malay Mail Weekly*, 22 Februari 1904.
94. F. Sullivan, *Straits Times*, 6 April 1971.
95. Robson, *Malay Mail Weekly*, 1 Mac 1917.
96. Rumah Loke, yang kemudiannya diberi nama "Loke Mansion", dibina pada 1860 oleh Cheow Ah Yeok. Apabila Loke Yew membeli rumah ini pada 1892, beliau membina semula rumah ini. Hasilnya suatu rangkaian kombinasi seni bina Cina dan seni bina kebudayaan Yunani purba dengan lorong berbumbung

melengkung, serambi (*verandah*) dan sebuah pintu berbentuk bulan yang unik (*moongate*). Sepanjang masa pendudukan Jepun, rumah ini digunakan oleh askar Jepun sebagai markas besar mereka. Setelah tamat perang pada 1945, sebuah sekolah Cina pula menggunakan rumah ini selama empat tahun sebelum bertukar tangan, di mana Jabatan Polis mengambil alih dan menggunakan sebagai bantuan latihan polis cawangan khas. Pada tahun 1960-an, hampir kesemua perkarangan sekitar yang mengelilingi rumah ini telah dijual oleh pemegang amanah rumah untuk tujuan perniagaan. Sesudah itu pada 1970-an hingga 1980-an, rumah ini diambil alih dan menjadi bangunan atau ruangan memamerkan ciptaan-ciptaan seni.

97. *Straits Times*, 12 Januari 1958.
98. Gullick, *The Story of Kuala Lumpur*, 12.
99. Robson, *Malay Mail Weekly*, 1 Mac 1917.
100. Ibid.
101. Ibid.
102. Ibid.
103. Pada 1912 Loke Yew menggunakan 10 ekar tanah dari 5,000 ekar tanah pegangan beliau yang ada di Hawthornden Estate, sebagai tapak tanah perkuburan keluarganya selepas salah seorang isterinya, Lik Peok Kooi meninggal dunia. Robson kepada Kerajaan Selangor, SSF 5765/1912, 17 Disember 1912.
104. Peet, *A Journal*, 50.
105. Ibid.

and the difference between the two models is small. The difference in the magnitude of the seasonal cycle is larger than the difference in the mean. The seasonal cycle is more pronounced in the GFDL model than in the NCAR model. The seasonal cycle in the NCAR model is similar to the seasonal cycle in the observations. The seasonal cycle in the GFDL model is very similar to the seasonal cycle in the observations. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model.

The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model.

The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model.

The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model.

The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model.

The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model.

The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model.

The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model. The seasonal cycle in the NCAR model is very similar to the seasonal cycle in the GFDL model.

Indah dan Indahnya Sosial Mati

MUHAMMAD BIN ISMAIL (PAK MAT)

Oleh

Marion D'Cruz

Pengenalan

Sehingga masa sekarang, artikel-artikel yang menyentuh tentang Muhammad bin Ismail (Pak Mat), hanya menfokuskan peranannya dalam tradisi Gamelan Terengganu dan falsafah beliau dalam bidang kesenian. Artikel-artikel dan kajian-kajian lain pula mengkaji Joget Gamelan di Pahang dan Terengganu membincangkan tentang sejarah, amalan dalam majlis keramaian diraja, tarian-tarian, muzik, fesyen pakaian dan amalan sezaman. Tidak ada satu pun kajian-kajian ini memberi butir-butir terperinci tentang riwayat hidup Pak Mat.¹

Muhammad bin Ismail (c. 1889-1983) yang lebih terkenal dengan nama Pak Mat, dilahirkan di Kampung Pasir Panjang, Kuala Terengganu. Beliau tidak berpeluang menerima pendidikan formal dan tidak pernah belajar cara bagaimana hendak membaca dan menulis pada masa kecilnya. Tahun-tahun awal umur remaja (iaitu semasa beliau berumur kira-kira 13 atau 14 tahun) beliau pergi ke Riau dan bekerja di perkebunan kelapa abangnya yang sedang diperluaskan. Waktu inilah berlakunya beberapa peristiwa yang kemudiannya paling banyak memberi pengaruh pada kehidupan masa depan beliau. Di Riau lah Pak Mat pertama kali belajar bermain nobat - iaitu sejenis muzik tradisional dan muzim upacara dan adat diraja yang dimainkan di dalam majlis keramaian diraja Sultan-sultan Melayu. Pak Mat menghabiskan masa kira-kira 5-6 tahun di Riau bekerja sambil belajar nobat dengan gurunya Pak Bujang.

Empayar Riau-Lingga pada abad ke-19 merangkumi Semenanjung Johor, Pahang dan Terengganu. Negeri Johor dan Pahang merupakan negeri naungan Empayar Riau-Lingga dan walaupun pada hakikatnya Bendahara atau pemerintah kedua-dua negeri ini bebas bertindak, namun, mereka dikehendaki membayar ufti kepada Tuan Besar yang ada di Penyengat, iaitu ibu kota Riau. Melalui hubungan pertalian inilah tarian dan muzik majlis keramaian diraja Riau telah dibawa dari Riau ke Pahang pada tahun 1811.² Menurut Mubin Sheppard, dalam satu majlis perkahwinan diraja yang berlangsung di Pekan antara Tengku Husain, putera sulung Sultan Abdul Rahman dari Riau-Lingga dengan Wan Esah, adinda Bendahara Tun Ali dari Pahang, majlis ini "... telah dimeriahkan lagi oleh tarian-tarian yang diiringi oleh sekumpulan orkes yang memainkan gong dan zilofon, yang mana hanya boleh dijumpai dalam majlis keramaian diraja Melayu Pahang dan Lingga."³

Bendahara Wan Ahmad yang kemudian mengambil gelaran Sultan Ahmad (1863-1914), mewarisi set gamelan yang lengkap dengan kumpulan penari dan pemain muzik dari bapanya, Bendahara Wan Ali. Bentuk permainan yang sekarang digelar Joget Pahang, telah dapat hidup dengan suburnya dalam istana Pekan kerana Sultan Ahmad dan permaisuri-permaisurinya, khasnya Che Zubedah, sangat gemar akan gamelan. Dalam tahun 1885 satu majlis perkahwinan telah berlangsung antara Sultan Zainal Abidin (1881-1918) Terengganu dengan Tengku Long, puteri Sultan Ahmad Pahang. Dalam majlis perkahwinan ini, pengantin lelaki itu buat pertama kalinya berpeluang menyaksikan permainan Joget Pahang dan baginda sangat tertarik hati pada permainan ini.⁴ Dengan itu, baginda telah meminjam satu set alat bunyi-bunyian dan pemain-pemain muzik dari bapa mentuanya dan memulakan permainan muzik gamelan dalam istananya di Terengganu.⁵

Pada 1913, Tengku Mariam, puteri Sultan Ahmad dan Che Zubedah dari Pahang telah dikahwinkan dengan Tengku Sulaiman Terengganu. Tengku Mariam pernah belajar Joget Pahang daripada emaknya dan juga pernah menyertai kumpulan penari emaknya menari di Pahang. Pada 1914, selepas kemangkatan ayahandanya, Tengku Mariam telah meminjam penari-penari dan set gamelan kepunyaan emaknya dan membawa mereka balik ke Kuala Terengganu. Pada 1920 Tengku Sulaiman secara rasmi telah ditabalkan ke atas takhta dan oleh kerana baginda juga berminat dalam Joget Pahang seperti isterinya, baginda telah menghantar seorang wakil ke Indonesia untuk mendapatkan satu set gamelan. Dengan demikian "Sekumpulan Joget Gamelan Terengganu" telah dibentuk di Istana Maziah, dan menjadi bentuk penghiburan yang paling digemari oleh kedua-dua pihak, tetamu rasmi dan keluarga diraja apabila mereka dalam kesunyian.⁶

Tengku Ampuan Mariam dan Sultan Sulaiman sangat gemar akan pertunjukan yang dipersembahkan dalam majlis keramaian diraja. Tidak lama selepas kemahkotaan, Sultan Sulaiman telah cuba untuk mendapatkan nobat dari Riau.⁷ Gendang yang diberi nama Nobat Perak, serunai dan nafiri (Obo- sejenis alat untuk mengeluarkan bunyi lagu)⁸ telah dibawa oleh Pak Bujang dan ditempatkan di Terengganu. Disebabkan kumpulan pemain Nobat Perak itu memerlukan seorang lagi pemain muzik, Pak Bujang telah balik semula ke Riau dan kembali ke Terengganu bersama-sama dengan Pak Mat, seorang pemain muzik muda dan berbakat tinggi. Masa ini Pak

Mat berumur kira-kira 19 tahun dan menjadi seorang orang istana dalam istana Terengganu. Sebagai seorang orang istana, beliau perlu memikul dua tugas: sebagai seorang pemain muzik yang memainkan nobat dan sebagai seorang tukang masak dalam istana. Ini bukan satu perkara yang luar biasa pada masa itu di mana seorang orang istana dikehendaki melakukan beberapa tugas pada masa yang sama seperti Pak Mat.

Sebagai seorang pemain muzik di istana, Pak Mat telah mengambil kesempatan ini mempelajari gamelan. Guru-guru yang mengajar alat muzik ini dibawa dari Pahang dan Pak Mat mempelajari muzik gamelan dari Pak Salleh yang datang dari Pahang dan juga daripada Sultan Sulaiman sendiri.⁹

Gamelan Terengganu pada masa ini telah mengalami perubahan dan mula berkembang ke satu corak yang unik dan berbeza dari corak asal (barangkali di kawasan Tengah Jawa). Susunan lagu untuk dimainkan oleh alat bunyi-bunyian, tangga nada, struktur muzikal dan stail. Kesemua ini telah disesuaikan menjadi satu corak istimewa yang pada hari ini hanya boleh dijumpai di Malaysia. Sementara seseorang tidak dapat menafikan pertaliananya dengan gamelan orang Jawa, akan tetapi pada masa yang sama adalah mudah bagi kita melihat penyimpangannya dari tradisi muzikal orang Jawa. Alat-alat yang terdapat dalam kumpulan Terengganu terdiri daripada sarun barung dan sarun peking, dua buah zilofon yang diperbuat daripada logam; gambang kayu, zilofon yang diperbuat daripada bilahan kayu; keromong dan kenong, dua set gong berbunyi yang menelungkup; gong ageng dan gong susukan, dua gong sangkut yang besar dan gendang, dan dram yang berlaras dua kepala. Tangga nada yang biasa terdapat pada satu kumpulan adalah nada 5 yang mana boleh diberi nama tangga *altered Slendro*.¹⁰ Yang sekarang ini digelar Gamelan Melayu, telah menjadi kumpulan pemain muzik tradisional yang terpenting di Malaysia. Dalam tradisi Joget Gamelan, ia boleh dimainkan dengan muzik sahaja atau dengan diiringi oleh penari-penari. Ia juga digunakan dalam menggubah lagu baru dan dalam mereka tarian baru, khasnya dalam menyusun drama-drama tarian tradisional yang baru.

Pak Mat boleh bermain kesemua alat muzik gamelan. Beliau terkenal handal dalam memainkan gambang kayu yang pada pendapat beliau adalah alat muzik yang terpenting sekali dalam kumpulan. Gambang kayu adalah zilofon kayu yang mempunyai 20 nota nada bersilang atas kayu "resonator". Nota nada semakin berkurangan dalam saiz; semakin tingginya

nada dan tangga nada besar (ubar) dimulai dari kiri menaik nadanya ke kanan. Bagi membunyikan gambang biasanya dua pemukul kayu yang panjang digunakan oleh pemain. Gambang kayu memberi irama asas, seperti mana uraian yang panjang lebar dalam gamelan. Walaupun alat ini dimainkan dengan pantas namun Pak Mat tidak merasa letih sebab beliau telah mahir dalam permainan ini. Tambahan pula, pada masa Pak Mat bermain gamelan mengiringi kumpulan istana, beliau juga ikut menyanyi dan dapat menyanyi dengan baik sekali. Pak Mat mempunyai bakat istimewa dan semula jadi dalam lapangan ini dan beliau cepat mencapai taraf ketua dan menjadi guru bagi kumpulan gamelan di istana Sultan Sulaiman.

Semasa pemerintahan Sultan Sulaiman, disiplin dan sikap kesungguhan yang tinggi adalah diperlukan oleh penari-penari dan pemain-pemain muzik dalam Istana Maziah Kuala Terengganu. Dalam pada itu, ahli-ahli kumpulan gamelan istana berasa sungguh bangga akan bakat dan kemahiran mereka dalam pertunjukan majlis keramaian diraja dan ini telah mendatangkan kemasyhuran kepada kumpulan mereka. Latihan diadakan setiap hari. Mengenang masa dahulu, Pak Mat memberitahu bahawa beliau mengajar gamelan setiap pagi dari jam 7-9 dan lepas itu menyediakan makanan tengah hari. Pada pukul dua petang, beliau akan mengajar muzik gamelan lagi untuk 2 atau 3 jam sebelum beliau menyediakan makan malam.

Joget Gamelan biasanya mesti dipertunjukkan dalam acara-acara diraja seperti kelahiran anak dalam keluarga diraja, majlis perkahwinan, hari jadi, perayaan, dan pada masa kehadiran pembesar-pembesar dalam istana. Selain dari pertunjukan rasmi, kumpulan gamelan juga mengadakan permainan untuk hiburan persendirian Sultan Sulaiman dan Tengku Ampuan Mariam, sekurang-kurangnya dua kali dalam seminggu. Pak Matlah yang mengetuai kumpulan gamelan semasa mengadakan pertunjukan di istana Terengganu dan juga di istana Pahang, dan pada 1935 kumpulan diraja ini membuat pertunjukan di Bangkok. Ketua kumpulan merupakan orang terpenting dalam kumpulan istana itu kerana ketualah yang tahu semua lagu dan cerita yang terkandung dalam tarian.¹¹ Repertoire yang terdapat pada masa itu adalah banyak iaitu lebih kurang 45 karya.

Berikutnya dengan kemangkatan Sultan Sulaiman dan serangan Jepun ke Tanah Melayu pada 1942, ini telah menandakan berakhirnya era bagi permainan ini di istana Terengganu. Pertunjukan Joget Gamelan Terengganu telah dihentikan. Tengku Ampuan Mariam telah memindahkan

gamelan yang dalam simpanannya ke kediaman persendirian di Istana Kolam.

Dalam pada itu di dalam istana, Pak Mat telah berkahwin dengan seorang wanita Cina, yang kemudiannya meninggal dunia selepas melahirkan seorang anak perempuan yang juga anak tunggal Pak Mat, Dayang binte Muhammad Ismail. Pak Mat kemudiannya berkahwin semula tetapi tidak mendapat anak. Disebabkan sudah hilang pergantungan dalam istana, Pak Mat beralih menggunakan kemahiran lain yang tunggal untuk mencari rezeki, iaitu memasak. Semasa di istana, beliau telah belajar cara untuk memasak nasi minyak daripada seorang Arab.¹² Sekarang beliau menggunakan kemahiran ini dengan membuka sebuah warung makanan di pasar Kuala Terengganu di tepi sungai menjual nasi minyak. Ini merupakan kali pertama jenis masakan nasi ini diperkenalkan kepada pasar umum. Dengan kemahiran beliau dalam urusan masak-memasak, beliau dengan cepat telah diberi gelaran "Pak Mat Nasi Minyak". Malahan hingga sekarang jika seseorang duduk dalam warung di pasar Kuala Terengganu, masih boleh bertemu dengan seorang manusia tua yang menggelar dirinya "Nasi Pak Mat Nobat" untuk mengenangi kembali Pak Mat.

Apabila Sultan Sulaiman mangkat, putera baginda Sultan Ali (1942-1945) telah menaiki takhta. Namun tempoh pemerintahan baginda singkat disebabkan meluasnya keadaan huru-hara dalam masa pendudukan Jepun. Sekembalinya British lepas perang, pembesar-pembesar Terengganu telah menggulingkan Sultan Ali dan mengisytiharkan Tengku Ismail, adinda Sultan Sulaiman sebagai Sultan (1945-1979). Sultan Ismail telah memanggil balik pemain-pemain nobat ke istana dan Pak Mat dengan demikian telah memainkan nobat dalam majlis pertabalan Sultan Ismail. Gamelan, walau bagaimanapun, masih disimpan di Istana Kolam. Pak Mat telah bermain nobat semula di istana. Akan tetapi, tidak tahu bagaimana beliau telah dimurkai oleh Sultan dan telah dibuang kerja dari istana. Beliau membuka warung makanan nasi minyak semula. Pada awal 1960-an, cucu tunggal beliau, Kassim @ Md. Mokhtar bin Abdul Rahman, pada mulanya menolong di warung kemudian mengambil alih warung ini dan terus menjual nasi minyak hingga ke hari ini.

Hidup Pak Mat berhubung dengan gamelan tidak berakhir pada masa ini. Malahan, beliau telah memainkan satu peranan yang penting dalam menghidupkan kembali Joget Gamelan dalam tahun 1970-an. Pada 1967,

Tan Sri Dato' Mubin Sheppard, seorang pakar dan penaung dalam kesenian tradisional, semasa mencari contoh ukiran kayu di Terengganu telah berpeluang bertemu dengan Tengku Ampuan Mariam dan kebetulan terjumpa alat muzik gamelan yang masih disimpan dalam Istana Kolam. Beliau telah diberitahu tentang Pak Mat dan beberapa orang pemain muzik lain yang telah menjelang usia tua dan juga dua orang penari istana, termasuk Adnan binti Abdullah, yang juga dikenali sebagai Mak Adnan. Beliau sempat berjumpa dengan Pak Mat yang ada menjual nasi di tepi sungai dan mengajukan cadangan untuk menghidupkan kembali Joget Gamelan. Sudah 25 tahun pemain-pemain istana ini tidak memainkan gamelan dan mereka mungkin tidak dapat mengingati kembali semua permainan tersebut. Namun demikian, dalam masa kurang daripada enam bulan, satu pertunjukan yang memakan masa dua jam telah diadakan di Istana Kolam di bawah pimpinan Tengku Ampuan Mariam.

Apa yang berlaku seterusnya baik diterangkan daripada kata-kata Mubin Sheppard ini:

... As soon as I went to see Pak Mat and said would you like to come back and help to revive the gamelan, he was delighted and said yes, he would be glad to perform but as you know he's a very undemonstrative person. He may feel considerable enthusiasm inside but ... I never saw him show any emotion at all. He'd sit there playing the most beautiful music on the gambang and without any apparent feeling he just rippled away ... From then on we were quite busy together for this process of reviving ... Finally in '69 bringing it to K.L. to perform beside two very large and very eminent *gamelans* from Thailand and Cambodia. This was really a triumph for Pak Mat because he's the man who provided the courage to this tiny little gamelan and these totally inexperienced musicians who had never been out of Terengganu to perform on one big stage ... a very remarkable experience ... there they were all these a big gamelan from Cambodia, a big gamelan from Thailand and a little tiny gamelan from Terengganu. And there was Pak Mat in the middle, absolutely unmoved as if he had been imperturbable. He showed no signs of embarrassment or shyness or anxiety or anything. And he set the tone for the rest of the gamelan ... the Terengganu gamelan when they played, played beautifully although it was small ... and impressed a packed audience.¹³

Permainan telah dipertunjukkan dalam Konferen Drama dan Muzik Tradisional Negara-negara Asia Tenggara yang diadakan di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya. Majlis yang dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ini telah menandakan era baru bagi Joget Gamelan.

Selepas persembahan tahun 1969, kerajaan negeri Terengganu mula mengambil minat dalam Joget Gamelan. Pak Mat telah dijemput untuk mengajar pemain-pemain muzik dalam kumpulan kebudayaan negeri sementara Mak Adnan mengajar tarian kepada penari-penari. Pada 1974 kumpulan profesional negeri Setiausaha Kerajaan Terengganu atau SUKTERA telah ditubuhkan, dan Pak Mat mengambil bahagian bermain dan mengajar kumpulan ini sehingga beliau meninggal dunia pada 1983. Dengan SUKTERA Pak Mat mengadakan pertunjukan di seluruh negara.

Walaupun usia beliau makin meningkat tua, beliau tetap bergerak dari satu tempat ke suatu tempat lain dengan temannya, terutama ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Pada tahun 1980, SUKTERA menjadi "anak angkat" Universiti Kebangsaan Malaysia. Pak Mat pergi ke kampus UKM di Bangi mengajar gamelan kepada mahasiswa-mahasiswi yang berminat. Sepanjang berada di sana, beliau membincangkan dan mengajar beberapa orang penyelidik, termasuk saya sendiri. Dalam tahun-tahun akhir, Pak Mat telah menanggung sakit asma. Namun ini tidak dapat menghalangnya daripada terus mengajar gamelan. Beliau meninggal dunia dengan aman selepas satu serangan penyakit asma di rumah anak perempuannya pada Februari 1983.

Pak Mat merupakan seorang manusia yang mistik. Beliau sangat percaya pada falsafah dan keagamaan, dan beliau berpendapat kesenian dan agama adalah dua bidang yang tidak boleh dipisahkan. Beliau mendakwa bahawa nobat dan gamelan adalah berkait rapat dengan hidup Nabi Ibrahim. Gerakan tarian gamelan, menurut beliau adalah simbol gerakan Nabi Ibrahim dalam beberapa peristiwa yang berlaku dalam kehidupannya.¹⁴ Beliau berpendapat seorang seniman, sama ada pengajar atau pengamal harus memahami dengan mendalam tentang latar belakang, sejarah, erti dan falsafah dalam apa yang beliau mengajar atau praktiskan. Beliau percaya segala bunyi dan gerakan adalah dicipta oleh Tuhan Pencipta Alam.

Muzik yang Pak Mat mainkan atau nyanyikan adalah sebahagian daripada apa yang beliau hafal dari awal. Beliau tahu sekurang-kurangnya

45 lagu gamelan, mainkan dan nyanyikan lagu ini semuanya dari ingatan. Beliau merupakan sumber asli bagi 10 hingga 15 karya yang biasa dimainkan oleh pemain tempatan sekarang. Tanpa ingatan yang waras dan terang dari beliau, kita mungkin tidak boleh mendapat bahagian yang walaupun kecil tentang tradisi Joget Gamelan. Pak Mat adalah kukuh dan setia pada kaedah muzik tradisional dan benci sebarang bentuk modenisasi muzikal. Usaha percubaan SUKTERA untuk menambah taridra atau drama tari dengan menggunakan tradisi gamelan telah merunsingkan perasaan Pak Mat. Beliau juga benci menggunakan pita rakaman sebagai bantuan untuk mempelajari muzik. Beliau mahukan pemain muzik menyerap muzik ke dalam tubuh badan, seperti yang diamalkan oleh beliau.

Pak Mat merupakan seorang pendiam; seorang yang suka menjauhkan diri supaya tidak menjadi tumpuan orang; tabah menghadapi kesulitan dengan sikap rendah hati. Walaupun tidak ramai kawan, tetapi dalam tahun-tahun akhir, beliau senang meluangkan masanya dengan mereka di warung. Di samping itu, beliau juga melapangkan masa bermain biliad dengan Sultan Sulaiman. Jiwa dan semangat beliau adalah dalam muzik. Walaupun pada masa sakit, bila disebut sahaja gamelan akan membawa kegembiraan dan kenangan manis pada beliau. Beliau merupakan lambang ahli muzik tradisional dan dapat memberi pengaruh yang kuat dalam dunia muzik sezaman di Malaysia.

Nota

1. Kajian biografi ini, dengan demikian, adalah hasil dari kerja kajian luar yang dibuat di Kuala Terengganu dan Kuala Lumpur. Temu ramah telah diadakan dengan Pak Mat sendiri pada Ogos 1978, semasa saya sedang menjalankan Kajian Luar untuk tesis Ijazah Sarjana saya yang membincangkan tentang JOGET GAMELAN. Bulan April tahun ini, temu ramah juga dikendalikan dengan beberapa orang yang boleh memberi maklumat tentang Pak Mat, seperti yang telah disenaraikan di bawah. Disebabkan ramai antara mereka telah berusia tua, maka mungkin terdapat kenyataan-kenyataan yang tidak tepat dalam kajian ini, yang pada pendapat saya adalah sukar untuk dilakukan. Meskipun begitu, kajian ini memang berhasrat untuk cuba mengkaji riwayat hidup Pak Mat dengan seberapa jelas yang boleh, dengan menumpukan perhatian pada peranannya dalam memajukan Gamelan di Malaysia.

Orang-orang yang ditemu ramah

1. Muhammad bin Ismail (Pak Mat). Temu ramah pada Ogos 1978.
2. Dayang bte Muhammed Ismail (anak perempuan Pak Mat). Temu ramah pada April 1987.
3. Kassim @ Md. Mokhtar bin Abdul Rahman (cucu lelaki Pak Mat). Temu ramah pada April 1986.
4. Tan Sri Dato Haji Mubin Sheppard. Temu ramah pada April 1986.
5. Ahmad Omar (senireka tarian di Kompleks Budaya Negara yang sekarang ini sedang menulis sebuah buku tentang Joget Gamelan). Temu ramah pada 1978 dan April 1986.
6. Tengku Chik (pemain muzik bersama-sama dengan Pak Mat). Temu ramah pada April 1986.
7. Khazirah Taha (Jurulatih tarian kumpulan SUKTERA (SUTERA)). Temu ramah pada April 1986.
8. Aziz Sulaiman (Pegawai Kebudayaan Terengganu) Temu ramah pada April 1986.

2. Untuk keterangan lanjut tentang sejarah Joget Gamelan di Pahang dan Terengganu, sila rujuk Marion Francena D'Cruz, "Joget Gamelan - A Study of its Contemporary Practice", tesis M.A., Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Oktober 1979, bab 1.

3. Mubin Sheppard, "The Joget Gamelan of Terengganu", *Strait Times Annual 1969*, (Kuala Lumpur: New Straits Times Press, 1969), 81.
4. Ibid., 81.
5. Di sini muzik gamelan merujuk kepada muzik yang dihasilkan dengan membunyikan alat-alat muzik yang dipanggil gamelan. Alat-alat ini pada dasarnya merupakan gabungan alat-alat muzik zilofon kayu dan logam, gong dan dram. Akar kata adalah "gamel" yang bererti membunyikan alat baik dengan cara "pukulan, tabuhan, gesekan, petikan atau tiupan". Perkataan gamelan dalam bahasa Indonesia juga merupakan satu istilah umum yang membawa maksud pancaragam.
6. Sheppard, "The Joget Gamelan", 82.
7. Zaman tradisional di Terengganu tidak mempunyai nobat.
8. Nobat perak yang terdapat di Terengganu adalah dalam bentuk luar biasa dan unik. Ia dibuat di Batavia dan telah dibawa oleh koloni Belanda ke Riau dan kemudian dari Riau ia telah dibawa ke Terengganu. Dari sini dram perak yang bergaya Eropah adalah tidak serupa dengan gendang tradisional.
9. Untuk keterangan lanjut tentang pertunjukan dalam majlis keramaian diraja, sila rujuk D'Cruz 1979, "Joget Gamelan" bab 1.
10. Kumpulan gamelan Jawa adalah satu kumpulan yang jauh lebih besar. Kumpulan ini mempunyai dua set alat muzik, satu mempunyai tangga nada Slendro laras nada 5 dan satu lagi mempunyai tangga nada pelog laras nada 7. Kumpulan permainan yang lengkap mempunyai 60 karya dengan 27 jenis alat bunyi-bunyian. Gamelan Melayu hanya mempunyai 7 alat bunyi-bunyian yang tangga nada larasnya nada 5 ia adalah berbeza dari Slendro yang biasa terdapat. Dengan itu, ia boleh dipanggil sebuah "altered Slendro". Terdapat persamaan dan perbezaan antara dua struktur muzikal ini. Sila rujuk Ibid., bab III dan IV.
11. Semasa saya sedang menjalankan penyelidikan untuk tesis Ijazah Sarjana, saya telah berpeluang menemuramah Pak Mat pada tahun 1978. Dalam temu ramah, beliau telah memberitahu banyak cerita tentang tarian.
12. Nasi minyak adalah sejenis masakan nasi yang dimasak dengan mencampurkan rempah dan minyak.
13. Temu ramah dengan Mubin Sheppard, 20 April 1986.
14. Harun Mat Piah, "Pak Mat Gamelan - Potret Seniman Sejati", *Dewan Budaya*, Disember 1980, 31.

TAN SRI NIK AHMAD KAMIL

Oleh

Rahmat bin Saripan

Latar Belakang Keluarga

Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Nik Mahmood bin Nik Ismail iaitu bapa kepada Nik Ahmad Kamil ialah seorang ahli golongan pentadbir negeri yang paling terkemuka di negeri Kelantan pada awal abad ke-20. Kedudukan politiknya yang teguh dapat ditinjau dari segi kuasa dan pengaruhnya sebagai Perdana Menteri yang berketurunan ulama yang terkenal.¹ Ada penulis yang mengatakan bahawa birokrasi negeri Kelantan telah dikuasai oleh tokoh-tokoh pentadbir yang dipimpin oleh Nik Mahmood.² Zaman keharuman dan kegemilangan Nik Mahmood adalah di antara tahun-tahun 1920-an hingga tahun 1940-an.³

Sebelum menjadi terkenal dan masyhur di negeri Kelantan, Nik Mahmood merupakan seorang pegawai kerani. Akan tetapi atas daya usaha dan ketekunan beliau sendiri berlandaskan ilmu pengetahuan yang berlunaskan kepada agama Islam, di samping minat yang mendalam untuk menyelidik dan merakamkan bidang-bidang pengetahuan sejarah dan ilmu alam, maka beliau mencipta nama sebagai seorang tokoh masyarakat negeri Kelantan yang paling disanjung dan dihormati dalam zamannya.⁴

Ibu Nik Ahmad Kamil, Che Esah ialah anak perempuan Haji Muhammad Said Khatib yang berasal dari Kampung Peringat, Kota Bharu. Haji Muhammad Said ialah seorang guru agama yang telah mendirikan sekolah pondok di Kampung Merbau, Kota Bharu. Nampaknya kedua-dua datuk Nik Ahmad Kamil di sebelah bapanya dan ibu adalah tokoh-tokoh ulama yang terkemuka di Kelantan. Latar belakang keilmuan yang wujud di kalangan keluarga beliau telah sedikit sebanyak mencorakkan saksiah beliau, tambahan pula hakikat bahawa Nik Ahmad Kamil adalah anak sulung⁵ yang mewarisi tradisi kepimpinan dalam bidang-bidang pentadbiran dan politik negeri Kelantan.

Pendidikan

Tarikh lahir Nik Ahmad Kamil ialah 7 Julai 1909, di Kota Bharu, Kelantan. Beliau diperkenalkan dengan huruf-huruf al-Quran oleh bapanya sendiri yang sangat mementingkan disiplin dalam asuhan awal anak sulungnya.⁶ Ketika umurnya kira-kira lapan tahun iaitu pada 1917, Nik Ahmad Kamil telah dimasukkan oleh bapanya ke Madrasah Muhammadiyah, iaitu institusi

kemudiannya MARA (Majlis Amanah Rakyat) yang telah diamanahkan supaya memberikan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya bagi menggiatkan penglibatan orang-orang Melayu dalam perusahaan dan perniagaan.

Peranan Nik Ahmad Kamil sebagai seorang ahli parliment mungkin dapat diingati sebagai seorang yang sentiasa mempunyai kesedaran yang mendalam terhadap kepentingan awam bukan sahaja dari segi semasa tetapi menilai kepentingan tersebut untuk masa hadapan. Perihal ini dapat dijelaskan dalam syor beliau yang sangat bermanfaat khususnya dalam perjalanan sistem demokrasi berparlimen apabila beliau mencadangkan supaya bilangan perakam atau pencatat-pemberita Dewan Rakyat ditambah³⁵ supaya keseluruhan perdebatan yang dilangsungkan di parliment dapat dirakamkan. Beliau juga mencadangkan supaya bendera negara dan bendera negeri-negeri Melayu yang menjadi lambang kenegaraan dikibarkan semasa parliment bersidang.³⁶

Sebagai seorang wakil rakyat yang merasa bangga terhadap negaranya dan berhasrat untuk bukan sahaja memperkenalkan negara kepada dunia luar di samping itu menggalakkan pelancongan; beliau mencadangkan supaya: (a) kerajaan menyebarkan bahan-bahan penerangan melalui kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara. (b) melibatkan diri dalam "New York World Fair" dengan cara mendirikan astaka perdagangan Malaysia di sana.³⁷

Salah satu minat Nik Ahmad Kamil dalam proses pembudayaan di Malaysia ialah dalam bidang kesenian rakyat biasa seperti permainan wayang kulit dan mak yong yang dianggapnya perlu dihidupkan melalui usaha yang lebih teratur oleh agensi kerajaan khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.³⁸ Tetapi usaha Nik Ahmad Kamil yang dianggap terbesar sebagai seorang wakil rakyat adalah sokongan beliau terhadap Dasar Bahasa Kebangsaan apabila beliau turut menyuarakan serta menggesa semua ahli Dewan Rakyat menggunakan Bahasa Malaysia dalam semua bentuk urusan rasmi.³⁹

Peranan politik Nik Ahmad Kamil di luar dewan nampaknya bertambah berat apabila beliau ditugaskan sebagai Ketua Perhubungan UMNO Kelantan. Nampaknya di kalangan tokoh-tokoh politik Perikatan, Nik Ahmad Kamil merupakan seorang yang diharapkan dapat memenangi hati rakyat agar menyokong kerajaan pusat merampas kembali tumpuk kerajaan

negeri yang sedang dikuasai oleh PAS, kerana sebelum ini Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman sendiri yang merangkap jawatan Ketua Perhubungan di Kelantan.⁴⁰

Atas daya usaha Nik Ahmad Kamil, sebuah Biro Penerangan UMNO telah ditubuhkan pada tahun 1965, untuk mencapai matlamat memperbanyak bilangan ahli-ahli UMNO di Kelantan.⁴¹ Strategi yang digunakan ialah bergerak cergas dalam bidang kebajikan masyarakat desa supaya parti tersebut dapat menawan hati rakyat. Akan tetapi ternyata bahawa kekuatan PAS di kampung-kampung memang sukar ditumpaskan sehingga Tunku Abdul Rahman menyedari hakikat bahawa seorang yang lebih berpengaruh dalam UMNO perlu ditugaskan untuk mengambil peranan menjatuhkan kerajaan PAS. Justeru itu, Tun Abdul Razak telah mengantikan tempat Nik Ahmad Kamil.⁴²

Sungguhpun Nik Ahmad Kamil memenangi kerusi pilihan raya parlimen tahun 1969 dengan jumlah pengundi yang lebih besar daripada penggal sebelumnya, tetapi kerajaan Kelantan masih terus dikuasai oleh PAS. Walau bagaimanapun pengalaman beliau sebagai seorang ahli parlimen telah melayakkan beliau dilantik menjadi Timbalan Speaker Dewan Rakyat dalam suatu persidangan parlimen ketiga penggal pertama. Justeru itu, beliau kurang terlibat dalam perdebatan seperti mana sebelumnya. Namun beliau masih jelas sebagai seorang diplomat yang matang, teristimewa dalam mempertahankan lunas dasar seperti dasar bahasa. Beliau sanggup bertolak ansur tetapi masih tetap tegas terhadap ahli-ahli Dewan Rakyat yang belum begitu fasih dalam Bahasa Kebangsaan.⁴³ Sikap adil dan saksama adalah ciri-ciri keperibadian yang terpuji dan terukir dalam lembaran sejarah Dewan Rakyat apabila beliau diberikan tugas sebagai Speaker Dewan Rakyat pada tahun 1974 sehingga beliau kembali ke rahmatullah pada tahun 1977.

Peranan Sebagai Pentadbir

Nik Ahmad Kamil sebenarnya terkenal sebagai pentadbir yang cekap dan hal ini tampak jelas dalam sejarah hidupnya sejak mula berkecimpung dalam perkhidmatan awam. Semasa bapanya memegang tumpuk pentadbiran politik Kelantan beliau telah mengendalikan nadi pentadbiran negeri sebagai Setiausaha Kerajaan. Jawatan tersebut telah

diwujudkan oleh bapanya sejak tahun 1924.⁴⁴ Nik Ahmad Kamil telah menyambung usaha memperbaiki taraf perkhidmatan pentadbiran Kelantan sejak memegang jawatan Setiausaha Kerajaan pada 1934 dengan cara menggubal suatu skim perkhidmatan yang lebih teratur khususnya dalam bidang perkeranian.⁴⁵ Setengah-setengah kerani yang dianggap layak serta mampu melaksanakan tugas dengan cekap telah dilantik ke dalam perkhidmatan kerajaan Kelantan. Seterusnya beliau telah memperkemaskan pentadbiran di peringkat desa yang sebahagian besarnya disandang oleh institusi penggawa. Pada tahun 1937, beliau telah mewujudkan dan melaksanakan skim penggawa⁴⁶ yang mengandungi syarat-syarat perkhidmatan yang lebih ketat di samping mempunyai tempoh percubaan yang sewajarnya sebelum seseorang penggawa itu disahkan di dalam jawatannya.⁴⁷

Apabila menyandang jawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan, beliau telah menyelaraskan skim perkhidmatan pegawai-pegawai tadbir negeri Kelantan.⁴⁸ Istilah yang digunakan pada masa itu ialah "mendarjahkan" pegawai-pegawai kerajaan yang bermaksud mempertingkatkan mutu perkhidmatan pentadbiran Kelantan.

Memandangkan kecekapan beliau sebagai seorang pentadbir perkhidmatan Nik Ahmad Kamil telah dikekalkan dalam jawatan Timbalan Menteri Besar dalam zaman pendudukan Jepun dan pentadbiran Thailand. Atas arahan pihak-pihak berkuasa Jepun dan Thailand⁴⁹ beliau bertugas sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurangan Kakitangan Kerajaan.⁵⁰ Tetapi proses pengurangan kakitangan kerajaan tidak dilaksanakan sepenuhnya. Begitu juga halnya dengan perubahan kepada institusi Majlis Negeri kepada *Montri Spa* (semasa pentadbiran Thailand), apa yang berlaku adalah pertukaran pada nama dan fungsi sahaja sedangkan bentuk asalnya masih tetap seperti dalam zaman penjajahan British juga.⁵¹

Dalam zaman pendudukan Jepun, Nik Ahmad Kamil pada hakikatnya telah memainkan peranan sebagai Menteri Besar Kelantan kerana bapanya sering uzur.⁵² Hanya setelah zaman pendudukan Jepun berakhir barulah Nik Ahmad Kamil mengambil alih tugas secara rasmi sebagai Menteri Besar Kelantan (1947-1953) dan di antara peranan yang agak menonjol yang perlu diingat dalam kisah hidupnya adalah: (1) mewakili baginda Sultan Kelantan dalam perjanjian 21 Januari 1948 dengan menandatangani persetujuan kerajaan Kelantan kepada perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948;

dan (2) menumpaskan gerakan pengganas komunis di Hulu Kelantan serta bergerak cergas memulihkan ketenteraman awam di kawasan-kawasan desa Kelantan semasa darurat sebagai Pengurus Jawatankuasa Perang Negeri (*State War Executive Committee*).

Nik Ahmad Kamil merupakan seorang pentadbir yang telah berhasil mewujudkan hubungan mesra bukan sahaja dengan kakitangan yang berada di bawahnya tetapi di kalangan orang ramai dan sentiasa memikirkan tentang kebijakan mereka. Semasa memegang jawatan Menteri Besar beliau telah menggalakkan penubuhan sekolah-sekolah rakyat, contohnya Sekolah Kampung Cengal, Kota Bharu (1948) dan Sekolah Kampung Gual Periuk, Pasir Mas (1953) di mana beliau berkata "... teladan yang ditunjukkan oleh rakyat Gual Periuk ... harus diteladani oleh orang-orang kampung lain."⁵³ Nampaknya bidang pelajaran merupakan suatu bidang yang mendapat perhatian rapat sehingga beliau sanggup menyumbangkan wang beliau sendiri demi perkembangan sesebuah sekolah, misalnya Government English School, Pasir Puteh yang kemudiannya (1955) terkenal dengan nama Kamil English School.⁵⁴

Dalam *Memoirs* Tan Sri Mubin Sheppard terdapat suatu gambaran tentang ketokohan Nik Ahmad Kamil sebagai seorang yang giat membangunkan masyarakatnya, khususnya dalam bidang kebudayaan tetapi sekiranya dikaji keseluruhan kegiatan beliau, tampak suatu tema yang menonjol iaitu kepentingan taraf sosioekonomi orang-orang Melayu khususnya dalam bidang pelajaran dan ilmu pengetahuan seperti mana yang pernah ditegaskan oleh beliau bahawa orang-orang Melayu akan tenggelam di tanah air mereka sendiri jika mereka tidak mahu mengubah nasib diri sendiri dan berlumba-lumba meningkatkan taraf ekonomi demi menyaangi bangsa-bangsa asing.⁵⁵

Semangat kebangsaan dan sikap berlumba-lumba dalam konteks membangunkan negara Malaysia menggariskan perjuangan hidup Nik Ahmad Kamil dalam sejarah perkhidmatan beliau dengan kerajaan demi kepentingan rakyat.

Nota

1. Lihat W. R. Roff, *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974), 121-125.
2. Alias Muhammad, *Inteligensia Melayu Kelantan: Satu Pandangan Awal*, Kota Bharu, 1977, 68.
3. Siti Khadijah Binti Abdul Rahman, "Datuk Perdana Menteri Haji Nik Mahmud: Suatu Tinjauan tentang Ketokohan dan Peranan dalam Pentadbiran Negeri Kelantan", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera yang belum diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 1978, 34. Lihat juga, Noraini Binti Mohd. Zain, "Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu: Satu Tinjauan Awal (1915-1950)", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera yang belum diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1982, 53.
4. Di antara buku-buku tulisan beliau adalah: (a) *Kitab Geografi dan Tarikh Negeri Kelantan*, (1926); (b) *Ringkasan Cetera Kelantan*, (1934); (c) *Kitab Perbendabaran Mastik*, (1946); dan *Kitab Parti Rabua*, (1946). Lihat Siti Khadijah, "Datuk Perdana Menteri" 58-70.
5. SUK. Kel., No. 22/52, "Biographical Note on Nik Ahmad Kamil (Dato' Sri Setia Raja) of Kelantan."
6. Lihat Bostaman Musa, "Tan Sri Nik Ahmed Kamil: Satu Tinjauan Tentang Peranan dan Ketokohnanya dalam Pentadbiran dan Politik Negeri Kelantan," Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera yang belum diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1985, 14.
7. SUK. Kel., No. 22/52, "Biographical Note." Lihat juga *Al-Hikmah*, Bil. 28, 1 Januari, 1935. Mengenai Madrasah Muhammadiyah, baca tulisan Clives. Kessler, *Islam and Politics in a Malay State: Kelantan 1858-1969*, Ithaca, 1978, 60-61.
8. *Al-Hikmah*, Bil. 28, 1 Januari 1935.
9. Bostaman, "Ahmed Kamil", 15.
10. SUK. Kel., No. 22/52, "Biographical Note."
11. *Al-Hikmah*, Bil. 28, 1 Januari 1935.
12. Ibid.
13. Alias, *Inteligensia*, 37.
14. Bostaman, "Ahmed Kamil", 17, memperolehi keterangan lisan dari anak keempat beliau yang bernama Nik Osman Ariff, Petaling Jaya, 21 Disember, 1984.
15. Ibid., 19.
16. SUK. Kel., No. 22/52, "Biographical Note."

17. Ibid.
18. Mubin Sheppard, "In Grateful Memory of Tan Sri Dato' Ahmed Kamil bin Haji Nik Mahmood", *Journal of Malaysian Branch Royal Asiatic Society*, Vol. 51, Pt. 1, 1978, 1.
19. Ibid.
20. Lihat, senarai Istana (Kelantan) 1972: "Senarai Keanggotaan Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati."
21. Sheppard, "Tan Sri Dato' Ahmed Kamil", 1.
22. Bostaman, "Ahmed Kamil", 23.
23. Sheppard, "Tan Sri Dato' Ahmed Kamil", 2.
24. Ibid.
25. Ibid.
26. Ramlah Binti Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik*, Kota Bharu, 1978, 176.
27. Lihat Zulkifli bin Mohd. Nor, "Sejarah Politik Orang-orang Melayu Kelantan 1945-1957 (Selain dari PAS)", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera yang belum diterbitkan, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1980, 127.
28. *Berita Harian*, 3 Disember, 1963.
29. *Berita Harian*, 9 Disember, 1963.
30. *Malaysia, Perdebatan Parlimen Kedua Penggal Pertama*, Jil. I, Bah. 1, 1964/5, Kuala Lumpur, 1965, 489.
31. Ibid., 511.
32. Ibid., 3916.
33. Ibid., 4048.
34. Ibid., 4086-7.
35. Ibid., Jil. 1, Bah. 2, 3674.
36. Ibid., 3677.
37. Ibid., 4089.
38. Ibid., 4085.
39. Ibid., 6166.
40. *Berita Harian*, 28 Mei, 1964.
41. *Berita Harian*, 25 Ogos 1965. Lihat juga Bostaman, "Ahmed Kamil," 186.
42. Bostaman, "Ahmed Kamil," 186.

Biografi Tokoh Pilihan Malaysia

43. Malaysia, *Penyata Dewan Rakyat Ketiga Penggal Pertama*, Jil. 1, Bil. 61-67, 1971/72, Kuala Lumpur, 1972, 7433.
44. Dato' Perdana Menteri, Kel., Bil. 118/1924, Surat Dato' Perdana Menteri kepada Penasihat Inggeris, 2 April, 1924.
45. Bostaman, "Ahmed Kamil", Bab II.
46. SUK. Kel., Bil. 615/37, "Sekim Penggawa 1937".
47. Ibid.
48. Dato' Perdana Menteri, Kel., Bil. 150/41.
49. Baca artikel Nik Anuar bin Nik Mahmud, "Kelantan di Bawah Pentadbiran Tentera Jepun dan Pentadbiran Thai 1941-1945," *Nusantara*, Bil. 6, 1981, 14.
50. Dato' Perdana Menteri, Kel. Bil. 74/2436 (1943).
51. SUK. Kel., Bil. 220/2847 (1944) ada mengandungi keterangan tentang keanggotaan institusi tersebut yang terdiri daripada: (1) Sultan Kelantan, (2) Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Tengku Hamzah), (3) Nik Mahmud, (ahli) dan (4) Nik Ahmad Kamil (ahli).
52. Persatuan Sejarah Malaysia, Kelantan, *Perkembangan Sekolah-sekolah Kelantan Secara Ringkas*, Kota Bharu, 1974, 36.
53. Ibid., 3.
54. Boestaman, "Ahmed Kamil", 92.
55. *Memoirs of an Unorthodox Civil Servant*, Kuala Lumpur, 1979, 177.

DATO' ONN JAAFAR, 1895-1962

Oleh

Ramlah Adam

Dato' Onn Jaafar bukanlah seorang tokoh yang asing di dalam sejarah politik Persekutuan Tanah Melayu. Beliau adalah seorang tokoh politik dan pentadbiran yang menonjol sebelum merdeka.

Dato' Onn dilahirkan pada tahun 1895 di Bukit Gambir, Johor Bahru daripada keturunan yang ternama. Ayahnya, Dato' Jaafar Haji Muhammad (1838-1919) adalah Menteri Besar Johor yang pertama¹ yang memajukan pentadbiran negeri Johor bersama-sama dengan pegawai-pegawai kerajaan Johor yang lain di zaman Sultan Abu Bakar (1862-1895). Ibunya, Hanim Rogayah adalah keturunan Scarcia, Turki. Mereka mendapat enam orang anak.² Dato' Jaafar juga mempunyai anak-anak yang lain hasil daripada perkahwinan-perkahwinan awalnya. Antara anak-anaknya yang terkenal ialah Dato' Abdullah, Menteri Besar Johor yang ketiga, Dato' Mustapha, Menteri Besar Keempat dan Che' Dara (Enche Engku), bonda Tengku Temenggung Ahmad.³

Dato' Onn bolehlah dikatakan berketurunan pembesar-pembesar Melaka dan Pahang. Moyang lelakinya dikatakan berasal daripada Bendahara Tepok Melaka iaitu bendahara terakhir Melaka di waktu Melaka diserang oleh Portugis pada tahun 1511. Manakala moyang perempuannya yang bernama Che' Burok adalah anak Orang Kaya Semantan, Pahang.⁴ Dengan itu keluarga Dato' Onn adalah orang Melayu Semenanjung Tanah Melayu.

Kerana kedudukan bapanya, Dato' Onn membesar dengan segala kemewahan hidup. Kehidupannya menjadi lebih berdarjah lagi kerana hubungan keluarganya yang sangat rapat dengan kerabat Diraja Johor. Ini kerana Dato' Jaafar, adalah orang kepercayaan Sultan Abu Bakar, dan menjadi pemangku raja dan ketua pentadbiran negeri sekiranya, Sultan Abu Bakar di luar negara.⁵ Di samping itu juga Dato' Jaafar adalah bapa mentua Sultan Ibrahim Johor.⁶ Oleh kerana itu, Dato' Onn telah dijadikan anak angkat oleh Sultan Ibrahim. Beliau telah dihantar belajar ke England bersama-sama anak-anak Sultan Ibrahim iaitu Tengku Ismail, Tengku Abu Bakar dan Tengku Ahmad. Dato' Onn telah dibesarkan sebagai seorang anak kelas atasan.

Dalam masa persekolahannya itu, Dato' Onn telah menunjukkan kebolehannya di dalam bidang bahasa dengan menjadi penuntut terbaik dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Beliau juga merupakan seorang ahli sukan di sekolahnya dengan menjadi Kapten pasukan bola sepak, kriket

dan menunggang kuda.⁷ Kebolehannya itu berterusan di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) apabila beliau dihantar selama dua tahun oleh bapanya bagi mempelajari bahasa Melayu. Ini terpaksa dilakukan kerana Dato' Onn, sekembalinya dari England tidak boleh berbahasa Melayu. Malah beliau memandang rendah terhadapnya. Namun segala anggapannya itu bertukar apabila beliau membaca hikayat-hikayat Melayu dan mempelajari tulisan jawi. Beliau menjadi seorang yang mahir dan sangat yakin dengan kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa penyambung kebudayaan Melayu.

Pada tahun 1919, setelah tamat dari MCKK, Dato' Onn telah menjadi kerani pelatih di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. Setahun kemudian, beliau telah dilantik menjadi kerani penuh dan bertugas di beberapa buah jabatan kerajaan Johor sebelum memasuki *Johor Military Forces* (JMF), pada tahun 1917 dengan pangkat Leftenant. Dua tahun kemudian, beliau kembali ke pentadbiran awam Johor, tetapi pada bulan Jun 1920 beliau telah diberhentikan daripada jawatannya kerana tidak puas hati dengan tindakan Sultan Ibrahim yang melelong harta dan rumah Dato' Jaafar di Bukit Senyum dan Majidi. Dato' Jaafar yang telah meninggal dunia pada pertengahan tahun 1919 dikatakan telah berhutang dengan kerajaan Johor sebanyak \$21,000.⁸

Dua tahun kemudian Dato' Onn diambil semula bekerja sebagai Penolong Pemungut Hasil Tanah (*Assistant Collector of Land Revenue*), Muar, Batu Pahat dan Johor Bahru. Namun pada tahun 1927, beliau diberhentikan sekali lagi kerana mengkritik Sultan Ibrahim di dalam *Sunday Mirror*, sebuah akhbar di Singapura. Beliau telah membidas Sultan Ibrahim kerana memberi layanan buruk kepada askar-askar Timbalan Setia Johor dan orang asli yang membina padang kuda, membuka ladang getah, dan ladang tebu di Pasir Pelangi dan Tasek Utara. Mereka tidak disediakan rumah tumpangan, kemudahan perubatan dan makanan yang cukup.⁹ Akibatnya, Dato' Onn dihalau ke Singapura.¹⁰

Pembuangannya di Singapura merupakan satu titik-tolak yang penting di dalam kehidupan Dato' Onn. Kesempitan hidup yang dialaminya sehingga beliau terpaksa menjadi nelayan, dan tinggal di kawasan sesak, Singlap Singapura telah menyebabkan beliau menceburkan diri di dalam bidang kewartawanan. Beliau menjadi pengarang *Warta Melayu* pada tahun 1930. Akhbar itu telah diterbitkan oleh Syed Husein Al Sagof, beras Dato' Onn.

Tiga tahun kemudian Syed Ali Abbas Al Attas pula menawarkan Dato' Onn menjadi pengarang *Lembaga* (1935) dan *Lembaga Malaya* (1934). Pada akhir 1935, Dato' Onn menjadi pengarang akhbar *Warta Abad*, cawangan akhbar *Warta Malaya*. Dengan itu, Dato' Onn telah mengendalikan empat buah akhbar dalam masa enam tahun (1930-36) penglibatannya itu.

Penglibatan Dato' Onn di dalam akhbar-akhbar tersebut itu dengan sendirinya menjadikan Dato' Onn salah seorang daripada penggerak gerakan semangat kebangsaan Melayu tahun 1930-an.¹¹ Ini kerana kegiatan politik orang Melayu yang awal memang bermula dengan penulisan di akhbar-akhbar iaitu sejak daripada kemunculan Kaum Muda pada awal kurun ke-20. *Al-Imam*, *Neraca*, *Saudara* dan banyak lagi akhbar lain digunakan bagi tujuan tersebut.

Dato' Onn melalui rencana biasa pengarang dan ruangan *Pak Pandirnya* telah membidas dasar negatif British terhadap kedudukan Raja-Raja Melayu, negeri-negeri Melayu dan orang Melayu. Penyelewengan dasar "indirect-rule" British telah diperlihatkan dengan jelas oleh Dato' Onn apabila beliau membangkitkan penggantian Tengku Mahkota Selangor yang dibuat dengan sewenang-wenangnya oleh Residen British, T. S. Adams tanpa menghiraukan bantahan dan kehendak Sultan Selangor (Sultan Alaiddin Sulaiman Shah), anak-anak Sultan Selangor yang lebih layak (Tengku Musa Eddin dan Tengku Badar Shah) dan adat lembaga kerajaan Melayu.¹² Dato' Onn melihat perbuatan Residen Selangor itu sebagai melanggar dasar perjanjian 1874 yang menetapkan Residen hanyalah penasihat kepada Sultan, bukannya sebagai pemerintah.¹³

Dato' Onn mengkritik British kerana tidak mengutamakan orang tempatan di dalam jawatan kerajaan, sebaliknya membawa masuk pegawai Eropah lebih banyak ke dalam pentadbiran Tanah Melayu.¹⁴ Dato' Onn juga membidas British dan kerajaan-kerajaan negeri Melayu kerana mengetepikan penggunaan bahasa Melayu di dalam pentadbiran kerajaan, sehingga menyulitkan fahaman orang Melayu di luar bandar.¹⁵ Dato' Onn juga membidas British yang tidak memajukan pertanian padi sehingga pesawah-pesawah Melayu ditinggalkan jauh ke belakang daripada pendatang-pendatang luar yang maju di dalam bidang perdagangan dan perniagaan getah dan bijih timah.¹⁶

Dengan kritikan-kritikannya itu menjadikan Dato' Onn seorang yang anti-British, tetapi sikapnya tidak radikal. Dato' Onn mengkritik British di

dalam ruang politik yang dibenarkan oleh British. Sikap politik Dato' Onn itu sebenarnya tidak berbeza daripada wartawan-wartawan dari akhbar-akhbar lain, seperti Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad dan Zainal Abidin Ahmad. Sikap mereka itu menjadikan gerakan politik orang Melayu di dalam tahun-tahun 1930-an sebagai satu gerakan yang tidak mencabar kestabilan kolonial British. Oleh kerana itu pihak British tidak melarang dan mengharamkan sebarang penerbitan atau menangkap mana-mana wartawan.

Sebagai *reformist*, Dato' Onn mengkritik sikap dan perangai orang Melayu yang dianggapnya sebagai punca kepada kemunduran mereka sendiri. Masalah keengganan orang Melayu mengutamakan pelajaran anak-anak,¹⁷ tetapi lebih mengutamakan emas dan hiburan,¹⁸ sikap membazir di dalam kenduri-kendara,¹⁹ tidak ada penyatuan semangat kebangsaan sesama sendiri,²⁰ tidak menyokong perniagaan bangsa sendiri,²¹ suka memilih kerja,²² mengabaikan pelajaran anak-anak perempuan,²³ sikap mementingkan diri oleh pembesar-pembesar Melayu dan tidak ada penyatuan di dalam pentadbiran agama Islam di kalangan orang Melayu, telah dilihat oleh Dato' Onn sebagai "penyakit-penyakit yang buruk" yang mesti diubah oleh orang Melayu bagi mencapai kemajuan. Dato' Onn telah menggunakan kerajinan orang Cina dan India sebagai kayu ukur mendesak orang Melayu mengubah sikap dan kehidupan mereka.²⁴

Maka, dengan meneliti tulisan-tulisan Dato' Onn di dalam *Warta Melaya*, *Lembaga Melaya* dan *Lembaga*, Dato' Onn bolehlah digolongkan sebagai seorang wartawan yang penting kerana terlibat di dalam proses kebangkitan politik Melayu di tahun-tahun 1930-an.²⁵ Walaupun peranannya itu dijalankan hanya selama enam tahun sahaja (1930-1936), namun beliau telah diakui sebagai seorang wartawan yang berperanan di dalam kegiatan politik Melayu tahun 1930-an.²⁶

Pada akhir tahun 1936, melalui desakan Tengku Mahkota Johor, Tengku Ismail yang merupakan kawan rapat Dato' Onn, Sultan Ibrahim telah berkenan memberi jawatan ahli tidak rasmi di dalam Majlis Mesyuarat Negeri Johor kepada Dato' Onn.²⁷ Dato' Onn telah dapat menyekujukan hati Sultan Ibrahim dengan menyunting dan menerbitkan satu buku bergambar tentang sejarah raja-raja Johor sempena hari keputeraan Sultan Ibrahim yang ke-40. Buku itu dinamakan *Selamat Jobor*. Baginda, kerana

terlalu gembira telah memberi \$5,000 untuk Dato' Onn memindahkan akhbar *Lembaga dan Lembaga Malaya* ke Johor Bahru dari Singapura.²⁸

Sebenarnya pemilihan Dato' Onn itu juga selari dengan kehendak penduduk negeri Johor yang telah memilih²⁹ Dato' Onn sejak bulan Mac 1931 hasil daripada pilihan raya tidak rasmi yang dijalankan di daerah-daerah utama Johor. Dato' Onn telah mengalahkan Dr. Hamzah Taib, seorang doktor yang berasal dari Muar. Dengan itu Dato' Onn mempunyai kuasa tawar-menawar politik yang baik dengan Sultan Johor sehingga beliau memberi syarat supaya dibenarkan mengkritik dengan bebas di dalam Majlis Mesyuarat Negeri tersebut.

Semasa Dato' Onn menjadi anggota Majlis Mesyuarat Negeri Johor, Dato' Onn telah membuat dua sumbangan politik kepada rakyat Johor. Pertamanya beliau telah berjaya mendesak kerajaan Johor menubuhkan Biasiswa Sultan Ibrahim pada tahun 1936 bagi menampung tiga anak negeri Johor bagi mendapat pelajaran tinggi di luar negara.³⁰ Biasiswa ini kekal sehingga ke hari ini. Perkara kedua yang dicadangkan oleh Dato' Onn ialah pegawai-pegawai Islam kerajaan Johor diberikan tambang percuma untuk menuaikan haji.³¹

Di waktu pendudukan Jepun, Dato' Onn menjadi Pengawal Makanan Johor. Dengan menggunakan kedudukannya, Dato' Onn telah membantu anggota bawah tanah Kesatuan Melayu Muda dengan membekalkan beras-beras tanpa pengetahuan Jepun.³² Dengan kerjasamanya itu Dato' Onn telah dilantik menjadi Ketua Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) Johor.³³ Dato' Onn juga dikatakan telah menghadiri mesyuarat KRIS di Singapura. Malah, Dato' Onn turut dimasukkan sebagai seorang anggota kabinet kerajaan Rakyat Indonesia Semenanjung yang dicadangkan oleh KRIS di bawah pimpinan Ibrahim Yaakob.³⁴

Penglibatan Dato' Onn di dalam golongan kiri ini sangat menarik, kerana selama ini Dato' Onn adalah orang yang berhaluan kanan. Sebenarnya, Dato' Onn, seperti juga pegawai-pegawai kerajaan Melayu yang lain tidak mempunyai pilihan selain daripada bekerjasama dengan golongan kiri. Ini kerana golongan tersebut diterima oleh Jepun sebagai pemimpin Melayu yang penting seperti Ibrahim Yaakob, yang menjadi ketua pasukan tentera Melayu. Ini bermakna mereka menjadi penting lebih daripada golongan kanan yang menjadi pegawai-pegawai kerajaan. Oleh itu bagi pegawai-pegawai kerajaan yang berminat dalam politik seperti Dato'

Onn, beliau terpaksa mencampuri persatuan-persatuan pimpinan golongan kiri seperti KRIS. Tindakan Dato' Onn ini bolehlah dianggap sebagai satu 'marriage of convenience' dengan golongan tersebut. Ia adalah satu 'political survival' bagi Dato' Onn.

Menjelang akhir tahun 1945, satu percaduhan Melayu-Cina telah berlaku di Batu Pahat, Johor. Ia terjadi kerana Bintang Tiga, pasukan bersenjata Parti Komunis Malaya yang dianggotai 90% orang Cina telah menyerang orang Melayu yang dianggap pro-Jepun. Orang Melayu telah membala semula serangan mereka sehingga meletus percaduhan secara terbuka di beberapa buah kampung di Batu Pahat. Dato' Onn telah dilantik menjadi pegawai daerah Batu Pahat demi untuk menyelesaikan masalah itu. Keupayaan Dato' Onn membawa kedua-dua pihak berunding dan bersetuju berdamai dan menghentikan serangan, telah menaikkan maruah Dato' Onn sebagai pemimpin yang berkebolehan.³⁴

Peristiwa percaduhan itu memberi satu kesan positif kepada Dato' Onn. Beliau melihat perpaduan orang Melayu adalah sangat penting bagi menjaga kepentingan mereka. Oleh itu pada 3 Januari 1946, di Masjid Jamek Batu Pahat, satu perhimpunan 1,000 orang telah diadakan. Mereka bersetuju menubuhkan Persatuan Melayu Semenanjung, Johor (PMSJ) sebagai badan perpaduan mereka.

Penggunaan nama "Semenanjung" di dalam PMSJ itu memperlihatkan cita-cita Dato' Onn untuk mencantumkan seluruh tenaga orang Melayu di dalam satu pertubuhan kebangsaan. Dato' Onn melihat perpecahan masyarakat Melayu kerana semangat kenegerian dan kedaerahan sangat meluas sekali.³⁵ Dato' Onn juga mahu mengelakkan pengaruh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang menggunakan ideologi Indonesia Raya daripada terus memecahkan perpaduan orang Melayu. PKMM telah menggunakan sentimen orang Melayu keturunan Indonesia untuk mendapat simpati dengan menggunakan kemerdekaan Indonesia dan penyatuan Indonesia - Tanah Melayu sebagai umpannya. Bagi Dato' Onn semua orang keturunan Indonesia yang telah tinggal di Tanah Melayu dianggap sebagai orang Melayu.³⁶ Dato' Onn dengan itu menubuhkan PMSJ sebagai jalan keluar kepada orang Melayu keturunan Indonesia.

PMSJ adalah satu impian Dato' Onn yang menjadi sebuah kenyataan. Dalam tahun 1930 Dato' Onn telah menyatakan kebimbangannya kerana orang Melayu tidak mempunyai satu pertubuhan kebangsaan yang boleh

mencantumkan mereka. Maka penubuhan PMSJ itu adalah utnuk menyahut cadangannya 16 tahun lalu.³⁹ Untuk menjadikan PMSJ betulbetul memenuhi hasratnya, cawangan PMSJ telah ditubuhkan di beberapa daerah di Melaka. Ia tidak dapat⁴⁰ disebarluaskan ke negeri lain kerana kemunculan UMNO, hasil daripada penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

Malayan Union adalah satu rancangan yang dianggap oleh British sebagai satu usaha untuk membina semula Tanah Melayu dengan struktur politik yang baru bagi mewujudkan perasaan taat setia kepada Malaya dan kelincinan di dalam pentadbiran tanah Melayu.⁴¹ Untuk mencapai cita-cita ini British terpaksa menakluk Tanah Melayu dengan membuang Raja-Raja Melayu, kerajaan negeri-negeri Melayu dan memperkenalkan satu kerakyatan yang sama bagi semua penduduknya.

Perubahan struktur politik yang besar itu telah dibantah oleh akhbar-akhbar Melayu dan orang Melayu. Demonstrasi telah diadakan di Kota Bharu dan Alor Setar. Orang perseorangan dan persatuan-persatuan negeri Melayu juga turut sama menghantar telegram-telegram bantahan kepada kerajaan England.⁴²

Di dalam suasana seperti itulah Dato' Onn muncul sebagai pemimpin orang Melayu. Di dalam suratnya kepada *Utusan Melayu* pada 23 Januari 1946, Dato' Onn mencadangkan satu kongres diadakan bagi membincangkan masalah itu. Beliau juga mengesyorkan satu pertubuhan kebangsaan diadakan bagi mewakili orang Melayu di dalam menentang Malayan Union. Pertubuhan itu dinamakan *United Malays Organization* (U.M.N.O.).⁴³

Dengan mendapat kerjasama daripada Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor pimpinan Za'ba, Kongres Melayu 1946 diadakan di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946. Ia adalah perhimpunan raksasa orang Melayu yang penting sekali di dalam gerakan politik mereka sejak tahun 1900.

Dato' Onn dipilih sebagai Pengurus Kongres dan kemudian sebagai Yang Dipertua Agung UMNO. Penerimaan orang Melayu terhadapnya bolehlah dikatakan menyeluruh kerana dalam tahun 1946, UMNO yang ditubuhkan hasil daripada kongres 1946 itu disokong oleh golongan politik kanan dan kiri.⁴⁴ Ketokohan Dato' Onn nyata mengatasi kepimpinan Dr. Burhanuddin, Dato' Panglima Bukit Gantang, Datuk Nik Ahmad Kamil

(Kelantan), Dato' Hamzah Abdullah (Selangor) dan Tengku Besar Mohammad (Negeri Sembilan).

Dalam rundingan dengan kerajaan British yang bermula dari 26 Jun 1946 hingga termaktubnya perjanjian persekutuan pada 27 Januari 1948, Dato' Onn yang mewakili UMNO terpaksa berkasar di dalam banyak perkara untuk menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan 1948. Kerajaan British seboleh-bolehnya mahu mengekalkan kerajaan Malayan Union ataupun struktur utama Malayan Union.⁴⁵ Dato' Onn pula meminta satu perjanjian baru dibuat dengan menggunakan dasar pra 1941, jika tidak orang Melayu tetap menolak sebarang rundingan dengan British.⁴⁶ Selain daripada masalah itu, Dato' Onn juga bertegang leher tentang kerakyatan, kedaulatan dan kuasa Raja-Raja Melayu, kuasa perundangan dan pentadbiran negeri-negeri Melayu dan hubungan negeri-negeri Melayu dengan Persekutuan. Di dalam hal-hal ini juga British seboleh-bolehnya mahu kuasa pentadbiran Persekutuan yang di bawah pimpinan Pesuruhjaya Tinggi British itu lebih banyak daripada negeri-negeri Melayu. Di segi kerakyatan juga British mahu kerakyatan yang longgar.⁴⁷ Di dalam menentang kehendak kerajaan British itu, Dato' Onn dan UMNO disokong oleh Raja-Raja Melayu yang juga melihat kepentingan kedudukan mereka tertekan dengan kehendak British itu.⁴⁸

Kebuntuan ini hanya dapat diselamatkan oleh sikap Edward Gent dan Malcolm MacDonald yang bersimpati dengan kehendak orang Melayu. Melalui cadangan daripada kedua-duanya, terutama Malcolm MacDonald, Pejabat Tanah Jajahan bersetuju dengan kehendak orang Melayu. Tetapi simpati pegawai-pegawai British itu wujud hasil daripada hubungan rapat Dato' Onn dan Malcolm MacDonald itu sendiri.⁴⁹

Dengan adanya simpati daripada mereka, Jawatankuasa Kerja (*Working Committee*) yang ditubuhkan bagi mendraf dan membincangkan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948, telah dapat menyiapkan laporannya. Laporan itu disebarluaskan kepada orang ramai yang boleh memberi maklumat kepada *Consultative Committee* iaitu badan yang ditubuhkan untuk mendengar pendapat orang ramai. Tetapi pada dasarnya cadangan *Working Committee* yang diterima sebagai perlembagaan PTM 1948. Dengan itu pada 21 Januari 1948, bertempat di King Hotel, Kuala Lumpur, perjanjian 1948 ditandatangani oleh lapan orang Raja-Raja Melayu

dan wakil kerajaan British. Sultan Johor, dengan cadangan Dato' Onn telah menandatangani perjanjian itu di Johor Bahru pada 22 Januari 1948.⁵⁰

Dengan termaktubnya perjanjian 1948 itu, Dato' Onn dan UMNO dapat mengembalikan semula *status quo* politik kerajaan Melayu, Raja-Raja Melayu dan umat Melayu ke taraf asal sebelum 1941. Dengan itu konsep, "Hidup Melayu" pegangan UMNO dapat dipenuhi, dan penjajahan British ke atas negeri-negeri Melayu dapat ditolak. Namun pemulihian kuasa politik orang-orang itu sebenarnya tidaklah seperti pra 1941, terutamanya di segi kerakyatan. Sebelum 1941 kerakyatan yang ada di dalam Tanah Melayu ialah Rakyat Raja (*Ruler's Subject*). Ini bermakna tiap-tiap orang Melayu yang lahir di negeri tersebut adalah rakyat raja bagi negeri tersebut. Dengan pembentukan PTM 1948, British telah berjaya membentuk Rakyat Persekutuan bagi orang-orang asing/dagang yang layak menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu melalui syarat-syarat tertentu.⁵¹

Dengan pembentukan Rakyat Persekutuan itu maka satu perubahan politik yang besar telah berlaku di Tanah Melayu iaitu rakyat Tanah Melayu kini bukan sahaja terdiri daripada orang Melayu tetapi juga orang Cina, India, Nasrani dan lain-lain bangsa yang diakui layak di dalam peruntukan Perlembagaan 1948. Maka, dengan kerakyatan yang begini rupa orang Melayu bukanlah lagi pemilik sepenuhnya Tanah Melayu, PTM 1948 dengan itu telah mengadakan asas kerakyatan pelbagai bangsa di Tanah Melayu. Ini memudahkan pembentukan satu kerakyatan bagi Malaya merdeka.

Dengan menjadi YDP UMNO yang pertama, Dato' Onn telah menjadikan UMNO sebuah parti yang memindahkan segala bentuk masyarakat Melayu di dalam UMNO. UMNO telah dijadikan sebagai sebuah pertubuhan yang merangkumi semua golongan masyarakat Melayu iaitu daripada golongan raja, orang besar dan rakyat bawahan. Ini dapat dilihat dengan jelas akan adanya sokongan Raja-Raja Melayu terhadap UMNO melalui pembukaan-pembukaan mesyuarat agung UMNO oleh Raja-Raja Melayu. Malah, UMNO telah diisytiharkan di Istana Besar Johor Bahru oleh Sultan Ibrahim Johor pada Mei 1946, iaitu melalui pengaruh Dato' Onn sebagai Menteri Besar Johor. UMNO pula dipimpin oleh orang-orang besar yang juga menjadi pentadbir-pentadbir kerajaan kolonial seperti Dato' Onn, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Nik Ahmad Kamil, Dato' Hamzah Abdullah, Dato' Mahmud Mat dan lain-lain lagi. Di peringkat bawahan pula UMNO disokong oleh orang Melayu melalui persatuan-

persatuan Melayu negeri, kecuali PKMM. Dengan sokongan daripada ketiga-tiga golongan masyarakat Melayu itu, Dato' Onn dan perintis-perintis UMNO yang lain telah memindahkan masyarakat Melayu ke dalam UMNO. Inilah sebabnya UMNO diterima oleh British sebagai wakil orang Melayu di dalam rundingan menentang Malayan Union. Dasar Feudalistik UMNO ini juga telah menyebabkan PKMM dan Hisbul Muslimin gagal mendapat pengaruh daripada rakyat umum. Pengharaman parti-parti tersebut melalui Undang-Undang Darurat 1948, memudahkan lagi UMNO menjadi parti tunggal masyarakat Melayu.

Semasa memimpin UMNO, Dato' Onn adalah juga Menteri Besar Johor. Oleh kerana itu Dato' Onn secara automatik menjadi anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) (Federal Legislative Council). Dato' Onn adalah seorang anggota MPP yang sangat cergas. Beliau membincangkan banyak perkara yang berkaitan dengan pentadbiran, ekonomi, sosial dan politik penjajahan British. Beliau tanpa ragu-ragu mengkritik dasar kerajaan British yang menindas negeri-negeri Melayu. Ini jelas di dalam peruntukan perbelanjaan Darurat 1949. Kerajaan British telah memperuntukkan 5,000 juta bagi perbelanjaan menghadapi darurat, tetapi lain-lain perbelanjaan mestilah ditanggung oleh kerajaan Persekutuan. Dato' Onn menolak pemberian itu yang dianggapnya sangat tidak adil kerana selama ini negeri-negeri Melayu telah membantu perpendaharaan British dengan hasil-hasil bijih timah dan getah sejak dari tahun 1910-an sehingga Perang Dunia II. Bagi Dato' Onn 'hutang budi' (*debt of honour*) British kepada negeri-negeri Melayu patutlah dibalas semula dengan kerajaan British menanggung semua perbelanjaan Darurat. Walaupun cadangan Dato' Onn itu dilembutkan oleh Dr. Mohamad Arif dari Pulau Pinang dengan "hanya meminta kerajaan England membantu pembiayaan Darurat dari semasa ke semasa," namun Dato' Onn tetap tegas dengan pendapatnya itu.⁵²

Akibat daripada rasa tidak puas hati dengan tekanan British itu, Dato' Onn telah pergi ke England pada 21 Oktober 1948, bagi merundingkan perkara tersebut.⁵³ Malcolm MacDonald telah mengatur perjumpaan-perjumpaan Dato' Onn dengan pegawai-pegawai Pejabat Tanah Jajahan, Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan dan Perdana Menteri England.⁵⁴ Sultan Kedah⁵⁵ dan Utusan Melayu menolak lawatan Dato' Onn itu sebagai mewakili suara orang-orang Mealyu. Tetapi Dato' Onn menegaskan bahawa

apa sahaja yang dilakukannya adalah untuk faedah negeri dan rakyat Melayu.⁵⁶

Di dalam perbincangan Dato' Onn dengan Setiausaha dan pegawai-pegawai Pejabat Tanah Jajahan, beliau telah mendorong beberapa perkara penting yang difikirkannya patut untuk orang Melayu dan Negeri Melayu. Antaranya:

1. Pelantikan seorang Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Melayu.
2. Kerajaan British mestilah memperluaskan lagi pasukan askar-askar Melayu daripada segi jumlah batalion, kenaikan pangkat pegawai-pegawai Melayu dan kemudahan melanjutkan pelajaran.
3. Meluaskan peluang-peluang kemasukan anak negeri ke dalam perkhidmatan awam.
4. Biasiswa yang lebih banyak kepada anak-anak Melayu.
5. Peruntukan 10 juta paun bagi memajukan kebajikan orang-orang Melayu.

Di antara kelima-lima hal ini Dato' Onn menekankan tiga perkara iaitu pelantikan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Melayu, perluasan pasukan askar Melayu dan bantuan ekonomi serta sosial orang-orang Melayu. Bagi desakannya yang pertama itu, Dato' Onn mengatakan:

With the creation of the Federation which is really a Federation of Malay States forming the greater portion both in population and in size of territory, the Malays consider that the Federation government should contain in a far larger percentage of Malays in higher appointments. At the moment it is purely British administration. So only through the appointment of a Deputy Malay High Commissioner the identification of the Malays to the administration can be achieved.⁵⁷

Tegasnya, Dato' Onn melihat bahawa pentadbiran PTM yang berjalan di PTM itu tidak berdasarkan kepada prinsip perkongsian kuasa (*partnership*) yang telah dipersetujui di dalam perjanjian 1948 di antara British dan Raja-Raja Melayu. Konsep perkongsian kuasa itu bagi Dato' Onn "should be established on as firm as footing as conceivably possible. It is only on this basis that I can look upon the future of Malaya with my calm assurance."⁵⁸

Dato' Onn tidak mahu Raja-Raja Melayu dianggap sebagai, 'sleeping partners' sahaja.⁵⁹

Bagi soal pertahanan pula, Dato' Onn dapati perlu sekali angkatan bersenjata diperbesarkan dan dianggotai oleh orang-orang tempatan kerana:

As the Malays have legal rights on this territory, they maintain that they should be clearly identified with its defense. In the event of another world war it is quite conceivable that Britain herself would require everyman possible in Europe and Malaya should therefore be defended by its own people.⁶⁰

Dengan itu Dato' Onn telah mencadangkan supaya Pasukan Askar Melayu (*Malay Regiment*) diperbesarkan dari satu batalion seperti yang ada kepada 9 Batalion supaya orang-orang Melayu akan dapat berperanan dengan lebih luas lagi di dalam keselamatan Tanah Melayu. Tindakan British membawa masuk askar-askar luar seperti dari India (askar gurkha) dan negara-negara Komanwel menurut Dato' Onn hanya menambahkan perbelanjaan PTM sahaja. Dengan jumlah wang yang sama, beliau yakin PTM akan dapat melatih 50,000 orang askar tempatan yang berjuang bukan semata-mata kerana gaji, tetapi kerana perasaan taat setia kepada Tanah Melayu. Oleh itu beliau mencadangkan penubuhan Malayan National Army secepat mungkin.⁶¹

Bagi kebijakan orang Melayu pula, Dato' Onn menegaskan:

The Malay peasantry generally speaking have been and probably still are heavily indebted to money lenders who are themselves not people of this country. It is essential for the future peace and security of the country that assistance should be given I feel that the best method would be the creation of a Land Bank which would lift them out of a position which is dangerous not only to themselves but the country as a whole.⁶²

Di dalam melaksanakan rancangannya itu, Dato' Onn telah berdepan dengan satu krisis besar dengan Raja-Raja Melayu. Raja-Raja Melayu enggan menyokong Dato' Onn. Keengganan ini menjadi satu konflik peribadi di antara Dato' Onn dengan Sultan Kedah. Sultan Kedah tidak puashati dengan sikap UMNO dan Dato' Onn yang campur tangan di dalam pelantikan Menteri Besar, angkat sumpah pegawai-pegawai kerajaan dan bantahan UMNO Kedah kerana diketepikan di dalam mendraf

perlembagaan negeri 1948.⁶³ Sultan Kedah, yang berpengaruh di dalam Majlis Raja-Raja Melayu telah mempengaruhi Raja-Raja Melayu yang lain sehingga cadangan Dato' Onn itu gagal. Malah Raja-Raja Melayu juga menyokong cadangan Sultan Kedah supaya pegawai-pegawai kerajaan dihalang daripada berpolitik dan sekolah-sekolah diadakan di dalam bahasa ibunda masing-masing.⁶⁴

Kengganan Raja-Raja Melayu itu sebenarnya adalah berpunca daripada sikap Henry Gurney dan Malcolm MacDonald. Kedua-duanya memang tidak bersetuju dengan kehendak Dato' Onn itu.⁶⁵ Oleh kerana mereka gagal memujuk Dato' Onn, Henry Gurney telah memujuk Raja-Raja Melayu di dalam pertemuan sulitnya sehari sebelum persidangan diadakan pada 16 Jun 1949.⁶⁶ Dengan itu Raja-Raja Melayu dan Henry Gurney telah bekerjasama menentang Dato' Onn, walaupun alasan mereka berbeza. Raja-Raja Melayu, terutama Sultan Kedah tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana tidak mahu seorang rakyat melebihi kedudukan seorang raja di samping mahu membala dendam kepada Dato' Onn. Mereka juga bimbang dengan kekuatan UMNO yang boleh menghapuskan mereka sebagai pemerintah feudal orang-orang Melayu.⁶⁷ Pihak British pula tidak mahu berkongsi kuasa dengan orang Melayu. Dengan itu mereka saling sokong-menyokong bagi matlamat yang sama.

Akibat daripada krisis terbukanya dengan Raja-Raja Melayu itu Dato' Onn meletakkan jawatan Menteri Besar. Walaupun UMNO di seluruh PTM telah menyokong Dato' Onn, namun, Dato' Onn tidak disokong oleh Sultan Ibrahim. Sultan Ibrahim di dalam hal ini melihat Dato' Onn telah menderhaka kepada Raja Melayu. Beliau menggunakan alasan pentadbiran untuk menyingkirkan Dato' Onn. Mengikut baginda, Dato' Onn telah menggunakan jawatan Menteri Besarnya untuk meluaskan pengaruhnya di dalam UMNO.⁶⁸

Tahun 1949 dan seterusnya, memperlihatkan perubahan dasar politik yang penting kepada Dato' Onn. Beliau kini meluaskan bidang kepimpinannya kepada Tanah Melayu. Dato' Onn kini mengambil kira kepentingan orang bukan Melayu di dalam politik Tanah Melayu. UMNO yang dipimpinnya dijadikan sebagai medan bagi perubahan dasar politiknya itu.

Ada beberapa faktor yang mempengaruhi perubahan dasar politik Dato' Onn ini. Pertama, kerana adanya desakan ahli UMNO untuk mendapatkan

kerajaan sendiri bagi Tanah Melayu. Bagi Dato' Onn tuntutan orang-orang Melayu untuk bekerajaan sendiri dan mencapai kemerdekaan tidak boleh dibuat tanpa adanya kerjasama daripada bangsa-bangsa asing,⁶⁹ yang telah diterima menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu. Sebagai rakyat mereka mempunyai kepentingan politik yang sah seperti ekonomi dan perniagaan.⁷⁰ Keduanya, Dato' Onn mahu orang-orang Melayu menjadi pemimpin kepada orang-orang bukan Melayu di dalam politik PTM. Dia mahu orang Melayu menunjukkan kepada dunia bahawa orang Melayu bukanlah berfikiran sempit yang hanya layak untuk menjadi 'pak turut' semata-mata, tetapi boleh menjadi ketua di dalam kegiatan politik Tanah Melayu.⁷¹ Orang Melayu menurutnya, janganlah memandang sesuatu itu daripada "pandangan kampung semata-mata"; jika sekiranya orang-orang Melayu tidak mengambil inisiatif untuk menjadi pemimpin, bangsa asing akan mengambil langkah itu yang tentunya tidak menguntungkan orang-orang Melayu.⁷² Darurat juga menjadi satu faktor penting. Sokongan orang-orang Cina ke atas Parti Komunis Malaya (PKM) di zaman Jepun, telah menjadikan parti itu sangat kuat dan berpengaruh. PKM telah berupaya mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu sebelum British kembali ke Tanah Melayu. PKM juga menjadi lebih kuat dengan sokongan parti-parti bukan Melayu yang sama-sama menentang usaha orang-orang Melayu untuk menghapuskan Malayan Union. Kekuatan senjata dan pengaruh, telah membolehkan PKM mengadakan mogok dan sabotaj ekonomi dan ketenteraman awam, sehingga British terpaksa mengisytiharkan Darurat pada tahun 1948.

Dato' Onn yang mengetuai UMNO telah diminta oleh British menimbangkan semula ideologi politik UMNO yang ketat, iaitu Tanah Melayu untuk Melayu kepada Tanah Melayu untuk Malayan. Desakan ini merupakan salah satu cara British mengatasi sokongan orang bukan Melayu ke atas PKM. Perundingan dan kerjasama dengan orang-orang bukan Melayu akan menjadikan mereka tidak terasing dari politik Tanah Melayu, seperti di dalam tahun 1946-1948.

Untuk melaksanakan idea-ideanya itu, Dato' Onn telah membuat beberapa langkah di dalam UMNO. Dengan langkah-langkah ini, Dato' Onn berharap UMNO akan menjadi sebuah parti kebangsaan Tanah Melayu yang bekerja untuk kepentingan semua bangsa di Tanah Melayu. UMNO yang lebih dewasa di dalam politik dan telah diterima oleh British

sebagai wakil rakyat Melayu yang lebih matang di dalam politik Tanah Melayu dan telah diterima oleh British sebagai rakan politik dan pentadbiran, boleh mengambil tugas di atas, asalkan struktur UMNO diubah suai dengan kehendak baru politik Tanah Melayu.

Terdapat dua langkah penting ke arah itu. Pertamanya, Dato' Onn mencadangkan ahli persekutuan bukan Melayu diperkenalkan di dalam UMNO. Ini dikemukakannya pada 29 Mei 1949 di dalam persidangan agung UMNO di Arau, Perlis. Cadangannya itu disokong oleh 14 Bahagian UMNO tetapi ditolak oleh lapan Bahagian yang lain.⁷³ Dengan penerimaan cadangan itu, ahli-ahli UMNO bukan lagi semata-mata terdiri daripada orang Melayu, tetapi juga bukan Melayu. Seramai 370 orang bukan Melayu, termasuk pemimpin-pemimpin utama persatuan-persatuan politik bukan Melayu seperti Tan Cheng Lock, Tan Siew Sin, dan E. E. C. Thuraisingham.⁷⁴

Langkah kedua Dato' Onn ialah memberi taraf ahli biasa kepada orang bukan Melayu. Ini bermakna UMNO kini bukan lagi parti untuk orang Melayu tetapi juga untuk orang bukan Melayu. UMNO kini bukan lagi pertubuhan kebangsaan Melayu tetapi adalah pertubuhan kebangsaan Tanah Melayu. Cadangannya ini dibuat dalam bulan November 1951.⁷⁵

Cadangan Dato' Onn ini lahir daripada kelonggaran kerakyatan negeri-negeri Melayu, akibat daripada cadangan *Communities Liaison Committee* (CLC). CLC yang ditubuhkan pada bulan Januari 1949, dan dianggotai oleh pemimpin-pemimpin Melayu, Cina, India, Eurasian dan Ceylon, telah membuat cadangan bagi melonggarkan kerakyatan persekutuan 1948. Fasal 124. CLC mencadangkan kerakyatan *jaw suli* dibuka kepada orang-orang bukan Melayu, di samping tempoh tinggal seseorang bukan Melayu itu dipendekkan.⁷⁶

UMNO di bawah Dato' Onn telah mengenakan syarat bagi kerakyatan *jaw suli* itu, iaitu hanya anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang telah lahir dan menjadi rakyat negeri-negeri Melayu dan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Dengan tolak ansur itu, satu bentuk kerakyatan telah dibentuk pada 1951 dikenal sebagai *State Nationality* 1951.⁷⁷

Dengan pelaksanaan undang-undang itu, seramai 50-60 peratus orang bukan Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu. Dengan itu keadaan politik Tanah Melayu berubah, kerana kepentingan orang bukan Melayu di dalam politik Tanah Melayu menjadi lebih jelas. Mereka kini mempunyai suara

dan kedudukan yang sama seperti orang Melayu. Oleh itu sebarang pertimbangan dan matlamat politik Tanah Melayu tidak boleh dibuat tanpa orang-orang bukan Melayu.

Perubahan politik ini dilihat oleh Dato' Onn sebagai satu keadaan yang tidak dapat dielakkan. Orang-orang Melayu tidak ada pilihan, selain daripada bekerjasama dengan orang-orang bukan Melayu di dalam membentuk kerajaan sendiri dan merdeka di Tanah Melayu. Kerjasama yang paling baik ialah dengan mencantumkan mereka di dalam parti orang Melayu supaya orang Melayu dapat menentukan atau membentuk sikap dan aliran politik orang bukan Melayu. Ini penting bagi mengekalkan kedudukan dan kekuasaan politik orang Melayu sebagai peribumi Tanah Melayu. UMNO dengan itu diubah kepada nama *United Malayan National Organisation* (UMNO).

Cadangan Dato' Onn dibantah oleh ahli-ahli UMNO. Mereka tidak membincangkannya di dalam mesyuarat agung UMNO di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 27 Mei 1951. Mereka enggan menerima orang bukan Melayu di dalam UMNO kerana UMNO mahu dikekalkan sebagai parti khas untuk orang Melayu sahaja.⁷⁸

Dato' Onn tidak memaksa ahli UMNO; sebaliknya, beliau menarik diri sebagai Yang Dipertua dan ahli UMNO. Beliau meninggalkan UMNO pada 28 Ogos 1951, setelah menjadi pengasas dan Yang DiPertua selama lima tahun.⁷⁹

Bagi kebanyakan orang Melayu, Dato' Onn telah membuat kesilapan yang besar kerana meninggalkan UMNO. Dato' Onn sepatutnya bersabar di dalam memujuk UMNO menukar pendiriannya. Namun bagi Dato' Onn, perbezaan sikap politik UMNO sangat ketara. Sebagai orang yang sedar dengan tanggungjawabnya, Dato' Onn tidak dapat membiarkan UMNO dan orang Melayu 'tertiup' dengan perasaan mereka. Sebagai pemimpin, Dato' Onn patut berbuat sesuatu untuk kepentingan orang Melayu.⁸⁰

Empat bulan selepas meninggalkan UMNO, Dato' Onn telah dilantik menjadi Ahli Dalam Negeri pada Januari 1950. Pelantikan Dato' Onn itu selaras dengan pembentukan Sistem Ahli (*Member System*) yang berjalan selama 5 tahun (1951-1955) sebelum pilihan raya persekutuan 1955 diadakan. Tujuan Sistem Ahli ini diadakan ialah untuk memberi latihan kepada orang-orang tempatan di dalam pentadbiran negeri sebelum

kemerdekaan diberikan.⁸¹ Ia dibentuk hasil daripada desakan Dato' Onn supaya kuasa pentadbiran diberikan secara beransur-ansur kepada orang tempatan.

Dato' Onn Jaafar telah dilantik sebagai Ahli Hal-Ehwal Dalam Negeri, iaitu jawatan yang terkanan sekali di dalam pembentukan mini kabinet ini. Di bawah jabatan ini, Dato' Onn menjaga Hal-Ehwal Imigrasi, Perhubungan Raya, Penyiaran, Unit Filem, panggung wayang, pencetakan, Hubungan Negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat, Hal-Ehwal Naik Haji, Kaum Asli, Kerajaan Tempatan, Cuti Am, Gerakan Pemuda, orang-orang pelarian, Pendaftaran Negara, pendaftaran kerakyatan, kematian, perkahwinan dan banci penduduk. Dato' Onn juga meminta RIDA (*Rural Industrial Development Authority*), Pembangunan Syarikat Kerjasama, Pilihan raya dan Rupa bangsa (*Nationality*) diletakkan di bawahnya.

Semasa menjadi Ahli Hal-Ehwal Dalam Negeri, Dato' Onn juga menjadi Pengurus RIDA selama empat tahun (1950-1954). Penubuhan RIDA ini adalah kerana desakan Dato' Onn untuk memajukan sosioekonomi orang Melayu. Tetapi sebagai penjajah, persetujuan kerajaan British itu bukanlah dibuat dengan begitu sahaja. Dato' Onn dan pemimpin-pemimpin Melayu di dalam UMNO telah diminta supaya melonggarkan kerakyatan PTM melalui cadangan CLC seperti yang telah dibincangkan. Sebagai gantinya, bantuan ekonomi diberikan kepada orang Melayu melalui penubuhan RIDA.

RIDA telah dibentuk untuk menjalankan 3 matlamat utama. Pertama RIDA akan menggalakkan sikap membantu diri sendiri di dalam memajukan penduduk-penduduk luar bandar. Di dalam konsep ini, RIDA akan menggalakkan orang-orang kampung menjalankan projek-projek awam seperti jalan merah, jambatan kecil, masjid, dewan orang ramai, parit dan padang sekolah secara bergotong-royong sesama mereka. RIDA hanya akan memberi sedikit bantuan kewangan atau nasihat.

Ketiga, RIDA juga bertindak sebagai agen memproses barang-barang pertanian dan perikanan penduduk luar bandar. Ini dilakukan oleh RIDA dengan mendirikan kilang memproses getah, padi dan limbungan kapal. Ini adalah untuk menghapuskan kegiatan orang tengah yang menjadi salah satu punca kepada kemiskinan petani-petani luar bandar.⁸²

Pada keseluruhannya projek-projek yang dijalankan oleh RIDA di bawah seliaan Dato' Onn meliputi semua aspek kehidupan luar bandar.

Bidang pertanian, perikanan dan industri kecil menjadi bidang-bidang yang ditumpu oleh RIDA. Projek-projek yang dijalankan makin bertambah dari tahun ke tahun. Misalnya di awal perlaksanaannya, RIDA hanya menjalankan 40 buah projek sahaja tetapi pada tahun 1952 sebanyak 892 projek dan ianya terus meningkat kepada 1,498 projek pada tahun 1953.⁸³ Projek-projek yang dijalankan oleh RIDA ada yang bersifat jangka panjang seperti limbungan kapal di Terengganu, kilang getah di Grisek, Muar, sekolah-sekolah latihan dan pembinaan rumah-rumah murah. Projek-projek jangka pendek pula termasuklah ternakan ayam, ikan air tawar, kerbau, lembu, perusahaan tangan dan sistem perhubungan serta sistem pengangkutan. Untuk menjalankan projek-projek itu RIDA mengeluarkan pinjaman-pinjaman besar dan kecil kepada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi mereka. Pinjaman secara besar-besaran diberikan kepada syarikat kerjasama yang mengendalikan hal-hal pertanian terutamanya padi.⁸⁴ Pinjaman yang telah diberi sehingga 30 Disember 1952 berjumlah \$1,336,981 dan pinjaman yang masih belum dibayar lagi ialah \$1,309,909.21. Ini kerana kebanyakan projek yang dijalankan itu adalah di peringkat permulaan dan belum mendapatkan hasil yang jelas.⁸⁵

Walaupun RIDA gagal di dalam setengah-setengah projeknya, namun penubuhan RIDA sangat penting bagi ekonomi orang Melayu. Penubuhannya telah meletakkan tanggungjawab untuk memajukan ekonomi orang Melayu itu kepada kerajaan yang memerintah sehingga ke hari ini.⁸⁶

Semasa memegang jawatan Ahli Hal-Ehwel Dalam Negeri dan pengurusi RIDA, Dato' Onn tetap aktif di dalam kegiatan politik Tanah Melayu. Sebaik-baik sahaja beliau meninggalkan UMNO pada 16 September 1951, Dato' Onn telah menu buhkan Independence of Malayan Party (IMP). IMP bekerja untuk menyatukan semua rakyat Tanah Melayu. Keyakinan Dato' Onn terhadap kerjasama bangsa sebagai satu dasar penting di dalam mencapai kerajaan sendiri PTM tidak berubah, walaupun UMNO enggan. Dato' Onn sanggup menubuhkan sebuah parti lain bagi tujuan tersebut. Dengan itu, Dato' Onn telah cuba mendahului pemimpin bangsa-bangsa lain di dalam menyatukan rakyat PTM di dalam kegiatan politik PTM.

Sebenarnya usaha untuk menyatukan rakyat berbilang bangsa PTM ini telah wujud sejak terbentuknya PTM 1948. Dato' Onn telah

membincangkan kemungkinan untuk mewujudkan kerjasama di antara bangsa-bangsa yang tinggal di PTM melalui parti-parti politik bangsa-bangsa tersebut.⁸⁷ Tetapi Dato' Onn kemudian telah mengubah fikirannya kerana kerjasama seperti itu akan menimbulkan banyak masalah kerana pergeseran pendapat dan kepentingan di antara satu bangsa dengan bangsa lain. Ini akan menimbulkan keadaan tegang yang boleh membawa pergaduhan besar seperti di Batu Pahat (1945). Oleh itu bagi Dato' Onn percantuman bangsa-bangsa di dalam satu parti adalah jalan yang sebaik-baiknya untuk politik Tanah Melayu. Peristiwa berdarah tidak akan berulang lagi.⁸⁸

Dato' Onn disokong oleh Tan Cheng Lock, Presiden MCA yang menjadi Pengurus Majlis tersebut. Sokongan ini sangatlah bermakna kerana orang Cina adalah bangsa kedua penting di Tanah Melayu. Yoong Shook Lin, Setiausaha Agung MCA juga turut sama.

Bagi orang India dan Ceylon pula K.L. Devaser, Presiden MIC, dan E. C. Thuraisingham, Ketua Persatuan Ceylon Tanah Melayu telah mengetuai sokongan mereka terhadap cita-cita Dato' Onn ini. Begitu juga dengan kehadiran R. Ramani, seorang tokoh pentabdir peguam utama Malaya. Dengan itu penubuhan IMP disokong oleh pemimpin-pemimpin bukan Melayu yang penting.

IMP menyertai pilihan raya bandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952. Namun, ia hanya memenangi 2 kerusi sahaja kerana kekurangan sokongan daripada orang Melayu dan orang Cina. Pemimpin-pemimpin Cina seperti H. S. Lee dan Tan Cheng Lock, telah bekerjasama dengan UMNO.⁸⁹ Kerjasama itu juga bertujuan untuk membuang pengaruh Dato' Onn di dalam UMNO. Walaupun Dato' Onn telah keluar tetapi kawan-kawan rapatnya seperti Datin Puteh Mariah, adalah Ketua UMNO Kuala Lumpur. Dato' Razak dengan sengaja telah berunding dan membuat keputusan dengan H. S. Lee tanpa pengetahuan Datin Puteh Mariah. Beliau meletakkan jawatan kerana diketepikan di dalam soal yang besar itu.

Tindakan pemimpin-pemimpin MCA itu, telah menyebabkan Dato' Onn membidas sikap politik mereka secara terbuka. Di dalam ucapan pembukaan mesyuarat agung IMP, cawangan Kuala Lumpur, pada 25 Mac 1953 Dato' Onn telah mengatakan:

I would remind you of the delegation of representatives of the Chinese Chambers of Commerce to General Chiang Kai Shek pledging allegiance of 98 percent of the Chinese Malaya to him. I presume the other two percent must be the communist elements. I have noted the same interest that moves and demands on behalf of the Chinese populations have invariably been initiated by the Chinese Chambers of Commerce and the endorsed by the MCA. The demand for a Chinese Regiment. The opposition to the State Nationality Laws. The opposition to the Education Bill and the Registration of the Business Bill. The insistence of a Chinese university or as some would prefer to call it the Nanyang University.

What does all this convey to my mind? Let me be frank. The Nationalist government of China no longer exists. It is now the Government of Formosa. The Kuomintang does not exist officially either in Malaya or in any of the surrounding countries. All Chinese Schools are now government aided. But we have the Chinese Chambers of Commerce though not the Kuomintang. We have no Chinese Consular officers but we the MCA. Fit these pieces into the jigsaw puzzle and the picture will become clearer ... It is a picture which many have been seen already but few have dared to present.⁹⁰

Dengan itu tamatlah sokongan pemimpin-pemimpin MCA ke atas Dato' Onn dan IMP. Walaupun MIC masih lagi menyokong IMP, tetapi sokongan MIC tidaklah membawa erti yang penting kerana jumlah penduduk India adalah lebih kecil daripada penduduk Cina. Sokongan MIC juga menjadi tawar selepas peristiwa itu kerana ada anggota jawatankuasa MIC telah berunding untuk bercantum dengan UMNO-MCA. MIC hanya mencari jalan untuk berpecah dari IMP dan Dato' Onn kerana MIC telah menggunakan masalah yang kecil sahaja untuk bertelingkah dengan Dato' Onn. Dato' Onn dan IMP bersetuju untuk mengadakannya pada akhir 1956, tetapi MIC mahu diadakan pada tahun 1954. Perbezaan pendapat itu telah menyebabkan MIC menarik diri daripada IMP pada September 1953.⁹¹ Dengan penarikan diri MIC dan tokoh-tokoh MCA itu, Dato' Onn dan IMP hanya dibantu oleh Thuraisingham dan Persatuan Ceylon Malaya. Dengan itu idea untuk menjadikan IMP parti antara kaum yang berkesan tidak dapat dijalankan oleh Dato' Onn.

Namun ini tidak melemahkan pendiriannya. Walaupun *national conference* diadakan oleh Malcolm MacDonald sebagai satu badan gabungan parti-

parti politik yang besar, namun Dato' Onn tetap percaya kepada satu parti bagi semua bangsa.

Dengan itu Dato' Onn bersama beberapa orang teman rapatnya di dalam IMP telah menubuhkan Parti Negara (PN) pada akhir Februari, 1954. Dato' Onn menjadi Setiausaha Agung, manakala Dato' Hamzah Abdullah bekas Menteri Besar Selangor dan salah seorang pengasas UMNO menjadi Presidennya. Heah Joo Siang, orang kuat IMP pula menjadi Timbalan Presiden dan W. M. Macleod, seorang saudagar Eropah menjadi Bendaharinya.⁹²

Tidak seperti IMP, PN mendapat sambutan yang baik dari orang Melayu, sama ada dari kalangan atasan ataupun bawahan terutama di Kelantan, Terengganu, Johor, Kedah dan Pulau Pinang. Sehingga bulan Ogos 1954 terdapat 35 buah cawangan telah ditubuhkan. Malah satu mesyuarat agung PN telah dapat diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 15 Ogos 1954.⁹³

Sokongan orang Melayu terutama di negeri-negeri Melayu Kelantan dan Terengganu, juga menjadi lebih baik di dalam PN kerana PN telah ditubuhkan tanpa ada gabungan dengan mana-mana parti bukan Melayu seperti di dalam IMP. PN juga menggunakan nama Melayu, tidak seperti IMP. Di negeri-negeri lain sokongan orang-orang bukan Melayu juga adalah agak jelas. Di antara mereka ada yang mengetuai cawangan PN seperti di Segamat, Johor dan George Town, Pulau Pinang. Sokongan ini timbul kerana kepercayaan kepada idea kerjasama bangsa di dalam IMP.

PN telah menyertai pilihan raya negeri di Johor, Terengganu, Perlis, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Namun semua 28 orang calonnya gagal. Pengaruh PN di negeri-negeri itu terlalu kecil jika dibandingkan dengan UMNO, MCA dan MIC yang lebih tua daripada PN. Kekalahan PN di dalam pilihan raya negeri itu tidak melemahkan Dato' Onn untuk bertanding di dalam pilihan raya Persekutuan 1955. Untuk tujuan menjadikan PN lebih luas pengaruhnya dan lebih bersedia, Dato' Onn telah meletakkan jawatan Menteri Dalam Negeri lapan bulan lebih awal dari yang ditetapkan iaitu Disember 1955. Beliau telah menjalankan kempen-kempennya di seluruh Tanah Melayu dengan dibantu oleh R. Ramani, Heah Joo Siang dan Dato' Zainal Abidin.

Isu-isu yang dikempenkan oleh Dato' Onn bergerak di sekitar kepentingan orang-orang Melayu. Soal kerakyatan dan bahasa kebangsaan

menjadi isu-isu hangat yang mendapat simpati daripada sebahagian orang-orang Melayu. Di dalam soal kerakyatan, Dato' Onn mengkritik UMNO kerana bersetuju menjalankan dasar *jus soli* tanpa syarat di dalam memberikan kerakyatan kepada orang dagang. Kerakyatan *jus soli* juga digunakan sebagai syarat untuk mengundi di dalam pilihan raya 1955. Bagi Dato' Onn, UMNO telah menyeleweng dari dasar perjuangannya. Di dalam tahun 1946, UMNO telah menentang pemberian kerakyatan *jus soli* oleh British kepada orang bukan Melayu di dalam Kerajaan Malayan Union. Di dalam tahun 1951, Dato' Onn juga telah ditentang oleh UMNO dan orang Melayu lainnya kerana menerima *jus soli* bersyarat sebagai kerakyatan negeri Melayu. Tetapi di dalam tahun 1956, UMNO dengan mudah melepaskan kerakyatan *jus soli* tanpa sebarang syarat. Perubahan mendadak ini akan merugikan orang Melayu kerana dengan dasar *jus soli* itu, jumlah orang Melayu akan menjadi lebih kecil dari rakyat bukan Melayu. Ini pada jangka panjang, akan mengurangkan kuasa mengundi orang Melayu. Ini akan melemahkan kedudukan politik orang Melayu.⁹⁴

Oleh kerana Dato' Onn dapat kesan politik persetujuan UMNO itu sangat besar kepada orang Melayu, Dato' Onn telah mencadangkan kemasukan orang Indonesia ke dalam PTM. Bagi Dato' Onn penyerapan orang Indonesia ke dalam masyarakat Melayu adalah sangat mudah kerana persamaan kebudayaan dan suku bangsa yang sama. Tambahan pula sebahagian besar daripada orang Melayu di sini berketurunan Indonesia.⁹⁵

Dato' Onn dengan itu telah melihat pentingnya konsep Melayu Raya di dalam menyelesaikan masalah politik orang Melayu. Namun, dasar Dato' Onn itu adalah berbeza dengan dasar PKMM (1945-1948) yang mahu mencantumkan Malaya dan Indonesia sebagai satu negara besar yang dinamakan Indonesia Raya. Dato' Onn hanya menggunakan rakyat Indonesia untuk diserapkan sebagai rakyat Melayu Persekutuan Tanah Melayu. Cara Dato' Onn ini tidak akan merendahkan maruah Tanah Melayu sebagai sebuah negara.

PN dan Dato' Onn gagal di dalam pilihan raya itu. Dato' Onn kalah di tangan Sulaiman Ab. Rahman.⁹⁶ Kekalahan Dato' Onn sebenarnya lebih bersifat peribadi, kerana di Johor Bahru, Lembaga Kesatuan Melayu Johor (LKMJ) dan Kesatuan Melayu Johor (KMJ) merupakan persatuan-persatuan yang kuat dan telah lama bertapak di Johor Bahru. Kedua-dua persatuan itu memang menentang Dato' Onn sejak dari tahun 1946 bermula

dari peristiwa "Orang Tujuh" yang mahu menggulingkan Sultan Ibrahim kerana tandatangan merestui Malayan Union. Oleh itu di dalam peristiwa itu Dato' Onn tidak menyokong mereka, sehingga mereka digantung kerja selama beberapa bulan. Mereka juga tidak puas hati dengan pelantikan Dato' Onn sebagai Menteri Besar kerana Dato' Onn hanya pegawai rendah kerajaan. Oleh itu sebaik-baik sahaja Dato' Onn keluar dari UMNO, anggota-anggota dan orang kuat persatuan-persatuan itu telah memasuki UMNO. Manakala penyokong-penyokong UMNO lama meninggalkan UMNO dan memasuki IMP, kemudian PN. Maka penentang Dato' Onn, Sulaiman Ab. Rahman, orang kuat PMJ, dengan mudah mendapat sokongan daripada kumpulan-kumpulan ini yang menguasai UMNO. Encik Sulaiman misalnya telah menggunakan isu "Orang Tujuh" dan keluarnya Dato' Onn dari UMNO dengan begitu hebat sekali.⁹⁷

Dengan itu, bolehlah dikatakan pemilihan orang ramai terhadap corak politik perkauman Perikatan pada tahun 1955 itu, dengan sendirinya telah menggalakkan hasrat Dato' Onn untuk menghilangkan perkauman di dalam struktur politik PTM. Bagi Dato' Onn soal isu adalah soal sementara, yang berubah mengikut keadaan, tetapi soal struktur atau dasar adalah perkara pokok yang mesti ditentukan sebelum mendapat kemerdekaan. Bagi Dato' Onn, di dalam pilihan raya 1955, soal kehilangan hak politik Melayu akibat daripada penyelewengan UMNO (kerakyatan, bahasa dan imigrasi) adalah penting; oleh sebab itu perkara-perkara itu dititikberatkan. Tetapi seperti apa yang telah berlaku, Dato' Onn nyata sekali tidak dapat mengubah *manor* politik rakyat PTM seperti gagalnya beliau di dalam membuka pintu UMNO dalam tahun 1951, dan melaksanakan IMP dalam tahun 1951-53.

Kekalahan Dato' Onn di dalam pilihan raya 1955 itu telah menyebabkan untuk beberapa lama, beliau tidak membuat apa-apa pekerjaan, kecuali duduk berehat di Johor Bahru. Tetapi pada bulan April 1956, Dato' Onn telah memulakan semula kempen politik PN dengan menjadi pengarang akhbar *Kritik*. Akhbar ini hidup hanya setahun sahaja (1956-1957) dan dipunyai oleh Haji Ahmad, seorang penyokong Dato' Onn, telah menjadi tempat dan alat Dato' Onn mengeluarkan pendapatnya terhadap perlombagaan PTM yang sedang disediakan bagi kemerdekaan PTM. Di dalam memberikan pendapat-pendapat ini Dato' Onn secara langsung mengkritik kerajaan Perikatan kerana cadangan-cadangan perlombagaan yang pada fikirannya tidak patut dibuat oleh parti Perikatan.

Pada akhir bulan Februari 1956, beberapa perkara pokok telah dicapai oleh ketiga-tiga pihak. Mereka telah bersetuju pembentukan satu Suruhanjaya Perkembangan bebas yang akan bertugas untuk membuat perlembagaan PTM yang merdeka. Suruhanjaya itu terdiri daripada orang-orang luar yang dipercayai dapat mengadakan satu perlembagaan yang tidak berat sebelah. Suruhanjaya ini akan membuat cadangan-cadangan berdasarkan kepada memorandum-memorandum yang diterimanya daripada orang ramai dan pihak-pihak yang berminat di dalam perlembagaan tersebut. Cadangan-cadangan Suruhanjaya itu nanti akan menjadi dasar perkembangan PTM. Menjelang Oktober 1956, Suruhanjaya itu telah mendapat memorandum dari 131 pertubuhan. Suruhanjaya yang tidak mengandungi sebarang wakil dari PTM itu telah bermesyuarat di Rom, Itali bagi membuat laporannya. Laporan Suruhanjaya Reid bolehlah dikatakan adalah cadangan perlembagaan kerajaan dan parti Perikatan. Ini kerana Suruhanjaya ini mengaku bahawa di antara 131 memorandum yang diterima, memorandum dari Perikatan adalah yang paling baik kerana ia mewakili jumlah terbesar suara penduduk PTM.⁹⁸

Dato' Onn menjadi pengkritik utama Perikatan dan Suruhanjaya Reid. Beliau telah mengulas, membidas dan memberi cadangan di dalam beberapa aspek penting cadangan Suruhanjaya Reid. Soal utama yang dikritik oleh Dato' Onn ialah soal kerakyatan. Dato' Onn seperti juga di dalam kempen pilihan raya 1955 tetap tidak bersetuju dengan pemberian kerakyatan *jus soli* tanpa sebarang syarat. Dato' Onn juga tidak bersetuju dengan kelonggaran kerakyatan yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Reid. Ini kerana jika di dalam pilihan raya 1955 jumlah pengundi bukan Melayu berjumlah 250,000 sahaja dan undinya hanya berjumlah 125,000, tetapi dengan kerakyatan *jus soli*, jumlah undi itu akan bertambah menjadi seimbang dengan undi orang-orang Melayu. Ini memang menjadi satu kenyataan di dalam pilihan raya 1959. Undi orang-orang Melayu telah menurun dari 84 kepada 52 peratus dalam tahun 1959.⁹⁹

Selain daripada kerakyatan, cara pelantikan Yang di-Pertuan Agong, nama PTM yang merdeka dan pertahanan PTM juga dikiritik oleh Dato' Onn. Di dalam pelantikan Yang di-Pertuan Agong itu Dato' Onn, lebih bersetuju ianya dilantik seumur hidup dan bukan bergilir-gilir seperti cadangan Perikatan dan Suruhanjaya Reid. Ini kerana pelantikan seperti itu adalah pelantikan Raja Bangsawan. Dato' Onn juga tidak setuju dengan

nama Persekutuan Tanah Melayu bagi Tanah Melayu yang merdeka. Dato' Onn lebih bersetuju dengan UMNO yang nama baru itu ialah Malaysia kerana melambangkan penduduk berbilang bangsa dengan nama itu PTM akan diperluaskan lagi bagi meliputi semua negara kepulauan Melayu, terutama kawasan jajahan British seperti Sarawak, Labuan, Singapura dan Borneo Utara. Di segi pertahanan pula Dato' Onn tidak bersetuju dengan penempatan tentera-tentera selama 25 tahun di PTM. Adanya tentera-tentera tersebut dilihat oleh Dato' Onn sebagai tanda kemerdekaan PTM yang dicapai tidaklah merupakan kebebasan dari penjajahan yang sebenarnya.¹⁰⁰ Dato' Onn lebih suka pasukan pertahanan PTM diperbesarkan seperti tuntutannya di dalam tahun 1951. Dato' Onn melihat pencapaian kemerdekaan adalah masa yang sesuai untuk pembesaran itu.¹⁰¹

Pandangan Dato' Onn itu selari dengan pemimpin-pemimpin Melayu yang lain seperti Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam. Tetapi yang paling menarik di sini, ada ahli-ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan tolak ansur UMNO itu. Dengan inisiatif mereka Kongres Kebangsaan Melayu 1957 diadakan. Ketua UMNO Setapak, Haji Yahya Sheikh Ahmad telah menjadi penggerak jawatankuasa Kongres 1957 itu. Penubuhan Kongres 1957 oleh ahli-ahli UMNO itu merupakan satu tamparan kepada UMNO sendiri.

Kongres itu telah diadakan pada 4 sehingga 7 Mei 1957 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Perkara yang dibincangkan termasuklah perlombagaan Tanah Melayu. Dato' Onn telah menghadiri Kongres itu, oleh kerana itu UMNO/Perikatan telah menuudu Dato' Onn bertanggungjawab terhadap keputusan-keputusan Kongres itu. Ini kerana cadangan Dato' Onn telah diterima sebagai cadangan-cadangan balas KKM kepada Suruhanjaya Reid. Tetapi sebenarnya cadangan-cadangan Dato' Onn itu diterima kerana Dato' Onn telah mempunyai cadangan-cadangan yang lengkap yang telah diluluskan oleh Kongres PN pada bulan Mac 1956. Walaupun Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam ada, tetapi mereka tidak mengemukakan sebarang cadangan kerana mereka bersetuju menerima cadangan perlombagaan Dato' Onn. Antara yang penting di dalam cadangan Dato' Onn itu ialah pembentukan sebuah kerajaan pusat dengan nama Malaysia, pembentukan parliment dan dua majlis perundangan dan kabinet, kerakyatan yang satu bagi seluruh Malaysia, penerimaan dasar *jus soli* tetapi bersyarat, bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi Malaysia.

pembentukan raja berperlembagaan bagi negeri-negeri Melayu, dan pelantikan Yang di-Pertuan Agong seumur hidup.¹⁰² Walaupun Dato' Onn gagal, namun kebenaran kata-kata Dato' Onn itu boleh dilihat daripada kesimpulan seorang ahli sejarah politik PTM yang mangatakan:

In summary, we may note that the highly explosive issue of citizenship was settled by creating in effect, a single nationality with provisions to enable all persons in Malaya to qualify for citizenship, either by birth or by fulfilling requirements of residence, language and oath of loyalty. *The implications of these provisions were clear.* The proportion of citizens from the non-Malay communities would steadily rise and in time the Malays, who were a numerical minority in Malaya, might also become a minority at the polls. It was a major concession by the Malays to agree to such liberal citizenship requirements. The UMNO was persuaded to accept these provisions on the understanding that the constitution would contain other sections which would give to the Malays special privileges.¹⁰³

Selepas kemerdekaan PTM dicapai, Dato' Onn masih meneruskan lagi kepimpinannya di dalam PN. PN merupakan satu-satunya tempat untuk Dato' Onn bergerak. Dengan minat politiknya yang masih tetap membara, Dato' Onn telah mencuba nasibnya sekali lagi di dalam pilihan raya kecil Batu Pahat pada tahun 1957, menentang Syed Isa Ismail calon Perikatan. Walaupun Dato' Onn seorang yang telah berperanan di Batu Pahat dengan penubuhan Pegerakan Melayu Semenanjung Johor dan di dalam krisis Bintang Tiga-Melayu 1945, namun orang-orang Batu Pahat telah menolak Dato' Onn. Imej Dato' Onn tahun 1946 tidak sama dengan imej Dato' Onn tahun 1957. Pada tahun 1946 Dato' Onn dianggap penyelamat tetapi di tahun 1957 Dato' Onn dianggap sebagai "pembangkang kerajaan".¹⁰⁴ Maka dengan kekalahan Dato' Onn di Batu Pahat pada 1957 dan di Johor Bahru pada 1955, bererti Dato' Onn tidak mempunyai harapan di Johor. Oleh itu di dalam pilihan raya 1959, Dato' Onn telah berpindah ke Kuala Terengganu. Kemenangan calon-calon PN di empat buah kawasan di Kuala Terengganu, mendorong perpindahan itu.

Dato' Onn telah bertanding dan mengalahkan Engku Mohsin, calon Perikatan dengan undi yang besar. Kemenangan Dato' Onn itu terjadi kerana beberapa sebab. Pertama, kerana adanya kerjasama PAS-PN. PAS telah bersetuju tidak akan meletakkan sebarang calon di kawasan tandingan

Dato' Onn bagi membolehkan undi-undi bulat orang Melayu anti-UMNO tumpukan sepenuhnya kepada PN. Keduanya, ketokohan Dato' Onn adalah lebih menonjol daripada Engku Mohsin yang masih lagi kurang pengalaman dalam politik. Ketiganya, kemenangan PN di peringkat negeri telah memberikan sokongan moral yang tinggi kepada Dato' Onn dan PN.¹⁰⁶

Kemenangan Dato' Onn sebagai Ahli Parlimen itu telah membolehkan beliau menjadi pembangkang kepada kerajaan Perikatan yang hanya memenangi jumlah undi yang rendah iaitu hanya 51.8 peratus sahaja undi daripada 81.7 peratus di dalam tahun 1955. Dato' Onn menganggotai Dewan Rakyat bersama-sama dengan anggota PAS dan Parti Rakyat.

Walaupun jumlah anggota pembangkang hanya 13 orang sahaja, tetapi ia diisi oleh orang-orang yang terkenal sebagai nasionalis-nasionalis radikal dan penentang UMNO seperti Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam, Othman Abdullah, Khadijah Sidek dan Zulkifli Mohamad. Dengan itu, barisan pembangkang parlimen dari tahun 1959-1964 dipenuhi oleh mereka yang berkaliber dan cekap di dalam berhujah. Dengan adanya anggota pembangkang seperti itu kerajaan yang memerintah akan lebih masak di dalam membuat sesuatu keputusan.¹⁰⁷

Kehadiran Dato' Onn di dalam Dewan Rakyat tidaklah lama, iaitu setakat tiga tahun sahaja (1959-1962) kerana beliau meninggal dunia pada Januari 1962. Walaupun tempoh keanggotaannya agak pendek, beliau adalah seorang anggota yang sangat aktif, sehingga beliau diiktiraf sebagai ketua pembangkang.¹⁰⁸

Antara usul Dato' Onn yang dianggap sangat penting di dalam Dewan Rakyat ialah cadangannya untuk menamakan rupa bangsa (*nationality*) Tanah Melayu ini sebagai *MELAYU*. Cadangan Dato' Onn ini telah dikemukakannya di dalam persidangan Dewan Rakyat pada 24 Februari 1960. Dato' Onn mendapat Tanah Melayu yang merdeka tidak mempunyai satu nama kebangsaan seperti negara-negara yang telah merdeka.

Ini penting untuk pengenalan diri rakyat Tanah Melayu di peringkat antarabangsa. Dasar Perikatan yang mengatakan rakyat itu adalah kebangsaan Tanah Melayu tidaklah tepat kerana rakyat adalah warganegara sesuatu negara, bukannya satu nama khas bagi rakyat negara itu. Nama rakyat Tanah Melayu sepatutnya Melayu kerana nama negara ini adalah Persekutuan Tanah Melayu.¹⁰⁹

Tun Abd. Razak melihat cadangan Dato' Onn itu akan merugikan orang-orang Melayu yang telah diakui mempunyai kedudukan istimewa di dalam perlembagaan PTM. Orang-orang Melayu mengikut Tun Razak adalah sangat mundur terutama di dalam hal-hal iktisad. Maka dengan mengekalkan nama Melayu itu khas untuk orang-orang Melayu sahaja. kedudukan istimewa itu dapat diuntukkan khas kepada orang-orang Melayu sahaja.¹¹⁰

Alasan Tun Abd. Razak tentang kedudukan istimewa Melayu itu mengikut Dato' Onn sangatlah kecil dan tidak mutlak. Bagi Dato' Onn, Fasal 153 itu hanyalah memberi pertimbangan yang lebih sedikit kepada orang-orang Melayu oleh Yang di-Pertuan Agong supaya jawatan-jawatan di dalam pentadbiran kerajaan tidak dimonopoli oleh bangsa-bangsa lain. Begitu juga dengan soal permit atau lesen-lesen yang mesti diperuntukkan sebahagian besarnya kepada orang-orang Melayu. Ini bermakna jawatan kerajaan dan lesen-lesen itu masih lagi boleh dipegang dan didapati oleh bangsa-bangsa lain cuma pertimbangan yang lebih patut diperuntukkan kepada orang Melayu.¹¹¹ Walaupun cadangannya gagal kerana suara kerajaan lebih besar daripada pembangkang, namun ia memperlihatkan usaha Dato' Onn yang tidak jemu-jemu bekerja dan berpolitik bagi Melayu.

Pada akhir tahun 1960, Dato' Onn mula uzur. Beliau terlantar di Hospital Besar Johor Bahru kerana sakit kencing manis dan lemah jantung. Beliau terlantar tiga bulan di hospital sebelum meninggal dunia pada 19 Januari 1962. Beliau dikebumikan di Johor Bahru sebagai seorang negarawan Tanah Melayu.

Dengan meneliti kerjaya Dato' Onn Jaafar beberapa kesimpulan boleh dibuat terhadapnya. Pertamanya, Dato' Onn adalah seorang tokoh yang telah terlibat secara langsung di dalam gerakan politik orang Melayu dan Persekutuan Tanah Melayu secara mendalam dan berkesan. Mendalam kerana beliau menjadi penggerak dan pemimpin kepada episod-episod penting kegiatan politik Tanah Melayu bermula daripada kegiatan politik awal orang-orang Melayu/Tanah Melayu sehingga kepada pelaksanaan kemerdekaan Tanah Melayu. Dengan itu Dato' Onn adalah seorang tokoh yang berperanan besar di dalam politik dan pentadbiran PTM.

Keduanya, Dato' Onn adalah seorang pengasas dan perintis yang penting di dalam banyak perkara di dalam politik PTM. Bagi orang Melayu, Dato' Onn telah mengasaskan pertubuhan UMNO dengan mendraf

perlembagaan, struktur dan pendekatan politik yang membolehkan UMNO diterima oleh sebahagian besar orang Melayu sehingga menjadi satu pertubuhan yang kuat kepada mereka sehingga ke hari ini. UMNO bolehlah dikatakan sumbangan Dato' Onn yang terbesar kepada orang Melayu secara khusus. Walaupun Dato' Onn mempunyai kawan-kawan seangkatan dengannya seperti Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Hamzah Abdullah, Dato' Nik Ahmad Kamil, Dato' Zainal Abidin Abas dan Datin Puteh Mariah, tetapi sumbangan Dato' Onn adalah lebih menonjol.

Selain UMNO, Dato' Onn juga telah mengasaskan konsep bantuan sosioekonomi secara perlembagaan kepada orang-orang Melayu melalui RIDA. Dato' Onn telah mendesak British supaya mengaku terhutang budi kepada negeri-negeri Melayu dan orang Melayu selama "penjajahan" mereka ke atas PTM, dari tahun 1874 sehingga Perang Dunia II. Hutang budi ini mengikut Dato' Onn hanya boleh dibayar semula dengan membantu sosioekonomi orang Melayu. Persetujuan British di dalam tahun 1951 itu telah dikekalkan sehingga ke hari ini melalui agensi-agensi, seperti MARA, FELDA dan LPN.

Dari segi pembentukan asas dan kerangka kerajaan sendiri (*self-government*) juga telah dibuat oleh Dato' Onn sebagai orang yang diberi kepercayaan oleh kebanyakan orang Melayu dan British. Dato' Onn telah mendesak kuasa pentadbiran dipindahkan kepada orang Melayu dan tempatan sejak tahun 1948. Pelantikan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Melayu 1949, walaupun gagal, telah digantikan dengan pembentukan Sistem Ahli pada tahun 1951. Pembentukan sistem Ahli yang juga didesak oleh Dato' Onn telah membolehkan rakyat PTM menimba pengalaman di dalam pentadbiran PTM. Ini adalah satu pengalaman penting sebelum kemerdekaan dicapai. Dato' Onn juga tidak mempedulikan kedudukannya sebagai pemimpin kesayangan orang Melayu apabila mendesak UMNO menerima kerakyatan negeri yang berdasarkan *jati diri* bersyarat pada tahun 1951. Kejayaan yang mengorbankan nama baik Dato' Onn itu telah membolehkan 52% orang asing menjadi rakyat PTM. Ini adalah asas penting kemerdekaan Tanah Melayu.

Walaupun Dato' Onn gagal di dalam idea dan usahanya untuk mewujudkan sebuah parti bagi semua bangsa di dalam IMP dan PN, namun kegagalannya secara langsung telah memberi pengajaran kepada Perikatan supaya tidak membuat tindakan sepertinya di dalam mencapai kerajaan

sendiri dan kemerdekaan PTM. Gabungan parti-parti di dalam satu ikatan yang longgar seperti Perikatan adalah lebih selamat.

Dengan itu, walaupun Dato' Onn gagal di dalam pilihan raya 1955 untuk menjadi Perdana Menteri PTM yang pertama,¹¹² namun peranannya sebagai pengasas kepada usaha-usaha berkerajaan sendiri dan kemerdekaan PTM itu sendiri adalah sangat jelas. Beliau bolehlah dikatakan sebagai penebas dan pembersih sebuah hutan belantara dan penegak sebuah rumah, sebelum rumah itu dibuka dan diduduki dengan rasminya pada 31 Ogos 1957.

Nota

1. E. Thio, *British Policy in the Malay Peninsula: 1860-1910*. (Singapore: 1969) 234.
2. Adik-beradik Dato' Onn yang lain: Che Kamariah Mustapha dan Azizah Ahmad Kappel Yahya.
3. Kerajaan Johor. *Keputraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor Yang ke 76*, 28 Oktober 1970.
4. Othman bin Dato' Ab. Hamid (penyusun dan penerbit). *Salasilah Tok Ab. Jabar bin Tok Osman*, Johor Bahru, 1967.
5. Lawatan Sultan Abu Bakar ke England pertama kalinya dibuat pada Mac 1866. Kemudian Baginda melawat Austria, Perancis, Jerman, Switzerland dan Turki. Baginda mangkat pada 4.6.1895 di England. Fawzi Basri dan Hasrom Haron, *Sejarah Johor moden 1855-1840, Satu Perbincangan dari Pelbagai Aspek*. (Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1978), 34-36.
6. Anaknya Che Dara menjadi isteri Sultan Ibrahim yang ketiga.
7. *Sunday Times*, 18.1.1951.
8. Satu keganjilan di sini ialah kenyataan mengatakan Dato' Jaafar berhutang itu hanya tertulis di atas satu sampul surat dan ditulis dengan cara yang ringkas dengan tandatangan Sultan Ibrahim sahaja.
9. Anwar Abdullah, *Biografi Dato' Onn*. (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1971), 5.
10. Nasib Dato' Onn ini kemudian diterima juga oleh abang dan kakaknya, Dato' Abdullah dan Che Dara setahun kemudian. Dato' Abdullah, Menteri Besar Johor telah dipecat kerana disyaki oleh Sultan Ibrahim menyampaikan cerita buruk tentang baginda. Dato' Mustapha, abang Dato' Abdullah dan Dato' Onn, yang dilantik menjadi Menteri Besar terpaksa mengeluarkan arahan itu kerana perintah Sultan.
11. W. R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*. (Singapore: University of Malaya Press, 1967), 168.
12. *Lembaga Malaya*, 22.6.36, 13.7.36.
13. Rupert Emerson, *Malaysia: Direct and Indirect Rule*. (Kuala Lumpur: University of Malaya Press). Dato' Onn telah membaca buku ini dan mendapat idea dari sini. *Warta Malaya*, 1930.
14. *Warta Malaya*, 24.3.31.
15. *Warta Malaya*, 23.10.30

16. *Warta Malaya*, 19.10.31.
17. *Warta Malaya*, 16.1.30, 11.12.31.
18. *Warta Malaya*, 18.1.30, 20.6.30.
19. *Warta Malaya*, 19.12.30.
20. *Warta Malaya*, 6.5.30.
21. *Warta Malaya*, 13.11.31, 18.12.30.
22. *Warta Malaya*, 18.6.30, 28.1.31, 29.10.31.
23. *Warta Malaya*, 18.3.31, 1 Ramadan 1931.
24. Dato' Onn dapatkan orang Cina tidak segan berkebun sayur, membuka kedai jahit dan lain-lain pekerjaan yang dianggap rendah oleh orang Melayu. Kesanggupan mereka bekerja itu telah menjadikan mereka kaya.
25. Ab. Rahim Kajai menjadi pengarang *Majlis* pada tahun 1931, setahun lebih lewat daripada Dato' Onn. Ab. Rahim menjadi pengarang *Warta Malaya*, hanya pada tahun 1935, selepas Dato' Onn meninggalkannya.
26. W. R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, 168.
27. MB 26/36. Dato' Onn menggantikan Tengku Mahkota Johor - Tengku Ismail pada 1.3.36.
28. Shahrom Husein, op. cit., 53.
29. Pilihan raya dibuat selama 20 hari oleh penghulu-penghulu Batu Pahat, Muar, Segamat, Kluang dan Pontian. Dato' Onn menang 2,000 undi, Dr. Hamzah mendapat 516 undi. *Warta Malaya*, 16.3.31. Idea untuk melantik ahli *ex-officio* itu telah dikemukakan oleh Dato' Onn sendiri. *Warta Malaya*, 17.10.30.
30. W. R. Roff, op. cit., 169.
31. *Johore Government Gazette* - January to June 1936, Vol. I, No. 424 - Minit Majlis Mesyuarat Negeri Johor 25.1.36.
32. Shahrom Husein, op. cit., 42.
33. John Funston, *Malay Politics in Malaya: A Study of UMNO and PAS*, (Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.: 1980), 110.
34. Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya, Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation 1941-1949*, (Singapore: Singapore University Press, 1987), 116.
35. Ibrahim Yaakob - tokoh radikal Melayu menjadi pemimpin utama orang Melayu di zaman Jepun dengan pertubuhan-pertubuhan PETA (Pembela Tanahair) dan KRIS. Beliau lahir di Pahang, pernah menjadi guru, sebelum menjadi wartawan. Kegagalannya menubuhkan kerajaan itu telah menyebabkan ia berundur ke Indonesia.

36. Penguraian yang sangat terperinci berkenaan dengan peristiwa itu dan peranan Dato' Onn boleh didapati di dalam Cheah Boon Kheng, op. cit., 225-230.
37. *Utusan Melayu*, 10.1.46, ucapan Dato' Onn.
38. *Malaya Tribune*, 13.12.46, Ucapan Dato' Onn di Batu Pahat, 12.12.46.
39. *Warta Melayu*, 25.7.50.
40. Merlimau, Jasin dan Tranquera, *Utusan Melayu*, 28.4.46.
41. Nordin Sopiee, op. cit., 18.
42. Untuk keterangan lanjut mengenai hal ini lihat R. J. Stockwell, *British Policy and Malaya Politics during Malayan Union Experiment, 1945-1948*, (Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1979), 73-83.
43. *Utusan Melayu*, 24.1.46.
44. *UMNO Sepuluh Tabur*, 18-22.
45. CO537/1531, Telegram Edward Gent kepada SS/CO, 19.6.46. Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan mahu supaya kuasa perundangan dan kehakiman (jurisdiction) itu tetap dikekalkan di dalam tangan Raja England. Dengan itu Perjanjian MacMichael 1946, itu tetap dikekalkan. Perjanjian tambahan boleh dibuat bagi menambah perkara-perkara yang dikehendaki oleh orang-orang Melayu. CO537/1529, Minit SS/CO kepada PM England.
46. CO537/1529, No. 218 - Records of Meeting held at the Presidency Penang on the 26th June 1946, between the Gabenor Jeneral, the Gabenor of Malayan Union and Dato' Onn and other Malay notables.
47. CO537/1530, Record of meeting held with Malay Rulers and leading Malays at King House on the 25th July 1946.
48. CO537/1531, Sultan Ab. Aziz Perak yang menjadi jurucakap Raja-raja Melayu telah memberitahu Lord March yang telah menulis pula kepada G. H. Hall pada 26.6.46.
49. Malcolm MacDonald pernah menulis surat terima kasih kerana Dato' Onn memberi sebakul ciku yang sangat manis yang sangat digemari oleh isterinya. MBJ 16/1948. Juga dapat dilihat di dalam *Community Liaison Committee* 1949 dan penubuhan LMP 1951. Tunku Ab. Rahman juga pernah mengatakan "bahawa semua orang tahu hubungan rapat Dato' Onn dan Malcolm Mac Donald" - *Malaya, Merdeka*, 1952.
50. Dato' Onn telah menggunakan alasan "bahawa jika MacMichael di dalam masa mengambil tandatangan sanggup berjumpa dengan Raja Johor, maka di dalam membuat tandatangan Perjanjian 1948, hal yang sama juga mesti dibuat oleh British. A. T. Neboult dan Dato' Onn menaiki helikopter dari Kuala Lumpur ke Johor

Bahru selepas Raja-raja Melayu menandatangani perjanjian PTM di Kuala Lumpur - MBJ 2/1948.

51. Syarat-syarat seperti: telah tinggal 8 tahun dari 12 tahun yang ditetapkan, atau 10 dari 15 tahun yang ditetapkan; atau mengangkat taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu, berkelakuan baik dan tahu bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Untuk keterangan lanjut lihat *Federation of Malay. Government Gazette Extraordinary Federal Government, published by Authority, Kuala Lumpur, Tuesday 1.2.49, 2-154*. Bahagian xii - Kerakyatan Persekutuan. 73.

52. Federation of Malaya. *Proceeding of Federal Legislative Council*, 1948. "The Present Emergency", 19.5.49, 23-37.

53. Lawatan ini sebenarnya bertujuan untuk menyelesaikan masalah Sultan Ibrahim dengan dua kekandanya Tengku Abu Bakar berkenaan harta pusaka. Oleh itu pemergian Dato' Onn telah dibiayai oleh Sultan Ibrahim. Sejauh mana masalah Sultan Ibrahim dan anaknya itu tidak dapat diketahui kerana tidak ada dokumen yang jelas. Apa yang ketara ialah Dato' Onn dengan itu telah menggunakan lawatan itu untuk tujuan politik.

54. *Malay Mail*, 10.10.48.

55. *Straits Times*, 21.10.48.

56. *Straits Times*, 21.10.48.

57. *Malay Mail*, 11.11.48.

58. Ibid.

59. Ibid.

60. CO257/6020.

61. *Indian Daily Mail*, 25.10.48.

62. *Malay Mail*, 11.11.48.

63. Di dalam hal pelantikan Menteri Besar itu. (Kesatuan Melayu Kedah) dan Saberkas tidak bersetuju dengan Hj. Mohd. Shariff; mereka memasaloktan Tengku Ismail. *Utusan Melayu*, 25.12.47 dan *Malayan Tribune* 12.12.47. di dalam kes angkat sumpah, kedua pertubuhan itu juga tidak bersetuju dengan perkataan-perkataan yang digunakan (SUK 324/67). Di dalam hal pendrafan perlembagaan negeri 1948, kedua pertubuhan itu juga membantah kerana mereka tidak dijemput sedangkan negeri-negeri lain menjemput wakil-wakil UMNO.

64. Persetujuan itu dicapai di dalam mesyuarat di antara Raja-raja Melayu sehari sebelum mesyuarat rasmi dijalankan iaitu 16 Jun 1949. CO537/490.

65. Dato' Onn telah berunding dengan mereka sebaik-baik sahaja beliau baliu dari England. Surat Henry Gurney kepada SS/CO 23.2.48. CO537/6020.

66. *Malay Mail*, 27.8.49. Di dalam ucapan Dato' Onn di Butterworth pada 27 Ogos 1949, beliau mengatakan: "The days of feudal rule are over. We are in the age of democratic and constitutional rule. We shall not tolerate and repression of our country..."
67. Sultan Ibrahim mengatakan kesalnya dengan sikap Dato' Onn bertengkar dengan Raja-raja Melayu kepada SS/CO melalui suratnya bertarikh 17.9.49. Suratnya meminta maaf kepada Sultan Kedah pada 27.9.49. CO537.4790.
68. *Straits Times*, 29.5.49.
69. *Straits Echo*, 4.6.49.
70. *Malayan Tribune*, 25.9.49.
71. *Malayan Tribune*, 25.9.49.
72. *Straits Times*, 12.6.49. CO537/4790.
73. *Straits Times*, 22.7.50. CO537/4790. Laporan Politik Mingguan FMS. *Malayan Tribune*, 3.8.49. *Straits Echo*, 26.8.49. UMNO/SEL, 4/51.
74. *Straits Times*, 21.11.50.
75. Statement by Communities Liaison Committee, UMNO/KL 1950. CO537/6018. Laporan Commissioner General, Sir Malcolm MacDonald, kepada SS/CO, 52928/17, bertarikh 7.1.50.
76. CO537/6020. Federation of Malaya. Political Report for May 1950.
77. UMNO/KL 7/51.
78. *UMNO 10 Tabun*, 77.
79. Lihat ucapan terakhir Dato' Onn sewaktu meninggalkan UMNO dalam *UMNO 10 Tabun*, 71-78.
80. 9 buah jawatan telah dibentuk iaitu ahli, Hal-Ehwal Dalam negeri, ahli, Hal-Ehwal Ekonomi, ahli Pendidikan, ahli, Kesihatan dan kebajikan Sosial, ahli, Pertanian dan Perhutanan, ahli, Perhubungan, ahli, Keretapi dan Pelabuhan, ahli, Tanah Perlombongan dan Ukur dan Survey, ahli Buruh, ahli, Kerja-kerja Awam. CO537/6026. Ia telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 24 September 1950. *Proceedings of Federal Legislative Council, 1949-1950*. (Kuala Lumpur: Government Printer, 1950), 24.9.50, 625.
81. *Federation of Malaya Council Paper No. 10 of 1951*.
82. Di dalam pertanian ini pula, 42 projek untuk padi, 9 projek untuk getah dan 14 projek untuk kelapa kering.
83. Seperti Persekutuan Syarikat Kerjasama Perlis Syarikat Kerjasam Pengguna Kota Kuala Muda. Untuk keterangan lanjut lihat laporan-laporan RIDA dalam tahun 1952-1954 yang dikeluarkan sebagai kertas FLC.

84. Laporan RIDA no. 7, 1954.
85. Dr. Snodgrass, *Inequality and Economic Development in Malaya*, East Asian Social Science Monograph, OUP, Kuala Lumpur, 1980, membincangkan hal ini dengan nyata.
86. Thio Chan Bee, op. cit., 96. Makan malam itu telah diadakan secara sulit oleh Dato' Onn pada 29.12.48. Dr. Thio Chan Bee tidak menerangkan siapakah tokoh-tokoh yang hadir.
87. Tan Cheng Lock Papers - TCL/V148 - surat Tan Cheng Lock kepada Sir George Maxwell, 12.7.51.
88. R. K. Vasil, Politics in Plural Society, 56. R. Ramani yang ditemui ramah oleh Vasil tidak memberikan sebab-sebab keengganan MCA Selangor, UMNO di dalam pengisytiharan sebelum kerjasama itu telah meletakkan 6 calon. 3 di Ward Sentul, 2 di Ward Bangsar dan Satu di Ward Imbi. Dengan kerjasama itu MCA diberi 6 kerusi dan UMNO 5 kerusi. *Straits Times*, 9.1.52. Temu ramah dengan Datin Puteh Mariah, Disember 1974. Akibat hal ini Datin Mariah tidak lagi aktif di dalam UMNO sehingga hari ini, walaupun beliau adalah penggerak Kaum Ibu UMNO yang asal dan menjadi Ketua Jabatan Kaum Ibu UMNO yang pertama. Lihat juga Heng Peck Hoon, "The Development of the Malayan Chinese Associations", Ph.D Thesis, SOAS, University of London, 1948, 244.
89. UMNO/SG tidak bernombor salinan ucapan Dato' Onn bertarikh 13.4.53.
90. A. Rajeswary, *The Indian Minority and Political Change in Malaya*, (Kuala Lumpur: OUP, 1981), 186.
91. Lain-lain anggota jawatankuasa termasuklah Dato' Naning, EEC Thuraisingham, V. M. N. Menon, B. H. Tan, Gopal Raj, G. Shelley, R. Ramani, Lai Kai Joo, M. S. Mendis, Datin Puteh Mariah, Dato' Zainal Abidin, Tuan Haji Ahmad Fuad dan Baba Ludek. Dato' Onn tidak menjadi Presiden PN kerana mahu mengelakkan propaganda yang banyak terhadapnya.
92. *Negara* No. 2, September 1954, 7.
93. *Warta Negara*, 6.2.55.
94. Temu ramah Haji Anuar, 2.9.82.
95. Dato' Onn hanya dapat 2802 undi, Sulaiman Ab. Rahman mendapat 8745 undi. Ini berlaku kerana perselisihan Sulaiman dan Dato' Onn tentang krisis menurunkan Sultan Johor oleh "Orang Tujuh" dalam tahun 1946.
96. Temu ramah Haji Anwar, 2.9.82.
97. G. P. Means, op. cit., 173.

98. *Kritik*, 24.11.46.
99. *Kritik*, 25.11.56, *Kritik*, 16.1.57.
100. *Kritik*, 23.1.57.
101. *Kritik*, 10.2.56.
102. G. P. Means, op. cit., 177.
103. Dato' Onn kalah dengan kekurangan 6,556 undi.
104. Mereka ialah Wan Daud, Haji Mutalib, Ismail Abbas dan Mohamed Ab. Rahman.
105. Temu ramah Haji Muda Haji Abdullah, 18.11.52. Ismail Ibrahim, "Kejatuhan Kerajaan PAS di Terengganu", Latihan ilmiah, Universiti Malaya, 1981/82. Temu ramah Dato' Salleh, 15.11.82.
106. *Warta Negara*, 18.2.59.
107. Ahmad Boestamam, op. cit. Sebagai ketua pembangkang beliau mewakili anggota pembangkang di dalam memberi ucapan-ucapan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong, ucapan pembukaan parlimen, ucapan takziah kepada kematian tokoh-tokoh kerajaan.
108. Dewan Rakyat 1960, "Nationality of Persekutuan Tanah Melayu", 2.12.1960, 3177.
109. Ibid., 3196-3198.
110. Ibid., 5508-5510.
111. Ucapan Tunku Ab. Rahman dalam motion - Death of Dato' Onn bin Jaafar, D.K., D.P.M.J. 22.1.62 dalam Dewan Rakyat parliamentary Debates, Vol. II, hlm. 3407-15. Ucapan Ahmad Boestamam, Ibid., 3420. Ucapan Hajjah Zainon Sulaiman, Ibid., 3422.
112. Victor Morais, Hussein Onn, *A tryst with Destiny*, (Singapore: Times Book International, 1981), 31.

P. RAMLEE

Oleh

Anuar Nor Arai

P. RAMLEE (1928-1973) (menurut surat daftar beranaknya namanya ialah Ramlee bin Puteh) adalah seorang pencipta lagu, pemain muzik, penyanyi, pelakon, pelawak dan pengarah filem Melayu.

P. Ramlee dilahirkan di Pulau Pinang pada 21.3.1928. Beliau mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Melayu, Kampung Jawa, Pulau Pinang (1935) hingga tamat kelas empat, kemudian melanjutkan pendidikannya di Francis Light School, di Perak Road, Pulau Pinang (1939) hingga ke kelas lima, dan melanjutkan lagi pendidikan di Penang Free School, di Green Lane, Pulau Pinang. Pecahnya Perang Dunia Kedua menyebabkan P. Ramlee terpaksa berhenti sekolah. Di waktu pendudukan Jepun, beliau bekerja sebagai *peon* di sebuah kilang timah di Pulau Pinang, dan di samping itu beliau menjadi jurubahasa sambilan majikannya. Kemudian dia berhenti kerja dan memasuki Sekolah Angkatan Tentera (*Kaigun*), selanjutnya menjadi pelatih kader-kader baru. Bila Penang Free School dibuka semula selepas perang ia masuk sekolah semula tetapi minatnya untuk belajar sudah tidak ada.

Latar Belakang Keluarga

Ayah P. Ramlee ialah Teuku Nyak Puteh, berasal dari sebuah mukim *didekat* Chunda, Utara Sumatera. Beliau sampai ke Pulau Pinang untuk mengadu nasibnya di perantauan sebagai kelasi; dan berkahwin dengan Cik Mah, seorang janda Arab berbangsa Melayu.

Zaman Remaja

P. Ramlee menunjukkan minat dan bakatnya dalam lapangan muzik dan nyanyian sejak bekerja di Sekolah Angkatan Tentera (*Kaigun*). Beliau berminat mendengar lagu-lagu Jepun dan Melayu. Ia mula belajar muzik dengan Encik Kamaruddin. Beliau mempunyai pancaragamnya sendiri bernama *Teruna Sekampung* dan pada tahun 1947 beliau menyertai peraduan menyanyi dan mendapat gelaran Bintang Penyanyi Utara Malaya. Pada tahun 1948, P. Ramlee menyanyikan lagu ciptaannya sendiri berjudul *Azizah* di Pertunjukan Tanaman Melayu, dan mendapat perhatian khas dari B.S. Rajhans yang jadi *talent scout* untuk Shaw Brothers di Singapura. Sebagai

pengarah filem, B.S. Rajhans menawarkan P. Ramlee untuk diuji bakat di Singapura.

Zaman Awal dalam Perfileman

P. Ramlee berangkat ke Singapura pada 8 Ogos 1948 dengan temannya bernama Sukardi atas jemputan Shaw Brothers untuk diuji bakat di studio itu. Di studio Jalan Ampas, Singapura inilah P. Ramlee bertemu dan berkenalan dengan seniman-seniwati utama studio itu seperti S. Roomai Noor, Daeng Harris, Jaafar Wario, Ahmad C.B., Siput Sarawak, Kasmah Booty, Osman Gumanti dan Neng Yatimah.

Pasangan bintang filem popular di Studio Shaw zaman itu ialah S. Roomai Noor dan Siput Sarawak. P. Ramlee berlakon dalam filem pertamanya bertajuk *Cinta* (1948, arahan B.S. Rajhans) sebagai penjahat. Dalam filem ini ia juga bekerja sebagai *clapstick boy* dan penyanyi *playback*. S. Roomai Noor dan Siput Sarawak memegang peranan utama.

Antara tahun-tahun 1948 hingga tahun 1955, P. Ramlee berlakon dalam 24 buah filem: iaitu *Cinta* (1948), arahan B.S. Rajhans bersama-sama S. Roomai Omar dan Siput Sarawak; *Noor Asmara* (1949, arahan B.S. Rajhans) berlakon sebagai pelawak bersama-sama D. Harris; *Nasib* (1949, arahan B.S. Rajhans) bersama-sama D. Harris sebagai badut, S. Roomai Noor dan Siput Sarawak; *Nilam* (1949, arahan B.S. Rajhans) bersama-sama S. Roomai Noor dan Siput Sarawak. Dalam filem *Noor Asmara*, *Nasib*, dan *Nilam*, selain daripada berlakon sebagai penjahat P. Ramlee adalah penyanyi *playback* dan penjaga *continuity*.

P. Ramlee berlakon pula di samping Osman Gumanti¹ dan Kasmah Booty dalam filem *Racun Dunia* (1950, arahan B.S. Rajhans). Peranan utama dipegangnya bagi pertama kalinya ialah dalam filem *Bakti* (1950, arahan L. Krishnan) bersama-sama Kasmah Booty, dan pasangan S. Roomai Noor dan Siput Sarawak sebagai penjahat.

Zaman awal dalam dunia perfileman ini bukanlah mudah bagi P. Ramlee. Selain daripada menghadapi "kekhuatiran hatinya"² berdepan dengan seniman-seniman dan seniwati-seniwati popular seperti S. Roomai Noor, Osman Gumanti, Siput Sarawak, Kasmah Booty, Neng Yatimah - P. Ramlee merasakan "kengerian"³ mendengar penghinaan-penghinaan terhadap kemampuannya sebagai pelakon. Hal ini dialami oleh P. Ramlee selepas

diberi peranan utama di samping Neng Yatimah dalam filem *Takdir Ilabi* (1950), arahan L. Krishnan.

Beliau terus berlakon dalam filem *Aloba* (1950, arahan B.S. Rajhans), *Penghidupan* (1951, arahan L. Krishnan), *Sejoli* (1951, arahan B.S. Rajhans), *Juwita* (1951, arahan S. Ramanathan), *Antara Senyum dan Tangis* (1952, arahan L. Krishnan), *Sedarab* (1952, arahan S. Ramanathan), *Patah Hati* (1952, arahan K.M. Basker), *Miskin* (1952, arahan K.M. Basker), *Anjoran Navib* (1952, arahan B.S. Rajhans), *Putus Harapan* (1953, arahan B.N. Rao), *Ibu* (1953, arahan S. Ramanathan), *Hujan Panas* (1953, arahan B.N. Rao), *Siapa Salab* (1953, arahan B.N. Rao), *Panggilan Pulau* (1954, arahan S. Ramanathan), *Perjodohan* (1954, arahan B.N. Rao), *Merana* (1954, arahan B.N. Rao), dan *Abu Hassan Pencuri* (1955, arahan B.N. Rao).

Menganggur antara 1950 dan 1951

Pada tahun 1950, selepas menyelesaikan filem *Takdir Ilabi*, P. Ramlee tamat kontraknya dengan *Studio Malay Film Productions*.⁴ "Beliau tidak dapat melanjutkan kontraknya dengan *Studio Malay Film Productions* kerana gaji yang diminta olehnya tidak dapat dipenuhi oleh Studio itu. Gaji yang diminta oleh Ramlee pada waktu itu tidak sampai angka dua ratus ringgit."⁵

Ketika bergelandangan inilah "P. Ramlee bercita-cita untuk menjadi keluarga *Nuwantara Film Company*".⁶ tetapi maksudnya telah dihalangi oleh Osman Gumanti, dengan melarang pengusaha perusahaan filem itu agar jangan terima P. Ramlee.⁷ Hal ini menyebabkan terjadinya permusuhan antara Osman Gumanti dan P. Ramlee.

P. Ramlee menyertai wayang bangsawan Pak Hashim di *New World* dengan bermain *violin* tetapi tidak mendapat bayaran yang lumayan kerana wayang bangsawan tidak mendapat sambutan lagi pada ketika itu.

Pada tahun 1951 ketika peristiwa Bertha Hertog (atau Nadrah) meletus, P. Ramlee berpindah ke Johor Bahru. Ketika di Johor Bahru P. Ramlee mendapat bayaran *bonorarium* piring-piring hitam nyanyiannya. T. Hemsley membayar P. Ramlee sebanyak \$3,000.

Ketika di Johor Bahru jugalah Haji Mahadi⁸ menelefon P. Ramlee kerana ada tawaran berlakon dalam filem *Penghidupan* (1951). Dia mengikat

kontrak baru dengan *Malay Film Productions*, dan berlakon sebagai bero bersama-sama Rukiah.

Perkahwinan

P. Ramlee berkahwin dengan pelakon filem Junaidah, anak perempuan Daeng Harris pada tahun 1950, dan mendapat anak diberi nama Mohamad Natsir. Ketika itu Junaidah diikat kontrak oleh *Nusantara Film Company*. Sebagai pelakon filem yang terkenal, P. Ramlee menghadapi banyak fitnah sehingga berlaku perceraian dengan Junaidah. Apabila fitnah-fitnah itu dibuktikan tidak benar mereka bernikah semula. Tetapi akhirnya P. Ramlee dan Junaidah bercerai juga. Pada 6.2.1955 P. Ramlee berkahwin dengan Norizan - bekas permaisuri Sultan Perak, dan bercerai juga. Pada tahun 1961 P. Ramlee berkahwin pula dengan Saloma.⁹

P. Ramlee sebagai Pengarah Filem

Anak Melayu yang pertama diberikan peluang mengarahkan filem ialah A.R. Tompel pada tahun 1950 dengan filemnya berjudul *Sesal Tak Sudah* di bawah keluaran *Nusantara Filem Company*. Pada tahun 1952, A.R. Tompel mengarahkan pula filem *Norma*, dan *Seneati*, kedua-duanya keluaran *Nusantara Filem Company*. Haji Mahadi dari *Shaw Brothers* mengarahkan filem pertamanya *Permata di Perlimbahan* pada tahun 1952.

Pada tahun 1955 di *Shaw Brothers*, P. Ramlee diberikan kepercayaan mengarahkan filem. Run Run Shaw sendiri membaharukan kontrak P. Ramlee untuk memulakan tugasnya sebagai pengarah filem. Peluang ini tidak datang dengan mudah kepada P. Ramlee. Orang yang mencetuskan cadangan ini secara diam-diam ialah Jaafar Abdullah.¹⁰ Jaafar Abdullah telah menulis sepucuk surat kepada Run Run Shaw mencadangkan P. Ramlee diberi kesempatan mengarahkan filem. Run Run Shaw tidak yakin dengan cadangan itu, tetapi akhirnya menerima cadangan Jaafar Abdullah itu.

Perintis Filem Melayu

Filem arahan pertama P. Ramlee iaitu *Penarek Beeba* (Shaw, 1955) mendapat sambutan yang hebat daripada penonton. Menurut Abdullah Hussain,

... kitapun tak lepas daripada tekanan emosi sehingga mengeluarkan air mata kerana kejadian-kejadian yang sedih, akibat daripada pertengahan kasta hidup cerita filem *Penarek Beeba* ini adalah satu khayalan, yang oleh pengarangnya ingin diketengahkan kepada masyarakat, di mana sebahagian orang yang masih memandang harta kekayaan itu lebih utama daripada budi bahasa yang baik.¹¹

Kejayaan filem *Penarek Beeba* memberikan P. Ramlee pengiktirafan yang amat tinggi. Dia dipilih sebagai Pengarah Terbaik, dan filemnya menjadi filem terbaik bagi tahun 1955. Filemnya ini dipertandingkan bersama-sama dengan pencalonan-pencalonan lain iaitu L. Krishnan untuk filem *Kaseb Menumpang*, tetapi *Penarek Beeba* menang dengan lebihan undi sebanyak 2,500.¹² Filem *Kipa Hikmat* (Shaw, 1955) arahan S. Ramanathan, dan *Merana* (Shaw, 1954) arahan B.N. Rao kalah lebih daripada 5,000 undi. *Utusan Filem dan Sport* menyatakan:

P. Ramlee terpilih sebagai pengarah yang terbaik, kerana filemnya *Penarek Beeba* terpilih sebagai filem yang terbaik dalam tahun 1955 dan sekarang, siapakah dapat mengatakan bahawa orang Melayu tidak layak mengarahkan filem¹³

Sebelum P. Ramlee diangkat sebagai pengarah filem pada tahun 1955, *Shaw Brothers* hanya yakin kepada pengarah-pengarah keturunan India yang dibawa masuk dari India. Pengarah-pengarah keturunan India antara tahun-tahun 1938-1960 ialah: B.S. Rajhans, L. Krishnan, S. Ramanathan, K.M. Basker, B.N. Rao, V. Girmijiy, K.R.S. Sastry, Phani Majumdar, Dhiresh Ghosh, dan Kidar Sharma.¹⁴

Pada umumnya filem-filem Melayu arahan pengarah-pengarah India ini adalah *an amorphous mass of love-song-dance films* yang memperkatakan tentang kesenduan hidup yang melarat dan menimba air mata akibat percintaan, perkahwinan yang tidak direstui, konflik kasta dan kelas antara yang kaya dan miskin, pertentangan antara watak-watak baik dengan jahat yang akhirnya menemukan kebenaran pada pihak yang benar secara *sad-ending* atau *happy-ending* dalam urutan tragedi yang paling mudah difahami.¹⁵

Filem-filem Melayu zaman ini membuat andaian-andaan sosial dalam satu ruang lingkup kemanusiaan yang penuh klise sehingga manusia yang dibangunkan menjadi bahan sosial yang secara kebetulan adalah alat dedaktisme yang amat langsung. Pendeknya filem-filem zaman pengarah-pengarah India ini adalah *a pompous representation of life*. Filem-filem seperti *Menantu Derbaka* (Shaw, 1940) arahan B.S. Rajhans, *Bakti* (Shaw, 1950) arahan L. Krishnan, *Berdara* (Shaw, 1951) arahan S. Ramanathan, dan lain-lainnya adalah jenis dalam kategori ini.

P. Ramlee dengan filem arahan pertamanya iaitu *Penarek Becca* memperlihatkan keterikatan yang amat kuat pada bahan dan cara pengarahan pengarah-pengarah India ini.

Semerah Padi: Filem Melayu yang Pertama

Filem Melayu yang pertama dalam semangat, isi dan bentuknya ialah filem *Semerab Padi* (SB, 1956) arahan P. Ramlee. Filem ini mula memperlihatkan kemungkinan untuk bebas daripada tradisionalisme peniruan pada gaya dan isi (*to free itself from an imitative traditionalism in style and content*) filem-filem arahan B.S. Rajhans, L. Krishnan, S. Ramanathan, B.N. Rao, K.R. S. Sastry dan V. Girmijiy. Pada tahun 1956 ini filem *Semerab Padi* bolehlah dianggata *a rennaisance for the emergence of a real Malay film*.

Cerita yang diilhamkan oleh Omar Rojik¹⁶ ini menempatkan filem Melayu dan P. Ramlee sebagai pengarah filem yang berbakat besar. Seperti yang ditulis oleh Abdullah Hussain:

Biar bagaimanapun filem ini telah membawa satu nafas baharu, berlainan daripada apa yang pernah dihejarkan oleh pengarah-pengarah India untuk menjadi tontonan kita. Filem *Semerab Padi* adalah menjadi filem pembuka mata, tidak sahaja untuk penonton-penonton, tetapi juga untuk pengarah dan penerbitnya, yang lebih dahulu daripada itu selalu menitikberatkan kepada hiburan semata-mata, sehingga kebanyakannya diberi jiwa 'kemewahan' dan 'hiburan' penuh dengan nyanyian ala kehindustanan dan goyang-goyang punggung ala penari Amerika Selatan, sehingga tidak bermutu sama sekali.¹⁷

Filem *Semerab Padi*, walau bagaimanapun, masih menggunakan konvensi filem lagu-nyanyin-tarian-cinta tiga segi tetapi sudah berjaya

memperlihatkan kesungguhan yang besar untuk melahirkan gaya pengarahan P. Ramlee dan cara berfikir kumpulannya.

Cita-cita P. Ramlee ke Medan Antarabangsa di Hong Kong - 1963

Sekitar bulan Jun dan Julai 1963 P. Ramlee disebut-sebut akan bertolak ke Hong Kong bagi meningkatkan filem Melayu. Rancangan Shaw ini sebenarnya ialah untuk memberi peluang kepada P. Ramlee membuat filem-filem Melayu dalam bidang luas dan berwarna di sana.¹⁸

Berhubung dengan hal ini pengarah sezaman dengan P. Ramlee, Jamil Sulong¹⁹ menyatakan:

Bila produser-produser kami, iaitu Runme Shaw dan Run Run Shaw menyetujui cita-cita P. Ramlee membuat filem-filem Melayu yang berbelanja besar, berbidang besar berwarna-warni pula, di studio yang paling besar di Hong Kong, saya jangka kedua-dua produser kami itu menaruh sepenuh-penuh keyakinan terhadap filem-filem Melayu di masa depan.²⁰

P. Ramlee juga menaruh keyakinan besar untuk maju di Hong Kong. Dalam satu kenyataannya, beliau menyebutkan:

Saya akan menjadikan filem "Seniwati", iaitu persembahan jenis muzikal dan drama ini, sebagai satu hidangan layar perak yang sesuai untuk ditayangkan *around the globe*.²¹

Tetapi cita-cita P. Ramlee untuk berada di medan filem antarabangsa dengan membuat filem "Seniwati" di Hong Kong tidak jadi kenyataan. Sehingga September 1963 rancangan itu tidak juga bergerak. Menurut *Majalah Filem*:

Nampak-nampaknya rancangan-rancangan untuk menjayakan filem "Seniwati" di Hong Kong itu, masih belum dapat diteruskan dalam bulan ini, sebab soal-soal penting masih kusut dan belum tampak akan penyelesaiannya. Namun demikian P. Ramlee telahpun menyusun rancangannya, iaitu, jika sekiranya penggambaran filem "Seniwati" di Hong Kong itu, tergendala lagi, dia akan membuat cerita "Hidayah"...²²

Filem-filem Arahan P. Ramlee: 1955-1964 dan 1964-1972

P. Ramlee mengarahkan 16 buah filem semasa di Studio Shaw's *Malay Film Productions*, di Jalan Ampas, Singapura antara 1955-1964; dan mengarahkan 18 buah filem semasa di Studio Merdeka, Ulu Klang antara 1964-1972.

Filem-filem arahannya antara 1955-1964 ialah: *Penarek Bacba* (1955), *Semerab Padji* (1956), *Panca Delima* (1957), *Bujang Lapok* (1957), *Sumpah Orang Minyak* (1958), *Pendekar Bujang Lapok* (1959), *Musang Berjanggut* (1959), *Nujum Pak Belalang* (1959), *Antara Dua Darjat* (1960), *Ali Baba Bujang Lapok* (1961), *Seniman Bujang Lapok* (1961), *Ibu Mertua Ku* (1962), *Labu dan Labi* (1962), *Nasib Si Labu Labi* (1963), *Madu Tiga* (1964), dan *Tiga Abdul* (1964).²³

Filem-filem arahannya antara 1964-1972 di Studio Merdeka, Ulu Klang ialah: *Si Tora Harimau Jadian* (1964), *Ragam P. Ramlee* (1965), *Masam-masam Manis* (1965), *Sabaruuddin Tukang Kawut* (1966), *Do Re Mi* (1966), *Seudah Subuh* (1967), *Keluarga 69* (1967), *Anak Bapak* (1968), *Gerimis* (1968), *Abmaad Albab* (1968), *Kancban Tirana* (1969), *Dr. Ruwadi* (1970), *Gelora* (1970), *Putus Sudah Kaseb Sayang* (1971), *Jangan Tinggal Daku* (1971), dan *Laksamana Do Re Mi* (1972).

P. Ramlee menemui puncak kreativitinya sebagai pengarah filem antara tahun 1956 dan 1964. Dalam jangka masa lapan tahun ini beliau menghasilkan empat belas buah filem: empat buah dalam kategori *heavy drama* iaitu filem-filem *Semerab Padji* (1956), *Sumpah Orang Minyak* (1958), *Antara Dua Darjat* (1960), dan *Ibu Mertuaku* (1964); dalam kategori filem komedi P. Ramlee amat terkenal dengan empat siri *Bujang Lapok* iaitu *Bujing Lapok* (1957), *Pendekar Bujang Lapok* (1958), *Ali Baba Bujang Lapok* (1961), dan *Seniman Bujang Lapok* (1961), dan enam buah filem komedi yang lain iaitu *Musang Berjanggut* (1959), *Nujum Pak Belalang* (1959), *Labu dan Labi* (1962), *Nasib Si Labu Labi* (1963), *Tiga Abdul* (1964), dan *Madu Tiga* (1964).

Pada umumnya, P. Ramlee lebih dikenali sebagai pengarah filem. Sejak filem arahannya yang pertama iaitu *Penarek Bacba* (1965) di Studio Shaw Brothers di Jalan Ampas, Singapura hingga kepada filem terakhirnya di Studio Merdeka, Ulu Klang iaitu filem *Laksamana Do Re Mi* (1972), beliau telah mengalami zaman turun naik yang nyata. Bolehlah dikatakan zaman Jalan Ampas, Singapura sejak daripada filem lakonannya yang pertama iaitu *Cinta* (1948) hingga kepada filem *Madu Tiga* (1964), adalah zaman gemilang filem Melayu. Zaman kegemilangan ini adalah zaman

kegemilangan P. Ramlee. Tetapi sejak dia berpindah ke Studio Merdeka pada tahun 1964 dengan filem pertamanya di sini iaitu *Si Tora Harimau Jadian* (1964) hingga kepada filem terakhinya *Laksamana Do Re Mi* (1972), tanda-tanda krisis perfileman Melayu di Jalan Ampas dan Studio Shaw Brothers tidak dapat diselesaikan oleh seniman ini sendiri. Zaman Studio Merdeka adalah zaman kemerosotan dunia filem Melayu dan menandakan kesannya yang buruk sehingga akhir tahun 1970-an.

Dunia perfileman adalah dunia P. Ramlee. Sebagai tokoh yang nyata hadir di tengah-tengah seni popular ini, beliau telah mengalami kenyataan seni yang amat rumit. Sebagai pekerja seni yang gigih, dan memahami kehendak masyarakatnya terhadap filem, P. Ramlee cuba mengemukakan semula formula Jalan Ampas di Ulu Klang tetapi tetap menemui kegagalan. *Heavy drama* seperti *Semerab Padi*, *Antara Dua Darjah*, dan *Ibu Mertuaku* yang dihasilkan di Jalan Ampas cuba diusahakan oleh P. Ramlee semula di Hulu Kelang dengan filem-filem *Sesudah Subub*, *Gerimis*, dan *Dr. Ruwabdi* tetapi kemalapan perfileman Melayu tidak juga dapat memberikan kesan kegemilangan Jalan Ampas itu. Begitu juga filem-filem komedi yang amat berjaya di bawah arahannya ketika di Jalan Ampas seperti siri *Bujang Lapok*, *Muwang Berjanggut*, *Nujum Pak Belalang*, *Madu Tiga*, dan *Tiga Abdul* tidak dapat mengangkat semula kegemilangan filem-filem komedi Melayu dengan filem-filem *Masam-masam Manis*, *Do Re Mi*, dan *Laksamana Do Re Mi* di Ulu Klang.

Anugerah Oskar dan Bintang

P. Ramlee pernah memenangi dua *special awards* untuk filem komedinya yang terbaik iaitu *Nujum Pak Belalang* dan *Pendekar Bujang Lapok*. Ia juga memenangi sebuah oskar *Subsidary Award* untuk filem komedi terbaik bagi filem *Madu Tiga*.

Bagi filem dramatiknya pula, *Ibu Mertuaku* menggondol hadiah *Golden Harvest Award*. Dalam filem ini P. Ramlee telah dianugerah sebagai *Most Versatile Talent* - bakat yang amat cekap dalam berbagai-bagai lapangan.

Filem *Pendekar Bujang Lapok* dimenanginya di Kuala Lumpur semasa Pesta Filem Asia di sini dalam tahun 1959. Filem *Nujum Pak Belalang* dimemanginya di Tokyo dalam tahun 1960. *Ibu Mertuaku* dan *Madu Tiga* masing-masing dimenanginya di Tokyo dan di Taipei dalam tahun-tahun 1963 dan 1964.

P. Ramlee

Filem *Hang Tuah* dan *Anakku Sazali* pula dimenanginya semasa Pesta Filem Asia diadakan di Hong Kong dalam tahun 1956 dan di Tokyo pada tahun 1957.²⁴

P. Ramlee dianugerahkan bintang Ahli Mangku Negara pada tahun 1962. Berikutnya dianugerahkan bintang yang membawa gelaran Tan Sri.

Nota

1. Lihat Abdullah Hussain. *P. Ramlee: Kisah Hidup Seniman Agung*. (Kuala Lumpur: Utusan Melayu Bhd., 1973), 44.
2. Ibid., 45.
3. Ibid.
4. Ibid., 48.
5. Ibid.
6. Ibid., 49.
7. Ibid.
8. Haji Mahadi adalah pengarah filem Melayu yang pertama di Studio Shaws Malay Film Productions. Beliau mengarahkan filem *Permata di Perlumbahan* pada tahun 1952.
9. Saloma (Salmah Ismail) adalah penyanyi piring hitam yang terkenal sezaman dengan P. Ramlee.
10. Jaafar Abdullah adalah pegawai di Studio Shaws dan penerbit dan pengarang *Majalah Filem* sejak mula diterbitkan dalam tahun 1960. Lihat Abdullah Hussain 118 untuk penerangan lanjut pertemuan Jaafar Abdullah dengan pihak produser Shaw Brothers.
11. Abdullah Hussain, 122.
12. Dari pilihan para pembaca *Utusan Filem dan Sport*, Lihat Abdullah Hussain, 125.
13. Ibid., 126.
14. B. S. Rajhans mengarahkan filem *Laila Majnun* (Motilal Chemical Co., 1938), *Menantu Derbaka* (Tan & Wong Co., 1940), *Mutiara* (SB, 1940), *Ibu Tiri* (SB, 1940), *Tiga Kekasib* (SB, 1940), *Topeng Sbaitan* (SB 1940), *Terang Bulan di Malaya* (SB 1940), *Mata Hantu* (SB, 1942), *Singapura di Waktu Malam* (SB 1947), *Seruan Merdeka* (SB 1947), *Cempaka* (SB, 1947), *Pisau Beracun* (SB, 1948), *Cinta* (SB, 1948), *Noor Asmaru* (SB, 1949), *Nasib* (SB, 1949), *Nilam* (SB, 1949), *Racun Dunia* (SB, 1960), *Dewi Murni* (SB, 1950), *Aloba* (SB, 1950), *Sejoli* (SB, 1951), *Sborga Dunia* (SB, 1951), *Aladin* (SB, 1952), *Gadis Peladang* (SB, 1962), *Anjoran Nasib* (SB, 1952), *Yatum Piatu* (SB, 1952), *Raja Sebari* (SB, 1953), *Dablia* (Cathay Kris, 1953), *Empat Isteri* (SB, 1955).
15. Krishnan mengarahkan filem *Bakti* (SB, 1950), *Takdir Ilabi* (SB, 1950), *Pembalasan* (SB, 1950), *Penghidupan* (SB, 1951), *Lupa Daratan* (SB, 1952), *Antara Senyum dan Tangis* (SB, 1952), *Tas Tangan Wanita* (SB, 1952), *Azan* (Cathay Kris,

1956), *Bunga Tanjong* (Cathay Kris, 1966), *Tangisan Ibu* (Cathay Kris, 1957), *Raden Mas* (Cathay Kris, 1957), *Ikan Emas* (Cathay Kris, 1958), *Duka Nestapa* (Cathay Kris, 1958), dan *Fajar Menyinwing* (Merdeka Film Prod. 1963).

S. Ramanathan mengarahkan filem *Kembar* (SB, 1950), *Berdosa* (SB, 1951), *Pulau Mutiara* (SB, 1951), *Juwita* (SB, 1951), *Manusia* (SB, 1951) *Matabari* (SB, 1951), *Jiwa Lara* (SB, 1952), *Sedarab* (SB, 1952), *Ibu* (SB, 1952) *Sengsara* (SB, 1953), *Cbemburu* (SB, 1953), *Panggilan Pulau* (SB, 1954), *Kecewa* (SB, 1954), *Jawa* (SB, 1954), *Kipas Hikmat* (SB, 1955), *Jubah Hitam* (SB, 55), *Bernoda* (SB, 1955), *Keluarga* (SB, 1956), *Belantara* (SB, 1957).

K.M. Basker mengarahkan filem *Bapa Saya* (SB, 1951), *Miskin* (SB, 1952), *Patah Hati* (SB, 1952), *Haji Iblis* (SB, 1953), *Ayer Mata* (SB, 1953), *Mangsa* (SB, 1953), *Pawang* (SB, 1964), *Menyerab* (SB, 1966), *Penchuri* (SB, 1956), *Ribot* (SB, 1956), *Keadilan Ilabi* (SB, 1956), *Anakku Sazali* (SB, 1956), *Putera Bertopeng* (SB, 1957), *Mogok* (SB, 1957), dan *Hantu Jerangkong* (SB, 1957).

B.N. Rao mengarahkan filem *Putus Harapan* (SB, 1953), *Hujan Panas* (SB, 1953), *Siapa Salab* (SB, 1953), *Gelora Hidup* (SB, 1954), *Perjodoban* (SB, 1954), *Merana* (SB, 1954), *Abu Hassan Penchuri* (SB, 1955), *Rob Membela* (SB, 1956), *Adek Ku* (SB, 1956), *Cbempaka Biru* (SB, 1958), *Yatum Mustapa* (Cathay Kris, 1958), *Selendang Delima* (Cathay Kris, 1958), *Selamat Hari Raya* (Cathay Kris, 1960), *Mabsuri* (Cathay Kris, 1961).

V. Girmijy mengarahkan filem *Lutana Impian* (SB, 1953), dan *Arjuna* (SB, 1953).

K.R.S. Sastry mengarahkan filem *Kerana Kau* (SB, 1953), dan *Iman* (SB, 1954).

Dhiresh Ghosh mengarahkan filem *Gergasi* (SB, 1958), *Dandan Setia* (SB, 1959), *Puteri Gunong Banang* (SB, 1959), *Megat Terawis* (SB, 1960), *Putera Sangkar Maut* (SB, 1960), *Indera Bangsawan* (SB, 1961), *Mas Merab* (SB, 1961), *Nordela* (SB, 1962), *Siti Muslibat* (SB, 1962), *Bumiputera* (Merdeka Film Prof. 1965), *Dajal Sucbi* (Merdeka Film Prod. 1965), *Gadis Langkawi* (Merdeka Film Prod. 1966), *Neracba* (SB, 1963), dan *Korban* (SB, 1963).

Kidar Sharma mengarahkan filem *Kaki Kuda* (SB, 1958).

15. Sebagai contoh filem *Ayer Mata* (SB, 1953) arahan K. M. Basker menceritakan tentang sepasang muda mudi yang kecewa kerana cinta mereka yang suci murni dihalang oleh keluarga kerana kemiskinan dan kahwin paksa dari golongan tua.

16. Omar Rojik ialah pelakon dan pengarah filem di Shaw Brothers. Filem-filem yang diarahkannya antara tahun 1960 dan 1966 ialah: *Sumpah Wanita* (SB, 1960), *Pertarungan* (SB, 1960), *Panji Semerang* (SB, 1961), *Singapura Dilanggar Todak* (SB, 1962), *Batu Durbaka* (SB, 1962), *Kaseb Tanpa Sayang* (SB, 1963), *Pileb Menantu*

- (SB, 1963). *Jeritan Batbin* (SB, 1960). *Sayang Si Buta* (SB, 1965). *Taqdir* (SB, 1965). *Datbaga* (SB, 1966). *Aksi Kucbing* (SB, 1966).
17. Abdullah Hussain, 134.
 18. Lihat *Majalah Filem*, Bil. 40 Julai 1963, 1.
 19. Jamil Sulong ialah pengarah filem di Shaw Brothers. Filem arahannya yang pertama ialah *Batu Belab Batu Bertangkup* (SB, 1959). Antara 1959 dan 1967 Jamil Sulong mengarahkan 16 buah filem iaitu *Raja Lakamana Bentan* (SB, 1959). *Lela Manja* (SB, 1960). *Li Neraka* (SB, 1960). *Sri Tanjong* (SB, 1961). *Si Tanggang* (SB, 1961). *Labalang Daik* (SB, 1962). *Gerbara* (SB, 1962). *Darab Muda* (SB, 1963). *Budi dan Doa* (SB, 1963). *Mambang Moden* (SB, 1964). *Bidawari* (SB, 1961). *Dayang Senandong* (SB, 1965). *Kacba Permata* (SB, 1966). *Gerak Kilat* (SB, 1966). *Jebak Matut* (SB, 1967).
 20. *Majalah Filem* Bil. 40, Julai 1963, 7.
 21. Ibid., 7.
 22. Lihat *Majalah Filem*, Bil. 43, September 1963, 1. Skrip "Hidayah" juga tidak difilemkan oleh P. Ramlee.
 23. Lihat senarai *Filem-filem Shaw Organization*, FINAS.
 24. Lihat Lampiran III dalam Omar Abdullah, *Filem-filem P. Ramlee 1948-1972: Satu Penilaian*, tesis B.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1979, 139-140.

SULTAN ABU BAKAR, JOHOR

Oleh


Mohd. Sarim Hj. Mustajab

Sultan Abu Bakar dilahirkan pada 3 Februari 1833 di tengah-tengah kerancakan persaingan kuasa-kuasa Eropah yang mencari tempat dan peluang perdagangan di Singapura mahupun di Kepulauan Melayu yang lain. Ayahandanya Temenggung Daing Ibrahim atau Daing Rongkek (1811-1862) adalah anak kepada Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja yang mati pada tahun 1825. Salasilah keturunan Temenggung Abdul Rahman boleh digalurkan melalui ayahandanya Daing Kecil. Tidak begitu jelas mengapa Daing Kecil tidak menjadi Temenggung, bagaimanapun ayahandanya, Temenggung Abdul Jamal (m. 1765) adalah berasal dari jurai keturunan keluarga Bendahara Tun Abbas, iaitu anakanda kepada Sultan Abdul Jalil.

Semasa berlaku krisis politik dalam Empayar Johor yang berpusat di Riau-Lingga, Temenggung Abdul Rahman dikatakan menjadi penyokong utama kepada Tengku Long atau Tengku Hussein, putera sulung kepada Sultan Mahmud, daripada isterinya yang pertama bernama Encik (Cik) Makoh, anak Bugis Daing Maturang. Mengikut *Tubfat al-Nafis*, pada masa mangkatnya Sultan Mahmud, Yam Tuan Muda Riau, iaitu Raja Jaafar, telah mengisyiharkan anak Sultan Mahmud yang bernama Tengku Abdul Rahman, yang masih muda, untuk menjadi Sultan Johor yang baru. Pelantikan itu dibuat atas alasan bahawa beliau telah mendapat wasiat dari Sultan Mahmud agar Tengku Abdul Rahman dilantik menjadi Sultan. Pelantikan itu tidak dipersetujui oleh Temenggung, Bendahara dan Tengku Hussein sendiri. Pada waktu itu (1812) Tengku Hussein (Tengku Long) berada di Pahang untuk berkahwin dengan anak Bendahara Pahang.

Dalam kekecohan krisis politik di Riau itu, maka Temenggung Abdul Rahman, mengambil keputusan untuk berhijrah ke Singapura dan membuka kawasan di Kampung Gelas. Turut sama ialah pengikut-pengikutnya dari Riau. Pada bulan Januari 1819 Temenggung Abdul Rahman menandatangani perjanjian dengan Stamford Raffles dan Farquhar untuk menyerahkan Singapura kepada British dan membenarkan British membuka loji di Singapura. Tengku Hussein dimasyhurkan sebagai Yang Di Pertuan Selat, di samping itu Temenggung Abdul Rahman turut sama mendapat kepentingan di Singapura di samping mengukuhkan kedudukannya di Johor. Apabila Temenggung Abdul Rahman mangkat beliau diganti oleh anakandanya Daing Ibrahim dan beliau cuma ditabalkan sebagai Temenggung pada 19 Ogos 1841 di hadapan Gabenor Bonham dan Bendahara Tun Ali Pahang.

Sultan Abu Bakar



Rajah I: Keturunan Temenggung Johor

Di negeri-negeri Melayu yang lain, Temenggung tidak semestinya berdarah raja. Temenggung adalah pembesar negeri, seorang ketua pengaman. Bagaimanapun, halnya Temenggung Ibrahim agak terkecuali di sini. Rajah I menjelaskan bahawa kedudukan jurai keturunannya adalah berdarah raja. Dalam zaman yang sudah berubah maka mahu tidak mahu, darjat sahaja tidak cukup untuk menaikkan kedudukan seseorang, kekuatan ekonomi, kebolehan berkompromi, kebijaksanaan dan lebih-lebih lagi kebolehan menyesuaikan diri dengan keadaan dan suasana yang telah berubah itu, menjadi perkara penting untuk menentukan berjaya tidaknya seseorang pemerintah itu. Sejak pembukaan Singapura pada tahun 1819 sebagai sebuah pelabuhan entrepot, ianya telah berjaya menandingi kedudukan Riau, yang terletak di bawah pengaruh Belanda, sebagai pelabuhan yang penting dan pusat pemerintahan raja Melayu. Pendek kata Singapura berhasil mengambil alih peranan Riau sebagai pusat dagangan cандu dari India dan ia juga dapat menarik perhatian lebih ramai lagi saudagar Cina untuk datang ke pelabuhan itu. Di samping itu pada pertengahan 1840 Singapura menjadi pusat perdagangan gambir yang pernah berpusat di Riau.

Sebagai seorang yang lebih berpengaruh daripada Sultan sendiri, Temenggung Daing Ibrahim berupaya mengeksplorasi keadaan di

Singapura, mula-mula beliau berfungsi sebagai pengaman pelabuhan agar pelabuhan tidak diganggu gugat oleh lanun-lanun dan akhirnya apabila kapal api seperti *Zephr, Diana* dan *Andromache* diperkenalkan di perairan Timur ini; beliau mula menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi yang lain seperti mendapatkan monopoli *menaban* (mengumpul dan menjual getah taban) dan selanjutnya menjalankan perusahaan penanaman gambir lada. Dengan membawa masuk ke Johor lebih ramai *Kangcu* Cina. Temenggung Daing Ibrahim akhirnya berjaya membuka Tanjung Puteri pada tahun 1855, sebuah bandar yang menjadi pintu masuk kepada kuli-kuli Cina yang berkebun di ladang gambir lada di Johor.

Walaupun menjalankan perusahaannya di Johor, pusat pemerintahan Daing Ibrahim masih di Teluk Belanga. Usaha membangunkan Tanjung Puteri terserah kepada anaknya Abu Bakar apabila mangkatnya Daing Ibrahim pada tahun 1862. Sebagai seorang anak muda yang lahir di tengah-tengah kesibukan perdagangan di kota raya Singapura itu, Abu Bakar mendapat bahawa beliau terpaksa menerima dan menyesuaikan dirinya dengan perubahan yang dibawa oleh Barat. Hubungan yang sedia terjalin antara ayahandanya Daing Ibrahim dengan ahli perniagaan British daripada syarikat-syarikat perdagangan atau "agency houses" seperti Martin, Dyce & Co., Guthrie's, Paterson & Simons dan W.W. Ker and Ker, Rawson & Co., dirasakannya perlu dikekalkan untuk memastikan bahawa keluarganya tidak ketinggalan dalam perlumba mengaut keuntungan yang sedia terdapat di Singapura. Lebih penting lagi, persahabatan dengan jaguh-jaguh perdagangan di kota raya itu memberi peluang kepadanya untuk memahami selok-belok hubungan dan sistem pentadbiran yang diamalkan oleh orang-orang Barat. Persahabatan ini jugalah yang merapatkan beliau dengan mereka yang duduk di "corridors of power" di Singapura waktu itu.

Walaupun cuma berumur dua puluh lapan tahun apabila ayahnya Temenggung Daing Ibrahim meninggal dunia, tetapi Abu Bakar telah menunjukkan kualiti kepimpinan yang agak luar biasa. Sebagai seorang yang *literate* dan fasih bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris, Abu Bakar tidak merasa kekok ketika berhadapan dengan saudagar-saudagar Inggeris mahupun dengan Gabenor di Singapura. Dalam rangka hubungannya dengan pegawai-pegawai British di Singapura, beliau seringkali mendapatkan bantuan guaman dari Tetuan Simons dan Napier atau dari Rodyk & Davidson agar pandangan kerajaannya dapat

diketengahkan dengan cara yang lebih efektif lagi. Besar kemungkinan sejak awal-awal lagi Abu Bakar menyedari tentang betapa *delicateness* hubungan antara Johor dengan pegawai-pegawai British yang bertugas di Singapura. Mengelakkan kemerdekaan Johor adalah penting dan usaha *sedelicate* itu dirasakan tidak mungkin tercapai tanpa wujudnya sikap inovasi dan berkompromi dalam hubungannya dengan kerajaan Inggeris di negeri Selat.

Sikap toleransi yang diamalkan oleh Abu Bakar terhadap kerajaan British, dipandang tinggi oleh pegawai-pegawai British yang bertugas di Singapura. Cavenagh yang menjadi Gabenor di Singapura pada tahun 1859 menyebut Abu Bakar sebagai, "an intelligent lad, most anxious to meet the wishes of our Government as well as to advance the prosperity of his own state." Malah dalam tindak-tanduknya Abu Bakar begitu senang bergaul dan bermain permainan seperti *billiard* dan *cricket* yang begitu digemari oleh orang-orang British. Kesediaannya untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan undang-undang British, sistem pentadbirannya dan juga cara hidup Barat dan kebudayaannya yang dianggap oleh orang British sendiri sebagai 'superior' dan lebih 'civilize' memudahkan beliau diterima oleh anggota masyarakat itu. Sememangnya sifat seperti inilah yang diperlukan, terutama oleh golongan perdagangan yang menjalankan urus niaga di negeri Selat. Di negeri-negeri Melayu yang lain, anak-anak raja yang senang menerima kebudayaan Barat dan mudah menyesuaikan diri dengan ahli perniagaan British, lebih mudah mendapat tempat dan jaminan di kalangan pentadbir British. Raja Jumaat dari Lukut dan Tengku Kudin dari Klang misalnya, lebih mudah diterima oleh British kerana mereka menunjukkan sifat berkompromi dan bekerjasama dengan British. Gabenor Singapura pernah memuji Raja Jumaat sebagai, "the most intelligent of the Malay chiefs," kerana hubungan baiknya dengan *Resident Councillor* di Melaka. Seperti mana dengan anak-anak raja di negeri Melayu ini, Abu Bakar yang peramah itu dianggap sama oleh Gabenor Ord, "in his tastes and habits ... he is an English gentleman." Bagi Abu Bakar kewibawaannya sebagai seorang Temenggung dan raja tidak cukup setakat bersahabat dengan pihak British malah kedudukannya akan lebih terjamin jika beliau dapat menyakinkan British bahawa pengaruhnya tidak terhenti di sekitar Teluk Belanga mahupun di Johor sahaja.

Di sekitar tahun 1862-1868, Abu Bakar dikatakan telah memainkan peranan yang penting bukan sahaja sebagai seorang 'collaborator' malah juga sebagai seorang pemimpin tempatan yang dianggap oleh British sebagai tokoh yang 'civilised' yang boleh memainkan peranan mententeramkan kekacauan yang telah mula mengancam kestabilan politik negeri-negeri Melayu ketika itu. Peranan penting yang dimainkan oleh Abu Bakar dalam membantu dan menyokong kegiatan British di negeri-negeri Melayu di samping menghargai sikapnya yang selalu berkompromi dengan kerajaan British di negeri Selat, pada matlamat akhirnya terpaksa diperakui oleh British sendiri. Justeru itu pada 30 Jun 1868 dengan sokongan Gabenor dan Sultan Lingga, Temenggung Abu Bakar diberi gelaran Maharaja Johor. Malah sebelum ini pun, pada tahun 1866 beliau telah belayar ke England dan diterima untuk menemui *Queen Victoria* dan *Prince of Wales* di Windsor. Pertemuan ini memberi kesan kepada sikap dan tindakannya pada masa-masa hadapan.

Antara tahun 1862-1868 Abu Bakar telah terlibat dalam pergolutan politik yang berlaku di Tanah Melayu. Sejak tahun 1862 lagi hubungan Pahang dengan Johor diperkuuhkan dengan perjanjian iaitu Johor akan membantu Pahang sekiranya ia diserang. Kekacauan di Pahang akibat dari serangan yang dilakukan oleh Wan Ahmad terhadap Bendahara Tun Tahir dan anaknya Tun Koris, turut melibatkan Johor. Johor yang telah melabur wang dalam satu usahasama perlombongan dengan William Paterson di Kuantan, merasa tidak selamat jika tampuk pemerintahan Pahang dipegang oleh Wan Ahmad. Pada bulan Mei 1863, Abu Bakar dikatakan telah membantu Bendahara Tun Tahir dengan memberi bantuan perahu, senjata, makanan, perubatan dan 3,000 orang hulubalang untuk menewaskan lawannya. Tindakan Abu Bakar itu bagaimanapun tidak berhasil dan Wan Ahmad berjaya menewaskan Tun Tahir dan Tun Koris. Hubungan Johor dan Pahang dikatakan pulih kembali dalam tahun 1880. Jelasnya perang saudara di Pahang itu telah merangkul sebahagian besar daripada pembendaharaan negeri Johor.

Penglibatan Abu Bakar bukan setakat di Pahang sahaja, malahan beliau juga turut bersubahat dengan Raja Mahadi yang telah merampas Klang daripada Raja Abdullah. Abu Bakar dikatakan mempunyai hubungan yang erat dengan Raja Musa semasa berlakunya rampasan kuasa di Klang itu. Begitu juga pergolakan politik yang berlaku di Perak pada tahun 1874 yang

melibatkan pembunuhan Birch, membawa pengaruh Maharaja Abu Bakar ke negeri itu. Abu Bakar dikatakan telah membantu British menangkap orang-orang yang terlibat dalam pembunuhan itu. Kekacauan yang berkembang di Seri Menanti, Jelebu dan Rembau turut sama mengheret beliau sekali lagi dalam kekecohan politik negeri-negeri Melayu.

Perkembangan di Negeri Sembilan menunjukkan bagaimana pihak British, terutama sekali Gabenor William Jervois, menaruh kepercayaan kepada kebolehan Maharaja Abu Bakar, untuk menjadi penasihat dan orang tengah kepada golongan yang bersengketa itu. Selain daripada itu, hubungan persahabatan yang telah terjalin antara Maharaja Abu Bakar dengan Queen Victoria di Windsor Castle serta juga hubungan beliau yang baik dengan pegawai-pegawai British di Pejabat Setiausaha Tanah Jajahan, menyebabkan beliau diberi kepercayaan untuk menjadi "mediator" dalam perselisihan pembesar-pembesar tempatan. Dari sudut yang lain pula, adalah jelas bahawa sebelum tahun 1874 pentadbir-pentadbir British di negeri Selat merasakan bahawa penggunaan seorang "mediator" seperti Maharaja Abu Bakar untuk menyelesaikan pertikaian tempatan, akan mengelakkan campur tangan Kerajaan British secara langsung dalam urusan politik tempatan. Ekoran daripada kecekapan Abu Bakar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negeri-negeri Melayu waktu itu, telah ada kedengaran pendapat dari London yang mencadangkan agar Maharaja Abu Bakar dijadikan Sultan bagi negeri Perak. Walaupun cadangan itu ditolak oleh Gabenor W. Jervois pada bulan Ogos 1876, ternyata pandangan umum di London begitu baik sekali terhadap bantuan yang telah diberi oleh Maharaja Abu Bakar dalam mewujudkan kedamaian di negeri-negeri Melayu.

Di sebalik itu pula terdapat juga pegawai British yang mempunyai pandangan yang berlainan terhadap sikap serta peranan Abu Bakar ini. Di dalam kajiannya tentang kekacauan yang berlaku di Negeri Sembilan, Gullick seorang sejarawan, pernah mengatakan bahawa, pembesar-pembesar Melayu yang terlibat menentang kerajaan Melayu waktu itu, sebenarnya mempunyai hubungan secara langsung dengan Maharaja Abu Bakar walaupun mereka tidak berhubungan secara langsung sesama sendiri. Sebagai seorang pemerintah yang banyak bergantung kepada sokongan yang diberi oleh Kerajaan British, adalah tidak munasabah jika Maharaja Abu Bakar menentang rejim yang menjadi *patronnya*. Pun begitu, Gullick berpendapat bahawa besar kemungkinan, penglibatan Maharaja Abu Bakar

dalam kekalutan politik tempatan mungkin bertujuan untuk memulihkan kembali Kesultanan kerajaan Johor yang telah terhapus itu. Begitu juga sokongannya kepada penentang-penentang Kerajaan Melayu waktu itu, mungkin bertujuan untuk menunjukkan kepada mereka betapa beliau sebagai seorang Maharaja masih mampu untuk memperjuangkan hasrat dan pandangan golongan yang tertindas kepada pihak British.

Pandangan kritis pegawai British terhadap sikap Maharaja Abu Bakar, mempunyai hubungan langsung dengan perkembangan yang berlaku di Muar. Pada tahun 1877 satu krisis berlaku di Muar akibat daripada kemangkatan Sultan Ali. Kolonel Anson yang menjalankan pentadbiran kerajaan Negeri Selat waktu itu merasakan bahawa Maharaja Abu Bakar merupakan pemerintah yang paling sesuai untuk menjaga Muar, sementara keadaan pulih semula. Bagaimanapun pada tahun 1879, Maharaja Abu Bakar telah berjaya menjadikan Muar sebagai sebahagian daripada jajahan takluk Johor dan dengan itu menolak sama sekali hak keturunan Sultan Johor yang lama itu. Tindakan Abu Bakar pada peringkat ini menimbulkan rasa curiga di kalangan pegawai-pegawai British terhadap cita-cita Abu Bakar sendiri. Selepas Anson meninggalkan Singapura pada tahun 1878, Maharaja Abu Bakar terpaksa menghadapi tekanan dari pegawai-pegawai British di Negeri Selat.

Sir Frederick Weld yang mengambil alih tugas Gabenor di Singapura mempunyai pandangan yang berlainan sama sekali daripada Gabenor sebelum ini. Beliau sama sekali tidak bersetuju dengan sikap Kerajaan British yang banyak bergantung kepada Maharaja Abu Bakar dalam mengimplementasikan dasarnya di Tanah Melayu. Begitu juga beliau berpendapat bahawa dasar yang diamalkan oleh Pejabat Tanah Jajahan lebih banyak menguntungkan Maharaja Abu Bakar, yang pada pendapat beliau bercita-cita memperluaskan sempadan dan kawasan pengaruhnya di Tanah Melayu. Walaupun Pembantu Setiausaha Tetap Pejabat Tanah Jajahan British, Robert Herbert menolak dakwaan Weld dengan alasan bahawa Weld cemburu dengan bintang-bintang kejayaan yang diperolehi oleh Abu Bakar, ternyata beliau tidak menolak kemungkinan dasar tidak campur tangan British itu akan diubah. Malah beliau mencadangkan kepada Weld, agar mengadakan hubungan terus dengan pembesar-pembesar Negeri Sembilan dan Pahang untuk menyelesaikan masalah di negeri-negeri

tersebut, dan beliau tidak perlu lagi merujuk kepada Maharaja untuk menyelesaikan keadaan.

Perubahan dasar Kerajaan British ini ternyata memberi kesan kepada pengaruh Maharaja Abu Bakar. Namun begitu kecekapan Maharaja Abu Bakar dalam menghadapi Gabenor Weld, terutama dengan bantuan daripada Tetuan Rodyk & Davidson. Maharaja Abu Bakar telah dapat mempertahankan kedudukannya di negeri Johor. Dalam rangka hubungannya dengan Gabenor, Abu Bakar senantiasa menunjukkan sikap berkompromi. Beliau menunjukkan kesediaannya untuk bekerjasama dengan Kerajaan British di Negeri Selat, dengan membatalkan rancangannya untuk menubuhkan *The Malay Peninsula Agency*, sebuah syarikat kewangan yang ditubuhkan untuk memajukan negeri Johor. Dalam situasi di mana Kerajaan British berhadapan dengan peperangan di Eropah, Engku Abdul Majid yang menjadi Pemangku Raja telah mengutus surat kepada Setiausaha Tanah Jajahan British, dinyatakan bahawa Johor sedia bekerjasama dengan Kerajaan British di dalam menghadapi musuh Kerajaan British di sebelah timur. Sokongan Johor itu mendapat sanjungan dan penghargaan daripada Setiausaha Tanah Jajahan British di London.

Dasar berkompromi ini telah dapat mempertahankan kemerdekaan negeri Johor daripada dikuasai oleh British. Lebih penting lagi lawatan Maharaja Abu Bakar ke luar negara, terutama sekali ke London telah menjamin bukan saja kedudukan Johor sebagai sebuah negeri yang merdeka tetapi menambah kukuhkan kedudukan beliau sebagai pemerintah yang berwibawa di negeri-negeri Melayu. Ekoran dari lawatannya ke London, pada tahun 1885 satu perjanjian baru ditandatangani antara Abu Bakar dengan Kerajaan British, di mana Kerajaan British telah mengesahkan kedudukan Maharaja Abu Bakar menjadi Sultan bagi negeri Johor serta jajahan takluknya. Perjanjian itu juga turut mengakui keturunan Sultan Abu Bakar sebagai raja yang akan mempusakai takhta Kerajaan Johor turun-temurun. Di sebalik itu, Johor juga turut mengakui untuk membenarkan perkara yang berkaitan dengan hal-hal luar Johor dikendalikan oleh Pejabat Tanah Jajahan.

Fakta-fakta yang diketengahkan di atas jelas menunjukkan betapa sikap kompromi dan bekerjasama itu telah dapat mengekalkan kewibawaan sesebuah kerajaan. Walaupun perjanjian tahun 1885 itu bertujuan untuk mengawal kegiatan Sultan Abu Bakar, ternyata perkara itu tinggal satu cita-

cita sahaja. Dalam tindak-tanduknya, Abu Bakar telah dapat melangkau kuasa Gabenor di Singapura. Hal ini bisa dilakukan kerana beliau cepat mendedahkan dirinya dengan cara berfikir dan cara hidup orang-orang Barat. Pertemuannya dengan Queen Victoria di Windsor memberi kesempatan kepadanya untuk membuktikan betapa beliau boleh tergolong dalam golongan mereka yang dianggap oleh Barat waktu itu sebagai 'civilised' dan 'cultured gentleman'. Beliau yang pernah satu ketika ditolak oleh Sultan Terengganu, kownnya bukan setaraf untuk duduk bersama dan tidak berdarah raja, telah berjaya memasuki gelanggang golongan aristokrasi British. Kedudukan aristokrasi British waktu itu begitu kuat dipengaruhi oleh institusi-institusi seperti Parlimen, Stock Exchange (Bursa Niaga), Llyods dan keadaan di Baltik. Di samping itu hubungan sosial dan pola hidup yang ditentukan oleh kelab-kelab Lumba Kuda, public school, universiti dan padang buruan, menjadi kriteria penting bagi seseorang itu untuk mencapai status sosial yang agak tinggi. Sebagai seorang raja yang telah diterima masuk ke dalam kelab yang eksklusif ini, Sultan Abu Bakar telah dapat mengekalkan kewibawaannya dan dapat pula menjamin kemerdekaan negerinya.

Sebagai seorang Sultan, kejayaan Abu Bakar lebih jelas dilihat kepada usahanya untuk memaju dan memodenkan negeri Johor. Langkah pertama yang dilakukan untuk membuka lebih luas lagi negeri Johor kepada saudagar-saudagar asing termasuk juga pekebun-pekebun gambir lada di Johor ialah dengan menukar nama bandar Tanjung Puteri kepada Johor Bahru pada tahun 1866. Kalau dahulu Tanjung Puteri dianggap sebagai "backwater" yang mampu menampung kegiatan pemasak-pemasak candu mentah dan tempat perlindungan lanun-lanun yang berkeliaran di Selat Tebrau, sejak 1866 bandar itu mula membangun untuk menjadi pusat pemerintahan Kerajaan Johor yang terpenting. Untuk menggalakkan lebih ramai pekebun Cina supaya datang ke Johor, Sultan Abu Bakar telah mempelawa Kangcu Cina yang tidak mendapat tempat di Kangar-kangar di Singapura, agar datang ke Johor untuk memulakan perusahaan menanam gambir lada. Untuk mengawal kegiatan orang Cina di Kangkar, Abu Bakar telah mengarahkan supaya Kongsi Ngee Hin daripada orang Teu Chew sahaja dibenarkan beroperasi di Johor. Ini dilakukan dengan tujuan untuk mengelakkan daripada berlaku pergaduhan di kalangan pekebun-pekebun gambir lada. Sistem Kangcu yang diperkenalkan untuk mengawal penanaman, pengeluaran dan pembahagian kawasan tanah, dianggap sebagai sistem

paling sesuai waktu itu dan telah memberi kepuasan kepada masyarakat Cina yang terlibat secara langsung dalam perubahan tersebut.

Untuk melicinkan pembahagian tanah satu sistem *Surat Sungai* telah diperkenalkan dan surat ini membenarkan seseorang Kangcu itu membuka tanah seluas yang dipohonnya dan disyaratkan agar tanaman yang ditanam itu mestilah tanaman gambir lada dan tidak boleh ditukar ganti dengan tanaman lain. Kelebihan *Surat Sungai* ini ialah ianya tidak memberi secara langsung tanah yang hendak diusahakan itu kepada pengusaha. Syarat hak pada tanah terletak kepada selama mana tanah itu diusahakan untuk menanam kedua-dua tanaman yang disebut tadi. Kangcu atau *Tuan Sungai* akan hilang haknya atas tanah yang dikerjakan apabila dia tidak mengerjakan tanah dalam jangka masa yang ditetapkan ataupun dia telah mengubah tanaman daripada gambir lada kepada tanaman lain.

Disebabkan sebahagian besar tanah yang dipajakkan kepada Kangcu Cina terletak di tebing sungai maka perusahaan gambir lada di Johor banyak kedapatan di tebing-tebing sungai.

Kemajuan yang dicapai oleh Johor pada tahun-tahun sebelum 1870 bukan sahaja disebabkan oleh kemasukan ramai Kangcu Cina ke negeri itu, malah turut sama membangunkan Johor ialah orang-orang Jawa yang mula datang secara beramai-ramai ke kawasan Parit Jawa dan Padang di Muar. Dasar Sultan Abu Bakar yang mempelawa orang Melayu dari negeri jirannya, supaya membuka tanah-tanah baru di Johor, turut sama mendapat sambutan dan sebaliknya perkembangan ini amat membimbangkan Gabenor Weld sendiri. Beberapa orang Arab yang bersahabat dengan Abu Bakar seperti Syed Muhamad Al-Sagoff dan Syed Jand bin Omar Al-Jand dan Syed Abu Bakar bin Omar Al-Jand turut sama menceburkan diri mereka dalam kegiatan menanam gambir lada serta hasil pertanian yang lain di kawasan Pontian dan Rimba Terjun. Pendek kata, Johor sebelum 1870 merupakan sebuah "Garden of Eden" yang dapat menarik pelabur luar untuk datang dan menjalankan aktiviti ekonomi mereka tanpa diganggu gugat oleh peraturan manusia.

Pendek kata, sebelum tahun 1870 Johor menjadi model sebuah negeri Melayu yang maju yang mampu menandingi negeri-negeri Melayu yang lain, baik dari segi pentadbirannya mahupun dari segi keamanan yang dicapainya. Kemajuan Johor pada tahap ini bolehlah dikatakan berpunca daripada sikap Sultan Abu Bakar sendiri yang cuba seboleh-bolehnya untuk

mengamalkan sistem pentadbiran dan sistem mahkamah dan perundangannya yang boleh memberi jaminan kepada orang-orang asing yang datang berkerja serta bermastautin di negeri itu, bahawa keselamatan mereka juga akan terpelihara dari segi undang-undang. Sikap toleransi kerajaan Johor waktu ini, untuk menjamin dan membenarkan mereka yang bukan beragama Islam agar dapat datang dan bekerja di Johor, adalah satu manifestasi kelicinan pentadbirannya.

Setakat ini boleh dikatakan bahawa kelicinan pemerintahan Sultan Abu Bakar di Johor banyak bergantung kepada pengikut-pengikutnya yang setia dari Teluk Belanga, yang telah mendukung kerajaan Melayu yang wujud di Johor itu. Beberapa orang pentadbir Johor yang terkemuka seperti Jaafar bin Hj. Muhamad, Muhamad Salleh bin Perang, Muhamad Ibrahim bin Munsyi Abdullah, Abdul Rahman bin Andak, Abdullah bin Tahir serta beberapa orang lagi pengikut dan kerabat Abu Bakar, telah memainkan peranan masing-masing untuk menjamin kemajuan Johor tercapai, baik dari segi ekonomi maupun sosial. Begitu juga kaum kerabat Sultan Abu Bakar sendiri, seperti Ungku Abdul Rahman dan Ungku Abdul Majid, diberikan tugas dan amanah untuk menandatangani *Surat Sungai* yang dikeluarkan kepada Kangcu serta juga untuk menjalankan tugas pemangku Raja tatkala Abu Bakar belayar ke luar negara.

Dalam masa yang begitu singkat, Johor telah dapat membangun dan kemajuan yang dicapainya dicurigai oleh pentadbir British yang berpusat di Singapura. Kemajuan infrastruktur negeri dan wujudnya kemudahan sosial seperti masjid, sekolah, hospital, rumah pasung (balai polis), kolam air serta bangunan-bangunan pentadbiran di Johor Bahru sudah cukup untuk menarik lebih ramai orang luar untuk datang ke Johor. Sudah beberapa kali Kerajaan British di Negeri Selat telah mengancam untuk menakluki Johor, tetapi kerap kali juga mereka gagal, kerana laporan yang diterima tentang keadaan di Johor Bahru tidak dapat memberikan alasan bahawa negeri itu tidak ditadbir dengan sempurna. Abu Bakar sendiri telah memindahkan pejabat-pejabatnya ke Johor Bahru pada tahun 1889 dan menjadikan bandar itu pusat pemerintahan kerajaan Johor.

Sumbangan Sultan Abu Bakar yang paling penting dalam konteks sejarah Johor adalah penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, yang dikuatkuasakan di negeri itu pada tahun 1895. Walaupun pada tahap ini Johor tidaklah sebegitu maju jika dibandingkan dengan keadaan negeri-

negeri Melayu yang lain yang terletak di bawah pentadbiran Residen British, namun penggubalan Undang-Undang Tubuh 1895 menunjukkan keazaman Sultan Abu Bakar untuk mengkalkan kemerdekaan negeri Johor agar tidak mudah jatuh ke tangan kuasa asing. Undang-Undang Tubuh 1895 itu merupakan sebuah Perlembagaan yang cuba membawa kombinasi unsur-unsur tradisional dengan unsur-unsur perlembagaan Barat. Ada pendapat mengatakan ianya disulami oleh unsur-unsur atau pengaruh dari peraturan dan kitab-kitab yang dibawa dari Riau. Yang jelas kepada kita ialah penggubalan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 itu, dilakukan pada tahap akhir zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar. Daripada fasal-fasal yang terdapat dalam Undang-Undang itu, adalah jelas bahawa matlamat dan cita-cita utama penggubalnya adalah bertujuan untuk memberi persediaan kepada pembesar-pembesar Johor, agar pentadbiran negeri itu dapat diteruskan dalam saat-saat di mana kemerdekaan Johor sudah mula diancam dari luar. Di samping itu, perkembangan itu diadakan dengan tujuan, untuk mengawal agar pengganti raja yang akan memerintah negeri Johor, tidak memerintah negeri dengan sewenang-wenangnya ataupun menyerahkan Johor kepada kuasa asing yang lain tanpa persetujuan Jemaah Menterinya dan Majlis Negeri.

Sultan Abu Bakar mangkat di London pada 10 Mei 1895 semasa menginap di Bailey's Hotel. Kemangkatannya menimbulkan berbagai-bagai reaksi bukan saja di London malah di Singapura dan Johor telah terdengar suara-suara yang menanyakan bilakah pentadbiran negeri Johor akan diambil alih oleh Kerajaan British.

(Sebagai seorang Sultan, Abu Bakar telah mendahului raja-raja Melayu yang lain istimewa sekali dalam mengekalkan kemerdekaan Johor dalam jangka masa yang agak lama. Sikap toleransinya dan kesediaannya untuk berkompromi dengan nilai-nilai peradaban Barat yang pada pandangan Barat waktu itu, lebih 'superior' dan 'civilize' daripada peradaban masyarakat tempatan, memungkinkan beliau mudah diterima oleh pentadbir-pentadbir serta saudagar-saudagar British, bukan saja di Singapura malahan juga di Windsor. Dari sudut yang lain pula, jelas kelihatan bahawa kepentingan Abu Bakar dalam sejarah Johor moden ialah pada peranan yang dimainkannya sebagai agen perubahan masyarakat. Beliau merupakan dinamik yang penting, yang berupaya mencorakkan masyarakat dan bentuk kerajaan Johor waktu itu. Kemasukan orang-orang asing terutama sekali

Kangcu-kangcu Cina ke Johor adalah atas kehendaknya dan penglibatan mereka dalam ekonomi pertanian negeri Johor pada peringkat awal, adalah atas syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan Melayu waktu itu dan juga oleh Maharaja sendiri. Fakta ini dengan sendirinya menolak pandangan umum sejarawan-sejarawan yang membesarkan peranan orang-orang Cina dalam proses membuka dan memajukan negeri Johor.

Zaman Sultan Abu Bakar memerintah Johor berakhir pada tahun 1895 dan zaman-zaman selepas itu membawa berbagai perubahan lagi yang sungguh menakjubkan.

Rujukan

- Winstedt R.O. *A History of Johor*. MBRAS Reprint No. 6. 1979.
- Carl A. Trocki, *Prince of Pirates, The Temenggong, and the Development of Johor and Singapore, 1784-1885*. Singapore: 1983.
- M.A. Fawzi Basri, *Warisan Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: 1983.
- Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya. *A History of Malaysia*. London: 1982.
- E. Thio. *The Southern Malay States*. Singapore: 1969.
- Buckely C.B., *An Anecdotal History of Old Times in Singapore*. Reprinted. Singapore, 1969. Cetakan Pertama, 1902.

**SULTAN ABDULLAH
MUHAMMAD SHAH II
(MARHUM HABIBULLAH)
1874-1876**

Oleh

Abdullah Zakaria b. Ghazali

Raja Abdullah ialah putera Sultan Jaafar Muazzam Shah (atau Sultan Safiuddin Shah - marhum Waliullah, 1857-1865), Perak. Beliau menaiki takhta kerajaan Perak pada tahun 1874 dengan kuatkuasa Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874. Selama hayatnya baginda terlibat dalam pergelakan dengan pembesar-pembesar tempatan (Perak) dan kuasa asing (British), dan juga kongsi gelap. Penglibatan beliau dalam persengketaan takhta kerajaan; persaingan di antara dua kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San; membuat hubungan dengan saudagar-saudagar dan pegawai-pegawai British hingga membawa kepada campur tangan British dan pelantikan J. W. W. Birch sebagai Residen British di Perak; pakatan membunuh dan pembunuhan J. W. W. Birch adalah mencerminkan kepentingan tokoh Sultan Abdullah dalam sejarah Perak khususnya. Malaysia umumnya. Tentang peribadi Sultan Abdullah terdapat percanggahan gambaran yang dikemukakan oleh dua orang yang berlainan. J. W. W. Birch di dalam diarinya merekodkan bahawa Sultan Abdullah adalah seorang yang bodoh dan penghisap candu.¹ Muhammad Ibrahim Munshi pula mencatatkan:

... adapun tubuhnya Raja Muda itu kecil rupanya berani sifatnya tampan akalnya cerdik kulitnya hitam manis perangainya gopoh-gopih matanya besar rendah orangnya dan gemar memakai-makai cantik yang bukan-bukan dipakainya....²

Apabila Sultan Shahbuddin mangkat pada tahun 1851, takhta kerajaan Perak digantikan oleh Raja Abdullah. Di masa pemerintahan baginda, Raja Ngah Jaafar sebagai Raja Muda; Raja Ngah Ali (putera Sultan Shahbuddin) sebagai Raja Bendahara. Raja Ngah Jaafar dengan sokongan Raja Ngah Ali mencuba untuk mendapatkan teraju pemerintahan Perak. Wujudnya perselisihan ini menyebabkan Sultan Abdullah³ berundur dari istananya di Tanjung Sarang Dendang ke Durian Sebatang berlindung dengan Laksamana. Baginda bersemayam di sini hingga akhir hayatnya pada tahun 1857. Sementara itu pada tahun 1854 Raja Muda Ngah Jaafar ditabalkan sebagai Sultan Perak dengan gelaran Sultan Safiuddin Muazzam Shah, tetapi hanya pada tahun 1857 menjadi Sultan secara rasmi. Manakala Raja Ngah Ali telah diangkatkan ke jawatan Raja Muda; dan Bendahara baru telah dilantik, iaitu Raja Ismail keturunan diraja Siak.

Pada masa pemerintahan Sultan Shahbuddin Shah, Long Jaafar yang tinggal di Larut mendapat kebenaran daripada Panglima Bukit Gantang, Alang Alaiddin (berkuasa di Larut secara tradisi) memajak Larut dengan kadar bayaran \$125.00 setahun. Tidak lama kemudian, beliau meminta jasa baik Raja Ngah Ali mendapatkan geran bagi Larut bertarikh 6 November 1850; dan berikutnya memohon geran bertarikh 8 November 1856 daripada Raja Jaafar. Sehingga kematian Long Jaafar, masalah Larut masih belum selesai. Beliau diganti oleh anaknya Ngah Ibrahim. Kini Sultan Safiuddin Shah bersaing dengan Raja Muda Ngah Ali yang mendapat sokongan daripada Raja Bendahara Ismail. Pada 24 Mei 1858, Sultan Safiuddin Shah memberi geran kepada Ngah Ibrahim, dan mengakuinya sebagai pentadbir Larut, meliputi Krian dan Batang Tiang.⁴ Namun begitu pada 31 Mac 1864 baginda memastikan sempadan tersebut, iaitu dari Larut dan Krian ke Bagan Tiang. Manakala di pesisiran pula, ke barat hingga Tanjung Belanak; dan di pedalaman hingga sempadan Kedah.⁵

Pada 20 Mac 1865 Sultan Safiuddin Shah (atau Sultan Jaafar mangkat). Sekali lagi berlaku perebutan jawatan Sultan, dan ini berlarutan hingga akhir tahun 1865. Persaingan kali ini di antara Raja Muda Ngah Ali dengan Raja Abdullah, putera Sultan. Walaupun keputusan muktamad untuk menentukan Sultan tidak dicapai tetapi pembesar-pembesar bersetuju bahawa Raja Bendahara Ismail kekal dengan jawatannya. Raja Bendahara Ismail tidak akan dinaikkan ke jawatan Raja Muda kerana beliau bukan kerabat diraja Perak dan didapati terlibat dalam pembunuhan Syahbandar.⁶ Namun demikian persaingan ini tidak mencetuskan perang terbuka di antara kedua-dua belah pihak. Pada Januari 1866, Raja Muda Ngah Ali telah dilantik sebagai Sultan Perak. Beliau pula mendapat sokongan daripada Ngah Ibrahim.

Walaupun Raja Abdullah dilantik sebagai Raja Muda, tetapi beliau masih tidak puas hati dengan jawatan ini. Oleh kerana Ngah Ibrahim menyokong Sultan Ali menyebabkan hubungannya dengan Raja Muda Abdullah tidak mesra. Raja Abdullah sangat berharap untuk berkuasa di bahagian utara Perak. Keinginan Raja Abdullah ini disebabkan oleh kemajuan perdagangan di bahagian utara lebih baik dari selatan. Dalam usaha ini Raja Muda Abdullah mendapat sokongan daripada pedagang-pedagang di Pulau Pinang, salah seorangnya Edward Bacon. Tindakan Raja Muda Abdullah ini menimbulkan kebimbangan Sultan Ali. Baginda

kemudiannya meminta bantuan Leftenan Gabenor A. E. H. Anson⁷ memberi amaran kepada saudagar-saudagar supaya jangan melibatkan diri dengan kegiatan Raja Muda Abdullah. Tanpa menghiraukan langkah yang telah diambil oleh Sultan Ali, Raja Muda Abdullah telah memberi konsesi kepada Edward Bacon dan beberapa saudagar lain di tebing Sungai Krian. Pemberian konsesi ini melalui Surat Kuasa yang mempunyai Cap Mohor Sultan. Raja Muda Abdullah juga telah memaksa Ngah Ibrahim menurunkan sama capnya di atas Surat Kuasa kepada Edward Bacon selama lima belas tahun dengan kadar bayaran \$5,500 setahun. Ngah Ibrahim melaporkan perkara ini kepada Sultan Ali. Dengan itu Sultan Ali membatalkan geran tersebut.⁸

Pada 26 Mei 1871 Sultan Ali mangkat, namun begitu baginda hanya dimakamkan sebulan kemudian, 29 Jun 1871. Kelewatan ini adalah disebabkan timbulnya masalah penentuan pengganti Sultan. Walaupun beberapa kali Raja Muda Abdullah dijemput hadir ke upacara pemakaman Sultan Ali tetapi beliau tidak datang. Beberapa sebab dikemukakan kenapa beliau tidak hadir. Pertama, pertelingkahan berlaku di antara Raja Muda Abdullah dengan pembesar-pembesar utara tentang konsesi yang beliau berikan kepada Edward Bacon. Kedua, beliau malu kerana isterinya Raja Tipah (adik Sultan Ali) lari mengikuti Raja Daud (saudara Raja Mahdi Selangor).⁹ Ketiga, beliau bimbang akan diserang hendap oleh saingannya Raja Yusuf di Senggang, jalan memudiki sungai.¹⁰ Kegagalan Raja Abdullah hadir di upacara tersebut menyebabkan pembesar-pembesar Perak mengambil keputusan melantik Raja Bendahara Ismail sebagai Sultan Perak.

Pelantikan ini menimbulkan rasa tidak puas hati Raja Muda Abdullah, yang kini menetap di Purbayan, Hilir Perak. Kemudiannya pada awal tahun 1872 Raja Muda Abdullah menggelarkan diri beliau sebagai Sultan Abdullah Muhammad Shah. Langkah Raja Muda Abdullah ini dipengaruhi oleh sokongan pembesar-pembesar hilir Perak dan semangat oleh Edward Bacon yang mempunyai hasrat untuk mendapatkan konsesi di Krian. Raja Muda Abdullah telah mengutus surat kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat yang juga ditandatangani serta cap oleh Syahbandar, Orang Kaya Balai, Laksamana, Dato' Sagor dan Maharaja Lela yang menyatakan bahawa mereka tidak dapat menerima Sultan Ismail, kerana dia bukan kerabat diraja Perak.¹¹

Sebagaimana yang telah disebut sebelum ini Raja Muda Abdullah dan Ngah Ibrahim adalah bermusuhan. Sebagai orang yang berkuasa di Larut, Ngah Ibrahim cuba seboleh mungkin mengelakkan Raja Muda Abdullah meluaskan kuasanya di Larut. Oleh sebab itu, apabila Raja Muda Abdullah berserta kira-kira dua belas buah perahu dan lebih kurang dua ratus orang belayar ke utara, Ngah Ibrahim bertanggapan bahawa beliau akan ke Krian dan menetap di situ.¹²

Pergeseran Raja Muda Abdullah dengan Ngah Ibrahim telah membawa kepada penglibatan mereka dalam persaingan di antara dua kongsi gelap Ghee Hin dan Ho Hup Seah dengan Hai San dan Toa Peh Kong yang merebut kawasan perlombongan di Larut. Raja Muda Abdullah menyokong Ghee Hin dan Ngah Ibrahim memihak kepada Hai San.¹³

Raja Muda Abdullah dalam usahanya menduduki takhta kerajaan Perak telah cuba mendapatkan sokongan daripada saudagar-saudagar di Pulau Pinang dan pegawai-pegawai British. Beliau kerap kali menghubungi pegawai British. Malah beliau pernah meminta Munshi Ibrahim memberitahu C. J. Irving, sekiranya beliau menjadi Sultan, beliau sanggup melayani kehendak kerajaan British.¹⁴ Raja Muda Abdullah bersama-sama dengan Ngah Ibrahim ada berunding dengan C. J. Irving di kapal *Pluto* tentang kacau bilau yang meletus di Perak. Bagi British keamanan sangat penting untuk melancarkan kegiatan ekonomi bagi kepentingan mereka.

Apabila menduduki jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Andrew Clarke¹⁵ telah menghantar W. A. Pickering ke Perak bagi mendapatkan persetujuan perdamaian di antara Ghee Hin dan Hai San. W. A. Pickering berjaya mendapat persetujuan Ghee Hin bagi menghentikan perselisihan. Berikutnya pada 7 Januari 1874 Sir Andrew Clarke menghantar Inspektor-Jeneral Polis Kapten Dunlop dan Jurutera Tanah Jajahan Mejar McNair bagi menguruskan persediaan menamatkan persengketaan dengan orang-orang Besar Perak. Kalau diperhatikan di sini, penglibatan Andrew Clarke dalam negeri Perak lebih awal daripada surat jemputan campur tangan British di Perak oleh Raja Abdullah yang bertarikh 9 Januari 1874.¹⁶ Bagi Raja Abdullah, campur tangan British adalah penting untuk membolehkan beliau menjadi Sultan Perak.¹⁷

Persaingan di antara Raja Muda Abdullah dengan Sultan Ismail telah menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan masyarakat Melayu Perak. Masyarakat Perak dari kawasan hulu termasuk rakyat dan pembesar

memihak kepada Sultan Ismail; manakala yang dibahagian hilir pula memihak kepada Raja Muda Abdullah. Satu kumpulan lagi yang tidak memihak ke mana-mana juga lebih condong kepada Raja Muda Abdullah.¹⁸

Pada 20 Januari 1874, Perjanjian Pangkor ditandatangani di antara Raja Muda Abdullah dan pembesar-pembesar Perak dengan pihak British, dan bermulalah campur tangan British secara rasmi. Dengan kuat kuasa perjanjian ini Raja Abdullah dilantik sebagai Perak; Sultan Ismail diturunkan dari takhta kerajaan dan diberi pencen, dan seorang Residen British dilantik sebagai Penasihat; menasihat dalam semua perkara kecuali adat istiadat dan agama Islam.

Residen British hanya dihantar ke Perak pada 4 November 1874, dan jawatan ini disandang oleh James Wheeler Woodford Birch (J. W. W. Birch). Sultan Abdullah, pada 5 November 1874 menghantar surat menjemput Raja Ismail menemuinya untuk membincangkan kedudukan Perak.¹⁹

J. W. W. Birch apabila tiba di Perak menjalankan perubahan dalam pentadbiran Perak. Perubahan yang dilakukan ini merupakan unsur baru dan bercanggah dengan apa yang diambil di Perak sebelum ini. J. W. W. Birch mencadangkan perubahan kutipan cukai, perlembagaan dan sistem kewangan. Cadangan ini menimbulkan rasa tidak puas hati pembesar-pembesar Perak.²⁰ Pungutan cukai dipusatkan dan diletakkan di bawah kelolaan pegawai Eropah. Pegawai-pegawai yang dilantik oleh Residen sebagai wakil Sultan sahaja yang boleh memungut cukai.²¹ Sekiranya terdapat sesiapa memungut cukai akan didenda. Bererti di sini pembesar-pembesar tidak boleh lagi memungut cukai seperti yang dilakukan sebelum ini. Pungutan cukai dalam kawasan jagaan masing-masing adalah sumber pendapatan pembesar pada masa dahulu dan juga sumber bagi menanggung pengikut-pengikut mereka.

Kehadiran J. W. W. Birch kemudiannya mencetuskan konflik dengan Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar Perak. J. W. W. Birch bertindak bebas tanpa menghiraukan Sultan dan pembesar. Misalnya, J. W. W. Birch telah membatalkan pajakan Kuala Perak yang telah pun dipajak oleh Sultan Abdullah kepada saudagar Lee Cheng Tee dari Singapura selama sepuluh tahun dengan kadar bayaran \$26,000 setahun.²² Beberapa peraturan baru yang dilaksanakan oleh British, melalui Residennya dipandang berat oleh Sultan Abdullah.

Pada bulan Mei 1875, Sultan Abdullah menghantar bantahan kepada pihak British tentang perubahan dan cadangan peraturan baru di Perak.²³ Kini Sultan Abdullah telah berkonflik pula dengan J. W. W. Birch. Sikap J. W. W. Birch yang tidak mempedulikan tuntutan Sultan Abdullah supaya menyerahkan tiga orang hambanya yang lari pada 8 Oktober 1975, dan bersembunyi di residensi J. W. W. Birch di Bandar Baru meruncingkan lagi hubungan mereka. Malah tindakan J. W. W. Birch mencampuri hal perhambaan adalah bercanggah dengan Perjanjian Pangkor. Langkah J. W. W. Birch ini dianggap cuba memecah organisasi sosial dan menggugat tempat pergantungan mereka.²⁴ Sultan Abdullah memberi amaran kepada J. W. W. Birch supaya jangan mengetepikan pembesar dalam daerah masing-masing.²⁵ Sekali lagi tidak dihiraukan oleh J. W. W. Birch, sebaliknya mengarahkan Sultan Abdullah mematuhi arahan Residen dan jangan campur tangan.²⁶

Dengan itu Sultan Abdullah menghantar wakilnya yang terdiri daripada Raja Idris, Laksamana dan Muhammad Arshad ke Singapura pada bulan Mei 1875 menemui Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Andrew Clarke, membantah tindakan J. W. W. Birch. Andrew Clarke juga menegaskan supaya Sultan Abdullah mematuhi nasihat Residen.

Sultan Abdullah telah diugut oleh J. W. W. Birch bagi mendapatkan tandatangan untuk melaksanakan pengenalan baru di Perak. Pada bulan Februari dan Mac 1875, J. W. W. Birch cuba mendapatkan tandatangan Sultan Abdullah bagi melaksanakan rancangannya tetapi ditolak oleh Sultan Abdullah. Oleh kerana adanya tekanan ini Sultan Abdullah menghantar surat kepada Raja Ismail pada 19 Mac 1875 supaya menjemput Raja Yusof datang ke hilir untuk berunding tentang masalah Perak.²⁷

J. W. W. Birch sekali lagi meminta Sultan Abdullah menandatangani surat pengisyiharan pada bulan Jun 1875 tetapi ditolak juga oleh Sultan Abdullah. Dengan itu J. W. W. Birch memberi tempoh hingga 20 Julai 1875 kepada Sultan Abdullah membuat keputusan. Sehingga 20 Julai 1875 Sultan Abdullah tidak menandatangani surat pengisyiharan ini tetapi mengadakan mesyuarat dengan pembesar-pembesar Perak pada 21 Julai 1875 untuk menentukan tindakan yang sepatutnya ke atas J. W. W. Birch di Durian Sebatang. Namun demikian, pada 24 Julai 1875, Sultan Abdullah menandatangani surat pengisyiharan itu yang memberi kuasa kepada Residen dan Syahbandar mengawal semua cukai, dan melantik serta

memberhentikan Penghulu.²⁸ J. W. W. Birch masih belum berpuas hati dengan kuasa yang diperolehnya itu. Beliau sekali lagi mendesak Sultan Abdullah menandatangani pengisytiharan mengakui kekuasaan British di Perak. Sultan Abdullah menolak. Dengan itu J. W. W. Birch menggunakan paksaan dengan menunjukkan surat daripada Gabenor Negeri-negeri Selat. William Jervois,²⁹ yang mana dicatatkan bahawa sekiranya Sultan Abdullah enggan, takhta kerajaan akan ditawarkan kepada Raja Yusof.³⁰ J. W. W. Birch juga pernah memberi amaran akan menurunkan Raja Abdullah dari takhta kerajaan.³¹ Oleh kerana tidak ada pilihan, Sultan Abdullah menandatangani pengisytiharan pada 2 Oktober 1875. Pengisytiharan ini memberi kuasa kepada pegawai British di Perak sebagai hakim, boleh menjatuhkan hukuman ke atas kes jenayah, boleh melantik pengadil-pengadil mahkamah. Juga pegawai British akan mewakili Sultan memungut dan mentadbirkan hasil dalam negeri. Selanjutnya pegawai British boleh melantik dato'-dato' dan Penghulu mentadbir di dalam negeri.³² Namun begitu Sultan Abdullah masih dalam pakatan menentang British.

Menteri Larut turut sama tidak puas hati terhadap penglibatan British di Perak kerana campur tangan itu, seorang Penolong Residen, Kapten Speedy dilantik di Larut. Pelantikan Kapten Speedy ini menyebabkan kuasanya di Larut tergugat. Kini Menteri dikehendaki mematuhi nasihat Penolong Residen³³ manakala Laksamana pula disebabkan tindakan J. W. W. Birch mengurangkan kuasanya. Maharaja Lela telah membina kubu pertahanan di Pasir Salak dan menyatakan tidak mahu menerima pentadbiran British.

Kini Raja Abdullah dan pembesar-pembesar Perak sedar bahawa kedatangan British bukan sebagai penasihat tetapi mengambil alih teraju pemerintahan.³⁴ Di samping itu, mereka merasa bimbang kegiatan British membawa masuk orang asing ke Perak akan menyebabkan tanah menjadi hak milik orang asing; juga mereka khuatir akan memundurkan agama Islam dan bahasa Melayu.³⁵

Di atas dasar kesedaran inilah pakatan telah dibuat untuk membunuh J. W. W. Birch. Dalam mesyuarat yang diadakan di Durian Sebatang pada 21 Julai 1875 semua yang hadir bersumpah tidak akan memungkiri keputusan yang dicapai.³⁶ Di antara mereka yang hadir ialah Sultan Abdullah, Raja Driss (Idris), Kundah Muhammad (wakil Bendahara dan Seri Maharaja Lela), Wan Husin (wakil Temenggung), Penghulu Mat Ali

(wakil Menteri), Laksamana, Maharaja Lela, Dato' Sagor, Syahbandar, Orang Kaya Mat Arshad, Raja Ahmad, Raja Musa, Mat Rouse (Ros), Haji Driss (Idris), Tok Muda Rappa, Haji Mat Yasin, Haji Daud, Haji Ali, Haji Daud,³⁷ Pak Tieb dan Raja Mahkota.³⁸ Raja Yusof tidak hadir.³⁹ Mesyuarat ini menjatuhkan hukuman mati ke atas J. W. W. Birch. Perlaksanaannya melalui tiga cara: racun, bermain hantu dan ditikam.

Setelah mendapat tandatangan pengisyiharan pada 2 Oktober 1875 J. W. W. Birch telah mencetak pengisyiharan itu untuk disebarluaskan di Perak. Surat pengisyiharan ini dibuat atas nama Sultan. Beliau menuju ke Hilir Perak, Durian Sebatang, Batak Babit dan Kota Setia manakala Frank Swettenham bergerak ke hulu Perak.⁴⁰ Dalam rombongannya termasuk Leftenan Abbot, Mat Arshad (jurubahasanya) dan sepuluh orang sepoi. Birch bertolak dengan "perahu naga" pada pukul 5.00 petang dari bandar Baru dan tiba di Pasir Salak pada 1 November 1875 antara pukul 10.00-11.00 malam. Semasa berlepas dari Bandar Baru, J. W. W. Birch menegaskan bahawa sekiranya Maharaja Lela ingin melawan, beliau akan menembak Maharaja Lela.⁴¹

Tiga hari sebelum J. W. W. Birch tiba di Pasir Salak, Datuk Maharaja Lela menjemput beberapa orang datang berkumpul di rumahnya. Di antara yang hadir, Datuk Maharaja Lela, Se Gondah, Raja Daeng Marewah, Odaha Adam, Raja Husin, Se Gondek, Se Njan, Se Milan dan Tok Bodoh, Pandak Indut, Che Ngah Jabor, Panjang Bur, Che Ali Kulup (Kulup Ali), Se Tuah, Maharaja Seramah, Tok Lela Putera, Kulup Batin, Oodah Makan dan Chje Labab.⁴² Dalam pertemuan ini Datuk Maharaja Lela memberi baju, tengkolok dan pedang kepada Pandak Indut sebagai tanda pengganti beliau dalam rancangan pembunuhan J. W. W. Birch.⁴³

Walaupun ditentang oleh Maharaja Lela, setelah diarahkan oleh Birch, Mat Arshad dan orang-orangnya melekatkan pengisyiharan di sebuah kedai emas Cina di situ. Pengisyiharan yang dilekatkan ini dikoyak oleh orang-orang Melayu yang telah pun berada di situ. Pertengkar berlaku dan Mat Arshad ditikam.⁴⁴ Mat Arshad terjun ke dalam air dan cuba menaiki perahu tetapi sekali lagi dicederakan dan terus mati. Ketika itu J. W. W. Birch sedang mandi di rumah mandi. Pandak Indut tiba di sini merejami lembing ke arah J. W. W. Birch. Seterusnya diikuti oleh Kulup Ali (Che Ali), Ngah Jabor, dan Panjang Bur. Disebabkan oleh tikaman lembing ini J. W. W. Birch jatuh ke dalam air. Apabila J. W. W. Birch timbul semula di

belakang rumah mandi itu, beliau ditikam oleh Se Tuah dan seterusnya ditetak dua kali oleh Seputum. J. W. W. Birch tenggelam dan tidak timbul-timbul lagi.⁴⁵

Kemudiannya pasukan tentera dihantar ke Pasir Salak untuk mengatasi gerakan orang-orang Melayu ini. Pasukan British seramai 50 orang sepoi di bawah pimpinan Leftenan Abbot, 60 orang tentera rejimen ke 10 di bawah Kolonel Anson, dan pasukan polis di bawah Kapten Innes tiba di Pasir Salak pada 5 November 1875. Sir William Jervois Gabenor Negeri-Negeri Selat meminta bantuan daripada London, India dan Hong Kong. Pasukan British ini membakar Bandar Tua dan rumah Maharaja Lela. Pasukan British berjaya menawan Pasir Salak pada 15 November 1875. Kemudian bantuan-bantuan dari Hong Kong dan Calcutta tiba di Perak. Pasukan ini menuju ke Sungai Larut dan Kuala Kangsar. Kota Lama dapat ditawan.

Pemimpin-pemimpin yang terlibat dapat ditangkap dan menyerah diri. Pada awal Mac 1875, Dato' Sagor ditangkap. Kemudiannya Seputum pula. Seputum dibawa ke muka pengadilan dalam bulan Mac 1876 dan didapati bersalah. Dengan itu dia dijatuhi hukuman gantung dan dilaksanakan di Bandar Baru pada 20 Mei 1876.

Pada 10 Ogos 1876, William Jervois menghantar surat kepada Sultan Abdullah menyatakan bahawa Raja Ismail, Maharaja Lela telah pun menyerah diri dan meminta Sultan Abdullah, Laksamana, Syahbandar, Raja Mahkota dan Orang Kaya Mat Arshad datang ke Singapura untuk membuat kenyataan tentang pembunuhan J. W. W. Birch. Keberangkatan ke Singapura akan diuruskan oleh J. G. Davidson, Residen Perak.⁴⁶ Dato' Maharaja Lela, Pandak Indut dan Dato' Sagor didapati bersalah dalam perbicaraan digantung sampai mati di kawasan berhampiran dengan rumah kerajaan di Larut pada pagi 20 Januari 1877.⁴⁷ Manakala Panjang Bur, Se Tuah, Ngah Jabor dan Che Ali dipenjarakan seumur hidup. Penyiasatan yang dijalankan menunjukkan Sultan Abdullah, Laksamana, Syahbandar dan Menteri juga terlibat. Dengan itu mereka dibuang ke Pulau Seychelles. Sultan Abdullah, Laksamana, Syahbandar, Menteri dan bersama 43 orang berlepas ke Pulau Seychelles dengan kapal *Cartberstone* pada 20 Julai 1877. Mereka sampai di Pulau Seychelles pada 30 Ogos 1877. Sultan Abdullah ditempatkan di Pulau Mahe'. Sultan Ismail, yang turut terlibat dalam gerakan anti-British di Perak dan membunuh J. W. W. Birch bersama-sama Dato' Nara dan Panglima Perang Semaun dibuang ke Johor. Sultan Ismail

Sultan Abdullah Muhammad Shah II

menetap di Sekudai. Dalam tahun 1887 Raja Yusof dilantik menjadi Yang Dipertuan Perak.⁴⁸

Setelah berada dalam buangan di Pulau Seychelles selama kira-kira tujuh tahun, Sultan (bekas) Abdullah dibenarkan pulang pada tahun 1884 ke Tanah Melayu dan tinggal di Singapura. Kemudiannya pindah ke Pulau Pinang, dan akhirnya dibenarkan pulang ke Kuala Kangsar pada tahun 1922. Baginda mangkat di Kuala Kangsar dan dimakamkan di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Baginda digelar marhum Habibullah.

Nota

1. "He [Sultan Abdullah] is eminently silly and foolish. Opium too has become his bane again, and he is good for very little." E. Sadkia, *The Protected Malay States 1874-1875*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970), 80.
2. Muhammad Ibrahim Munshi, *Kisab Pelayaran Mubammad Ibrabit Munshi*, (Johor Bharu: Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1956), 69.
3. Tidak sama dengan Sultan Abdullah, 1874-76.
4. Ibid., 140.
5. Ibid., 145.
6. Ibid., 148.
7. A. E. H. Anson ialah Leftenan Gabenor Pulau Pinang, 1867-1882. Beliau pernah memangku Jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat pada tahun 1871, 1877 dan 1879. (Philip Loh Fook Seng, *The Malay States 1877-1895*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press), 1975, 31; E. Thio, *British Policy in the Malay Peninsula, 1880-1910*, Vol. 1, University of Malaya Press, Singapore, 1969, xxvi; Mohd. Fadzil Othman (Pengenalan dan Anotasi), *Kisab Pelayaran Mubammad Ibrabit Munshi*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), 161.
8. Khoo Kay Kim, op. cit., 163.
9. Ibid., 181.
10. R. J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), 100.
11. Khoo Kay Kim, op. cit., 184.
12. Ibid., 185.
13. Ibid., 192, 194.
14. Ibid., 186.
15. Sir Andrew Clarke menggantikan Gabenor Sir Harry Ord.
16. C. D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kewembilan Belas*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), 248-249.
17. M. A. Mallal, "J.W.W. Birch: Causes of His Assassination", M.A. Thesis, University of Malaya, Singapore, 1952, 64.
18. P. L. Burns (ed. & Introduced), *The Journal of J. W. W. Birch First British Resident to Perak 1874-1875*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976), 11.
19. M. A. Mallal, op. cit., 224-225.
20. C.O. 273/86, Robert Meade kepada Herbert, 23 Januari 1876.

21. M. A. Mallal, op. cit., 220.
22. C. D. Cowan, op. cit., 301.
23. C. O. 273/86, Robert Meade kepada Herbert, 22 Januari 1876.
24. C. D. Cowan op. cit., 221.
25. M. A. Mallal, op. cit., 95.
26. Ibid.
27. Ibid., 227.
28. C. D. Cowan, op. cit., 305.
29. Beliau menggantikan Gabenor Sir Andrew Clarke.
30. C. D. Cowan, op. cit., 315.
31. E. Sadka, op. cit., 84.
32. M. A. Mallal, op. cit., 108. E. Sadka, op. cit., 84, M. A. Mallal, op. cit., "Appendix", Draft Proclamation appointing the British Residen and others to be Sultan's representative, 225.
33. M. A. Mallal, op. cit., "Appendix". Menteri Larut kepada Sultan Ismail, 26 Februari 1874, 213.
34. C. D. Cowan, op. cit., 303.
35. M. A. Mallal, op. cit., 139.
36. C.O. 273/86, "ECPOAEAH", kenyataan Mat Rouse (Ros).
37. Tidak sama dengan Haji Daud sebelum ini.
38. C.O. 273/86, William Jervois kepada Carnavon, 14 Disember 1876, terlampir, "Enquiry as to complicity of Chief in the Perak Outrages. Abridgement of Evidence, Arranged various heads." (Singapore: Government Printing Press), 1876. (seterusnya diringkaskan menjadi C.O. 273/86, "ECPOAEAH") kenyataan Haji Husin.
39. C.O. 273/86, Robert Meade kepada Herbert, 23 Januari 1876.
40. P. L. Burns & C. D. Cowan, *Swettenham's Malayan Journals 1874-1876*, Kuala Lumpur, 1975, 315-316.
41. C.O. 273/86, William Jervois kepada Carnavon, 14 Disember 1876, "terlampir, Enquiry as to Complicity of Chief in the Perak Outrages Precis of Evidence," (Singapore: Government Printing Press), 1876. (seterusnya diringkaskan menjadi C.O., 273/86, "ECCPO").
42. C.O. 273/90, Gabenor Negeri-negeri Selat kepada Pejabat Kolonial, 11 Januari 1877, terlampir enclosure 2, "Trial of Maharaja (Maharaja) Lela and others for murder of Mr. Birch", (seterusnya diringkaskan menjadi C.O. 273/90.

Biografi Tokoh Pilihan Malaysia

"TMMB", kenyataan Pikai (isteri Seputum), 18 Disember 1876; kenyataan Se Gondah, 15 Disember, 1876; kenyataan Raja Dein Maruah, 16 Disember 1876.

43. Ibid., kenyataan Se Gondah, 15 Disember 1876; kenyataan Raja Dein Maruah, 16 Disember 1876.

44. C.O. 273/86, "ECCPO".

45. C.O. 273/90, "TMMB", kenyataan Raja Dein Maruah, 16 Disember 1876; kenyataan Koh Ah Yong, 16 disember 1876; kenyataan Khoo Ah Chai, 16 Disember 1876; kenyataan Allong Nhor, (Alang Nor), 16 Disember 1876; kenyataan Che Omar, 20 Disember 1876. C. O. 273/86, "Enquiry as to complicity of Chief in the Peak Outrages Precis of Evidence". (Singapore: Government Printing Press), 1786, terkandung kenyataan Se Gondah dan Seputum. Tentang siapa pembunuh dan bagaimana J. W. W. Birch dibunuh sila lihat Abdullah Zakaria Bin Ghazali, "Pembunuhan J. W. W. Brich: Suatu Kajian Tentang Pembunuohnya", *JEBAT*, Bil. 9, 1979/90, 59-72.

46. C.O. 273/86, William Jervois kepada Carnavon, 14 Disember 1876, enclosure 2, William Jervois kepada Sultan Abdullah, 10 Ogos 1876.

47. C.O. 273/90, "TMMB", Davidson kepada Setiausaha Kolonial, 20 Januari 1877, William Jervois kepada Carnavon, 1 Februari 1877.

48. *Malayan Police Magazine*, Vol. VIII, No. 5, May 1935, 155, P.L. Burns, op.cit., 37.

TAN CHENG LOCK

Oleh

Tan Liok Ee

Pemilihan Tan Cheng Lock ke dalam senarai 20 tokoh pertama, untuk perbincangan seminar pertama yang dianjurkan oleh Projek Kamus Biografi Malaysia tentang Biografi Malaysia, merupakan satu pilihan yang tepat. Tan Cheng Lock yang berada di barisan depan telah menyaksikan bagaimana peristiwa-peristiwa utama membawa evolusi kepada Semenanjung Malaysia, iaitu dari sebuah koloni British kepada sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Disebabkan peranannya dalam sejarah politik negara, namanya bukan sahaja tercatat dalam buku-buku sukanan pelajaran sekolah, malahan juga menjadi tumpuan kajian para sarjana. Nama Tan Cheng Lock begitu masyhur sehingga tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa tidak ramai warganegara Malaysia yang tidak pernah mendengar nama beliau.

Setakat ini, tidak ada sebarang kajian yang lengkap tentang riwayat hidup Tan Cheng Lock, seorang yang hidup dengan kekayaan dan kemewahan, mencebur dalam berbagai lapangan iaitu sebagai seorang peniaga; seorang pemimpin orang-orang Cina Selat; anggota Majlis Perundungan yang dilantik pada tahun 1920-an dan 1930-an; Pengurus Pusat Tenaga Rakyat dan Majlis Tindakan Bersama SeTanah Melayu (PUTERA-AMCJA); parti Perikatan, gabungan berbilang kaum yang bertujuan berjuang untuk kemerdekaan Tanah Melayu; dan akhir sekali sebagai pemimpin Persatuan Cina (MCA) Tanah Melayu (sekarang Malaysia). Namun demikian, masih terdapat tiga buah artikel yang menulis mengenai biografi beliau. Yang pertama ditulis oleh Soh Eng Lim yang telah diterbitkan pada 1960;¹ artikel kedua ditulis oleh K.G. Tregonning yang telah diterbitkan pada 1979² dan artikel yang terbaru oleh Tjoa Hock Guan yang telah diterbitkan pada tahun 1983.³ Daripada maklumat-maklumat yang terkandung dalam kajian-kajian di atas, dan kajian-kajian lain tentang Malaysia yang memberi keterangan tentang Tan Cheng Lock, serta kertas-kertas persendirian yang banyak ditinggalkan oleh beliau,⁴ maka kepentingannya dalam sejarah negara dan juga dalam Kamus Biografi Malaysia, tidak dapat dipersoalkan lagi.

Tan Cheng Lock dilahirkan pada 1883. Keturunan keluarga beliau, sebagai mana yang beliau selalu dakwa dengan bangganya dalam ucapan-ucapan, telah menetap di Melaka lebih daripada 200 tahun. Tan Cheng Lock selain merasa bangga dalam mengesan asal-usul keturunan keluarganya di Tanah Melayu, juga berbangga dengan kedudukan istimewa "Negeri Bertuah"nya dalam sejarah Tanah Melayu. Ini jelas terbukti dalam beberapa

ucapan yang disampaikan oleh beliau di Melaka, di mana beliau telah memulakan ucapan dengan menceritakan sejarah Melaka, dari zaman pemerintahan Parameswara sehingga British mengambil alih bandar Melaka dari tangan Belanda.

Tan Cheng Lock adalah seorang "anak Melaka jati" yang tidak pernah meninggalkan Melaka dan mendiami di tempat lain, kecuali tiga tahun (1939-1941) beliau berada di Switzerland kerana masalah kesihatan isterinya dan berada di India semasa Perang Dunia Kedua, Tan bermastautin di Melaka dan menguruskan semua urusan dari Melaka. Ini juga keadaan yang berlaku ketika memegang jawatan Presiden MCA, beliau telah melawati seluruh Semenanjung di samping berulang kali menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur.

Tan mula muncul di kalangan umum apabila beliau dilantik menjadi Anggota Tidak Rasmi Majlis Perbandaran Melaka pada 1912. Dari tahun 1923-1934, beliau merupakan Anggota Tidak Rasmi Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat. Beliau merupakan orang Asia yang pertama dilantik ke Majlis Eksekutif Negeri-negeri Selat pada 1933. Pada lazimnya mereka yang dilantik oleh British ke jawatan ini berpendidikan Inggeris dan dari sebuah keluarga berada, serta merupakan seorang pemimpin yang diterima umum oleh komuniti sendiri. Dalam hal ini, tidak ada sebarang kekecualian bagi Tan Cheng Lock.⁵

Menurut Tregonning, apa yang sebenarnya menyebabkan Tan Cheng Lock menjadi terkemuka sebagai seorang ahli Majlis Perundangan, adalah kerana beliau tidak hanya terhad menumpukan perhatian dalam melindungi atau menjaga kepentingan bangsa dan kelas sendiri sahaja.⁶ Walaupun beliau dilantik untuk mewakili orang Cina, namun Tan juga bertindak sebagai jurucakap yang lantang menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani padi Melayu yang mata pencarian mereka digugat oleh mendapan muara Sungai Melaka; masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan Melayu; bangsa Serani yang memerlukan bantuan kerajaan; golongan Chettiar yang dipengaruhi oleh Rang Undang-undang Peminjaman; dan masalah kemiskinan kampung yang mana penduduk-penduduk kampung mendakwa sukar mendapatkan tanah untuk pertanian.. Sifat beliau yang "sensitif kepada keperluan bantuan dari orang yang kurang bernasib" juga dihuraikan oleh Tjoa.⁷ Sifat ini, seperti yang kita sedia

maklum, terus kekal pada Tan selaku seorang pemimpin dan dalam semua peringkat kerjayanya.

Tan Cheng Lock juga menonjol di kalangan pemimpin-pemimpin generasinya kerana beliau merupakan salah seorang pemimpin yang paling awal membayangkan impian bagi sebuah Kesatuan Tanah Melayu. Dalam salah satu ucapan terkemuka selaku seorang ahli Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat pada 1926, Tan telah menyatakan seperti berikut:

Our ultimate political goal should be a self-governing. British Malaya with a Federal Government and Parliament for the whole of it, functioning at a convenient centre, say, at Kuala Lumpur, and with as much autonomy in purely local affairs as possible for each of its constituent parts.⁸

Seterusnya beliau menyatakan bahawa pada pendapatnya itu adalah

... high time that we commence to take action toward forging the surest and strongest link of that United Malaya by fostering and creating a true Malayan spirit and consciousness amongst its people to the complete elimination of the (sic) racial or communal feeling.⁹

Sama ada pendapat Tregonning yang mengatakan bahawa impian pada tahun 1926 itu "dianggap suatu imaginasi yang terlalu bebas" ("regarded as wildly imaginative") tepat atau tidak, akan tetapi, impian inilah yang sebenarnya merupakan matlamat Tan, dan yang paling mempengaruhi sikap Tan dalam aktiviti-aktiviti politik sepanjang hidupnya.

Tuntutan Tan Cheng Lock yang kedua ialah meminta supaya lebih ramai orang Tanah Melayu diterima masuk dalam "sfera tertinggi aktiviti manusia" ("the highest sphere of human activity," iaitu dalam kerjaan dan pentadbiran negara. Dalam ucapan yang sama pada 1926, beliau meminta British untuk menetapkan

... an unofficial majority in the Legislative Council, the institution of public elections for the appointment of some, at least, of its members, and adequate representation of the Executive Council.¹⁰

Langkah ini merupakan sebahagian daripada proses yang diusahakan oleh Tan, yang mana beliau berharap Tanah Melayu dapat mencontohi koloni-koloni British lain menuju ke matlamat pemerintahan sendiri dan bebas daripada pemerintahan kolonial. Tan sebenarnya tidak bermaksud untuk menentang pemerintahan British secara hebat memandangkan beliau merupakan seorang Cina Selat yang dianggap warganegara British. Namun, sebagai seorang rakyat yang cintakan bangsa dan negara, beliau tidak sanggup melihat keadaan yang ada ketika itu dikekalkan untuk selama-lamanya. Selepas tahun 1946, tuntutan ini telah giat diperhebatkan menjadi suatu tuntutan yang mendesak keadaan pemerintahan sendiri dicapai seberapa segera.

Tan turut berpendapat bahawa "semua anak negeri tempat ini, yang dimaksudkan oleh saya adalah semua warganegara British bukan bangsa Eropah, harus diterima untuk berkhidmat dalam badan Perkhidmatan Awam Negeri."¹¹ Menurut beliau, "colour bar" (sikap memandang rendah dan mengasingkan diri dari orang kulit berwarna) telah mengakibatkan penyingkir "kepada mereka yang bukan dari keturunan bangsa Eropah jati," dan ini telah menyebabkan bangkitnya perasaan hampa dan tidak puas hati di kalangan orang-orang yang diskriminasi ini. Tan seterusnya memberi contoh bagaimana dua orang rakan rapatnya yang merupakan orang Cina Selat telah diberi tawaran dan peluang untuk membuktikan kebolehan mereka di China. Akan tetapi, galakan dan peluang sedemikian kurang terdapat di Tanah Melayu.¹²

Kenyataan bahawa beliau telah dibesarkan dalam sebuah negeri yang mana orang Cina telah membuat penempatan di situ untuk hampir 500 tahun lamanya, Tan Cheng Lock, seperti Baba Melaka lain, lebih menganggap dirinya sebagai "bumiputera".¹³ Banyak kali dalam ucapannya, Tan telah menggelar diri, dan juga orang Cina yang dilahirkan di Tanah Melayu, sebagai "bumiputera". Kepada Tan Cheng Lock, semua orang Cina yang lahir di Tanah Melayu "adalah patuh dan taat setia kepada kerajaan dan kepentingan Tanah Melayu" dan "sesiapa yang telah membuat dan menganggap negara ini sebagai tempat bermastautin mereka" haruslah "diberi layanan yang adil, saksama dan tidak memihak ke mana-mana supaya mereka berperasaan negara ini adalah tanah air mereka."¹⁴ Sementara itu, tuntutan ketiga yang berulang kali ditekankan oleh Tan ialah hak asasi orang-orang Cina di Tanah Melayu.

Antaranya, selain daripada hak kerakyatan dan hak mengundi,¹⁵ hak menerima pendidikan juga harus diberikan. Tan Cheng Lock berpendapat bahawa adalah tanggungjawab kerajaan kolonial dalam memastikan semua warganegara menerima pendidikan yang sewajarnya. Ini adalah kerana

Even one whose lot in life is to perform manual work has a perfect right to the inestimable advantage of a good education.¹⁶

Lebih khusus lagi, Tan menegaskan bahawa kerajaan harus memberi pendidikan Inggeris kepada sesiapa yang berminat mempelajarinya. Walaupun demikian, kerajaan juga mempunyai tanggungjawab yang sama dalam menyokong dan membantu sekolah-sekolah Cina memandangkan sebahagian besar orang Cina ingin mendapat pendidikan melalui bahasa ibunda mereka. Pembelajaran dalam bahasa Cina adalah sangat bernilai kerana apabila pelajar-pelajar menerima pengajaran dengan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar — "mereka sebenarnya dididik di sepanjang rangka kebudayaan dan tradisi turun-temurun mereka."¹⁷ Tan Cheng Lock juga menyokong bahasa Cina diajar kepada pelajar-pelajar Cina yang belajar di sekolah Inggeris "supaya mereka dapat memelihara adat resam, institusi dan budi pekerti, serta mahir dalam kesusasteraan dan kebudayaan Cina purba."¹⁸

Selama 23 tahun Tan sebagai seorang perwakilan yang dilantik ke beberapa institusi pentadbiran kolonial, isu-isu di atas telah disalurkan oleh beliau melalui ucapan-ucapannya. Namun, malang sekali, hampir kesemua isu yang dikemukakan oleh beliau telah diabaikan oleh pihak British. Sehingga beliau bersara pada 1935, pilihan raya masih tidak diadakan dan anggota Tidak Rasmi di dalam Majlis Perundangan masih bukan majoriti. Tanah Melayu tetap terbahagi kepada tiga unit pentadbiran yang berasingan. Majoriti orang Cina yang menetap di Semenanjung masih tidak menunjukkan minat untuk melibatkan diri dalam politik Tanah Melayu. Dalam sebuah memorandum yang dikemukakan pada 1932, Tan Cheng Lock antaranya telah menyarankan supaya lebih ramai rakyat Tanah Melayu diterima ke dalam perkhidmatan awam; memberi hak kerakyatan kepada semua penduduk tetap dan mengatur langkah ke arah mengadakan pilihan raya dan sebuah kerajaan yang diperintah oleh rakyat sendiri. Menyedari kecenderungan sikap anti-Cina yang makin meningkat dalam dasar Brit-

ish. Tan telah menyatakan perasaan kesal beliau terhadap dasar kolonial yang mengamalkan diskriminasi terhadap orang Cina. Beliau telah memberi amaran bahawa dasar sedemikian akan meningkatkan masalah permusuhan dan penentangan antara kaum dan "akan cenderung membentuk satu sistem lapisan masyarakat yang membahagikan masyarakat Tanah Melayu kepada tiga cabang utama berdasarkan kaum."¹⁹ Mengikut Tan Cheng Lock, dalam susun lapisan masyarakat ini, pihak British atau Brahmin adalah di bahagian atas sekali, diikuti oleh orang Melayu dan orang yang berada di lapisan terbawah sekali adalah orang bukan Melayu yang setaraf Sudras atau Pariah.

Malangnya, sekali lagi tidak ada sambutan positif kepada memorandum ini dan dengan demikian, pada pendapat Tregonning, Tan Cheng Lock telah bersara "dengan perasaan yang amat kecewa".²⁰ Dalam memorandum tahun 1932, Tan Cheng Lock telah meluahkan bagaimana anggota tidak rasmi telah "berperasaan tidak berdaya dan berpendapat bahawa sebarang usaha bantahan mereka hanyalah suatu usaha yang sia-sia sahaja."²¹ Tan kemudian menjadi lebih berterus-terang semasa menulis sepucuk surat kepada seorang kawan. Tentang "pemerintahan asing", beliau berkata:

... is such that the minor benefits it may confer can never compensate for the spiritual degradation it involves and the slave mentality it generates. This is the real reason why 99.99 per centum, as you say, of the English educated Chinese in Penang are spiritually dead and politically unconscious.²²

Beliau telah mengakhiri surat ini dengan menjelaskan pendiriannya bahawa ketidakpuasan beliau bukan diasaskan kepada British. Beliau hanya "menentang seluruh sistem yang buruk, sial dan menghinakan".²³

Selepas menghabiskan masa tiga tahun di Switzerland untuk mengubati penyakit batuk kering isteri beliau, Tan kembali dan menetap untuk satu jangka waktu yang pendek, iaitu selama dua tahun (antara Julai 1939 hingga Januari 1942) sebelum beliau tergesa-gesa memindahkan seluruh keluarganya ke India untuk melepaskan diri dari serangan Jepun ke atas Semenanjung Tanah Melayu. Sepanjang masa Tanah Melayu di bawah pendudukan Jepun, Tan berada di Bangalore, India. Hanya pada Jun 1946 beliau berjaya mengatur memindahkan seluruh keluarganya balik ke Melaka. Semasa berada di India, Tan telah berpeluang memerhatikan

perkembangan politik di India, khasnya gerakan menuntut kemerdekaan yang dipimpin oleh Gandhi. Perkembangan di India ini telah meninggalkan kesan yang penting pada Tan dan juga menolong kita memahami jenis kegiatan politik yang beliau sedia menceburinya dan komitmen teguh beliau dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu selepas pulang ke Tanah Melayu.²⁴

Namun demikian, Tan Cheng Lock tidak hanya menghabiskan masa dalam memerhatikan perkembangan politik India pada tahun-tahun Perang Dunia Kedua. Bersama-sama dengan anaknya Tan Siew Sin, beliau telah menujuhkan Persatuan Orang Cina Seberang Laut (Overseas Chinese Association). Selain daripada matlamat asas untuk mewakili dan memperjuangkan kepentingan orang Cina, persatuan ini, menurut Tan Cheng Lock bertujuan "menimbangkan masalah-masalah penempatan selepas perang" dan "bersiap sedia untuk menghadapi masa di mana banyak soalan penting mengenai masa depan kita dibangkitkan, yang mana soalan yang dibangkitkan itu perlu diselesaikan dengan sesuatu cara."²⁵ Pada hakikatnya, persatuan ini telah menjadi asas untuk penubuhan Persatuan Cina Tanah Melayu sebaik sahaja kepulangannya ke Tanah Melayu.²⁶

Tan Cheng Lock sedar yang British mungkin kembali selepas perang dengan membawa perubahan-perubahan yang akan mempengaruhi suasana politik antarabangsa dan tempatan, telah menulis beberapa memorandum ke Jabatan Kolonial untuk menyampaikan pandangan beliau dan memohon untuk dilantik sebagai seorang wakil. Dalam semua memorandum ini, seseorang dapat memahami sifat dan matlamat utama yang telah dinyatakan dalam bahagian awal kertas kerja ini. Memorandum beliau yang terkemuka "Memorandum on the Future of Malaya", umpamanya, membincangkan perlunya mengadakan beberapa perubahan melalui rancangan dan peringkat-peringkat tertentu dari sebuah "kerajaan yang mengamalkan autokratik tulen" kepada "sebuah kerajaan koloni British yang bertanggungjawab penuh di Tanah Melayu"; menekankan lagi bahawa keseluruhan Tanah Melayu harus disatukan ke dalam sebuah Persekutuan, dan mendesak perlunya untuk "membentuk sebuah komuniti Tanah Melayu yang mempunyai kesedaran dan berperasaan cintakan tanah air dan hidup dalam sebuah negara yang bebas di bawah naungan Empayar British dan negara-negara Komanwel."²⁷ Beliau merasa kesal dengan sikap pentadbiran yang tidak banyak mengambil langkah dalam membuat orang Cina

menganggap Tanah Melayu sebagai tanah air mereka meskipun pemimpin-pemimpin orang Cina selalu membuat saranan begitu." Sebaliknya menurut beliau, "pihak berkuasa tidak mahu mendengar semua permintaan yang dikemukakan oleh kita, bahawa kita sudah menyamakan identiti kita dengan kepentingan Tanah Melayu."²⁸ Akhir sekali, memorandum ini telah mengemukakan beberapa cadangan untuk mengadakan perubahan dalam dasar ekonomi, pelajaran, buruh, cандu, dan perkhidmatan sosial untuk menarik perhatian pentadbiran kepada satu lingkungan isu yang luas yang mempengaruhi penduduk berbagai kaum. Malahan, terdapat juga bahagian cukai kematian. Dalam kata-kata pentadbiran yang mempunyai makna tersembunyi, cukai ini adalah:

The payment of death duties did not concern the European community in Malaya, all of whom retired to their homeland to die.²⁹

Pokok perbincangan utama yang sama juga dibincangkan dalam dua buah memorandum beliau yang bertajuk "Memorial Relating to Malaya" dan "Comments on the Memorandum of British Malaya."³⁰

Seperti yang telah dinyatakan tadi, Tan Cheng Lock sangat sensitif kepada keadaan dan masalah orang yang kurang bernasib, dan biasanya masalah-masalah orang ini menjadi isu yang menarik perhatian beliau. Persatuan Tanah Melayu (Malayan Association) di Bombay telah meluluskan resolusi pada 16 November yang berbunyi bahawa semua "Quislings" (bererti "orang-orang yang pernah membantu Jepun sama ada dalam Kerajaan Awam negeri tersebut atau lain"), akibat tindakan mereka semasa pendudukan Jepun, harus dibuang negeri dari Tanah Melayu untuk selamanya. Cheng Lock menggambarkan bahawa resolusi begini sebagai "tidak adil, kurang bijak dan tidak dapat dipraktikkan."³¹ Beliau berpendapat bahawa, adalah tidak adil jika membenarkan sekumpulan kecil orang yang sungguh bertuah yang telah dapat melepaskan diri dari pemerintahan Jepun yang kejam untuk membicarakan tindakan orang-orang yang telah "ditinggalkan ketika dalam kesusahan dan memerlukan pertolongan." Beliau menekankan lagi bahawa orang-orang yang ada di Tanah Melayu pada masa itu "perlu mendapatkan makanan, tempat tinggal dan untuk terus hidup." Tambahan pula, mereka terpaksa berhadapan dengan *force majeure* yang berpengaruh dan terpaksa tunduk kepada pemerintahan penakluk yang

kejam ... "jika tidak mereka akan menderita kerana kematian, kelaparan atau tindakan melanun Jepun, memandangkan Jepun menguasai penuh keadaan dan dalam mana mereka tidak mempunyai pilihan lain lagi."³² Resolusi "Quisling," menurut beliau, bermakna "separuh, kalau bukan semua penduduk Tanah Melayu, termasuk Sultan dan keluarga diraja akan dibuang negeri untuk selama-lamanya."³³

Kepulangan Tan Cheng Lock ke Tanah Melayu telah dianggap terlalu lambat untuk memberikan sokongan berkesan beliau ke atas rancangan Malayan Union, yang mengandungi beberapa perubahan perlombagaan yang dikehendaki oleh beliau. Pihak British terpaksa mengambil keputusan memansuhkan rancangan yang disusun dalam masa perang, memandangkan terdapat bantahan hebat dari orang Melayu. Dalam bulan April dan Mei 1946, kedua-dua Edward Gent (Gabenor) dan Malcolm MacDonald (Gabenor-Jeneral) masing-masing telah menasihatkan Pejabat Kolonial bahawa adalah perlu mengadakan suatu perubahan dasar.³⁴ Maka, ketika Cheng Lock pulang pada Jun 1946, pihak British telah mula mengadakan perbincangan dengan Sultan dan pemimpin-pemimpin Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

Dalam peristiwa ini, seorang penulis berpendapat bahawa jika British mendapat sambutan dan sokongan kuat dari orang-orang bukan Melayu terhadap rancangan Malayan Union, British mungkin mempunyai alasan yang lebih untuk meneruskan rancangan Malayan Union.³⁵ Sebaliknya, penyelidik-penyalidik lain pula berpendapat bahawa British terpaksa menjalin semula hubungan dengan sultan-sultan dan pemimpin-pemimpin Melayu yang bersikap sederhana di bawah payung UMNO.³⁶ Walau bagaimanapun, ketika Tan pulang ke Tanah Melayu, rancangan Malayan Union telah pun beransur-ansur dimansuhkan.

Dalam sebuah ucapan beliau di majlis makan malam penghormatan Malcolm MacDonald yang diadakan pada bulan Oktober, beliau dengan lantang mengkritik sikap British yang enggan menyediakan sebarang langkah ke arah mencapai pemerintahan sendiri, yang mencerminkan maksud British "hendak mengekalkan dan mengabadikan kedudukan istimewa" dan "pigmentocracy of the pukka white man" di Tanah Melayu.³⁷ Beliau mengkritik dengan tajam sekali dengan merujuk kepada perubahan dalam dasar adalah "barangkali cap khusus dewa-dewa 'Olympia' yang memerintah kita lebih berpengetahuan dan benar-benar pintar, sekurang-

kurangnya cukup untuk menjamin bahawa janji-janji yang diberikan kepada semua penduduk Tanah Melayu dalam perundingan harus bukan suatu perbuatan yang berpura-pura dan tidak bererti." Malangnya, apa yang berlaku adalah "sesuatu yang telah dilakukan dan kerana itu tidak perlu dipersoalkan lagi, walaupun ia terpaksa mengorbankan kepentingan kita." Kemudian "kami yang ditinggalkan dengan tidak ada alternatif lain akan mengatur kempen supaya tujuan kami boleh dicapai dan mengamalkan sikap tidak bekerjasama dengan pihak kerajaan."³⁸

Akan tetapi, siapakah yang patut dipimpin oleh Cheng Lock dalam gerakan seperti ini? Nama beliau mungkin termasyhur, namun beliau merupakan seorang pemimpin yang tidak mempunyai pengikut dalam bentuk persatuan. Dunia politik di Tanah Melayu telah berubah dengan tiba-tiba pada masa pendudukan Jepun. Walaupun belum muncul sebarang gerakan nasionalis Tanah Melayu, akan tetapi pada keseluruhannya kesedaran politik telah dipertingkatkan. Parti Komunis Malaya (PKM) antara lain telah muncul sebagai sebuah parti politik yang paling tersusun. Ancaman dari rancangan Malayan Union pula membangkitkan perasaan nasionalisme orang Melayu yang sebelum ini belum pernah terjadi sedemikian. Maka, dengan demikian, pada tahun-tahun awal lepas perang, dua golongan ini telah muncul menjadi tenaga politik yang paling menonjol.

Terdapat kumpulan yang ketiga, yang mana penulis menyifatkan sebagai "prototaip" nasionalis Tanah Melayu. Golongan ini terdiri daripada "orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Serani dan lain-lain bangsa yang dilahirkan di Tanah Melayu dan berpendidikan Inggeris ... yang sekarang telah yakin akan kewujudan sebuah Kesatuan Tanah Melayu berbilang kaum yang merangkumi Singapura."³⁹ Segolongan mereka ini telah menubuhkan Kesatuan Demokrat Tanah Melayu (MDU-Malayan Democratic Union) yang berpusat di Singapura dan berjuang untuk pembentukan sebuah Kesatuan Tanah Melayu yang merangkumi Singapura dan yang menjalankan pemerintahan sendiri; sebuah badan perundangan yang mana anggotanya adalah dipilih dan "Tanah Melayu yang dipimpin oleh kerajaan sendiri haruslah adil dan saksama pada semua penduduk dan membuang pembatasan warna kulit."⁴⁰ Pada November 1946, Tan Cheng Lock telah bergabung ke dalam kesatuan ini, yang mana dasar politiknya adalah sangat dekat pada idea beliau sendiri.

Tan Cheng Lock tidak hadir dalam mesyuarat pertama yang diadakan pada bulan tersebut yang membincangkan penyusunan sebuah gerakan untuk membantah perundingan menggubah perlombagaan baru yang sedang dijalankan. Namun demikian, beliau telah mengirimkan sebuah telegram kepada para hadirin dalam mesyuarat, mendesak mereka supaya menerima tiga prinsip dasar iaitu:

- (i) Singapura akan dimasukkan dalam Kesatuan Tanah Melayu.
- (ii) Sebuah kerajaan Tanah Melayu yang menjalankan pemerintahan sendiri, dan yang mengamalkan prinsip pilihan raya di mana wakil-wakil Parlimen dan Dewan Negeri dipilih.
- (iii) Hak kewarganegaraan saksama kepada semua orang yang menjadikan Tanah Melayu tempat bermastautin mereka. Sebagai balasan, semua warganegara Tanah Melayu mesti taat kepada negara ini.⁴¹

Pada bulan berikutnya, bersama-sama dengan John Eber dari MDU, Tan telah menganjurkan mesyuarat pertama Majlis Tindakan Bersama (Council of Joint Action). Dalam mesyuarat ini, ketiga-tiga prinsip dasar yang dicadangkan oleh Tan Cheng Lock melalui telegram itu telah diterima. Pada bulan yang sama, Tan telah dipilih menjadi Pengurus Majlis Tindakan Bersama (AMCJA) yang telah menukar nama menjadi "Pan-Malayan Council of Joint Action" (PMCJA) setelah lebih banyak persatuan di Tanah Melayu bergabung dalam organisasi. Dalam mesyuarat ini, PMCJA telah memutuskan untuk menolak semua persetujuan yang telah dicapai antara British dengan sultan-sultan dan pemimpin-pemimpin UMNO sebelum ini: menegaskan bahawa PMCJA adalah badan tunggal yang boleh mewakili semua penduduk Tanah Melayu dalam menyuarakan pandangan mereka terhadap isu perlombagaan dan berazam memulau Jawatankuasa Perundingan yang telah ditubuhkan untuk mengkaji sambutan orang bukan Melayu terhadap rancangan Persekutuan Tanah Melayu.

Tidak lama kemudian, sebuah organisasi lain, Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) telah bergabung dengan PMCJA. Pusat Tenaga Rakyat merupakan sebuah organisasi yang menggabungkan berbagai persatuan orang Melayu, dan PUTERA dipimpin oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (Malay Nationalist Party, MNP). Namun demikian, perlu dijelaskan di sini, bahawa mereka juga membantah hebat ketiadaan persediaan untuk membebaskan Tanah Melayu dari pemerintahan kolonial

British dalam kandungan rancangan Persekutuan Tanah Melayu. Tambahan pula MNP yang mendakwa dapat mewakili sebahagian besar orang Melayu, telah membantah rangka perlombagaan yang disusun hanya antara British di satu pihak dan sultan-sultan dan pemimpin-pemimpin UMNO di pihak lain.⁴³

Pergabungan PUTERA-AMCJA telah menyediakan peluang bagi PKM memperluaskan pengaruhnya ke dalam organisasi ini. Ini telah dapat dilakukan melalui individu (seperti John Eber dan Gerald de Cruz) yang aktif memegang teraju kepemimpinan dan mendominasikan organisasi komunis yang telah menyusup ke dalam komponen PUTERA-AMCJA.⁴⁴ Kedua-dua MDU dan MNP, dengan demikian merupakan sasaran PKM untuk masuk menyeludup.⁴⁵

Walaupun begitu, di kalangan pemimpin-pemimpin MDU dan MNP yang berpendidikan tinggi, juga terdapat golongan bukan komunis "yang mempunyai keperibadian tersendiri."⁴⁶ Contoh yang paling terkenal di kalangan pemimpin-pemimpin ini dalam MNP ialah Ishak Haji Mohammad dan Burhanuddin Al-Helmy. Akibatnya, PKM sendiri yang jelas menghadapi masalah 'tailism', iaitu "Selain dikatakan bahawa ahli PKM menyusup ke dalam PUTERA-AMCJA dan telah dapat memimpin mereka, keadaan yang sebenarnya berlaku adalah di sebaliknya."⁴⁷

Di samping itu, dasar-dasar politik MDU dan MNP mempunyai banyak persamaan. Khasnya tuntutan untuk perubahan yang cepat ke arah mencapai matlamat berkerajaan sendiri; hak sama rata bagi semua warganegara; kebebasan untuk berucap, berakhbar dan berhimpun. Ini telah menyediakan dasar ideologikal untuk menyatukan mereka, meskipun mereka mempunyai beberapa perbezaan penting dalam aspek lain. Lebih-lebih lagi, mereka berpegang pada sebab-sebab yang sama dalam membantah rancangan Persekutuan Tanah Melayu, iaitu kurang persediaan untuk mencapai pemerintahan keadaan sendiri, dan tidak mempunyai sebarang perwakilan selain daripada sultan-sultan dan pemimpin-pemimpin UMNO dalam perundingan dengan British.

PUTERA-AMCJA telah gagal dalam matlamat serta-mertanya untuk menggagalkan rancangan Persekutuan Tanah Melayu. Namun demikian, untuk pertama kali, ia telah berjaya menggabungkan orang dan organisasi yang berfahaman politik berlainan dan dari etnik yang berbeza, sama-sama menentang pemerintahan British. Melalui pertemuan dengan kalangan

umum, risalah dan juga harta yang diadakan pertama kalinya di seluruh negara menandakan kemuncak aktiviti-aktiviti dan pengaruh PUTERA-AMCJA. Gerakan-gerakan ini telah menolong dalam menaikkan kesedaran politik rakyat jelata dan menginsafkan mereka akan pentingnya isu perlembagaan. Atas sebab-sebab ini, telah dicadangkan bahawa nasionalisme Tanah Melayu yang sejati haruslah dianggap bermula dengan PUTERA-AMCJA.⁴⁷

Tambahan pula, kenyataan bahawa PUTERA-AMCJA mampu menyusun sebuah rangka perlembagaan baru - Perlembagaan Rakyat (*The Peoples' Constitutional proposals*), melalui rundingan dan kompromi telah memperkuatkan lagi cadangan di atas.⁴⁸ Namun, rangka perlembagaan ini telah ditolak oleh MacDonald yang menyifatkannya sebagai sebuah rangka yang "idealistik dan tidak dapat dipraktikkan" walaupun pada masa sekarang, ia dianggap sebagai "munasabah, adil dan saksama kepada semua orang yang menghargai diri dan yang hendak melepaskan diri dari kongkongan kolonialisme."⁴⁹

Perbincangan yang agak panjang mengenai PUTERA-AMCJA perlu memandangkan penglibatan Tan Cheng Lock dalam gabungan ini telah dipersoalkan dan dikritik oleh kawasannya dan juga *Straits Times*, yang menerbitkan pandangan umum. Persoalan di sini sama ada beliau "secara tidak sedar telah menjadi alat PKM" atau beliau sanggup bekerjasama dengan individu seperti Gerald de Cruz dan John Eber yang telah disifatkan sebagai "odd flirtation" yang mana keseluruhannya berbeza dari sifat keperibadian beliau?⁵⁰

Tindakan Tan Cheng Lock menentang rancangan Persekutuan Tanah Melayu tidak sukar untuk difahami memandangkan beliau ingin menyelaraskan tugasnya membentuk sebuah Kesatuan Tanah Melayu yang menjalankan pemerintahan sendiri dan semua penduduk tidak kira bangsa yang bermastautin di wilayah ini diberi hak dan kewajipan yang sama. Beliau telah diberi penghormatan sebagai seorang pemimpin yang memimpin semua komuniti menimbulkan penggubalan perlembagaan Tanah Melayu untuk masa depan. Maka adalah jelas mengapa beliau mengecam dan membantah ketiadaan anggota bukan Melayu terlibat dalam proses perundingan. Ucapan beliau dalam majlis makan malam penghormatan MacDonald pada bulan Oktober 1946 telah menunjukkan bahawa pada keseluruhannya beliau sinis terhadap keikhlasan British dalam membebaskan Tanah Melayu dari

penjajahan (dekolonisasi) dan beliau sedia menjadi lebih terlibat untuk mempertahankan cita-cita ideanya. Dengan demikian, terdapat banyak persamaan antara pendirian beliau dengan pendirian MDU dan MNP. Pada dasarnya rancangan Perlembagaan Rakyat menggabungkan banyak cita-cita ideal ini.

Melihat pada latar belakang kepemimpinan beliau, maka penyertaannya dalam gerakan menentang rancangan Persekutuan Tanah Melayu bukanlah suatu tindakan yang ganjil dan terkeluar dari sifat beliau. Pada hal Tan Cheng Lock adalah orang yang bertanggungjawab mencadangkan hartal, yang pernah beliau saksikan bagaimana gerakan ini diperlakukan dan mendapat kesan yang baik di India. Beliau kemudiannya telah melancarkan gerakan hartal kebangsaan yang kedua pada 1 Februari 1948, iaitu pada hari rancangan Persekutuan Tanah Melayu secara umum dirasmikan. Akan tetapi, pada masa ini golongan peniaga Cina yang sebelum ini dapat dipengaruhi oleh Tan untuk memasuki PUTERA-AMCJA telah mengambil keputusan keluar dari gabungan ini setelah menerima tekanan dari British dan orang-orang yang menaruh simpati pada Kuomintang.⁵¹

Ucapan-ucapan beliau semasa penglibatan beliau dalam PUTERA-AMCJA jelas membayangkan impiannya untuk menubuhkan sebuah Kesatuan Tanah Melayu yang mengamalkan dasar demokratik yang merangkumi masyarakat berbilang kaum. Umpamanya, beliau pernah menerangkan matlamatnya dan juga matlamat PMCJA dengan mengatakan bahawa:

We demand for Malaya a Constitution based on democratic and liberal principles, which will guarantee the fundamental rights and liberties of its citizens and which will necessarily lead its people along the road toward the goal of unity and self-government within a specified time in a United Malaya, in which the individuals of the different communities, who are permanently settled here and are prepared to give Malaya their undivided loyalty, may share the duties and rights of citizenship on an equitable basis, with the proviso that the stronger members of the Malayan Community must extend a helping hand to the weaker ones, particularly our Malay brothers who must be uplifted to the economic level of the other inhabitants of this land.⁵²

Pandangan yang sama telah diulangi dalam ucapan lain yang berbunyi:

We the Malays, Chinese, Indians, Eurasians and Ceylonese are so locally intermingled in this country that we must reconcile ourselves to living together in peace and harmony under equal rights and laws and learn how to integrate ourselves into a single political community on the understanding that the weaker ones among its various racial elements should have special claims to the assistance and goodwill of the stronger ones.⁵³

Dalam ucapan yang sama beliau menekankan bahawa:

Nationalism, if it is to be a unifying force, requires the elimination of communalism from political life. Democracy demands for its free operation an understanding of the conflicting claims of race and language and a willingness to compromise on major political issues after full and free discussion.⁵⁴

Adalah menarik sekali, seorang penulis berpendapat bahawa salah satu faktor yang membawa kepada kegagalan penggabungan PUTERA-AMCJA kerana pemimpin-pemimpinnya "enggan membawa perangsang dan mengeksploitaskan permusuhan antara berbagai bangsa."⁵⁵ Penulis ini seterusnya menerangkan bahawa dasar berbilang bangsa yang cuba ditingkatkan oleh PUTERA-AMCJA telah ditakdirkan akan mengalami kegagalan kerana

Pada 1947, telah wujud banyak golongan nasionalis - orang Melayu, orang Cina dan orang India. Nasionalis Tanah Melayu, namun demikian, masih mudah kelihatan akan ketidakhadirannya.⁵⁶

Hujah ini boleh dibuktikan dengan merujuk kepada gabungan PUTERA-AMCJA dan beberapa orang pemimpinnya, khasnya Tan Cheng Lock yang telah disimbolkan sebagai salah seorang nasionalis Tanah Melayu yang paling awal.

Terdapat juga sebab-sebab lain yang membawa kepada kegagalan PUTERA-AMCJA. Berikut dengan kegagalan gabungan PUTERA-AMCJA, harapan Tan untuk mengatur satu perbincangan yang aman tetapi menentu dan boleh mendatangkan perubahan-perubahan dalam perlembagaan telah hancur sama sekali. Suasana politik semakin menjadi

kencang apabila PKM bergerak secara progresif memilih strategi yang bercorak militan. Pengisytiharan Darurat pada Jun 1948 telah menandakan bahawa perlunya untuk mendefinisikan semula alternatif-alternatif politik. Cheng Lock yang merasa amat kecewa dan barangkali juga merasa bingung, telah menarik diri dari gelanggang politik selama enam bulan pada masa itu, seperti yang disifatkan oleh Tregonning, beliau telah "mendiamkan diri dari politik".

Walaupun Tan Cheng Lock mengkritik British antara tahun 1946, akan tetapi beliau tetap merupakan salah seorang daripada beberapa orang pemimpin Cina yang bertanggungjawab dan ketaatan beliau tidak dapat dipersoalkan lagi. Pada akhir tahun 1948 beliau telah dijemput ke Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin lain seperti Dato' Onn bin Jaafar dan Datuk Thuraisingham. Melalui perbincangan tertutup, berterus-terang dan terbuka, jawatankuasa ini telah mencapai beberapa persetujuan dalam menyediakan dasar kerajaan untuk masa depan. Antaranya, ialah mengubah syarat kewarganegaraan untuk orang-orang bukan Melayu. Dalam hal ini, adalah menarik untuk dikaji bagaimana Cheng Lock dapat menyakinkan rakan bangsa Melayu dalam Jawatankuasa itu untuk menerima perubahan-perubahan ini.⁵⁷

Tahun-tahun antara 1946 hingga 1952 merupakan suatu zaman genting dalam perkembangan politik negara. Masa ini juga merupakan tahap paling menarik dan paling penting dalam mengkaji riwayat hidup Tan Cheng Lock dan pemimpin-pemimpin Tanah Melayu lain yang hidup pada masa tersebut. Inilah tahun-tahun yang mana pemimpin-pemimpin Tanah Melayu perlu mengkaji dan mengeksperimen banyak strategi alternatif untuk organisasi politik mereka supaya dapat mencapai matlamat-matlamat mereka: kejayaan dan kegagalan mereka akan menentukan masa depan Tanah Melayu dan generasi masa depan.

Dalam kes Cheng Lock, kegagalan PUTERA-AMCJA, kesan pemberontakan komunis (Darurat), dan penglibatan beliau dalam Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat merupakan faktor-faktor yang membuatkan beliau menukar corak aktiviti politik dalam peringkat akhir riwayat politik beliau. Mulai Februari 1949 Cheng Lock telah beralih ke sebuah organisasi baru, iaitu Persatuan Cina Tanah Melayu (MCA).

Terdapat beberapa versi pendapat tentang asal-usul penubuhan MCA.⁵⁸ Akan tetapi, semua versi ini bersetuju bahawa Tan Cheng Lock merupakan

calon yang paling menonjol dan sesuai untuk memimpin organisasi ini. Cheng Lock sendiri telah beberapa kali menganjurkan idea untuk menubuhkan sebuah organisasi bagi mewakili kepentingan orang Cina.⁵⁹ Di samping itu, penubuhan sebuah organisasi baru telah menjadi satu keperluan yang makin mendesak dan dianggap perlu berikutan kegagalan PUTERA-AMCJA dalam membawa sebarang perubahan pada perlumbagaan Persekutuan Tanah Melayu. Selaku Presiden MCA, beliau meneruskan kempen untuk menuntut layanan yang lebih saksama terhadap orang bukan Melayu pada amnya dan orang Cina khasnya. Dalam sebuah memorandum yang dihantar kepada Setiausaha Negeri untuk Koloni-koloni (Secretary of State For the Colonies) pada Mei 1950, beliau mengatakan bahawa Perlumbagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 sebagai "bukan sahaja tidak demokratik dan mundur dalam strukturnya, malahan juga ... atas prinsip dasar 'pecah dan perintah' yang mana jika dilaksanakan akan mencetuskan pertelingkahan dan perselisihan antara kaum."⁶⁰ Kepada Tan Cheng Lock,

... those who loyally do their duty to the country in the hour of its need. Whatever their race or class may be, must insistently demand the full status of citizenship to which they are thereby entitled in consonance with the dictates of natural justice and morality, human reason and the law of the nations.⁶¹

Banyak ucapan beliau yang disampaikan selaku Presiden MCA dalam tahun-tahun awal ini menyentuh perkara yang sama. Dalam ucapan 10 April 1949 umpamanya, beliau telah menggambarkan Perlumbagaan ini sebagai suatu yang

... breathes a spirit of distrust and discrimination against the Chinese and other non-Malay races as an unwanted and undesirable class of people to be tolerated to live in this country on sufferance. Its provisions dealing with the qualifications for the acquisition of Federal Citizenship, whether automatically or by application, are discriminatory in character and designed to exclude the vast majority of the Malayan Chinese from a legitimate share in the public life of this country.⁶²

Namun begitu, Tan Cheng Lock selalu mengingatkan para pendengarnya bahawa MCA dan orang Cina mempunyai tugas lain yang harus diselesaikan dengan sempurna. Beliau mendahului ucapannya dalam mesyuarat

perasmian MCA dengan menetapkan "kebebasan kebangsaan" (*National emancipation*) sebagai matlamat jangka panjang MCA.⁶³ Semasa cawangan MCA di Melaka mengadakan mesyuarat perasmian, beliau mengulangi bahawa MCA mempunyai "tugas untuk menjadikan Tanah Melayu yang berbilang kaum sebuah negara yang berdemokrasi penuh."⁶⁴

Matlamat jangka panjang ini bergantung kepada sejauh manakah MCA sanggup melaksanakan "matlamat asas kembarnya" ("twin fundamental objectives") yang telah diidentifikasi oleh Tan Cheng Lock dalam mesyuarat perasmian persatuan, iaitu:

... bringing about cohesion and unity among the Malayan Chinese of all classes and promoting inter-racial goodwill, harmony and cooperation for the sole good of this country and its inhabitants as a whole.⁶⁵

Beliau selalu merujuk kepada perlunya orang-orang bukan Melayu menginsafi masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang Melayu dan memberi bantuan seberapa yang boleh. Dalam sebuah ucapan, beliau telah mencadangkan supaya lebih sokongan diberikan kepada usaha untuk "menambah peluang-peluang ekonomi kepada orang Melayu, terutama dalam membangunkan bakat perniagaan mereka yang selama ini tersembunyi."⁶⁶

Tan cukup sedar bahawa kekuatan MCA mestilah datang dari "sokongan semua kelas rakyat biasa yang merangkumi kaum buruh dan penduduk rumah haram, yang mana kepentingan dan hak mereka mesti dibela".⁶⁷ Pada pandangan Cheng Lock, "inilah zaman permulaan bagi rakyat biasa",⁶⁸ yang politik adalah berdasarkan sokongan rakyat. Hanya pada peringkat akhir riwayat hidupnya (semasa MCA ditubuhkan secara rasmi beliau berusia 66 tahun) barulah beliau mencapai impian idealnya untuk menyusun dan memimpin sebuah organisasi politik yang berdasarkan sokongan rakyat.

Penubuhan MCA, seperti mana yang diulas oleh seorang penganalisa, telah ditubuhkan pada ketika untung nasib politik orang Cina berada di peringkat yang paling merosot.⁶⁹ Ini merupakan masa di mana orang Cina, perlu mempunyai suatu tempat berkumpul untuk menentukan peranan politik mereka di Tanah Melayu pada masa depan. Cheng Lock telah menumpukan seluruh tenaga beliau untuk tugas ini dan mulai melawat ke

seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Telah berkali-kali beliau meminta para pendengarnya supaya menyerahkan diri secara keseluruhan dan tidak terbatas kepada negara dan bersedia memikul tanggungjawab sebagai seorang warganegara selaras dengan permintaan mereka untuk mendapat hak untuk terlibat secara penuh dalam proses-proses politik.

Rencana-rencana yang tidak terbilang tentang soal MCA, membuktikan jumlah buah fikiran dan tenaga yang telah dicurahkan oleh beliau dalam menetapkan matlamat organisasi dan menyusun aktiviti-aktiviti MCA. Pada 1951, Tan bimbang dan tidak mahu MCA hanya terbatas dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan membanteras pemberontakan komunis sahaja. Dengan ini, beliau telah mengadakan rancangan penyusunan semula organisasi MCA. Di bawah kepemimpinan Tan antara 1949 hingga 1952, MCA telah berjaya beransur-ansur berkembang dari sebuah organisasi sosial yang besar, yang boleh dikatakan bercorak kebajikan kepada sebuah parti politik yang sebenarnya.

Untuk beberapa waktu, Tan masih tidak dapat memastikan corak parti politik yang harus dibentuk di Tanah Melayu. Dalam Mesyuarat Agung Jawatankuasa Pusat MCA (MCA Central General Committee) yang diadakan pada April 1951, beliau telah mencadangkan kemungkinan bagi

... a United Malaya National Party with a new Constitution in which members of all the races are assembled and meet on a common ground and on an equal footing to discuss the affairs of the country purely as Malayans.⁷⁰

Organisasi seperti ini, pada pandangan beliau,

May be super-imposed on or super-added to co-exist with the existing communal bodies such as the United Malays' National Organization, Malayan Indian Congress and Malayan Chinese Association which are to be retained to care only for the special and peculiar interests of the various communities.⁷¹

Sungguhpun beliau kelihatan telah menanti-nantikan pembentukan sebuah Perikatan, akan tetapi tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan kewajaran pada masa itu untuk menubuhkan sebuah perikatan yang menggabungkan tiga buah parti. Sebagai ganti, Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (IMP) yang ditubuhkan oleh Dato' Onn telah dapat menarik sokongan beliau ketika

parti ini ditubuhkan pada bulan November 1951.⁷² Seperti yang telah kita sedia maklum, Dato' Onn telah menubuhkan IMP selepas cadangan beliau membuka pintu UMNO kepada keahlian bukan Melayu ditolak oleh ahli-ahli UMNO. Dato' Onn juga berpendapat bahawa adalah perlu bagi menyusun sebuah gerakan kebangsaan berbilang kaum untuk memimpin negara ke arah mencapai kemerdekaan.

Peristiwa-peristiwa pada paras berbeza telah mengubah arah perkembangan. Ketibaan pilihan raya peringkat perbandaran, khasnya di Kuala Lumpur, telah melihat kesepakatan kali pertama antara UMNO-MCA bertanding dengan IMP. Sebaik saja selesai pemilihan, mesyuarat pertama UMNO-MCA antara Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock telah diaturkan. Selepas itu, yang lebih mengecewakan Dato' Onn adalah langkah pemimpin-pemimpin MCA menarik diri dari IMP. Keputusan ini, bersama-sama dengan keadaan dan keperibadian yang membawa kepada kejayaan Perikatan dan kegagalan IMP, juga merupakan satu peringkat kehidupan Cheng Lock yang patut diberi pengkajian yang lebih teliti.

Sementara perkembangan ke arah pemerintahan berkerajaan sendiri bergerak dengan lebih pesat, Tan Cheng Lock menduduki di bahagian belakang sebagai "pemerhati yang berpengalaman".⁷³ Beliau tidak bertanding dalam pilihan raya atau terlibat langsung dalam perundingan untuk menyusun Perlembagaan Kemerdekaan. Walau bagaimanapun, kekerapan pemimpin-pemimpin Cina ke Melaka telah membuktikan bahawa sokongan dan nasihat beliau masih diperlukan. Umpamanya, menurut sebuah kajian, selepas satu mesyuarat seperti ini diadakan antara pemimpin-pemimpin orang Cina dengan Tan Cheng Lock di Melaka, MCA telah mengemukakan cadangan kewarganegaraan *ius soli* kepada orang-orang bukan Melayu.⁷⁴

Untuk memberi penilaian sama ada Tan Cheng Lock berjaya dalam tugasnya sebagai Presiden MCA, maka harus dilihat kesanggupan beliau dalam mewakili kepentingan orang Cina, pada masa yang sama, penilaian beliau sebagai seorang pemimpin Tanah Melayu dan pertimbangan sama ada beliau mampu menjalankan perhubungan yang erat dan dipercayai oleh sebahagian kecil penduduk Cina yang mana pada lazimnya kurang mempunyai pertalian dengannya. Umpamanya, salah satu kumpulan orang dalam golongan ini adalah mereka yang berpendidikan Cina, khasnya guru-guru sekolah Cina.

Sejak dua laporan pendidikan yang terkemuka dilaporkan pada 1951, kedudukan sekolah Cina dalam sistem pendidikan Tanah Melayu telah menjadi satu isu yang menimbulkan pertikaian. MCA, sebuah parti politik orang Cina sudah tentu tidak dapat mengelakkan diri dari terlibat dalam perdebatan tentang isu ini. Peranan Tan Cheng Lock dalam isu ini menyediakan satu contoh bagaimana beliau berfungsi sebagai seorang rakyat Tanah Melayu dan seorang pemimpin orang Cina. Beliau menyokong dan merasa simpati dengan aspirasi guru-guru dan pengurus sekolah Cina. Bersama-sama dengan mereka, MCA telah menentang dasar British yang dianggap tidak menghiraukan aspirasi orang Cina yang mahu terus mengajar dalam bahasa ibunda mereka. Pada masa yang sama, beliau telah berjaya menyakinkan para pendidik Cina bahawa perundingan dengan pemimpin-pemimpin Melayu adalah perlu sebagai satu jalan penyelesaian yang paling sesuai dan akan memberi penyelesaian jangka masa panjang yang paling baik. Kemuncak usaha beliau dalam isu pendidikan adalah satu tawaran menawar bersejarah antara para pendidik Cina dengan pemimpin-pemimpin UMNO yang dijalankan di rumah beliau di Melaka pada Januari 1955. Dalam mesyuarat ini, persetujuan telah dicapai secara bertolak ansur; begitu juga dalam manifesto Perikatan untuk menghadapi Pilihan raya 1955 dan juga dalam prinsip dasar Laporan Razak yang ditulis pada tahun yang berikutnya.⁷³

Pendirian Tan dalam isu pendidikan menarik kerana ia membayangkan bagaimana beliau dapat mengimbangkan perasaan kecintaan dan penghargaan beliau terhadap kebudayaan Cina. Perasaan ini jelas ditunjukkan dalam ucapan dan penulisan beliau yang berdedikasi dan tidak menyimpang dari negara kita, Tanah Melayu. Pada pandangan Cheng Lock,

People do not become more civilized by losing contact with their own roots. A man's native speech is like his shadow, inseparable from his personality.⁷⁴

Untuk itu beliau telah menetapkan pendiriannya bahawa "orang Cina di Tanah Melayu, terutama mereka yang bertutur dalam bahasa Cina di rumah, mestи perlu menerima pengajaran dalam bahasa ibunda mereka."⁷⁵ Keikhlasan dan usaha beliau semasa memegang jawatan Presiden MCA telah menjadikan beliau memenangi penghormatan dari guru-guru dan pengurus-pengurus sekolah Cina.⁷⁶

Tanggungjawab kepada nilai kebudayaan orang Cina, bagaimanapun haruslah tidak bercampur dengan ketaatan nasional dan politik. Dengan demikian, dalam interaksi beliau dengan guru-guru berpendidikan Cina dan pemimpin-pemimpin komuniti, beliau juga berulangkali mengingatkan mereka bahawa:

While the principle is perfectly valid that we the Chinese in Malaya must never lose our grip on our mother tongue and never lose sight of the noblest ideals of our race to make us good Chinese, it is equally incumbent upon us to be politically united and completely at one with the rest of the inhabitants of this country to make us good Malayan citizens, so that the peoples of this land may constitute one Malayan Nationality animated by Malayan consciousness and Malayan patriotism.⁷⁹

Cheng Lock mampu mengimbangkan kedua-dua tanggungjawab ini kerana beliau percaya secara ikhlas bahawa sebuah masyarakat yang mengamalkan demokrasi mestilah sanggup menyesuaikan berbagai idea, nilai dan cara hidup. Beliau yakin bahawa tidak ada seorang individu yang sama, begitu juga tidak ada sebuah bangsa yang homogen. Disebabkan imbalan ini, Cheng Lock telah berjaya menjadikan dirinya sendiri sebagai seorang pemimpin orang Cina dan seorang rakyat Tanah Melayu yang tidak dapat dinafikan lagi.

Ini telah diakui kebenarannya oleh Tunku Abdul Rahman. Tunku telah mengakui salah pandangan beliau dalam awal tahun 1950, yang menyangsikan bahawa "selain dari ahli UMNO, siapakah lagi yang benar-benar taat pada Tuhan Melayu."⁸⁰ Akan tetapi, beliau menambah:

The only person who I knew to be utterly Malayan at heart was Tun Cheng-Lock Tan, as well as the members of his family, because he always considered himself a son of this country.⁸¹

Nota

1. Soh Eng Lim, "Tan Cheng Lock and His Leadership of the Malayan Chinese", *Journal of Southeast Asian History*, Vol. I No. 1, Mac 1960, 29-55.
2. K.G. Tregonning, "Tan Cheng Lock: A Malayan Nationalist", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. X No. 1, Mac 1979, 25-76.
3. Tjoa Hock Guan, "The Social and Political Ideas of Tun Datuk Sir Tan Cheng Lock", dalam Kernal Singh Sandhu and Paul Wheatley (eds.), *Melaka: The Transformation of a Malay Capital, C. 1400-1980*. (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983), 299-323.
4. Kertas Persendirian Tan Cheng Lock sebahagian besar disimpan di Arkib Negara Malaysia dan sebahagian lagi di Institute of Southeast Asian Studies di Singapura.
5. Tan Cheng Lock telah menerima pendidikan di Institusi Raffles di Singapura. Beliau telah mengajar di Institusi Raffles untuk beberapa tahun sebelum pulang ke Melaka memulakan kerjaya perniagaan. Lihat, Tregonning, "Tan Cheng Lock", 25-26 untuk satu perbincangan yang ringkas tentang keluarga Tan dan latar belakang pendidikan beliau.
6. Tregonning, "Tan Cheng Lock", 41.
7. Tjoa Hock Guan, "The Social and Political Ideas of Tan Cheng Lock", 307.
8. Ucapan dalam Majlis Perundungan Negeri-Negeri Selat, 1.11.1926. Dipetik dan diterbitkan dalam Tan Cheng Lock, *Malayan Problems from a Chinese Point of View*, (Singapura: Tannasco, 1947), 90.
9. Ibid.
10. Ibid., 89.
11. Memorandum kepada Sir Samuel Wilson, Disember 1932, dalam *Malayan Problems from a Chinese Point of View*, 79.
12. Mereka adalah Dr. Lim Boon Keng yang dilantik ke jawatan Naib Canselor dalam sebuah universiti di China dan Dr. Wu Lien Teh yang menyertai perkhidmatan perubatan di China.
13. Tan Chee Beng, "Baba and Nyonya: A Study of the Ethnic Identity of the Chinese Peranakan in Malacca", Ph.D., Cornell University, 1979.
14. Memorandum kepada Sir Samuel Wilson, 79.
15. Ibid.
16. Ibid., 82.

17. Ucapan dalam Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat, 12.2.1934, *A Collection of Speeches by Dato Sir Cbeng Lock Tan*, kertas Persendirian Tan Cheng Lock. (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia), (seterusnya TCL/NA).
18. Ibid.
19. Memorandum kepada Sir Samuel Wilson, 77.
20. Tregonning, "Tan Cheng Lock", 46.
21. Memorandum kepada Sir Samuel Wilson, 84.
22. Surat kepada Puan B.J. Oon, 22.10.1948, dalam *A Collection of Correspondence of Sir Cbeng-Lock Tan*, TCL/NA.
23. Ibid.
24. Tregonning, "Tan Cheng Lock", 48.
25. Ucapan Presiden dalam Mesyuarat Perasmian Persatuan Orang Cina Seberang Laut, Bombay, India, 24.10.1943, dalam *Malayan Problems*, 1.
26. Surat dari Presiden Persatuan Orang Cina Seberang Laut kepada Setiausaha Negara untuk Koloni-koloni, 1.11.1943, dalam *Malayan Problems*, 7.
27. Memorandum Mengenai Masa Depan Tanah Melayu (Memorandum on the Future of Malaya) dalam *Malayan Problems*, 17.
28. Ibid., 15.
29. Ibid., 38.
30. Kedua-dua telah diterbitkan dalam *Malayan Problems*, 54-73.
31. Memorandum mengenai Resolusi "Quisling" telah diluluskan oleh Persatuan Tanah Melayu, Bombay, pada 16 November 1942, dalam *Malayan Problems*, 43.
32. Ibid., 45.
33. Ibid.
34. Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region, 1945-1965*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1976), 32-34. Lihat juga James de V. Allen, *The Malayan Union*, New Haven, 1967.
35. Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation*, 37.
36. Noordin Sopiee, juga berpendapat ini merupakan satu faktor penting. Lihat juga A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942-1948*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society Monograph No. 8, 1979, bab 5 dan James de V. Allen, *The Malayan Union*.

37. Ucapan dalam jamuan makan malam "Malacca Chinese Chamber of Commerce" kepada Governor-General, Yang Berhormat Malcolm MacDonald, 12.10.1946, dalam *Malayan Problems*, 125.
38. Ibid., 126-17.
39. Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades: A Study of the Communist United Front in Malaya, 1945-48*. (Singapore: Times Books International, 1979), 4-5.
40. Ibid., 80.
41. Yeo Kim Wah, "The Anti-Federation Movement in Malaya, 1946-48", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. IV, No. 1 Mac 1973, 36.
42. Untuk perbincangan mengenai MNP, lihat Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades*, bab 6 dan Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay Politics: Its Origin and Early Development*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Pelanduk, 1985), bab 4.
43. Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades* dan Yeo Kim Wah, "The Anti-Federation Movement".
44. Cheah Boon Kheng, bab 6 dan 7.
45. Ibid., 70
46. Ibid., 89.
47. Cheah Boon Kheng, "Perpecahan dan Perpaduan dalam Gerakan Kemerdekaan Selepas Perang Dunia Kedua", dalam Syed Husin Ali (ed.), *Malaysia Laut, Kelas dan Pembangunan*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial, 1984), 79-92.
48. Pusat Tenaga Rakyat dan Majlis Tindakan Bersama Se Tanah Melayu (PUTERA dan AMCJA), *The Peoples' Constitutional Proposals*, (Kuala Lumpur), 1947.
49. Cheah Boon Kheng, *The Masked Comrades*, 127.
50. Ibid.
51. Yeo Kim Wah, "The Anti-Federation Movement", 44 dan 48-49.
52. Ucapan dalam "Malacca Peoples' Constitutional Affairs Committee", 5.2.1947 dalam *Malayan Problems*, 147.
53. Ucapan dalam Mesyuarat Awam PMCJSA, 23.12.1947 dalam *Malayan Problems*, 133.
54. Ibid., 134.
55. Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation*, 52.
56. Ibid., menekan keaslian.

57. Surat kepada seorang kawan di Kuala Lumpur, 19.1.1950 tentang Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat.
58. Sebagai contoh, lihat Chan Heng Chee, "The Malayan Chinese Association", M.A., Singapura, 1965 dan Margaret Roff, "The Malayan Chinese Association: 1948-1965" in *Journal of Southeast Asian History*, Vol. VI, No. 2 September 1961, 40-53.
59. Ibid. Lihat juga Tregonning, "Tan Cheng Lock", 60.
60. Memorandum sulit tentang Tanah Melayu yang dianjurkan kepada James Griffiths, Setiausaha Negeri untuk koloni-koloni dan John Strachey, Setiausaha Pertahanan, 19.5.1950, dalam *A Collection of Speeches and Writings of Dato Sir Cheng-Lock Tan*, TCL/NA.
61. Ibid.
62. Ucapan yang disampaikan oleh Tan Cheng Lock di Taiping dan Ipoh pada 10.4.1949 yang diberi tajuk "The Chinese in Malaya," dalam *A Collection of Speeches of Dato Sir Cheng-Lock Tan*, TCL/NA.
63. Ucapan Tan Cheng Lock pada 24 Februari 1949 di mesyuarat perasmian bagi Perancangan Persatuan Cina Tanah Melayu di Kuala Lumpur, dalam *A Collection of Speeches of Dato Sir Cheng-Lock Tan*, TCL/NA.
64. Ucapan Tan Cheng Lock dalam Mesyuarat Perasmian Cawangan Persatuan Cina Tanah Melayu Melaka, 11.3.1949 dalam *A Collection of Speeches of Dato Sir Cheng-Lock Tan*, TCL/NA.
65. Ucapan dalam Mesyuarat Perasmian MCSA, 24.2.1949, dalam *A Collection of Speeches of Dato Sir Cheng-Lock Tan*, TCL/NA.
66. Ucapan di Bentong, Raub, Kuala Lipis, Pahang, 20 dan 21.8.1951, dalam *A Collection of Speeches of Dato Sir Cheng-Lock Tan*, TCL/NA.
67. Ucapan di Taiping dan Ipoh, 10.4.1949.
68. Ibid.
69. Chan Heng Chee, "The Malayan Chinese Association", 19.
70. Ucapan Presiden dalam Mesyuarat Tahunan Jawatankuasa Umum Pusat Persatuan Cina Tanah Melayu di Kuala Lumpur, 21.2.1951, TCL/NA.
71. Ibid.
72. Sila rujuk ucapan beliau dalam Mesyuarat Perasmian IMP, 16.11.1951, dalam *A Collection of Speeches and Writings Sir Cheng-Lock Tan*, TCL/NA.
73. Tregonning, "Tan Cheng Lock", 69.

74. Wong Yoke Nyen, "Chinese Organizations and Citizenship in Post-War Malaya, 1945-1958", *Review of Southeast Asian Studies*, Vol. XII, Disember 1982, 1-58.
75. Tan Liok Ee, "Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961", Ph.D., Universiti Malaya, 1986.
76. Ucapan dalam Persidangan Jawatankuasa dan Guru-guru Sekolah Cina, 9.11.1951, dalam *A Collection of The Speeches of Dato Sir Cheng-Lock Tan*, TCL/NA.
77. Ibid.
78. Temu ramah dengan guru-guru sekolah Cina untuk tujuan kajian tesis seperti yang disebutkan dalam nota kaki.
79. Ucapan dalam Persidangan Jawatankuasa dan Guru-guru Sekolah Cina, 9.11.1952.
80. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, *Looking Back: Monday Musings and Memoirs*, (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977), 173.
81. Ibid., 174.

VEERASAMY THIRUGNANA SAMBANTHAN

Oleh

Amarjit Kaur

Tun V.T. Sambanthan dilahirkan pada 16 Jun 1919 di Sungai Siput, Perak. Beliau merupakan anak kepada Andiappan Veerasamy dan Sengammal. Andiappan Veerasamy merupakan seorang pelopor peladang getah dalam kawasan Sungai Siput yang menguruskan estet dengan satu sikap yang terbuka dan berusaha untuk memperbaiki keadaan bekerja bagi pekerja-pekerjanya. Beliau memupuk nilai ini kepada tiga orang anaknya, Sambanthan, Sundaram dan Saraswathi. Apabila Sambanthan tamat persekolahan rendahnya di Sungai Siput, beliau telah dihantar ke Kuala Kangsar untuk menyempurnakan persekolahan menengahnya di Sekolah Clifford. Beliau kemudian bertolak ke India Selatan untuk melanjutkan pelajarannya di Universiti Annamalai. Ketika di universiti, Sambanthan giat terlibat dengan Sayap Belia pertubuhan Kongres Kebangsaan India dan turut serta dalam rancangan untuk menolong orang miskin. Beliau mula menjadi penyokong Gandhi tentang falsafah tanpa kekerasan. Beliau telah ditimpa kesusahan besar oleh kebangkitan fahaman seksyenialisme (sectionalism) di India dan kuat membela keharmonian kaum dan koperasi. Keyakinan ini telah menjadi asas falsafah politiknya di Tanah Melayu ketika beliau muncul sebagai seorang pemimpin kebangsaan pada 1950-an. Sambanthan merupakan seorang lepasan dari Universiti Annamalai dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera sebaik saja tamatnya Perang Dunia Kedua. Dalam pada itu, bapa Sambanthan telah meninggal dunia pada tahun 1944 dan Sambanthan mengambil alih pengurusan di estet.

Sebagai seorang peladang getah, beliau meneruskan usaha bapa beliau dalam memperbaiki kebajikan pekerja-pekerjanya. Beliau juga mula menaruh minat pada politik. Zaman selepas Perang Dunia Kedua merupakan satu zaman yang mana kegiatan politik antara semua komuniti adalah giat sekali. Umpamanya komuniti orang India, dalam tahun 1930-an, golongan elit profesional orang India telah bersatu disebabkan ideologi penyatuan nasionalisme orang India. Ini menjadi lebih kukuh dalam zaman lepas perang sesudah adanya pengalaman dari Liga Kemerdekaan India. Kesedaran orang India ini juga diserap ke lapisan bawah kelas pertengahan. Dalam pusat bandar besar, golongan profesional atasan menegakkan pertalian dengan kelas pertengahan kedaerahan atas dasar mengikut identiti nasionalis. Pada 1946, Kongres India Tanah Melayu (Malayan Indian Congress, MIC) telah ditubuhkan dan pemimpin-pemimpin MIC bagi lapan tahun yang pertama adalah didominasi oleh orang India dari India Utara

dan Malayalee. MIC cuba mendamaikan antara keperluan buruh dengan aspirasi politik kelas pertengahan, tetapi gagal. Akibatnya dua aliran pimpinan orang India muncul - politik dan kesatuan sekerja - dengan hubungan interaksi yang sangat longgar antara mereka. Selain itu, pimpinan MIC dan parti itu sendiri telah dikritik oleh segolongan besar orang dalam komuniti sebagai terlalu berorientasikan India daripada berorientasikan Tanah Melayu. Faktor etnik dan bahasa juga makin menjadi faktor dominasi di kalangan orang India, yang mana ini jelas dipengaruhi oleh kebangkitan sahaman seksyenialisme (sectionalism) di India. Kesedaran orang Tamil khasnya terbahagi kepada polarisasi utara-selatan di kalangan ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin komuniti orang India.¹ Banci Malaya tahun 1947, yang mengklasifikasikan penduduk India kepada berbagai sub-kumpulan, iaitu major dan minor telah menyenaraikan kumpulan bahasa seperti berikut: Tamil, Malayalee, Telugu, Sikh dan Punjabi. Hampir 80 peratus orang India adalah Tamil dan lebih kurang 10 peratus yang lain merupakan kumpulan sekutu kebudayaan bahasa Dravidian. Faktor tambahan adalah 70 peratus daripada mereka adalah beragama Hindu. Dengan merujuk kepada statistik ini, maka tidak menghairankan golongan Tamil yang merupakan kumpulan majoriti sangat ingin menghapuskan kuasa dominasi politik orang India Utara dari komuniti orang Tamil. Perasaan seksyenial mula-mula bangkit di Singapura dan kemudian tersebar ke Persekutuan Tanah Melayu, yang mana digerakkan oleh Persatuan Guru-guru Tamil, Persatuan Dravidian dan organisasi kebudayaan Tamil. Dalam pada itu, pemimpin kesatuan sekerja mula menjarakkan diri daripada pemimpin MIC. Demikian menjelang tahun 1955, MIC menjadi lebih konservatif dan pemimpin-pemimpin baru memandang ke India sebagai punca tradisi dan kebudayaan. Ramai antara mereka telah menerima pendidikan di India dan mempunyai pertalian dengan India. Proses peralihan MIC dari sebuah parti politik yang progresif ke konservatif dan tradisional, bertepatan dengan kemunculan Sambanthan, dan ia telah memainkan peranan yang penting dalam proses ini.

Sambanthan mula melibatkan diri dalam politik komuniti orang India di Perak pada awal 1950-an. Pada 1953, beliau menu buhkan Perak United Indian Council (PUIC) dengan tujuan untuk menyatukan organisasi-organisasi orang India di Perak dan pada 1954 beliau memegang jawatan Setiausaha Terhormat PUIC. Beliau melancarkan kempen untuk menarik

ahli baru bagi MIC di kalangan pekerja-pekerja Tamil di estet dan menggalakkan penggunaan bahasa Tamil dalam mesyuarat. Di samping itu beliau mula menggunakan simbol-simbol tradisional sebagai daya penarik untuk menarik minat orang ramai. Pada Mei 1955 beliau bertanding untuk merebut jawatan Presiden MIC dan menang dengan satu jumlah majoriti yang besar (1,338 undi kepada 961). Ketika beliau memegang jawatan Presiden, jelas kelihatan peningkatan penggunaan bahasa Tamil (yang mana mendapat sokongan dari akhbar Tamil) dan mengagungkan Hinduisme dalam bentuk orang India Selatan yang popular. Sambanthan juga turut melibatkan diri dalam upacara keagamaan di kalangan umum dan dapat membina hubungan yang erat dengan pemuja-pemuja. Beliau juga menaja aktiviti kebudayaan orang India (terutamanya Tamil) dan ketiga-tiga aspek ini - menggalakkan penggunaan bahasa Tamil, mempraktikkan Hinduism dalam bentuk orang India Selatan yang popular dan aktiviti kebudayaan telah berjaya membuat beliau memenangi pengikut yang ramai. Beliau juga diakui oleh pemimpin orang Melayu kerana di bawah pimpinannya MIC tidak memandang ke India untuk inspirasi politik, tetapi untuk kebudayaan dan kepuasan spiritual yang mana lebih digemari oleh pemimpin Melayu. Akibatnya, sementara golongan tradisionalis dan lapisan bawah kelas pertengahan cuba menguatkan pegangan mereka dalam parti, kelas profesional atasan dan golongan inteligensia makin hilang kuasa mereka dalam parti. Ini membawa kepada keadaan polarisasi antara elit politik dan elit profesional dan kesannya MIC menjadi sebuah parti orang Tamil.²

Kerjaya Politik

MIC telah bergabung dalam Perikatan pada April 1955 dan Sambanthan telah dapat menerima hasil dari Persekutuan ini selepas pilihan raya yang beliau ceburi pada Mei 1955.

Dalam pilihan raya Persekutuan 1955, beliau bertanding dalam kawasan Kinta Utara dan menang dengan tiket Perikatan. Kawasan Kinta Utara merupakan sebuah kawasan penanaman getah yang mempunyai lebih kurang 30 estet getah dan sebilangan besar pekebun kecil Melayu. Kawasan ini mempunyai 130,000 penduduk yang mana 12,388 telah didaftarkan sebagai pengundi. Satu pertiga daripada pengundi ini adalah orang Melayu.³

Beliau kemudian dilantik sebagai Menteri dalam Kementerian Buruh. Ketika memegang jawatan Menteri Buruh (1955-57) beliau telah menyusun semula Jabatan Buruh dan melancarkan skim latihan (*apprenticeship*) di bawah kelolaan Lembaga Perintis dan Pusat Daya Pengeluaran. Beliau gemar memakai *ðboti* (sarung orang India Selatan) walaupun tindakan ini telah menyebabkan perasaan kurang senang ahli-ahli UMNO. Beliau menegaskan bahawa ini melambangkan pakaian umum orang India. Pada masa itu, beliau berpeluang berkenalan dengan bakal isterinya, Umasundari. Umasundari merupakan anak kepada seorang jurutera Jabatan Kerja Raya yang telah beramah-tamah dengan ibu bapa Sambanthan semasa beliau membina jalan raya di kawasan utara Perak. Umasundari merupakan seorang lulusan universiti dalam bidang kimia dan mempunyai harapan untuk pergi ke Jerman untuk melanjutkan pelajaran dengan "fellowship". Rakan rapat keluarganya adalah Encik Tandon, yang kemudian menjadi Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaya. Tandon memperkenalkan Sambanthan untuk menjadi rujukan Uma. Sambanthan jatuh cinta pada Uma dan ingin menganjurkan satu perkahwinan dengan Uma dengan Tandon selaku wakil bagi pihak mereka. Uma menerima pinangan ini dan seorang anak perempuan, Devakunjari telah dilahirkan hasil dari perkahwinan ini pada 1959. Umasundari telah menjadi orang kepercayaan Sambanthan dan bekerja kuat untuk beliau tanpa mengira penat lelah.

Pada 1957 Sambanthan telah dilantik menjadi Menteri Kesihatan dan memegang jawatan ini hingga 1959. Selaku Menteri Kesihatan beliau telah membuka sekolah jururawat dan menyusun semula Hospital Besar, bermula dengan Hospital Bersalin.

Dalam Pilihan raya Umum 1959, beliau dipilih sebagai Wakil Rakyat bagi kawasan Sungai Siput dan kemudian dilantik menjadi Menteri Kerja raya, Pos dan Telekomunikasi. Beliau dipilih semula dalam Pilihan raya Umum 1964 dan 1969 dan memegang jawatan Menteri yang sama dalam kabinet hingga 31 Disember 1971. Pada 1 Januari 1972 beliau menjadi Menteri dalam Jabatan Perpaduan Negara dan memegang jawatan ini hingga 4 September 1974. Beliau tidak bertanding dalam Pilihan raya 1974.

Menjelang masa ini, keahlian MIC telah mengalami perubahan yang selanjutnya. Sejak MIC bergabung dalam Perikatan dan keahliannya bertukar corak dengan sebahagian besarnya adalah terdiri daripada kelas pekerja Tamil, Sambanthan dan pemimpin MIC lain telah memimpin MIC

dalam bentuk sebuah badan tidak rasmi daripada sebuah parti politik yang mempunyai dasar-dasar tertentu. Dalam beberapa segi, MIC menjadi sebuah alat untuk memberi naungan (meliputi pelantikan ke Dewan Perwakilan Rakyat dan legislatif; penamaan calon untuk menerima kehormatan dan penganugerahan, memberi faedah-faedah dan peluang-peluang setempat dan kecil) kepada penyokong-penyokong, memperlengkap suara orang India dan sebagai satu alat bagi pemimpin untuk terus berkuasa. Walau bagaimanapun, peristiwa 13 Mei 1969 dan kesan peristiwa ini telah menjadi satu pukulan yang menyedarkan orang India yang kedudukan MIC tidaklah sekutu dan sekukuh yang disangka dan difikirkan oleh mereka. Tambahan pula, faedah-faedah dan naungan yang dapat diberikan oleh pemimpin-pemimpin parti yang menang dalam jumlah yang terhad telah cepat mencapai hadnya berikutan dengan penambahan jumlah keahlian yang pesat; hanya tinggal naungan yang terbatas yang dapat dipergunakan oleh MIC. Peningkatan rasa ketidakpuasan dan kebangkitan keinginan supaya MIC dapat memainkan satu peranan yang lebih aktif telah difokus ke pejabat Presiden sendiri dan ini dilahirkan dalam bentuk mempersoalkan kelemahan personaliti dan keadaan kepemimpinan yang diberikan oleh Sambanthan. Walaupun Sambanthan mempunyai penyokong yang ramai, tetapi golongan penentang yang juga merupakan satu golongan yang agak besar telah berjaya memujuk Timbalan dan Naib Presiden bangun untuk bertanding dalam jawatan Presiden pada 1971. Ini telah membawa kepada satu krisis dalam MIC yang mana hanya mampu diatasi dengan adanya campur tangan Perdana Menteri. Perdana Menteri telah menggunakan kuasanya untuk cuba menyelesaikan krisis ini dengan mengeluarkan Sambanthan dan membenarkan Manickavasagam untuk menjadi Presiden. Campur tangan ini jelas menunjukkan ketidakmampuan MIC untuk bertindak; yang sebenarnya telah lama tertanam dalam MIC sejak pelantikan Sambanthan pada 1955. Ini juga membayangkan betapa lemah dan rendahnya kedudukan MIC dalam Perikatan pada masa MIC di bawah pimpinan Sambanthan. Mungkin ini disebabkan oleh penumpuan beliau yang melampau dalam memelihara keharmonian kaum dan mengabaikan kepentingan politik orang India.

Sambanthan telah dilantik menjadi Pengurus bagi Lembaga Perpaduan Negara apabila badan ini ditubuhkan pada 1974. Ini bertujuan untuk

menggantikan Kementerian Perpaduan Negara. Beliau memegang jawatan ini sehingga 1978.

Sepanjang kerjaya politiknya, Sambanthan pernah menyertai beberapa rombongan Malaysia ke luar negara termasuk rombongan ke London pada 1957 yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman untuk membuat persiapan terakhir bagi kemerdekaan Tanah Melayu (beliau tidak terlibat dalam rundingan awal bagi kemerdekaan). Pada 1963, beliau juga merupakan salah seorang wakil rombongan yang bertolak ke London untuk membuat persiapan bagi pembentukan Malaysia dan merupakan salah seorang yang menandatangani perjanjian itu. Pada Ogos 1966, beliau adalah salah seorang wakil ke Jakarta sebagai saksi bagi upacara menurunkan tandatangan dalam surat perjanjian bagi menjalin hubungan diplomatik dengan Indonesia pada akhir konfrontasi.

Beliau juga berkhidmat dalam Majlis Gerakan Negara (National Operations Council) pada 1969. Sepanjang masa kerjaya beliau dalam politik, yang mana meliputi tempoh masa 25 tahun, beliau antara lain telah menghebahkan dan mempraktikkan doktrin perpaduan. Usaha ini dalam beberapa tahun terakhir sebelum beliau meninggal dunia.

Sumbangan dalam Ekonomi dan Sosial

Seperti yang telah dinyatakan, Sambanthan selalu berusaha untuk memperbaiki kebajikan pekerja-pekerjanya. Beliau percaya pelajaran adalah kunci untuk memajukan ekonomi dan dengan demikian beliau telah menganjurkan kelas mengajar bahasa Inggeris untuk pekerja-pekerja estetnya. Beliau menyambut dengan baik cadangan memasukkan pelajaran bahasa Inggeris ke dalam sekolah Tamil di Perak. Di awal tahun 1950-an beliau menubuhkan sebuah sekolah Tamil yang diberi nama Mahatma Gandhi Kala Salai di estet beliau untuk memberi pelajaran kepada anak-anak pekerja di estet. Beliau telah menjemput Pun Vijayaletchumi Pandit, adik perempuan Nehru untuk menjalankan upacara pembukaan rasmi sekolah ini. Hasil tindakan ini, telah membolehkan beliau memenangi lebih publisiti dalam negara. Sebagai contohnya, beliau telah dipilih sebagai wakil negeri Perak untuk Majlis MIC.

Beliau juga menyambut baik pemindahan Tabung Imigrasi Orang India Selatan kepada satu tabung pendidikan untuk anak-anak pekerja orang

India Selatan. Selain daripada itu, beliau telah mengadakan perkhidmatan bas bagi kanak-kanak estet supaya mereka dapat melanjutkan persekolahan di bandar. Beliau berkempen dengan giat menentang tabiat minum minuman todi dan menggalakkan sifat jimat cermat di kalangan pekerja-pekerja. Keluarga beliau telah mengasaskan sebuah akhbar mingguan yang diberi nama *The Malai Nadu* di mana akibat buruk ketagihan todi telah dilaporkan.

Sebagai seorang pemimpin dalam komuniti orang India, beliau merasa risau, khasnya dengan keadaan fragmentasi estet yang berlaku pada akhir 1950-an dan awal 1960-an. Beribu-ribu pekerja estet orang India telah dibuang kerja. Beliau percaya koperasi adalah satu jalan keluar bagi mengatasi masalah fragmentasi dan dengan demikian pada 1960 beliau melancarkan The National Land Finance Co-operative Society (NFLCS). Pekerja-pekerja estet telah digalakkan untuk membeli saham dalam koperasi, yang tujuan utamanya adalah membeli estet-estet besar untuk menghalang fragmentasi. Dengan bayaran pendaftaran sebanyak \$2 dan \$100 (yang boleh dibayar secara ansuran) seorang pekerja boleh memiliki satu saham dalam koperasi dan mempunyai satu taruhan dalam estet. Sambanthan sendiri melawat seluruh negara untuk mendaftarkan ahli baru. Ketika beliau meninggal dunia pada 1979, NFLCS telah berjaya membeli 18 estet yang mempunyai jumlah luas kawasan 30,000 ekar, ditanam dengan pokok getah, koko, kelapa sawit, buah kelapa dan teh. Jumlah keahlian dalam koperasi kemudiannya telah meningkat kepada 85,000 orang. Estet-estet ini diurus oleh Malayan Plantation Agencies bagi pihak NFLCS. Hasil jasa beliau dalam menggerakkan koperasi, beliau telah dikurniakan satu anugerah dan digelar *Kooturavu Thantai* atau Bapa Koperasi.

V.T. Sambanthan dianugerahkan pingat kebesaran P.M.S. pada Ogos 1959 dan S.S.M. pada Jun 1967. Beliau juga dikurniakan Doktor Kehormat Dalam Undang-undang (Honorary Doctor of Law) oleh Universiti Melaya pada Julai 1971.

Beliau meninggal dunia pada 18 Mei 1979 ketika berumur 59 tahun dan meninggalkan seorang isteri dan seorang anak perempuan. Pada upacara pengebumian beliau, hampir 15,000 orang telah hadir untuk memberi penghormatan terakhir, termasuk Tunku Abdul Rahman (seorang rakan rapat) dan Tun Tan Siew Sin.

ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD (ZA'BA)

Oleh

Adnan Haji Nawang

Walaupun ramai mengenali Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), tetapi pengetahuan kebanyakan kita tentang tokoh ini bukanlah datangnya dari autobiografi beliau. Beliau pernah mencuba untuk menuliskannya, entah kenapa, tidak berhasil juga. Akan tetapi kita tetap bernasib baik kerana Za'ba banyak menyimpan dokumen dan bahan, terutama yang bersifat peribadi. Ini boleh dirujuk oleh para pengkaji. Kesemuanya terdapat dalam koleksi Surat Persendirian Za'ba di Arkib Negara dan di Koleksi Za'ba di Pustaka Peringatan Za'ba, Perpustakaan Utama Universiti Malaya.

Za'ba adalah salah seorang tokoh masyarakat yang penting di Malaysia, terutama di zaman sebelum merdeka. Oleh itu sejarah hidupnya perlu diketahui oleh generasi kini supaya dapat dijadikan teladan dan sumber inspirasi.

Za'ba (1895-1973) dilahirkan di Kampung Bukit Kerdas, Jempol, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Ini adalah kampung ibunya, iaitu wanita berketurunan Minangkabau. Sementara itu bapanya pula berketurunan Bugis dan beliau berasal dari Linggi, iaitu satu tempat yang sejak 1800 lagi sudah menjadi kawasan penempatan khas bagi masyarakat tersebut. Mereka mengamalkan adat Temenggung.)

Walaupun Za'ba lahir di kampung yang masyarakatnya mengamalkan adat perpatih, tetapi di atas kehendak bapanya supaya Za'ba mendapat pendidikan di Linggi, beliau tidak berpeluang membesar sepenuhnya di dalam masyarakat adat perpatih. Sungguhpun pilihan bapanya itu menyebabkan Za'ba terpaksa meninggalkan kampung halamannya dalam usia yang masih kecil, tetapi ini mungkin satu rahmat yang tersembunyi baginya. Di Linggi, selain dapat mengikuti pendidikan sekolah Melayu, beliau juga berpeluang mendapat asuhan agama yang baik.

Za'ba adalah seorang pelajar yang cerdas dan telah memperlihatkan kemajuan yang sangat menggalakkan di dalam kedua-dua bidang pendidikan tersebut. Setelah tamat pendidikan sekolah Melayu, Za'ba melanjutkan pelajarannya ke St. Paul's Institution, Seremban. Akhirnya Za'ba muncul sebagai anak Melayu pertama di Negeri Sembilan yang menduduki peperiksaan *Senior Cambridge* dan seterusnya berjaya di dalam peperiksaan tersebut pada 1915.

Sungguhpun Za'ba hanya berkesempatan mendapat asuhan agama di peringkat asas sahaja semasa di Linggi, tetapi beliau tetap berusaha

menambah pengetahuannya mengenai Islam, baik semasa di sekolah Inggeris mahupun setelah tamat pengajiannya di situ.

Jika ditinjau kembali kepada pencapaian pendidikannya, Za'ba bolehlah dikatakan sudah dilengkapi dengan kelulusan yang baik untuk menempuh alam dewasa yang mencabar kemudiannya.

Secara kebetulan pula Za'ba mempunyai bakat dalam penulisan dan beliau sangat gemar membaca. Kerjaya Za'ba sepanjang perkhidmatannya pula ialah sebagai pendidik dan semua ini menjadi saling bantu membantu di antara satu sama lain di dalam melahirkan seorang tokoh seperti beliau.

Dilihat dari sejarah kerjaya, Za'ba boleh dikatakan terpaksa menempuh liku-liku hidup yang penuh cabaran dan rumit, tetapi berakhir dengan kejayaan. Beliau bermula sebagai seorang guru di Johor Bahru (1916-1918), kemudian berpindah ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, (1918-1923), ke Jabatan Pelajaran, Kuala Lumpur (1923) dan berikutnya ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim (1924-1939), Jabatan Penerangan Singapura (1939-1942), School of Oriental and African Studies, London (1947-1951) dan Universiti Malaya Singapura (1954-1959).

Di samping menjadi pendidik, rencana Za'ba banyak tersiar di dalam akhbar dan majalah tempatan. Ini bermula menjelang akhir 1916 dan berakhir di pertengahan 1960-an. Ini bermakna kira-kira setengah abad Za'ba bergiat di dalam lapangan tersebut. Jika dikirakan jumlah rencaha beliau yang tersiar di dalam akhbar *Utusan Melayu*, *Lembaga Melayu*, majalah *Pengasuh*, *Al-Ikbwan* dan *Majalah Guru* umpamanya, bilangannya menjadi beratus-ratus. Selain itu terdapat juga lebih sepuluh buah buku yang diterbitkannya.

Sumbangan penulisan Za'ba ini menjadikannya sangat terkenal di seluruh Tanah Melayu, terutamanya berhubung dengan masalah bahasa Melayu. Buku-buku dalam siri *Pelita Babasa Melayu* (tiga jilid) dan buku *Ilmu Mengarang Melayu* menjadikannya seorang pakar bahasa dan tulisannya menjadi rujukan penting buat beberapa dekad (1940-an 1960-an).

Walaupun Za'ba banyak memberi perhatian kepada soal bahasa dan akhirnya diiktiraf pula oleh masyarakat akan kebolehannya dalam lapangan tersebut, tetapi pemerhatian Za'ba sebenarnya tidak terbatas kepada aspek itu sahaja. Pemikiran beliau mencakupi skop yang luas.

Beliau berazam untuk memajukan bangsanya dalam setiap lapangan kehidupan mereka. Baginya masyarakat Melayu dan Muslim umumnya

berada di dalam kemunduran. Oleh itu mereka perlu dibela supaya terselamat daripada cengkaman kemiskinan.

Kalau ditinjau dari aspek ini, akan ketara kepada kita bahawa soal kemunduran pelajaran dan kemiskinan (kebendaan dan rohani) orang Melayu adalah antara tema-tema terpenting di dalam tulisan Za'ba dari 1916 hingga akhir 1920-an. Di samping itu Za'ba pula telah membincangkan persoalan-persoalan tersebut dengan cara berterus terang sekali. Dalam perkara ini tidak ada siapa pun yang terselamat daripada menerima kritikan atau sindiran sinis Za'ba, sekiranya pada pandangan beliau pihak tersebut bertanggungjawab menyebabkan kemiskinan orang Melayu. Ini termasuklah masyarakat Melayu dan raja-raja mereka, ulama-ulama (terutama golongan Kaum Tua), serta kerajaan kolonial British.

Lantaran itu, tulisan Za'ba bukan sahaja menjadi popular di kalangan pembaca, malah menarik perhatian pegawai perisik British juga. Akibatnya Za'ba dikenakan tindakan tatatertib oleh British. Walaupun Za'ba tidak disingkirkan dari jawatannya dan beliau sendiri tidak bertindak untuk berhenti dari berkhidmat dengan kerajaan, tetapi ternyata nada kritis dalam tulisan-tulisannya semakin berkurangan bermula dari pertengahan 1920-an itu.

Ini tidaklah bermakna perjuangan Za'ba dalam membela nasib bangsanya menjadi semakin berkurangan. Satu contoh yang jelas ialah setelah beliau menerima tekanan dari pihak kerajaan kolonial, perhatian beliau banyak tertumpu atau lebih menjurus kepada soal mengatasi masalah kelemahan bahasa. Usaha beliau ini akhirnya mendatangkan hasil yang sangat bermakna dalam sejarah kemajuan dan perkembangan bahasa Melayu di negara ini.

Tindakan yang dikenakan oleh pihak British ke atas Za'ba itu bukanlah sepenuhnya berpunca daripada tulisan-tulisannya yang kritis, tetapi mempunyai kaitan yang lebih luas lagi. Sejak 1918 lagi Za'ba sudah terlibat secara langsung di dalam gerakan islah Islamiyah (Kaum Muda) di Tanah Melayu. Beliau bukan sahaja bersahabat karib dengan Sheikh Tahir Jalaluddin dan Syed Sheikh Al-Hadi dua tokoh Kaum Muda terkenal di sini, malah mempunyai hubungan peribadi dengan tokoh gerakan ini, iaitu Rashid Ridha di Mesir sendiri. Di awal 1920-an Za'ba juga terlibat dalam gerakan dakwah Islamiyah oleh Khwaja Kamaluddin, tokoh dari Lahore (India) yang berpusat di London.

Penglibatan Za'ba dalam gerakan-gerakan ini menyebabkannya terjerumus secara langsung di dalam gerakan umat Islam seluruh dunia (Pan-Islamism) di dalam gerakan menentang penjajahan Barat (kafir). Za'ba sendiri sangat menyedari masalah ini, terutama yang berkaitan dengan masyarakat Melayu. Ini menyebabkan Za'a sering menyeru supaya bangsanya berusaha untuk memajukan diri mereka di dalam segala aspek sosial, ekonomi dan politik.

Za'ba adalah salah satu contoh anak kampung yang berjaya menempa nama yang harum di Malaysia. Beberapa anugerah dan penghargaan telah diterimanya, baik semasa hayatnya ataupun selepas itu. Ini termasuklah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dari Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia dan gelaran Tan Sri dari kerajaan Persekutuan. Namanya juga diabadikan pada sekolah di Batu Kikir (kampungnya), asrama di Universiti Malaya, dan jalan di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur.

Kamus Biografi Malaysia adalah projek penyelidikan dan penerbitan di bawah Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya. Tujuan utama projek ini adalah untuk menerbitkan kamus biografi Malaysia yang lengkap, berwenang dan kemaskini tentang tokoh-tokoh dalam sejarah Malaysia. Projek pelbagai disiplin ini melibatkan kerjasama penyelidik, penulis dan perunding. Di samping itu, projek ini juga akan menerbitkan monograf dan kertas-kertas tak berkala tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan biografi. Menjadi tujuan projek ini juga untuk menggalakkan pengkajian tentang biografi di Malaysia dengan mengadakan seminar, kuliah dan bergelar yang membincangkan persoalan di sekitar penyelidikan dan penulisan biografi. Sebagai usaha mengemaskinkan bank datanya tentang tokoh-tokoh Malaysia, projek ini mengumpulkan bahan secara lisan daripada tokoh-tokoh yang masih hidup.

Buku *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia* ini memaparkan riwayat hidup 13 tokoh terpilih Malaysia: Abdul Rahim Kajai, Dr. Butuhanuddin Al Helmi, Khadijah Sidek, Loke Yew, Muhammad bin Ismail (Pak Mat), Tan Sri Nik Ahmad Kamil, Dato' Onn Jaafar, P. Ramlee, Sultan Abu Bakar Johor, Sultan Abdullah Muhammad Shah II, Tan Cheng Lock, Veerasamy Thirugnanam Sambarthan dan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). Segala sumbangan dan jasa yang diberikan oleh tokoh-tokoh ini dipersembahkan dengan menarik dalam buku ini. Semoga sumbangan dan jasa mereka dikenang dan menjadi teladan serta perangsang kepada generasi kemudian.

ISBN 983-100-030-7



03000

9 78931 00304

Penerbit Universiti Malaya